BRITISH AMERICAN TOBACCO
MALAYSIA

# MENTAKRIFKAN KEPIMPINAN



Laporan Tahunan **2009**



KEPIMPINAN

# KE PIMPIN AN

Dengan mentakrifkan matlamat kuantitatif dan kualitatif kami melalui semangat kepimpinan, kami memperkukuhkan kedudukan keunggulan kami.



# PERTUMBUHAN

Dengan mentakrifkan portfolio Jenama-jenama Utama Global kami dan digandingkan dengan model pemasaran dan pengedaran yang dipertingkatkan, kami meneguhkan penerajuan kami dalam volum dan nilai saham.

PER
TUMBUH
AN




PRODUKTIVITI

# PRO DUKTI VITI

Dengan mentakrifkan sasaran perintisan produktiviti, kami mencapai perubahan berperingkat melalui penggunaan sumber yang berkesan dan cekap bagi memastikan penerajuan yang berterusan dalam kualiti, penghantaran dan keberkesanan kos.



# TANG GUNG JAWAB

## TANGGUNGJAWAB

Dengan mentakrifkan kepimpinan bertanggungjawab yang berterusan dalam perniagaan kami, kami beroperasi dengan mempertimbangkan imbangan di antara perdagangan dan jangkaan wajar pihak berkepentingan.

# ORGANISASI CEMERLANG

Dengan mentakrifkan tanda aras bagi organisasi berprestasi tinggi, kedudukan penerajuan kami dikukuhkan melalui kakitangan yang berbakat yang berbilang budaya.



# MENTAKRIFKAN KEPIMPINAN

Tahun 2009 telah menjadi tahun yang mencabar untuk industri ini. Walau bagaimanapun, British American Tobacco Malaysia kekal fokus dalam memperkukuhkan kedudukan kepimpinan utama dari segi kuantiti dan kualiti. Kulit muka depan Laporan Tahunan ini menggambarkan komitmen kami membangunkan perniagaan yang mapan dan bertanggungjawab berpandukan tunggak strategik kami iaitu Pertumbuhan, Produktiviti, Tanggungjawab dan Organisasi Cemerlang. Ia merupakan coretan perjalanan kami sepanjang tahun 2009 yang mencatitkan mercu pencapaian kami yang berfungsi secara sinergi demi mencapai prestasi kukuh, dan dengan demikian, mentakrifkan kepimpinan kami bukan sekadar peneraju pasaran dalam industri ini bahkan dalam semua aspek perniagaan kami.

ke49

**Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) British American Tobacco (Malaysia) Berhad** akan diadakan di **Kristal Ballroom, Hilton Petaling Jaya, No. 2, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan** pada hari **Selasa, 20 April 2010** pada pukul **11.00 pagi.**

Kaunter Bantuan MAT: Cik Lee Kar Ling
Tel: +60 (3)7491 7313 Faks: +60 (3)7491 3772
Emel: Lee_Kar_Ling@bat.com




# kandungan


- 6 Ulasan Pengerusi
- 10 Ulasan Pengarah Urusan

**PRESTASI**

- 14 Ulasan Pengarah Kewangan
- 20 Sorotan Kewangan Lima Tahun
- 21 Prestasi Kumpulan Lima Tahun
- 22 Prestasi Saham Dan Kalendar Kewangan
- 23 Prestasi Suku Tahunan
- 24 Profil Korporat
- 25 British American Tobacco Malaysia Di Dalam Berita
- 26 Anugerah Dan Pengiktirafan
- 28 Acara Korporat 2009

**KEPIMPINAN**

- 32 Maklumat Korporat
- 33 Struktur Korporat
- 34 Lembaga Pengarah
- 36 Profil Lembaga Pengarah
- 40 Ahli Kumpulan Pengurusan Kanan
- 42 Profil Ahli Kumpulan Pengurusan Kanan

**PERTUMBUHAN**

- 44 Mentakrifkan Kepimpinan Jenama Utama Global Bagi Pertumbuhan Mapan
- 48 Mentakrifkan Keupayaan Pemasaran Perdagangan Dan Pengedaran Kami

**PRODUKTIVITI**

- 50 Mentakrifkan Produktiviti Untuk Penggunaan Sumber Dengan Berkesan Dan Cekap

**TANGGUNGJAWAB**

- 54 Menampilkan Kepimpinan Tertakrif Dalam Tanggungjawab Korporat
- 64 Menetapkan Penanda Aras Dalam Ketelusan dan Kebertanggungjawapan Dalam Pelaporan
- 79 Piawaian Perlakuan Perniagaan
- 80 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 102 Penyata Kawalan Dalaman
- 104 Laporan Jawatankuasa Audit
- 108 Laporan Pengurusan Risiko Korporat

**ORGANISASI CEMERLANG**

- 112 Mentakrifkan Nilai Demi Mengukuh Organisasi Cemerlang
- 116 Tenaga Kerja Kami Merata Dunia

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN**

- 119 Laporan Pengarah
- 124 Pernyataan Oleh Para Pengarah
- 124 Akuan Berkanun
- 125 Laporan Juruaudit Bebas
- 127 Penyata Pendapatan
- 128 Kunci Kira-kira
- 129 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan
- 130 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Syarikat
- 131 Penyata Aliran Tunai
- 132 Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan Penting
- 142 Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

**LAIN-LAIN MAKLUMAT**

- 179 Analisis Pegangan Saham
- 182 Butir-Butir Hartanah
- 183 Panduan Korporat
- 184 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
- 186 Butiran Pentadbiran Mesyuarat Agung Tahunan Ke-49 British American Tobacco Malaysia
- Borang Proksi

# wawasan kami

Kami berkongsi wawasan dengan British American Tobacco p.l.c. yang tekad untuk menerajui industri tembakau global bagi mewujudkan nilai pemegang saham jangka panjang. Menerajui bukan penghujungnya, malah sesebuah syarikat yang meneraju dalam industrinya dan dilihat mempunyai perniagaan yang mapan, akan lebih dinilai.

Kami mentakrif penerajuan dari segi kuantiti dan kualiti. Berkaitan kuantiti, kami berusaha mendahului pesaing dari segi jumlah dan dalam jangka masa lebih panjang, peneraju dalam nilai.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah tegas berkaitan kuantiti sekalipun tidak dapat menangani perkara-perkara yang perlu dilaksana Syarikat. Sebaliknya, kami melihatnya untuk jangka masa panjang, menumpu kepada kualiti perniagaan kami dan bagaimana kami beroperasi. Hasilnya, dari segi kualiti, kami mahu diiktiraf sebagai peneraju industri dan rakan kongsi pilihan utama pihak berkepentingan yang kami hargai. Kami akan melaksanakannya dengan penampilan berterusan sebagai Syarikat tembakau yang bertanggungjawab, mempunyai perniagaan yang mapan, dan warga kerjanya yang terulung.

Dalam merealisasikan wawasan kami, strategi kami berunsurkan kepada elemen yang mana segala usaha kami berkisar kepada – Pertumbuhan, Produktiviti, Tanggungjawab dan Organisasi Cemerlang.

# SOROTAN BAGI TAHUN

| | | **Tahun berakhir 31.12.09 RM juta** | Tahun berakhir 31.12.08 RM juta | **Pertambahan/ (Pengurangan) %** |
|---|---|---|---|---|
| Hasil | | **3,923** | 4,135 | (5) |
| Keuntungan Sebelum Cukai | | **1,005** | 1,081 | (7) |
| Keuntungan bersih bagi Tahun Kewangan | | **747** | 812 | (8) |
| Dana Pemegang Saham | | **439** | 406 | 8 |
| Pulangan Bersih ke atas Dana Pemegang Saham | (%) | **170.0** | 199.7 | (15) |
| Perolehan Bersih Sesaham | (sen) | **261.5** | 284.3 | (8) |
| Dividen Interim dan Akhir Bersih Sesaham | (sen) | **236.0** | 265.0 | (11) |

- Jenama Utama Global mencatat pencapaian paling tinggi dalam 2009 menguasai 54.6% pasaran
- DUNHILL terus mempamerkan pertumbuhan yang mengkagumkan dalam menguasai 43.6% pasaran
- Penguasaan pasaran KENT meningkat kepada 2.7%
- Kejayaan pelancaran pek DUNHILL Reloc untuk meningkat pertumbuhan
- Menaik taraf kebolehan pusat-pusat Pemasaran Perdagangan dan Pengedaran dengan percambahan gabungan pusat-pusat pengedaran dan peningkatan dalam proses keberkesanan dan kecekapan rangkaian
- Pencapaian penjimatan lumayan sebanyak RM41.5 juta untuk 2009



# pemegang saham yang saya hargai,

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah British American Tobacco Malaysia, dengan bangganya ingin membentangkan Laporan Tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

## ulasan pengerusi

Tan Sri Abu Talib bin Othman

## prestasi kewangan

Kumpulan telah berjaya mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1,005.3 juta yang menunjukkan penurunan sebanyak 7% berbanding tahun sebelumnya. Hasil untuk tahun yang ditinjau menurun sebanyak 5.1% kepada RM3,923.4 juta. Secara keseluruhannya, prestasi Kumpulan adalah baik, jika diambil kira keadaan ekonomi negara dan peningkatan dalam perdagangan tidak sah. Kumpulan akan terus mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan kendalian perniagaannya serta mengharungi tekanan saingan di dalam industri.

## dividen

Lembaga Pengarah telah mengesyorkan dividen akhir bersih sebanyak 62 sen sesaham, yang mana dicampur dengan dividen interim yang telah dibayar sebanyak 174 sen bersih sesaham, menjadikan jumlah keseluruhan dividen terbayar bagi 2009 adalah sebanyak 236 sen bersih sesaham.

Jumlah dividen yang akan dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 adalah sebanyak RM673.9 juta.

## keadaan pasaran 2009

Tahun yang ditinjau ini merupakan tahun yang paling mencabar bagi Kumpulan memandangkan keadaan ekonomi negara. Daya pembelanjaan pengguna terus terjejas akibat kemelesetan ekonomi. Kita juga saksi gaya hidup berjimat ke arah alternatif rokok lebih murah, dan rokok tidak sah yang kini sudah mencapai tahap tertinggi sebanyak 38.7% daripada keseluruhan pasaran rokok dalam negara. Jumlah volum keseluruhan Kumpulan menurun sebanyak 13.8%.

Meskipun terdapat tekanan penurunan dagangan, sukacita saya laporkan bahawa Kumpulan berjaya meningkatkan penguasaan pasaran bagi Jenama-jenama Utama Global sebanyak 2.6 mata peratusan kepada 56.4% pada 2009, dipacu terutamanya oleh prestasi kukuh DUNHILL dan pelancaran semula KENT. DUNHILL mempamerkan keteguhannya meningkat sebanyak 1.9 mata peratusan berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya, sementara penguasaan KENT tumbuh sebanyak 1.4 mata peratusan kepada 2.7%.

Kumpulan akan terus berusaha sama dengan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan bagi menghadapi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri tembakau, terutama sekali perdagangan tidak sah.

## menerajui dengan bertanggungjawab untuk pertumbuhan mapan

Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab dan progresif, kami beriltizam memperkukuhkan perilaku tanggungjawab korporat terhadap masyarakat di mana kami berurus niaga dan menambah nilai kepada pihak-pihak berkepentingan kami – para pemegang saham, kakitangan, pengguna, pelabur, pengedar dan rakan niaga. Kumpulan terus mempamerkan tahap tadbir urus korporat yang berhemah tinggi dalam setiap strategi dan prosesnya, di samping memastikan pertumbuhan dan keuntungan dijana dengan menghindar tanggungjawab korporat.

Dalam menegakkan tunjang tempat kerja, masyarakat, persekitaran dan tempat pasaran, kami terus menggalakkan semangat sukarelawan di kalangan kakitangan menerusi Program Khidmat Sukarela Pekerja yang mana buat pertama kali melibatkan ahli-ahli keluarga kakitangan di samping memberi lebih fokus dan kesedaran terhadap isu-isu persekitaran. Pelbagai inisiatif lain turut dilaksanakan seperti projek pemuliharaan kertas, usaha sama dengan pihak berkepentingan dalam kempen anti perdagangan tidak sah dan pelancaran program pembelajaran biodiversiti bagi kakitangan kami.

Sukacita kami maklumkan bahawa usaha-usaha tanggungjawab korporat kami telah mendapat pengiktirafan luaran. Antara pengiktirafan-pengiktirafan yang diterima termasuk Anugerah Cemerlang dalam Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia 2009 atas usaha Syarikat dalam mengamalkan tadbir urus korporat tahap tertinggi, pemenang keseluruhan Anugerah Nilai Pemegang Saham KPMG/The Edge 2008 buat tahun ketujuh berturut-turut, serta merupakan satu-satunya syarikat Malaysia tersenarai dalam Asian Sustainability Rating di antara 20 syarikat teratas di Asia Pasifik.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pengarah Urusan dan pasukannya atas pencapaian-pencapaian ini.

## pandangan tahun 2010

Walaupun terdapat tanda-tanda bahawa negara sedang melalui pemulihan ekonomi, keadaan yang tidak menentu akibat perlaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN, peningkatan dalam perdagangan tidak sah serta penyingkiran pek kurang daripada 20 batang bermakna tahun akan datang menawarkan cabaran sengit buat Kumpulan. Walau bagaimanapun, dengan asas kukuh yang kita bina bagi perniagaan ini melalui portfolio jenama yang kukuh dan seimbang serta keupayaan pengedaran pemasaran, langkah-langkah Pertumbuhan dan Produktiviti beserta strategi Tanggungjawab dan Organisasi Cemerlang dan bakat yang ada dalam Kumpulan, saya yakin bahawa kami akan berjaya mengharungi cabaran-cabaran yang akan datang.

## perubahan pimpinan utama

Saya dengan ini mengalu-alukan kedatangan Encik William Toh sebagai Pengarah Urusan baru British American Tobacco (Malaysia) Berhad berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2009.

Encik Toh yang merupakan warganegara Malaysia yang pertama menyandang jawatan Pengarah Urusan telah bekerja hampir tiga dekad bersama British American Tobacco. Beliau telah memegang pelbagai peranan kepimpinan di beberapa negara di Asia. Dengan pengalaman serta pengetahuan yang mendalam dalam industri rokok, saya yakin beliau mampu meningkatkan prestasi Kumpulan dan berharap dapat bekerja rapat dengan beliau.

Encik Jack Bowles telah keluar daripada Syarikat untuk menyandang jawatan lembaga pengurusan di British American Tobacco p.l.c. di Eropah Barat. Saya bagi pihak Kumpulan ingin mengucapkan terima kasih dan setinggi penghargaan kami atas kepimpinan dan sumbangan beliau kepada Syarikat dan kami mengucapkan selamat maju jaya kepada beliau atas kenaikan pangkatnya.

## penghargaan

Saya bagi pihak lembaga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan dan kakitangan atas dedikasi dan komitmen mereka dalam menjalankan tugas mereka sepanjang tahun, serta kepada para pemegang saham, pengguna, pengedar, pelabur dan rakan niaga kami atas sokongan padu mereka yang berterusan.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada rakan sekerja Lembaga Pengarah atas nasihat dan sokongan mereka.



**PENGERUSI**
Tan Sri Abu Talib bin Othman

> "Kami bertekad untuk melaksana strategi kami untuk mengukuhkan kedudukan kepimpinan dari segi kualiti dan kuantiti dan memenuhi jangkaan pihak berkepentingan kami dengan perilaku bertanggungjawab demi membina perniagaan jangka panjang yang mapan."

### mentakrifkan kepimpinan

2009 merupakan tahun yang mencabar buat industri dan British American Tobacco Malaysia berikutan kemelesetan ekonomi. Ekonomi yang tidak menentu telah memberi kesan kepada keyakinan pasaran dan menjejaskan daya pembelian pengguna, mengakibatkan pengguna menjimatkan perbelanjaan kepada produk lebih murah. Fenomena ini terbukti dengan penurunan volum keseluruhan industri mengikut ukur kaji Gabungan Pengilang Tembakau Malaysia (GPTM) yang menunjukkan penurunan sebanyak 11.2% berbanding tahun sebelumnya dan lebih daripada 50% peningkatan volum dalam perdagangan tidak sah (meningkat sebanyak 13 mata peratusan berbanding purata tahun penuh 2008) kepada 38.7% dalam penguasaan pasaran (berdasarkan hasil kaji selidik yang dijalankan oleh GPTM).

Berlandaskan kepada persekitaran pasaran yang mencabar, kami bertekad untuk melaksanakan strategi kami bagi mengukuh kedudukan kepimpinan dari segi kualiti dan kuantiti serta memenuhi jangkaan pihak berkepentingan kami dengan perilaku bertanggungjawab demi membina perniagaan jangka panjang yang mapan.

### mentakrifkan pertumbuhan

Pada 2009, industri mencatatkan penurunan ketara akibat daripada pelbagai sebab yang dinyatakan di atas. Meskipun dalam keadaan pasaran yang tidak begitu memberangsangkan, British American Tobacco Malaysia mencatat penyusutan lebih tinggi daripada volum industri sebanyak 13.8% terutamanya didorong oleh kesan sepenuh tahun aktiviti penghijrahan jenama serta kesan yang tidak menyenangkan harga batang rokok lebih tinggi pada pek 25 batang bagi mematuhi arahan harga oleh pihak berkuasa berkaitan. Walau bagaimanapun, keputusan suku keempat mencatatkan aliran pemulihan dalam syer korporat lalu mencatatkan syer tertinggi buat tahun tersebut.




# ulasan pengarah urusan

William Toh Ah Wah



Jenama Utama Global (JUG) kami mencapai prestasi yang baik dengan pertumbuhan kukuh sebanyak 2.6 mata peratusan kepada penguasaan pasaran sebanyak 54.6% pada 2009, didorong terutamanya oleh portfolio premium kami – DUNHILL dan KENT dengan pertumbuhan penguasaan pasaran sebanyak 1.9 dan 1.4 mata peratusan masing-masing. Penguasaan segmen premium kami juga meningkat sebanyak 0.4 mata peratusan kepada 73.6% penguasaan segmen, satu prestasi sihat dalam suasana penjimatan perbelanjaan.

Pada suku terakhir 2009, Dunhill melancarkan pek rekabentuk barunya bercirikan pelekat Reloc. Dengan ciri inovasi ini, jenama ini bakal meneruskan momentum pertumbuhannya dan dijangka mengukuhkan kedudukannya dalam segmen premium dengan lebih mantap.

Sejak pelancaran semula KENT pada 2008, penguasaan pasarannya terus meningkat kepada 2.7% terutamanya dalam segmen Premium Lights dan Menthol didorong terutamanya oleh penghijrahan jenama. Lebih-lebih lagi, produk inovasi baru Super Slims (KENT Nanotek) juga dilancarkan pada tahun 2009 untuk lebih mengukuhkan kedudukan KENT dalam segmen Premium Lights.

Meskipun terdapat persaingan sengit dalam segmen nilai untuk wang dan harga terendah, PALL MALL kekal fokus bagi menawar nilai yang lebih baik, pilihan bagi kualiti dan kemampuan. Walau bagaimanapun, PALL MALL mencatatkan sedikit penurunan sebanyak 0.5 mata peratusan kepada 7.9% jumlah penguasaan pasaran. Pada suku kedua 2009, PALL MALL juga melancarkan pek 18 batangnya untuk membolehkannya bersaing dengan baik dalam segmen ini. Ia satu-satunya jenama nilai untuk wang yang kekal menawarkan pengguna serba saiz.

Dalam usaha kami mencapai kecemerlangan dalam pengedaran, Pemasaran Perdagangan dan Pengedaran kami telah menggabung dan memperluaskan rangkaian pengedaran bagi meliputi lebih banyak pusat pengedaran. Selain itu, banyak pembaikan dilaksanakan bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan rangkaian. Kami juga melabur dalam peningkatkan kemahiran pasukan jualan kami dan melaksanakan rancangan pembangunan yang mantap untuk membolehkan mereka bersaing dengan lebih berkesan di persekitaran pasaran yang dinamik.

## mentakrifkan produktiviti

Syarikat kami terus mencapai penjimatan produktiviti yang baik sebanyak RM41.5 juta melalui pelbagai inisiatif produktiviti dan langkah penjimatan kos.

2009 merupakan tahun yang mana kami terus menumpu kepada kecemerlangan operasi seluruh rangkaian bekalan kami dan menaik taraf penghantaran dan kualiti produk kami dalam cara penjimatan yang paling cekap dan berkesan.

Berikutan kejayaan tiga program peningkatan produktiviti dalam rangkaian bekalan, kami melancarkan program keempat (Breakthrough 4) pada 2009 untuk memacu lebih keberkesanan dalam rangkaian bekalan, mengurangkan kerumitan dan penstandardan. Kami juga berjaya memasang beberapa mesin pengeluaran inovatif untuk menyokong pelancaran pek DUNHILL Reloc baru pada suku keempat.

Program Penambahbaikan Berterusan – Kaizen (CI-Kaizen) kekal mengorak langkah dalam menerap budaya CI-Kaizen bagi daya pemikiran positif untuk kakitangan kami dalam mencapai penambahbaikan berterusan. Portal CI-Kaizen dalam talian yang baru juga dilancarkan untuk mengawasi dan menilai secara lebih berkesan, inisiatif dan idea CI-Kaizen daripada kakitangan kami.

## mentakrifkan tanggungjawab

Organisasi pada masa kini beroperasi di bawah kawal selia dan penilitian yang lebih ketat daripada sebelumnya. Kami sedar bahawa industri kami lebih kontroversi daripada yang lain dan dengan demikian adalah amat penting untuk kami menampilkan tanggungjawab dalam segala usaha kami.

Oleh demikian, dalam laporan ini, anda akan membaca tentang usaha Syarikat untuk terus menjalankan perniagaannya dengan bertanggungjawab melalui pelbagai inisiatif dan amalan terbaik dengan usaha yang merangkumi masyarakat, tempat kerja, pasaran dan persekitaran.

Usaha dan pendekatan kami dalam pelaburan sosial korporat adalah berdasarkan kepada keyakinan tinggi kami dalam menyumbang kepada masyarakat di mana kami beroperasi. Saya amat gembira untuk melaporkan bahawa kami telah membuat kemajuan yang baik dalam bidang ini.

Pada 2009, Yayasan British American Tobacco Malaysia terus melaksanakan misinya untuk menawar peluang pendidikan tinggi kepada rakan niaga dan kakitangan yang kami hargai melalui bantuan kewangan kepada pelajar yang layak melanjutkan pendidikan tinggi di universiti tempatan. Dalam membuktikan iltizam kami dalam memberikan peluang pendidikan yang telah menjangkaui lebih daripada 25 tahun yang lalu, Yayasan turut meningkatkan nilai biasiswanya pada tahun ini walaupun dalam keadaan ekonomi yang mencabar dengan menganugerah sejumlah RM307,000 kepada pelajar yang layak untuk meneruskan pendidikan tinggi mereka.

Pada awal tahun, Syarikat juga membantu untuk menanam semula tembakau yang musnah akibat banjir dengan kos sebanyak RM10 juta. Kami juga melancarkan program untuk menerapkan kesedaran mengenai biodiversiti di kalangan kakitangan kami dan memulakan pelbagai projek pemuliharaan dalam Syarikat.

Syarikat serta kakitangannya berasa amat gembira dan terangsang atas beberapa pengiktirafan luar yang diterima Syarikat atas usaha tanggungjawab korporat dan amalan tadbir urus korporat kami yang berhemat. Ini merupakan bukti iltizam kami untuk membina perniagaan yang mapan dengan mempamerkan komitmen kukuh kami terhadap inisiatif tanggungjawab dan ketelusan dalam tadbir urus.

## mentakrifkan organisasi cemerlang

Demi memastikan bahawa strategi kami dilaksanakan secara berkesan dan untuk memenuhi jangkaan pemegang saham dan pihak berkepentingan kami, penting bagi kami untuk memiliki kakitangan dan persekitaran kerja yang terbaik. Kami telah memberi penekanan terhadap memberi kuasa kepada kakitangan kami, menggalakkan keusahawanan dan inovasi di samping menyediakan persekitaran bekerja yang hebat. Kami komited meneruskan perjalanan kami ke arah visi kami untuk menjadi Majikan Terbaik di pasaran, yang juga turut mendapat pengiktirafan luar.

Kami melaksanakan pelbagai inisiatif pada 2009 bersandarkan pada kejayaan tahun-tahun lepas untuk menarik bakat yang tepat, melatih dan membangun kakitangan kami serta menyediakan persekitaran kerja yang terbaik.

Syarikat telah mentakrif dan kemudian menyebar nilai saranan majikan yang baru yang kini dikenali sebagai *"Bring Your Difference"* demi melaksana strategi kami untuk memperoleh tenaga kerja yang pelbagai dan berpotensi tinggi.

Kami juga telah giat bertindak balas kepada kajian penglibatan kakitangan kami dengan melaksanakan beberapa inisiatif utama tahun ini untuk menangani isu-isu yang diutarakan dalam kajian tersebut.

## mara ke hadapan

Kami menjangka lebih banyak cabaran pada 2010 dalam suasana pengendalian dengan berbagai perubahan dalam kawal selia serta pertempuran berterusan dalam menangani tahap rokok tidak sah yang tinggi.

Namun, walaupun beroperasi dalam persekitaran persaingan yang semakin sengit, kami berpendapat kesukaran ini sebagai satu peluang untuk terus melabur bagi meneguhkan lagi portfolio jenama kami, mengukuhkan kedudukan penguasaan pasaran kami, membaikpulih daya saing pasaran kami serta membangun tenaga kerja kami.

Saya yakin bahawa Syarikat berada pada kedudukan yang baik untuk menangani cabaran ini dan kami akan terus meningkatkan kepimpinan pasaran kami, menghasilkan keuntungan yang berterusan, dengan demikian, mentakrifkan kepimpinan kami dalam industri tembakau Malaysia.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga atas kepimpinan dan bimbingan mereka serta kepada kakitangan kami atas dedikasi dan sumbangan mereka pada 2009.

**PENGARAH URUSAN**
William Toh Ah Wah

## "2009 sememangnya tahun yang mencabar, namun walaupun dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu dan perdagangan tidak sah di tahap tertinggi, kami berjaya memperkukuhkan portfolio jenama kami dan menjana prestasi kewangan yang teguh."

2009 merupakan tahun yang mencabar bagi ekonomi dunia dan industri tembakau. Industri tembakau menghadapi cabaran dari segi peraturan baru dalam bentuk amaran kesihatan bergambar dan larangan pemerian. Di samping itu, kesan krisis kewangan global telah melihat KDNK Malaysia menyusut, sementara pengangguran dan inflasi meningkat, penurunan daya pembelian pengguna dan mendorong pertumbuhan perdagangan tidak sah. Peningkatan ketara dalam perdagangan tidak sah kepada 38.7% mengakibatkan penurunan jumlah volum industri sebanyak 11.2% pada 2009. Volum British American Tobacco Malaysia menyusut lebih berbanding industri, disebabkan kesan sepenuh tahun aktiviti penghijrahan jenama yang dilaksanakan pada 2008 serta kesan tidak menguntungkan akibat harga setara batang rokok bagi pek 25 kami. Oleh yang demikian, perolehan dan keuntungan selepas cukai menurun sebanyak 5.1% dan 8.0% masing-masing berbanding 2008.

Walaupun berhadapan dengan keadaan yang mencabar, British American Tobacco Malaysia mengekalkan kepimpinan pasarannya pada 2009 melalui pelaburan berterusan dalam Jenama-jenama Utama Global (JUG) dan keupayaan perdagangan pemasaran dan pengedaran. Kami menguasai 59.7% daripada pasaran sah dan Jenama-jenama Utama Global kami kini menguasai 54.6% pasaran, merupakan yang tertinggi pernah tercapai. Salah satu daripada pelaburan terbesar kami pada 2009 adalah pelancaran pek DUNHILL Reloc pada Disember 2009, yang memerlukan pelaburan hampir RM90 juta untuk mesin-mesin baru. Kejayaan pek baru bercirikan pelekat Reloc DUNHILL yang inovatif ini adalah pertama di pasaran Malaysia, dan direka untuk mengekal kesegaran produk kami.

Kami terus memacu produktiviti melalui program "Breakthrough", yang menjana lebih daripada RM40 juta nilai penjimatan pada 2009. Budaya penambahbaikan berterusan telah membolehkan kami untuk melabur di pelbagai inisiatif strategik – menumpu kepada pertumbuhan JUG, memacu keuntungan produktiviti, menyumbang terhadap inisiatif tanggungjawab korporat serta mewujudkan organisasi cemerlang untuk bekerja. British American Tobacco Malaysia telah bersedia sepenuhnya untuk cabaran masa depan, dan akan berusaha untuk terus menyampaikan dan memaksimumkan nilai pemegang saham jangka panjang.




**Penjimatan produktiviti dari 2005 hingga 2009**

# ulasan pengarah kewangan

Stephen James Rush

## prestasi kewangan 2009

### *Gabungan Penyata Pendapatan*

| | 12 bulan 2009 RM juta | 12 bulan 2008 RM juta | Penambahan/ (Pengurangan) % |
|---|---|---|---|
| Hasil | **3,923** | 4,135 | (5.1) |
| Kos jualan | **(2,379)** | (2,465) | (3.5) |
| Keuntungan kasar | **1,544** | 1,670 | (7.5) |
| Pendapatan operasi lain | **6** | 13 | (55.6) |
| Perbelanjaan operasi | **(517)** | (573) | (9.8) |
| Keuntungan daripada operasi | **1,033** | 1,109 | (6.9) |
| Kos kewangan | **(28)** | (28) | (1.1) |
| Keuntungan daripada aktiviti biasa sebelum cukai | **1,005** | 1,081 | (7.0) |
| Cukai | **(259)** | (269) | (4.1) |
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan | **747** | 812 | (8.0) |
| Pedapatan bersih sesaham – asas dan cair (sen) | **261.5** | 284.3 | (8.0) |
| Dividen interim dan akhir bersih sesaham (sen) | **236.0** | 265.0 | (10.9) |

| | % | % | pp |
|---|---|---|---|
| Margin keuntungan operasi | **26.3** | 26.8 | (0.5) |
| Keuntungan selepas cukai/Hasil | **19.0** | 19.6 | (0.6) |

Keputusan kewangan mencerminkan cabaran yang dihadapi Kumpulan pada 2009. Hasil menurun sebanyak 5.1% disebabkan penetapan harga bersih yang tinggi serta gabungan jualan yang lebih baik tidak mencukupi untuk mengimbangi volum yang lebih rendah. Penurunan volum menyebabkan pengurangan pengunaan dalam kapasiti pengeluaran dan mengakibatkan penurunan keuntungan kasar sebanyak 7.5%.

Sebagai pampasan kepada arah aliran hasil, pelbagai usaha ketara telah diambil oleh Kumpulan untuk mengurus kos asas Kumpulan yang terkawal. Kos overhed dan perbelanjaan yang berhemah di seluruh Kumpulan ditinjau dan lebih tumpuan kepada perbelanjaan. Hasilnya, perbelanjaan operasi menurun sebanyak 9.8% dan margin operasi tahun 2009 adalah hampir sama dengan margin 2008. Ini sebahagiannya diimbangi oleh kadar faedah yang lebih rendah daripada penerimaan penjualan lebih rendah dan keuntungan daripada operasi yang menurun sebanyak 6.9%. Kumpulan juga menjalankan langkah penepatan saiz dan mengenalpasti kelemahan mesin pada 2009 untuk mengoptimumkan kapasiti pengeluaran dan mengurangkan kos operasi asas, serta persediaan untuk perubahan peraturan masa hadapan. Jika dikecualikan perkara sekali ini sahaja, keuntungan daripada operasi akan berkurang hanya sebanyak 5.1%, hampir selaras dengan penurunan hasil.

Pada bulan Ogos 2009, Kumpulan juga telah membuat pembiayaan semula Nota Jangka Sederhana (NJS) bernilai RM250 juta dengan kos pembiayaan yang lebih rendah. Setelah mempertimbangkan jangkamasa ketika NJS yang baru dibiayai semula dan NJS semasa akan matang, penjimatan dalam kos pembiayaan 2009 tidak begitu jelas dengan serta-merta, dan perbelanjaan faedah pada 2009 hampir sama dengan 2008, menyebabkan penurunan keuntungan sebelum cukai sebanyak 7% berbanding 2008.

Kadar cukai Kumpulan berkuatkuasa 2009 adalah 25.7%, lebih tinggi daripada kadar cukai berkanun sebanyak 25%. Ini terutamanya disebabkan oleh tiada penolakan perbelanjaan faedah berikutan anjakan ke sistem cukai 'single tier'. Oleh yang demikian, kami melihat penurunan sebanyak 8% dalam keuntungan selepas cukai dan pendapatan sesaham pada 2009.




**Keuntungan dari 2005 hingga 2009**

* EBITDA adalah *'Keuntungan daripada operasi sebelum faedah, susut nilai, pelunasan dan butiran berkecuali'*

## pertukaran tunai meningkat 5 mata peratusan pada 2009

***Gabungan Penyata Aliran Tunai***

| | 12 bulan 2009 RM juta | 12 bulan 2008 RM juta | Menguntungkan/ (Merugikan) % |
|---|---|---|---|
| Keuntungan daripada operasi | **1,033** | 1,109 | (7%) |
| Pelarasan bagi: | | | |
| Pendapatan faedah | **(5)** | (8) | (38%) |
| Caj pelan faedah tertakrif | **1** | 1 | 30% |
| Peruntukan untuk litigasi | **6** | – | 100% |
| Hartanah, loji, peralatan dan perisian komputer: | | | |
| – Susutnilai dan pelunasan | **81** | 80 | 1% |
| – Kerugian dari pelupusan | **1** | 1 | 0% |
| – Kemerosotan nilai | **28** | 21 | 38% |
| Elaun hutang ragu | **3** | 2 | 99% |
| Hutang lapuk dihapus kira | **3** | – | 100% |
| Inventori dihapus kira | **3** | 2 | 50% |
| Perubahan modal kerja | **22** | (2) | 1018% |
| Tunai daripada Operasi | **1,176** | 1,206 | (2%) |
| Cukai pendapatan dibayar | **(251)** | (251) | 0% |
| Perbelanjaan modal bersih | **(79)** | (95) | 17% |
| Pembayaran semula NJS bersih | **–** | (100) | 100% |
| Kos kewangan bersih | **(23)** | (20) | (15%) |
| Dividen dibayar | **(714)** | (751) | 5% |
| Pertambahan/(Pengurangan) dalam tunai dan kesamaan tunai | **109** | (11) | 1092% |

Aliran tunai daripada operasi Kumpulan adalah melebihi RM1.1 juta, merupakan 114% keuntungan daripada operasi, meningkat daripada 109% pada 2008. Ini terutamanya hasil daripada pengurusan modal kerja yang lebih baik. Jika dibandingkan dengan 2008, aliran tunai operasi dipengaruhi oleh keuntungan dan penurunan volum, mencatatkan penurunan sebanyak 2%. Selain itu, kami mengalami penurunan dalam perbelanjaan modal bersih, terutama kerana hasil yang diperolehi daripada penjualan harta kami di Sungai Besi. Selepas pembayaran cukai, perbelanjaan modal dan pembayaran dividen, tunai dan kesamaan tunai akhir adalah berjumlah RM169 juta.




**pengurusan aliran tunai dari 2005 hingga 2009**

## iltizam untuk pembayaran dividen tinggi

Kumpulan tetap komited dengan pembayaran dividen sekurang-kurangnya 90% daripada keuntungan bersih dengan pelunasan wang tunai lebihan daripada memenuhi keperluan kendalian kepada para pemegang saham. Tertakluk kepada kelulusan pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, Lembaga telah mencadangkan jumlah bayaran dividen bersih sebanyak 236 sen sesaham untuk 2009, yang merangkumi:

- cadangan dividen akhir bersih sebanyak 62 sen sesaham
- dividen interim kedua bersih sebanyak 61 sen sesaham
- dividen interim pertama bersih sebanyak 113 sen sesaham

Ini merupakan pembayaran sebanyak 90.2% daripada keuntungan Kumpulan kepada pemegang saham, dan selaras dengan dasar pembayaran dividen tinggi kami.




**Pendapatan dan dividen sesaham dari 2005 hingga 2009**



## pulangan pemegang saham yang mapan

Meskipun Kumpulan berhadapan dengan cabaran, pemegang saham masih membuat keuntungan sebanyak 66 sen sesaham pada 2009. Ini merupakan dividen bersih dibayar dan dicadangkan untuk tahun ini, sebahagiannya diimbangi oleh sedikit penurunan 3.8% dalam harga saham. Dengan rekod jangka panjang pencapaian harga saham yang stabil dan pembayaran dividen yang tinggi, pemegang saham British American Tobacco Malaysia telah meraih 9% setahun jika dikompaun selama 10 tahun yang lepas. Selain itu, British American Tobacco Malaysia sentiasa konsisten melebihi Indeks Komposit FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur untuk selama sepuluh tahun, satu bukti kukuh kepimpinan pasaran dan strategi perniagaan kami yang mantap.

Semasa kejatuhan kadar faedah, peruapan pasaran perumahan dan modal, British American Tobacco Malaysia masih merupakan satu pelaburan yang bijak, dan konsisten dalam memenuhi janjinya untuk menyampaikan nilai pemegang saham jangka panjang.




**Jumlah pulangan pemegang saham dari 2005 hingga 2009**




**Jumlah Pulangan Pemegang Saham British American Tobacco Malaysia berbanding dengan Indeks Komposit FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur dari 1999 hingga 2009**

## struktur modal yang cekap

Fungsi Perbendaharaan Kumpulan tertumpu kepada pengurusan risiko kewangan melalui pengurusan proaktif aliran tunai, kadar faedah dan pendedahan matawang. Kumpulan mempunyai dua Nota Jangka Sederhana (NJS) yang akan matang pada 2009, RM100 juta pada Mei, dan RM150 juta pada November. Pada Ogos 2009, Kumpulan berjaya mengeluarkan NJS lima tahun berjumlah RM250 juta, yang digunakan untuk keperluan modal kerja dan pembayaran semula NJS sebanyak RM150 juta pada November 2009. Purata tambahan kadar faedah adalah sebanyak 4.22% (dibandingkan dengan 4.31% sebelum pembiayaan semula), dan merupakan penjimatan perbelanjaan faedah tahunan sebanyak RM0.6 juta setahun.

Pada Jun 2009, Rating Agency Malaysia mengesahkan semula penilaian Kumpulan jangka pendek dan jangka panjang masing-masing dengan penilaian P1 dan AAA, untuk CP/NJS. Ini merupakan pengesahan berterusan terhadap kedudukan kukuh korporat Kumpulan dan penjanaan dan pengurusan tunai yang cemerlang.

## iltizam berterusan memaksimumkan nilai pemegang saham jangka panjang

Menjelang ke 2010, perhatian utama Kumpulan masih menumpu kepada tahap perdagangan tidak sah yang tinggi dan kehilangan pek bersaiz kurang daripada 20 batang rokok menjelang Jun 2010. Menghadapi dugaan ini dalam keadaan pemulihan lembap ekonomi akan menambahkan cabaran buat kami.

Namun, Kumpulan percaya bahawa strateginya kukuh dan tunggaknya yang seimbang dalam Pertumbuhan, Produktiviti, Tanggungjawab dan Organisasi Cemerlang telah mencacakkannya kedudukan yang teguh untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Kami kekal komited untuk melindungi dan mempertingkatkan kepimpinan pasaran kami, dan penuh yakin bahawa kami mampu untuk terus memberikan nilai pemegang saham jangka panjang yang terunggul.



**PENGARAH KEWANGAN**
Stephen James Rush

| | | **Tahun kewangan dari 1.1.09 hingga 31.12.09 RM'000** | Tahun kewangan dari 1.1.08 hingga 31.12.08* RM'000 | Tahun kewangan dari 1.1.07 hingga 31.12.07* RM'000 | Tahun kewangan dari 1.1.06 hingga 31.12.06* RM'000 | Tahun kewangan dari 1.1.05 hingga 31.12.05* RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Hasil | | **3,923,421** | 4,135,220 | 3,830,869 | 3,612,482 | 3,564,215 |
| Keuntungan daripada operasi | | **1,033,135** | 1,109,297 | 1,049,416 | 1,049,414 | 881,440 |
| Kos kewangan | | **(27,823)** | (28,131) | (46,515) | (47,467) | (48,471) |
| Keuntungan sebelum cukai | | **1,005,312** | 1,081,166 | 1,002,901 | 1,001,947 | 832,969 |
| Keuntungan bersih bagi tahun kewangan | | **746,784** | 811,683 | 731,931 | 719,678 | 592,802 |
| Dividen bersih tahunan | | **673,851** | 756,655 | 732,384 | 662,715 | 555,070 |
| Dividen bersih khas | | **–** | – | – | 62,531 | 158,983 |
| Modal saham | | **142,765** | 142,765 | 142,765 | 142,765 | 142,765 |
| Dana pemegang saham | | **439,285** | 406,479 | 346,587 | 552,752 | 619,403 |
| Hartanah, loji dan peralatan | | **431,117** | 438,624 | 439,959 | 478,688 | 517,550 |
| Hartanah pelaburan | | **1,654** | – | – | 20,010 | 44,771 |
| Tanah pegangan pajakan | | **19,952** | 20,455 | 20,826 | 22,600 | 22,995 |
| Perisian komputer | | **6,550** | 15,232 | 21,091 | 14,100 | 616 |
| Muhibah | | **411,618** | 411,618 | 411,618 | 411,618 | 411,618 |
| Aset cukai tertunda | | **19,295** | 4,978 | 4,978 | 4,020 | 3,300 |
| Aset semasa | | **551,944** | 596,405 | 548,536 | 669,175 | 718,142 |
| Jumlah aset | | **1,442,130** | 1,487,312 | 1,447,008 | 1,620,211 | 1,718,992 |
| Tanggungan bukan semasa | | **702,795** | 448,584 | 712,892 | 309,762 | 753,712 |
| Tanggungan semasa | | **300,050** | 632,249 | 387,529 | 757,697 | 345,877 |
| Jumlah tanggungan | | **1,002,845** | 1,080,833 | 1,100,421 | 1,067,459 | 1,099,589 |
| Pendapatan bersih sesaham | (sen) | **261.5** | 284.3 | 256.3 | 252.0 | 207.6 |
| Dividen bersih sesaham | (sen) | **236.0** | 265.0 | 256.5 | 254.0 | 250.1 |
| Pulangan bersih atas dana pemegang saham | (%) | **170.0** | 199.7 | 211.2 | 130.2 | 95.7 |
| Sokongan aset bersih sesaham | (RM) | **1.54** | 1.42 | 1.21 | 1.94 | 2.17 |
| Bilangan kakitangan | | **1,656** | 1,454 | 1,326 | 1,044 | 1,040 |

* Penyataan semula mencerminkan perubahan dalam dasar kewangan Syarikat bagi mengambilkira keuntungan dan kerugian aktuari dalam pelan manfaat tertakrif yang dihuraikan dalam Ringkasan Dasar-dasar Kewangan Penting.

# sorotan kewangan lima tahun

### prestasi kewangan yang konsisten




### pulangan lumayan pemegang saham




### aliran tunai kukuh operasi




### pembayaran tinggi dividen




# prestasi kumpulan lima tahun

British American Tobacco Malaysia terus mencatatkan momentum pertumbuhannya serta merekodkan satu lagi tahun prestasi kewangan yang teguh, mengukuhkan komitmennya yang mapan untuk memaksimum dan menyampaikan nilai pemegang saham jangka panjang.

| | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sep | Okt | Nov | Dis |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Tinggi (RM) | 45.00 | 45.25 | 45.75 | 47.00 | 45.50 | 45.75 | 47.00 | 49.12 | 46.00 | 45.98 | 46.78 | 46.10 |
| Rendah (RM) | 43.25 | 43.50 | 43.75 | 44.25 | 41.00 | 43.25 | 44.25 | 44.00 | 44.04 | 44.30 | 44.30 | 41.50 |
| Volum ('000) | 2,853 | 4,369 | 7,403 | 7,080 | 5,561 | 3,156 | 4,149 | 2,450 | 3,337 | 3,517 | 2,377 | 1,880 |

*Sumber: Bloomberg*




## PENGUMUMAN KEPUTUSAN

Keputusan tidak beraudit disatukan bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2009
*Khamis, 23 April 2009*

Keputusan tidak beraudit disatukan bagi suku kedua dan setengah tahun berakhir 30 Jun 2009
*Khamis, 23 Julai 2009*

Keputusan tidak beraudit disatukan bagi suku ketiga berakhir 30 September 2009
*Khamis, 19 November 2009*

Keputusan beraudit disatukan bagi suku keempat dan tahun berakhir 31 Disember 2009
*Khamis, 11 Februari 2010*

## DIVIDEN

Dividen interim pertama bernilai 113.00 sen sesaham, pengecualian cukai di bawah sistem 'single-tier'

- Tarikh notis kelayakan — *Jumaat, 24 Julai 2009*
- Tarikh kelayakan — *Khamis, 13 Ogos 2009*
- Tarikh pembayaran — *Khamis, 20 Ogos 2009*

Dividen interim kedua bernilai 61.00 sen sesaham, pengecualian cukai di bawah sistem 'single-tier'

- Tarikh notis kelayakan — *Jumaat, 20 November 2009*
- Tarikh kelayakan — *Selasa, 8 Disember 2009*
- Tarikh pembayaran — *Khamis, 17 Disember 2009*

Cadangan dividen akhir bersih sebanyak 62.00 sen sesaham, pengecualian cukai di bawah sistem 'single-tier'

- Tarikh notis kelayakan — *Jumaat, 19 Februari 2010*
- Tarikh kelayakan — *Rabu, 21 April 2010*
- Tarikh pembayaran — *Jumaat, 7 Mei 2010*

# prestasi saham dan kalendar kewangan

## LAPORAN TAHUNAN DAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Tarikh notis **Mesyuarat Agung Tahunan ke 49** dan tarikh pengeluaran **Laporan Tahunan 2009**

Khamis, 25 Mac 2010

Tarikh **Mesyuarat Agung Tahunan ke 49**

Selasa, 20 April 2010

## 2009

| | | Suku Pertama | Suku Kedua | Suku Ketiga | Suku Keempat | **Tahun Penuh** |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Hasil | (RM juta) | 1,005 | 978 | 919 | 1,021 | **3,923** |
| Keuntungan kendalian | (RM juta) | 279 | 277 | 242 | 235 | **1,033** |
| Kos kewangan | (RM juta) | (7) | (7) | (7) | (7) | **(28)** |
| Keuntungan sebelum cukai | (RM juta) | 272 | 270 | 235 | 228 | **1,005** |
| Keuntungan bersih | (RM juta) | 206 | 201 | 167 | 173 | **747** |
| Pendapatan bersih sesaham | (sen) | 72.1 | 70.5 | 58.4 | 60.5 | **262** |
| Dividen bersih sesaham | (sen) | – | 113.0 | 61.0 | 62.0 | **236** |

## 2008

| | | Suku Pertama | Suku Kedua | Suku Ketiga | Suku Keempat | **Tahun Penuh** |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Hasil | (RM juta) | 1,021 | 1,014 | 1,098 | 1,002 | **4,135** |
| Keuntungan kendalian | (RM juta) | 292 | 272 | 322 | 223 | **1,109** |
| Kos kewangan | (RM juta) | (7) | (7) | (7) | (7) | **(28)** |
| Keuntungan sebelum cukai | (RM juta) | 285 | 265 | 315 | 216 | **1,081** |
| Keuntungan bersih | (RM juta) | 212 | 195 | 232 | 173 | **812** |
| Pendapatan bersih sesaham | (sen) | 74.0 | 68.4 | 81.3 | 60.6 | **284** |
| Dividen bersih sesaham | (sen) | – | 113.0 | 76.0 | 76.0 | **265** |




**Hasil Suku Tahunan**




**Keuntungan Bersih Suku Tahunan**

# prestasi suku tahunan

"British American Tobacco Malaysia terbentuk daripada penggabungan Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad dan Malaysian Tobacco Company Berhad pada 3 November 1999. Penggabungan ini berjaya mengumpul bakat, pengalaman dan barisan jenama antarabangsa yang terkemuka yang tiada tandingannya untuk mewujudkan sebuah syarikat tembakau terbesar di Malaysia."

Kini, British American Tobacco Malaysia jelas merupakan peneraju pasaran dalam industri rokok Malaysia, dengan penguasaan pasaran sekitar 60%, dan berkedudukan di antara 25 syarikat teratas di Bursa Malaysia Securities Berhad dari segi permodalan pasaran. British American Tobacco Malaysia mengilang dan memasar produk-produk tembakau bermutu tinggi untuk memenuhi citarasa pengguna yang pelbagai. Barisan jenama kami meliputi nama-nama antarabangsa terkemuka seperti DUNHILL, KENT dan PALL MALL.

Kami mempunyai gabungan sejarah melebihi 90 tahun di Malaysia sejak 1912. Berbekalkan kepakaran yang luas, beserta teknologi termaju dan sistem serta proses yang cekap dalam semua aspek aktiviti perniagaan, menempatkan kami di kedudukan yang baik untuk mengharungi cabaran masa depan. Kami mempunyai kira-kira 1,600 orang pekerja yang terlibat dalam semua spektrum industri tembakau, daripada pembelian dan pemprosesan daun tembakau hingga kepada pengilangan, pemasaran dan pengedaran. Rangkaian pengedaran lengkap kami merangkumi setiap pelosok negara, bagi memastikan jenama-jenama kami terdapat di mana-mana di Malaysia.

Kami berhasrat untuk mengekalkan kepimpinan dalam industri melalui peningkatan penguasaan kami dalam perniagaan tembakau dan memenuhi permintaan pengguna dengan lebih baik dan menguntungkan berbanding pesaing kami. Dalam mencapai matlamat tersebut, kami memastikan bahawa kami menjalankan aktiviti pemasaran secara bertanggungjawab, dan peka terhadap persekitaran kita. Bagi kami, kepimpinan menjangkau lebih daripada sekadar menguasai pasaran, ia perlu juga mengambil kira peneraju dari segi kualiti di mata kami, dan di mata pihak berkepentingan kami.

Walaupun industri tembakau dilihat sebagai sebuah industri yang kontroversi oleh setengah-setengah pihak, namun ia juga merupakan industri yang penting yang menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan komuniti di mana ia beroperasi. British American Tobacco Malaysia beriltizam untuk menunaikan kewajipan tersebut.

# profil korporat



## What works for Generation Y

## BAT: Higher tax will encourage illicit trade

## BAT to help flood-hit tobacco farmers

PASIR PUTEH: British American Tobacco (BAT) Malaysia has pledged to help tobacco farmers in Kelantan replant crop worth some RM30mil that was destroyed in recent floods.

National Kenaf and Tobacco Board reports have revealed that about 2,000 farmers in the Bachok area alone were affected by the floods. Some 70% of the tobacco leaves, harvested in April, was destroyed.

Besides Bachok, Pasir Mas, Besut and Kuala Terengganu were also hit by floods.

BAT Malaysia director of operations Datuk Chan Choon Ngai, who visited Pasir Puteh and Bachok with Deputy Plantation Industries and Commodities Minister Senator A. Kohilan Pillay recently, said: "BAT Malaysia is committed to working closely with the ministry and farmers to replant the crop."

He added that the company would have to "import some tobacco leaves to supplement needs".

Tobacco farmer Che Awang Ismail, 43, who was among those affected, asked Kohilan to help by settling the farmers' debts.

GenK

Menguji bakal pekerja

## BAT maintains dividend payout despite higher taxes

## BAT hopes for moderate excise on cigarettes

## A helping hand

## BAT Q2 net profit rises on better product mix

Kegembiraan penerima biasiswa BAT

THE EDGE

## ACCA MaSRA Awards 2009

ACCA Malaysia Sustainability Reporting Awards (MaSRA) 2009

## A great start

英美烟草 有信心维持表现

## KPMG: Shareholder value creation in Malaysia may fall

## Taste of management trainee scheme

## BAT remains tops despite tough environment

BY JOY LEE

The market leader in the Malaysian tobacco industry, British American Tobacco (M) Bhd (BAT), has once again retained its top position in the KPMG/*The Edge* Shareholder Value Awards 2009, which ranked companies based on value generated for their shareholders.

total amount of RM322.65 million.

AmResearch has a "hold" call on the counter as dividend yields of 6% to 7% are still attractive. What is comforting is that besides higher retail selling prices, BAT's product mix has improved, the research outfit says. Dunhill's market share rose to 44%, which is a y-o-y percentage rise of 2.3 points.

# British American Tobacco Malaysia di dalam berita

Kami beriltizam untuk mencapai kecemerlangan dalam semua aspek tingkah laku kami serta mencapai matlamat perniagaan dengan bertanggungjawab sejajar dengan tahap ketelusan dan kebertanggungjawapan yang tinggi. Pada 2009, Syarikat telah menerima pelbagai pengiktirafan antarabangsa dan menetapkan tanda aras dalam bidang tanggungjawab korporat, nilai pemegang saham dan tadbir urus korporat.

**Anugerah Cemerlang bagi Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCG) 2009** (1)
*Pengiktirafan atas prestasi Syarikat dalam mengamal tahap tadbir urus korporat tertinggi oleh Kumpulan Minority Shareholders Watchdog (MSWG).*

**Pencapaian Penting dalam Prestasi Persekitaran untuk Anugerah Hibiscus Perdana Menteri 2008/2009** (2)
*Pengiktirafan daripada anugerah persekitaran terulung di Malaysia atas prestasi persekitaran dan amalan terbaik Syarikat.*

**Anugerah Industri Cemerlang di bawah kategori Produk Pengguna bagi Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2009** (3)
*Pengiktirafan lapan tahun berturut-turut atas kecemerlangan Syarikat dalam laporan tahunannya, menampilkan tahap tadbir urus, ketelusan dan kebertanggungjawapan yang berhemah.*

**Anugerah Platinum di bawah kategori Tanggungjawab Sosial Korporat bagi Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2009** (4)
*Pengiktirafan atas iltizam dan usaha Syarikat kerana beroperasi dengan mapan dari segi ekonomi, sosial dan persekitaran sementara turut mengimbangi kepentingan pelbagai pihak berkepentingan.*



# anugerah dan pengiktirafan

**Di antara 12 Syarikat Teratas di Asia Pasifik dalam Kajian Syarikat Terunggul Untuk Pemimpin (TCFL) 2009** 5
*Pengiktirafan sebagai satu-satunya syarikat Malaysia terunggul di antara 12 syarikat teratas di Asia Pasifik yang tersenarai dalam kajian yang diljalankan oleh Hewitt Associates.*

**Di antara 20 Syarikat Teratas di Asia Pasifik bagi Asian Sustainability Rating**
*Pengiktirafan sebagai sebuah syarikat yang terunggul bagi pendedahan kemapanan dan satu-satunya syarikat Malaysia berkedudukan 20 syarikat teratas di antara 200 syarikat yang dikaji selidik oleh CSR Asia di Asia Pasifik.*


5


6


7


8

**Pemenang Anugerah Keseluruhan dalam Anugerah Nilai Pemegang Saham KPMG/The Edge 2008**
*Pengiktirafan tujuh tahun berturut-turut bagi pencapaian nilai pemegang saham syarikat yang dicontohi dengan pencapaian keuntungan ekonomi tertinggi bagi setiap modal dilaburkan di antara semua syarikat-syarikat awam tersenarai di Malaysia.*

**Pemenang Keseluruhan bagi kategori Pasaran Pengguna dalam Anugerah Nilai Pemegang Saham KPMG/The Edge 2008** 6
*Pengiktirafan atas pencapaian syarikat bagi nilai pemegang sahamnya dengan pencapaian keuntungan ekonomi tertinggi bagi setiap modal dilaburkan dalam kategori Pasaran Pengguna.*

**Sebutan Khas bagi Pendekatan Jaminan dalam Anugerah Laporan Kesinambungan ACCA Malaysia 2009** 7
*Pengiktirafan sebagai salah satu daripada tiga syarikat yang Laporan Sosialnya yang diakui oleh pihak luar, yang menampilkan petunjuk seperti bebas dan adil, jelas dan mempunyai skop jaminan, metodologi dan keterperincian dalam siasatan, mendedahkan kelemahan dan cadangan.*

**Ditangga Pertama dalam Paling Komited kepada Polisi Dividen Yang Kukuh, ditangga Keempat dalam Hubungan Pelabur yang Terbaik dan Keenam dalam Tadbir Urus Korporat yang Terbaik dalam Anugerah Pengundian FinanceAsia 2008**
*Pengiktirafan atas pengurusan keseluruhan, tadbir urus dan amalan perhubungan pelabur Syarikat serta komitmen dalam pembayaran dividen yang kukuh.*

**Di kedudukan ke 3 teratas Tadbir Urus Korporat Terbaik bagi Anugerah Tadbir Urus Korporat The Asset 2008** 8
*Pengiktirafan sebagai salah satu daripada tiga syarikat teratas yang mengamalkan tadbir urus korporat terbaik di antara syarikat-syarikat di Malaysia.*

2009

# acara korporat 2009

## januari

- Portal CI-Kaizen dilancarkan bagi menyediakan pusat hab sehentian dalam talian untuk kakitangan bagi program CI-Kaizen
- Program Breakthrough 4 dilancarkan bagi meneruskan matlamat kami untuk menjadi pilihan utama untuk rangkaian pembekal bagi Asia Pasifik (1)



1

## februari



2

- Sesi taklimat penganalisis kewangan bagi keputusan kewangan 2008 Kumpulan
- Kafeteria Shiok! British American Tobacco Malaysia dibuka semula secara rasmi menawarkan kakitangan pengalaman menjamu selera yang berlainan
- Program CI-Kaizen dilancarkan ke semua fungsi dalam Syarikat (2)

## mac

- Mengikrarkan bantuan kepada penanam tembakau yang dilanda banjir di Kelantan dan Terengganu (3)
- Berikrar menentang pemanasan global dengan menyokong 'Earth Hour' 2009
- Menerbit Laporan Tahunan 2008 British American Tobacco Malaysia
- Menganjurkan Hari Keluarga untuk kakitangan di Genting Highlands (4)



3




4






## april

- Menanam pokok di Institut Penyelidikan Hutan Malaysia di bawah Program Khidmat Sukarela Pekerja 5
- Melaksanakan Mesyuarat Agung Tahunan ke 48 6
- Menerbitkan Laporan Sosial British American Tobacco Malaysia 2006-2008 7
- Sesi taklimat penganalisis kewangan bagi keputusan kewangan Suku Pertama 2009 Kumpulan

## mei

- Menerima pengiktirafan dalam Anugerah Pengundian FinanceAsia 2008 berdasarkan polisi dividen yang kukuh, amalan tadbir urus korporat dan hubungan pelabur terbaik
- Dianugerahkan dengan Anugerah Merit British American Tobacco EHS untuk Kemalangan Sifar




## jun

- Menganugerahkan Pendahuluan Pendidikan Tinggi untuk anak-anak penanam tembakau
- Acara tahunan pemburuan harta karun kali ini membawa kakitangan daripada Petaling Jaya ke Johor Bahru 8



2009 merupakan tahun yang penuh dengan pelbagai aktiviti menempuhi Syarikat. Berikut suntingan gambar aktiviti dan inisiatif yang dijalankan dalam 2009.

## ogos

- Melaksanakan sesi taklimat Biz Update bagi menggalakkan penglibatan kakitangan dan mendapatkan maklumat terkini (9)
- Memenangi anugerah keseluruhan dalam Anugerah Nilai Pemegang Saham KPMG/The Edge (10)
- Menerima pengiktirafan untuk Laporan Sosial Syarikat 2006-2008 di Anugerah ACCA MaSRA
- Memperkenalkan KENT Nanotek
- Empat kakitangan British American Tobacco Malaysia terlibat dalam Program Borneo 2009 untuk mempelajari lebih lanjut tentang biodiversiti
- Melancarkan Projek Pemuliharaan Kertas untuk mengurangkan penggunaan kertas harian


(9)



(10)

## julai

- Membawa warga tua daripada Rumah Orang-Orang Tua Caring bersiar-siar ke Putrajaya di bawah Program Khidmat Sukarela Pekerja (11)
- Sesi taklimat penganalisis kewangan bagi keputusan kewangan Suku Kedua 2009 Kumpulan
- Pelancaran produk edisi terhad PALL MALL yang menawarkan menthol berbeza
- Menganjurkan pertandingan *'Bring Your Difference'* untuk mengenalpasti bakat yang luar biasa untuk Syarikat


(11)

## september

- Melancarkan laman web korporat British American Tobacco Malaysia yang dinaiktaraf
- Melancarkan *'Bring Your Difference'* – saranan nilai majikan global kami
- Menamakan Pengarah Urusan baru

## oktober

- Permulaan pengeluaran untuk perniagaan pek DUNHILL yang baru
- Lima kakitangan British American Tobacco Malaysia mengambil bahagian dalam Lawatan Pemuliharaan Selam Biodiversiti di Pulau Tinggi, Johor
- Pelancaran pek edisi terhad KENT untuk 3TEK dan MINTEK

## disember

- Dianugerahi Anugerah Cemerlang bagi Indeks Tadbir Urus Korporat (MCG) 2009
- Berkedudukan 12 syarikat teratas di antara syarikat-syarikat di Asia Pasifik dalam kajian Syarikat Terunggul Untuk Pemimpin (TCFL) oleh Hewitt Associates
- Dianugerahi Industri Cemerlang dalam kategori Produk Pengguna dan Anugerah Platinum untuk Tanggungjawab Sosial Korporat di Majlis Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan 2009 (14)
- Memperkenalkan pek DUNHILL Reloc baru




## november

- Majlis pelancaran semua peringkat Syarikat pek DUNHILL Reloc baru di Macau
- Menganjurkan Anugerah Khidmat Lama 2009 untuk menghormati kakitangan lama khidmat (12)
- Menganugerahkan biasiswa kepada pelajar yang layak untuk pendidikan tinggi (13)
- Memperolehi pengiktirafan semula audit IMS untuk ISO9001, ISO 14001 dan OHSAS 18001
- Tersenarai dalam Asian Sustainability Rating satu-satunya syarikat di Malaysia di tangga 20 teratas daripada 200 syarikat yang dikaji di Asia Pasifik oleh CSR Asia
- Sesi taklimat penganalisis kewangan bagi keputusan kewangan Suku Ketiga 2009 Kumpulan






# KEPIMPINAN

## lembaga pengarah

- **Tan Sri Abu Talib bin Othman**
  PMN, PSM, SIMP, SSSA, DGSM, DPMS, DMPN, DCSM, JSM, KMN, PPT
  *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*
  **(Pengerusi)**
- **William Toh Ah Wah**
  *Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*
  **(Pengarah Urusan)**
  *(Dilantik sebagai Pengarah pada 5 Mac 2009)*
  *(Dilantik sebagai Pengarah Urusan pada 1 Oktober 2009)*
- **Datuk Oh Chong Peng**
  PJN, JSM
  *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*
- **James Richard Suttie**
  *Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*
- **Stephen James Rush**
  *Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*
- **Dato' Chan Choon Ngai**
  DSNS
  *Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*
- **Dato' Ahmad Johari Tun Abdul Razak**
  DPCM, DSIS, DSAP
  *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*
  *(Dilantik sebagai Pengarah pada 5 Mac 2009)*
- **Jack Marie Henry David Bowles**
  *Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*
  *(Meletak jawatan sebagai Pengarah pada 30 September 2009)*

## setiausaha

**Chan Mei Mae**
(LS 0009460)
Tel : +60 (3)7491 7326
Faks : +60 (3)7491 3772
E-mel : Claire_Chan_Mei_Mae@bat.com

## pejabat berdaftar

Virginia Park, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : +60 (3)7956 6899
Faks : +60 (3)7955 8416
E-mel : bat_malaysia@bat.com

## laman web syarikat

www.batmalaysia.com

## pendaftar saham

**Tricor Investor Services Sdn Bhd**
*(dahulunya dikenali sebagai Tenaga Koperat Sdn Bhd)* (No. Syarikat 118401-V)
Aras 17, The Gardens North Tower
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra
59200 Kuala Lumpur
Tel : +60 (3)2264 3883
Faks : +60 (3)2282 1886
E-mel : lay.kiow.lim@my.tricorglobal.com

## juruaudit

PricewaterhouseCoopers (AF 1146)
Aras 10, 1 Sentral
Jalan Travers Kuala Lumpur Sentral
P.O. Box 10192
50706 Kuala Lumpur
Tel : +60 (3)2173 1188
Faks : +60 (3)2173 1288

## bank-bank utama

**Citibank Berhad**
(No. Syarikat 297089-M)

**HSBC Bank Malaysia Berhad**
(No. Syarikat 127776-A)

**Malayan Banking Berhad**
(No. Syarikat 3813-K)

## penyenaraian bursa saham

Papan Utama
Bursa Malaysia Securities Berhad
(No. Syarikat 635998-W)
Disenaraikan sejak : 27 Oktober 1961
Kod Saham : 4162
Nama Saham : BAT

# maklumat korporat

www.batmalaysia.com

British American Tobacco
MALAYSIA

- 100% — **Commercial Importers And Distributors Sdn. Bhd.**
  (Pelaburan Induk)
- 100% — **Commercial Marketers And Distributors Sdn. Bhd.**
  (Pemasaran dan Pengedaran)
- 100% — **Tobacco Importers And Manufacturers Sdn. Berhad**
  (Pengilangan dan Pengimportan)
- 100% — **The Leaf Tobacco Development Corporation Of Malaya Sdn. Berhad**
  (Pembelian Daun Tembakau)
- 100% — **Rothmans Brands Sdn. Bhd.**
  (Tanda Dagang Induk)
- 100% — **Commercial Marketers And Distributors Sdn. Bhd.**
  (Diperbadankan di Negara Brunei Darussalam)
  (Pengiklanan dan Pengimportan)

**Nota:**
Senarai lengkap subsidiari Syarikat dipaparkan dalam Nota 14 pada Penyata Laporan Kewangan dari muka surat 154 hingga 155 Laporan Tahunan ini.

# struktur korporat




# lembaga pengarah

Dari kiri ke kanan

1. **Stephen James Rush**
*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*
**(Pengarah Kewangan)**

2. **Tan Sri Abu Talib bin Othman**
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*
**(Pengerusi)**

3. **William Toh Ah Wah**
*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*
**(Pengarah Urusan)**




Dari kiri ke kanan

4 **Dato' Chan Choon Ngai**
*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*
**(Pengarah Operasi)**

5 **Datuk Oh Chong Peng**
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

6 **James Richard Suttie**
*Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*

7 **Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak**
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

1 **Tan Sri Abu Talib bin Othman**
PMN, PSM, SIMP, SSSA, DGSM, DPMS, DMPN, DCSM, JSM, KMN, PPT
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*
**(Pengerusi)**
*Warganegara Malaysia, 71 tahun*

Tan Sri Abu Talib bin Othman telah dilantik sebagai Pengerusi Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad, kini dikenali sebagai British American Tobacco (Malaysia) Berhad, pada 1994.

Tan Sri Abu Talib, seorang peguam lulusan Lincoln's Inn, United Kingdom. Beliau mempunyai kerjaya yang cemerlang sebagai anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dalam Kerajaan dari 1962 hingga 1993, yang mana beliau telah berkhidmat dalam pelbagai tugas termasuk sebagai Peguam Negara dari 1980 sehingga persaraan beliau pada Oktober 1993.

Selepas persaraan beliau, Tan Sri Abu Talib telah dilantik sebagai pengarah bukan eksekutif di beberapa syarikat swasta dan awam. Tan Sri Abu Talib kini merupakan Pengerusi Bukan Eksekutif dalam IGB Corporation Berhad, Alliance Investment Management Berhad, CYL Corporation Berhad dan MUI Continental Insurance Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah Bukan eksekutif bagi syarikat-syarikat swasta yang lain. Pada 1983, beliau dilantik sebagai Pemegang Amanah Yayasan Neoh dan pada 1985 Yayasan Sultan Iskandar Johor. Beliau kini merupakan Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam).

Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan bagi Syarikat dan juga ahli Jawatankuasa Audit Syarikat.

Tan Sri Abu Talib telah menghadiri kesemua 6 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

Tan Sri Abu Talib tidak mempunyai pertalian kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun percanggahan kepentingan dalam mana-mana urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan sepanjang tempoh 10 tahun yang lepas.

2 **William Toh Ah Wah**
*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*
**(Pengarah Urusan)**
*Warganegara Malaysia, 52 tahun*

William Toh Ah Wah dilantik sebagai Pengarah di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 5 Mac 2009 dan sebagai Pengarah Urusan pada 1 Oktober 2009.

William Toh adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Perdagangan, Concordia University, Montreal, Kanada. Beliau menyertai Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad pada 1981 sebagai pelatih pengurusan, kini dikenali sebagai British American Tobacco (Malaysia) Berhad dan memegang pelbagai jawatan dalam pemasaran termasuk Pengurus Kawasan dan Pengurus Pemasaran. Pada 1991 beliau telah ditugaskan ke China dan sepanjang tempoh perkhidmatannya di luar negara, beliau telah memegang pelbagai jawatan termasuk sebagai Pengurus Besar untuk Shandong Rothmans Tobacco Company Limited, China (1991-1994), Pengarah Jualan dan Pemasaran China/Hong Kong untuk Rothmans (Far East) Limited (1994-1996), Pengurus Besar Taiwan untuk Rothmans (Far East) Taiwan Limited (1996-1997), Pengurus Besar China/Hong Kong untuk Rothmans (Far East) Limited (1997-1998) dan Pengarah Urusan Greater China untuk Rothmans (Far East) Limited (1998-1999).

Beliau menyertai British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 1999 dan seterusnya memegang beberapa jawatan termasuk sebagai Pengarah Pembangunan Perniagaan China untuk British American Tobacco Asia Pasifik Utara (1999-2003), Pengarah Urusan British American Tobacco New Zealand Limited (2003-2005), Pengarah Urusan Pakistan Tobacco Company Limited (2005-2008), Pengarah Kawasan bagi British American Tobacco Kawasan Asia Selatan (2007-2008), Pengarah Kawasan Kelompok Indonesia (meliputi pasaran-pasaran seperti Indonesia, Thailand dan Filipina) (2008-2009) dan Pengurus Projek Wilayah untuk British American Tobacco Asia Pasifik Region Limited (2008-2009).

William Toh adalah ahli Jawatankuasa Ganjaran Syarikat.

Sejak perlantikan beliau ke Lembaga Pengarah British American Tobacco (Malaysia) Berhad, William Toh telah menghadiri kesemua 5 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

William Toh tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan sepanjang tempoh 10 tahun yang lepas.

# profil lembaga pengarah

1


2


3 **Datuk Oh Chong Peng**
PJN, JSM
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*
*Warganegara Malaysia, 65 tahun*

Datuk Oh Chong Peng dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad, kini dikenali sebagai British American Tobacco (Malaysia) Berhad, pada Januari 1998.

Beliau menjalani latihan perakaunan di London dan berkelayakan sebagai Akauntan Berkanun pada 1969. Beliau adalah seorang Fellow Institute of Chartered Accountants, England dan Wales (ICAEW) dan juga ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Datuk Oh menyertai Coopers & Lybrand (kini dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers) di London pada 1969 dan di Malaysia pada 1971. Beliau telah menawarkan perkhidmatan-nya kepada pelanggan-pelanggan Coopers & Lybrand seluruh Malaysia dan ASEAN, yang meliputi pelbagai bidang industri termasuk khidmat kewangan, pembinaan, hartanah, pembuatan, hospitaliti dan perkhidmatan. Beliau merupakan rakan kongsi Coopers & Lybrand, Malaysia dari 1974 dan bersara sebagai rakan kongsi kanan Coopers & Lybrand pada 1997.

Datuk Oh kini adalah Pengerusi Alliance Financial Group Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah Bukan Eksekutif bagi beberapa syarikat awam seperti IJM Corporation Berhad, IJM Plantations Berhad, Kumpulan Europlus Berhad, Malayan Flour Mills Berhad, Dialog Group Berhad dan beberapa syarikat swasta yang lain.

Datuk Oh adalah ahli lantikan Kerajaan bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (1996) dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) (2003). Beliau juga merupakan pemegang amanah Yayasan Pendidikan Huaren (1993) dan Yayasan Pendidikan UTAR (2002) dan ahli Majlis Universiti Tunku Abdul Rahman. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Penyenaraian Bursa Malaysia.

Lantikan beliau sebelum ini termasuk sebagai ahli jawatankuasa lantikan Kerajaan di Bursa Saham Kuala Lumpur (1990-1996), ahli majlis (1981-2002) dan Presiden (1994-1996) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), Pengerusi Land & General Berhad (1999-2007), Pengarah Powertek Berhad (1997-2003), Kumpulan Rashid Hussain Berhad (1998-2003), Renong Berhad (2001- 2003), Nanyang Press Holdings Berhad (2001-2005), Rohas-Euco Industries Berhad (2007-2008) dan Star Publications (M) Berhad (1987-2009), Pemegang Amanah Yayasan Huaren Education (1993-2009) dan ahli lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASN) (2003-2009).

Datuk Oh adalah Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan Syarikat.

Datuk Oh telah menghadiri kesemua 6 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

Datuk Oh tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan sepanjang tempoh 10 tahun yang lepas.



4 **James Richard Suttie**
*Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*
*Warganegara British, 63 tahun*

James Richard Suttie dilantik sebagai Pengarah di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada Mei 2002. Beliau menganggotai Institute of Chartered Accountants of Scotland dan juga seorang Ahli Bersekutu Chartered Institute of Taxation. Beliau menyertai Rothmans International p.l.c. sebagai Akauntan Perdagangan/Pengurus pada 1972 dan menyandang jawatan Pengarah Kewangan Carreras of Jamaica Limited pada 1982, Rothmans International Europe pada 1984 dan Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad pada 1992. Pada 1997, beliau telah dilantik sebagai Pengawal Kewangan Serantau bagi Rothmans International di Asia. Pada 1999, beliau telah dilantik sebagai Pengawal Kewangan Serantau, Afrika dan pada 2002 sebagai Pengawal Kewangan Serantau, Asia Pasifik, bagi British American Tobacco p.l.c. sehingga persaraan beliau daripada British American Tobacco p.l.c. pada 31 Disember 2006.

Beliau adalah ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan bagi Syarikat.

James Suttie telah menghadiri kesemua 6 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

James Suttie tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan sepanjang tempoh 10 tahun yang lepas.

5 **Stephen James Rush**
*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*
**(Pengarah Kewangan)**
*Warganegara Australia, 42 tahun*

Stephen James Rush dilantik sebagai Pengarah di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada Mac 2008. Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Perniagaan, University of Technology, Sydney.

Ketika mula menyertai British American Tobacco Group, Stephen Rush memegang jawatan Juruaudit Dalaman bagi British American Tobacco Australia pada 1995 sebelum menyandang jawatan sebagai Pengurus Kewangan Operasi dan Pengurus Kewangan Pemasaran daripada 1997 sehingga 2001. Pada April 2001, beliau dilantik sebagai Pengarah Kewangan di British American Tobacco Cambodia sebelum memikul tanggungjawab sebagai Pengarah Kewangan di British American Tobacco Poland.

Sebelum pelantikan beliau ke British American Tobacco (Malaysia) Berhad sebagai Pengarah Kewangan, Stephen Rush menyertai Kumpulan Serantau Eropah sebagai Timbalan Pengawal Kewangan Serantau bagi British American Tobacco p.l.c. pada 2004. Peranan Stephen Rush tertumpu kepada tanggungjawabnya dalam menentukan prestasi kewangan bagi kawasan Tengah dan Timur Eropah.

Sejak pelantikan beliau sebagai Ahli Lembaga Pengarah British American Tobacco (Malaysia) Berhad, Stephen Rush telah menghadiri kesemua 6 Mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

Stephen Rush tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysi a) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan sepanjang tempoh 10 tahun yang lepas.


4


5

6 **Dato' Chan Choon Ngai**
DSNS
*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*
**(Pengarah Operasi)**
*Warganegara Malaysia, 54 tahun*

Dato' Chan Choon Ngai dilantik sebagai Pengarah Operasi Syarikat yang dahulunya dikenali sebagai Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad, kini dikenali sebagai British American Tobacco (Malaysia) Berhad, pada Oktober 1995. Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, University of Birmingham, United Kingdom. Beliau menyertai Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad pada 1979 sebagai Pelatih Pengurusan Operasi dan telah menyandang beberapa jawatan penting dalam bahagian pengeluaran, antaranya Eksekutif Pengeluaran Pembuatan dan Pembungkusan (1980-1982), Penolong Peribadi kepada Pengarah Pengeluaran Dunia Rothmans International, Rothmans International United Kingdom (1982-1984), Pemangku Pengurus Kilang Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad (1984-1986), Pengurus Kilang Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad (1986-1994), Pengarah Pengeluaran (Bakal) Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad (1994-1995). Beliau juga Pengarah Tien Wah Press Holdings Berhad daripada Mei 1997 sehingga Jun 2003.

Mulai Julai 2000, Dato' Chan dilantik sebagai Pengarah Operasi bagi British American Tobacco (Malaysia) Berhad.

Dato' Chan telah menghadiri kesemua 6 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

Dato' Chan tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan sepanjang tempoh 10 tahun yang lepas.

7 **Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak**
DPCM, DSIS, DSAP
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*
*Warganegara Malaysia, 55 tahun*

Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak dilantik sebagai Pengarah di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 5 Mac 2009. Dato' Ahmad Johari adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, University of Kent, United Kingdom. Beliau telah diterima untuk menyertai Bar of England and Wales di Lincoln's Inn pada 1976 dan diterima sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada 1977. Beliau menjadi pengamal undang-undang di sebuah firma guaman pada 1979 dan kemudiannya menjadi rakan kongsi daripada 1981 sehingga 1994. Beliau menyertai semula firma guaman tersebut sebagai rakan kongsi pada 1 Ogos 2007.

Dato' Ahmad Johari kini menyandang jawatan Pengerusi Ancom Berhad, Courts Mammoth Sdn Bhd dan Daiman Development Berhad dan Pengarah bagi Hong Leong Industries Berhad, Nylex (Malaysia) Berhad, Daiman Golf Berhad dan Deutsche Bank (Malaysia) Berhad. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah di Hong Leong Industries Berhad, Ancom Berhad, Daiman Development Board dam Deutsche Bank (Malaysia) Berhad. Dalam bidang akademik, beliau kini merupakan Adjunct Professor di Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA.

Dato' Ahmad Johari adalah ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Audit bagi Syarikat.

Sejak perlantikan beliau ke dalam Lembaga Pengarah British American Tobacco (Malaysia) Berhad, Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak telah menghadiri 5 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

Dato' Ahmad Johari tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama British American Tobacco (Malaysia) Berhad, mahupun mempunyai percanggahan kepentingan dalam urusan perniagaan yang melibatkan Syarikat. Beliau tidak pernah disabitkan dengan kesalahan sepanjang tempoh 10 tahun yang lepas.


6


7




# ahli kumpulan pengurusan kanan

Dari kiri ke kanan

1. **William Toh Ah Wah**
   **Pengarah Urusan**
2. **Rashed Ahmed**
   **Pengarah Pemasaran**
3. **Cheryl Ann Wong Wai Leng**
   **Pengarah Sumber Manusia**




Dari kiri ke kanan

4 **Stephen James Rush**
**Pengarah Kewangan**

5 **Christine Lee Oi Kuan**
**Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan**

6 **Dato' Chan Choon Ngai**
**Pengarah Operasi**

7 **Allen Lim Hun Chye**
**Pengarah Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan**

# profil ahli kumpulan pengurusan kanan

### 1 William Toh Ah Wah

**Pengarah Urusan**

*Warganegara Malaysia, 52 tahun*

William Toh adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari Universiti Concordia, Montreal, Kanada.

Beliau menyertai Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad pada 1981 sebagai pelatih pengurusan dan telah memegang pelbagai portfolio sepanjang tugasnya bertahun-tahun termasuk sebagai Pengarah Urusan Greater China of Rothmans (Far East) Limited (1998-1999), Pengarah Pembangunan Perniagaan China untuk British American Tobacco Asia Pasifik Utara (1999-2003), Pengarah Urusan British American Tobacco Limited New Zealand (2003-2005), Pengarah Urusan Pakistan Tobacco Company Limited (2005-2008), Pengarah Kawasan Asia Selatan British American Tobacco (2007-2008) dan Pengarah Kawasan Kelompok Indonesia (meliputi pasaran Indonesia, Thailand dan Filipina) (2008-2009) dan merangkap Pengurus Projek Serantau British American Tobacco Limited Asia Pacific Region Limited (2008-2009).

William Toh adalah ahli Lembaga Pengarah dan juga merupakan ahli Jawatankuasa Ganjaran Syarikat.

Butiran profil William Toh dipaparkan di muka surat 36 Laporan Tahunan ini.

### 2 Dato' Chan Choon Ngai

DSNS

**Pengarah Operasi**

*Warganegara Malaysia, 54 tahun*

Dato' Chan Choon Ngai adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, University of Birmingham, United Kingdom. Beliau telah menyertai Kumpulan sejak 1979. Beliau telah memegang beberapa jawatan penting di bahagian pengeluaran Syarikat, termasuk sebagai Pengarah Pengeluaran dan Pengurus Kilang.

Dato' Chan adalah ahli Lembaga Pengarah dan juga ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa subsidiari Kumpulan.

Butiran profil Dato' Chan dipaparkan di muka surat 39 Laporan Tahunan ini.

### 3 Cheryl Ann Wong Wai Leng

**Pengarah Sumber Manusia**

*Warganegara Malaysia, 42 tahun*

Cheryl Ann Wong Wai Leng menyertai British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 2004 sebagai Pengurus Pembangunan Bakat dan memainkan peranan sebagai Ketua Pemasaran Sumber Manusia pada 2005. Beliau pernah bertugas di British American Tobacco Vietnam pada 2007 sebagai Pengarah Sumber Manusia merangkap Ketua Sumber Manusia Kawasan Asia Timur British American Tobacco. Dalam melaksanakan tugas ini, Cheryl Wong telah mengetuai Program Bakat Kawasan dengan menumpukan usaha bagi memastikan saluran bakat untuk kerjaya di peringkat rendah dan pertengahan dilaksana dengan berkesan dalam konteks pasaran baru yang mencabar, menyediakan peluang perkembangan yang mantap bagi bakat tempatan dan mewujudkan tempat kerja di mana pekerja dapat mencapai prestasi yang terbaik di samping mengecapi kepuasan bekerja, ke arah menyediakan organisasi menghadapi cabaran masa depan. Pada November 2008, Cheryl Wong dilantik sebagai Pengarah Sumber Manusia di British American Tobacco (Malaysia) Berhad. Sebelum menyertai Kumpulan British American Tobacco, beliau merupakan Pengurus Sumber Manusia Negara di Accenture Malaysia.

Beliau adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dengan kepujian, dalam bidang Pentadbiran Perniagaan, Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Heriot-Watt University, Edinburgh.

### 4 Stephen James Rush

**Pengarah Kewangan**

*Warganegara Australia, 42 tahun*

Dengan kerjayanya sebagai akauntan, Stephen James Rush menyertai Kumpulan British American Tobacco pada 1995. Sepanjang perkhidmatannya, beliau telah memegang beberapa portfolio termasuk Pengarah Kewangan British American Tobacco Cambodia, Pengarah Kewangan British American Tobacco Poland dan Timbalan Pengawal Kewangan Serantau bagi British American Tobacco p.l.c.

Stephen Rush adalah ahli Lembaga Pengarah dan juga ahli Lembaga Pengarah bagi beberapa subsidiari Kumpulan.

Butiran profil Stephen Rush dipaparkan di muka surat 38 Laporan Tahunan ini.

1


2


3


4


### 5 Christine Lee Oi Kuan

**Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan**
*Warganegara Malaysia, 51 tahun*

Christine Lee Oi Kuan dilantik ahli Kumpulan Pengurusan Kanan di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 1 Januari 2006 dan memikul tanggungjawab sebagai Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 1 September 2006. Beliau telah berkhidmat di British American Tobacco (Malaysia) Berhad sejak 2001.

Christine Lee memulakan kerjayanya di British American Tobacco (Malaysia) Berhad sebagai Ketua Perundangan dan Setiausaha Syarikat. Sebelum ini beliau adalah Pengurus Perundangan dan Setiausaha Syarikat di dua buah syarikat tersenarai awam iaitu Hong Leong Industries Berhad dan Malaysia Pacific Industries Berhad.

Pemegang ijazah undang-undang Universiti Malaya, Christine Lee pernah berkhidmat di Jabatan Peguam Negara, Malaysia daripada 1983-1993 di Bahagian Pendakwaan serta Bahagian Penasihat dan Undang-Undang Antarabangsa.

Kini berperanan sebagai Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan, Christine Lee bertanggungjawab dalam hal ehwal korporat, kawal selia dan perundangan berkaitan Kumpulan.

### 6 Lim Hun Chye @ Allen Lim

**Pengarah Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan**
*Warganegara Malaysia, 53 tahun*

Allen Lim Hun Chye menyertai Rothmans of Pall Mall (Malaysia) Berhad, kini British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada 1990, sebagai Akauntan Perdagangan. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Perdagangan, University of Melbourne dan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Monash University, Australia. Beliau menganggotai dua badan perakaunan iaitu Institute of Chartered Accountants di Australia dan Institut Akauntan Malaysia. Tambahan lagi, beliau juga adalah ahli Institut Setiausaha dan Pentadbiran Berkanun Malaysia (MAICSA). Beliau berkhidmat dalam pelbagai jawatan beroperasi yang merangkumi fungsi Teknologi Maklumat dan Kewangan. Selepas pengumuman penggabungan Rothmans of Pall Mall dan Malaysian Tobacco Company Berhad pada 1999, Allen Lim telah dilantik sebagai Pengurus Integrasi. Beliau kemudiannya berperanan sebagai Pengurus Kewangan Korporat selama dua tahun sebelum menjadi Ketua Kewangan Pemasaran Jenama pada 2004 dan selepas itu Ketua Kewangan Pemasaran pada 2005. Pada April 2006, Allen Lim menjalankan tugas sebagai Ketua Pembangunan Perniagaan Strategik dan pada September 2006, beliau dilantik sebagai Pengarah Pembangunan Perniagaan.

Allen Lim menyandang tugas sebagai Pengarah Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan pada Disember 2008 yang merupakan unjuran kepada portfolio beliau pada masa kini yang melibatkan Anti Penyeludupan, Teknologi Maklumat, Strategi dan Perancangan, Maklumat Perniagaan, Jabatan Pengurusan Program dan Perlindungan Perniagaan.

### 7 Rashed Ahmed

**Pengarah Pemasaran**
*Warganegara Bangladesh, 42 tahun*

Rashed Ahmed dilantik sebagai Pengarah Pemasaran di British American Tobacco (Malaysia) Berhad pada Mei 2007. Beliau berkelulusan ijazah Pentadbiran Perniagaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

Beliau menyertai British American Tobacco Bangladesh pada 1995 dan memegang pelbagai jawatan dari 1995 hingga 1998. Rashed Ahmed merupakan Ketua Jenama Antarabangsa bagi British American Tobacco Poland dari 2000 hingga 2002. Beliau kemudian menyandang jawatan Ketua Pemasaran British American Tobacco Bangladesh dari 2003 hingga 2007. Sebelum Rashed Ahmed menyertai Kumpulan British American Tobacco, beliau merupakan Pengurus Jenama di Unilever Bangladesh Limited.


5


6


7

# PERTUMBUHAN DUNHILL

2009 merupakan tahun penggabungan ketika kami mentakrif kepimpinan kami di dalam industri tembakau. Kami menaiktaraf portfolio kami di samping mengasah keupayaan Pemasaran Perdagangan dan Pengedaran kami dan dengan ini, kami percaya bahawa kami telah memperkukuhkan kecekapan pemasaran dalam menempuhi cabaran pada 2010 dan seterusnya bagi memastikan perniagaan yang mapan.

## jenama utama global

Jenama Utama Global kami terus menggiatkan momentumnya pada tahun 2009 selepas meninggalkan 2008 yang hebat sekali. Walaupun berhadapan dengan ekonomi yang mencabar, jenama-jenama kami kekal teguh. DUNHILL terus mencatat kedudukannya sebagai jenama terulung di Malaysia manakala KENT mulai merintis laluan dalam mendahului di segmen Premium Lights dan Menthol. Dalam segmen Nilai Untuk Wang (NUW), kami mengukuhkan portfolio kami meletakkan PALL MALL sebagai jenama utama kami. Kami terus memacu pertumbuhan untuk Jenama Utama Global kami dalam memenuhi citarasa pengguna dewasa.

Buat empat tahun berturut-turut, DUNHILL terus mempamerkan pertumbuhan yang mengkagumkan walaupun berhadapan dengan cabaran dinamik industri dan keadaan ekonomi tidak menentu yang memberi kesan kepada daya perbelanjaan pengguna. Penguasaan pasaran DUNHILL meningkat sebanyak 1.9 mata peratusan kepada 43.6%, membuktikan ekuiti jenama yang kukuh.

DUNHILL juga terus mempamerkan pertumbuhan mengkagumkan dalam penguasaan segmen premium, mengatasi pesaing-pesaing premium yang lain.

## mentakrifkan segmen premium

Melalui pendekatan yang lebih tertumpu berdasarkan kepada "Pakar Kesempurnaan Tembakau" pada tahun lalu dan warisan yang kukuh (sejak 1907), DUNHILL meneruskan momentumnya pada 2009, dengan lebih menumpu kepada segmen Lights dan Menthol. DUNHILL juga mula mentakrifkan segmen premium dengan dimensi baru dengan pengenalan pelekat Reloc bagi memastikan kesegaran produk.




**Penguasaan pasaran DUNHILL dari 2005 hingga 2009**

## mentakrifkan kepimpinan jenama utama global bagi pertumbuhan mapan




**Penguasaan premium DUNHILL dari 2005 hingga 2009**

# Kemuncak **DUNHILL** 2009

**1**
Pek Edisi Terhad DUNHILL Menthol 20 batang.

**2**
Pek Edisi Terhad DUNHILL untuk semua segmen (pek 20 dan 14 batang), menampilkan tahap dan kualiti jenama yang unggul.

**3**
DUNHILL mentakrif segmen Premium dengan pengenalan pek DUNHILL berpelekat Reloc (Khas daripada DUNHILL).

**4**
Pek Edisi Terhad DUNHILL Menthol and Menthol Lights 20 batang (Produk yang dipaparkan dalam gambar rajah diperkenalkan sebelum perlaksanaan amaran kesihatan bergambar arahan Kerajaan).













## DUNHILL BERPELEKAT RELOC DALAM PEK 20 BATANG

Pada Disember 2009, Syarikat memperkenalkan rekabentuk pek yang baru bagi DUNHILL dan antara ciri-ciri terbaru, bagi pek 20 batang ciri utamanya adalah pelekat Reloc yang boleh ditutup semula. Teknologi terpaten ini milikan khas DUNHILL, terpentingnya mengekalkan kesegaran dan rasa produk.

Ciri ini adalah sebahagian daripada arah tuju global bagi pek baru DUNHILL yang boleh diperolehi di pasaran negara-negara terpilih di mana Kumpulan British American Tobacco beroperasi.

Dengan tawaran yang lebih unggul, DUNHILL mentakrifkan segmen premium dan memperkukuhkan penerajuannya dalam pasaran.



## merintis teknologi transmisi citarasa

Sejak pelancaran semula KENT pada setengah tahun kedua 2008, jenama ini telah merintis teknologi transmisi citarasa melalui 3TEK (teknologi penapis arang ganda tiga) dan MINTEK (Teknologi rasa MINTEK) dalam memenuhi citarasa pengguna dan mengorak langkah dalam segmen Premium Lights dan Menthol.

Pasca penghijrahan Peter Stuyvesant kepada KENT, KENT Red telah mengorak ke dimensi baru dengan pengenalan KENT Red dalam pek keras bagi mencorakkan kedudukannya dalam Segmen Premium Full Flavour.

KENT Nanotek, iaitu pek 'king size' Super Slims yang pertama diperkenalkan di Malaysia, menguatkan kehebatan KENT dalam menawarkan pengguna produk yang menggabungkan teknologi transmisi citarasa.




**Penguasaan pasaran KENT dari 2007 hingga 2009**

## penguasaan pasaran KENT

KENT telah mencatatkan peningkatan yang teguh dalam segmen premium dan telah mengorak kejayaan berbanding pesaingnya dalam kawasan terpilih.

Kemuncak
**KENT**
2009










**1**
KENT Nanotek 'King Size' Super Slims menguatkan kehebatan KENT dalam menawarkan pengguna produk yang menggabungkan teknologi transmisi citarasa.

**2**
KENT Red dalam kotak keras untuk pelanggan dewasa yang arif.

**3**
Pek Edisi terhad KENT untuk 3TEK dan MINTEK.

KENT

## memacu nilai kepada pengguna

PALL MALL menempuh tahun yang penuh bermakna pada 2009, mempamerkan keteguhannya walaupun dalam persekitaran saingan sengit di dalam segmen Nilai Untuk Wang (NUW) dan Rokok Harga Terendah (RHT) dengan memacu nilai kepada pengguna yang memilih jenama berdasarkan kualiti, nilai dan kemampuan.




**Penguasaan pasaran PALL MALL dari 2004 hingga 2009**

## penggabungan portfolio nilai

Selepas kejayaan penghijrahan Perilly's pada 2008, PALL MALL mengambil langkah penting dalam menyerap semua jenama nilai penghujung yang lain. Penggabungan ini memberi pendekatan lebih tertumpu dalam portfolio. Dengan rupabentuk global barunya yang diperkenalkan pada 2008 dan aset jenamanya yang kukuh, PALL MALL telah, dan akan terus memberi lebih nilai kepada pengguna dewasa.

Kemuncak
**PALL MALL**
2009

1



2



3



**1**
Jenama-jenama yang dihijrahkan kepada PALL MALL (Produk yang dipaparkan dalam gambar rajah telah diperkenalkan sebelum perlaksanaan amaran kesihatan bergambar arahan Kerajaan).

**2**
PALL MALL menawarkan penerajuan dalam memperkenalkan pek saiz 18 batang dan satu-satunya jenama nilai yang menawarkan semua saiz pek.

**3**
Memperkukuhkan kepakaran Menthol PALL MALL dengan menawarkan dua pengalaman menthol berbeza.

PALL MALL

Produk ini mengandungi lebih 4,000 bahan kimia termasuk tar, nikotina dan karbon monoksida yang membahayakan kesihatan.

"Rangkaian pengedaran dipertingkatkan lagi pada tahun 2009 dengan penggabungan lebih pesat pusat-pusat pengedaran dan menaiktaraf kecekapan rangkaian dan proses-proses keberkesanan."





**1**
Pasukan jualan menjalani program "Take Charge" untuk pembangunan.

**2**
Prosedur penggudangan yang sistematik di semua Kedai Jualan Langsung.

## keupayaan pemasaran perdagangan dan pengedaran yang lebih mantap

Dengan asas kukuh yang sedia ada, barisan hadapan kami yang merupakan pasukan jualan mampu memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakan niaga kami. Beberapa projek kecekapan seperti pengoptimuman laluan bagi Kedai Jualan Langsung Kuala Lumpur dan perlaksanaan syarat-syarat perniagaan untuk rakan kongsi kami di Kedai Jualan Langsung Pulau Pinang dan Johor Bahru untuk mengukuhkan jaringan serta memantapkan liputan rangkaian dan juga mewujudkan cara perniagaan yang kos efektif.

## perkongsian perniagaan dipertingkatkan dengan program pengedar eksklusif cemerlang (PEc)

Dalam usaha untuk membina perkongsian jangka panjang yang mapan dengan rakan niaga kami, kami telah berjaya melaksanakan penggabungan rangkaian pengedaran di Pantai Timur (Terengganu) dan Utara (Alor Setar dan Kangar). Melalui penggabungan rangkaian ini, kami telah membina hubungan kerja yang lebih erat dengan rakan niaga kami yang kini lebih jelas dan sejajar dengan matlamat perniagaan kami.

Dalam memastikan perkongsian yang berterusan dengan rakan niaga kami dalam program Pengedar Eksklusif Cemerlang (PEc), kami dapat melaksanakan sesi kajian semula perniagaan berstruktur untuk menilai dan merumus rancangan tindakan untuk menaiktaraf penunjuk prestasi utama, insentif berkaitan prestasi dan persekitaran kerja bagi kakitangan kami.

# mentakrifkan keupayaan pemasaran perdagangan dan pengedaran kami

1



1
Keupayaan pemasaran perdagangan dan pemasaran kami tertakrif menyampaikan perkhidmatan berkesan dan konsisten kepada pelanggan.

## kecemerlangan satu pasukan

Dengan pengenalan skim insentif yang menyeluruh bagi pasukan jualan pada tahun 2009, ganjaran prestasi ditentukan berdasarkan keputusan perniagaan. Skim tersebut membuktikan kejayaannya dengan penekanan ditumpukan ke atas sumbangan individu dan pada masa yang sama mendorong kepada prestasi kerja berkumpulan. Untuk lebih menggalakkan dan mendorong pasukan jualan kami menghasilkan prestasi yang tinggi, pencapaian yang cemerlang diberi pengiktirafan semasa majlis makan malam penghargaan.

## latihan dan pembangunan meningkat kemahiran dan amalan terbaik

Penggabungan rangkaian tidak hanya tertumpu kepada pusat pengedaran fizikal dan proses-proses tetapi juga merangkumi pengurusan perubahan kakitangan. Kami beriltizam dan telah melabur untuk memastikan pasukan jualan kami mempunyai kemahiran yang sewajarnya.

Pasukan jualan bersama dengan rakan niaga daripada program PEc telah menjalani program yang berkesan yang dinamakan sebagai 'Take Charge' untuk memupuk pemikiran positif dan membina keyakinan diri. Sebagai amalan tetap, semua kakitangan pasukan jualan kami dianjurkan menghadiri taklimat ulang kaji mengenai amalan terbaik yang harus diterapkan seperti proses 5 langkah penjualan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakan-rakan niaga kami.

# PRODUKTIVITI

Pengurusan kos yang berkesan dan bijak merupakan tumpuan utama kami pada 2009 dalam usaha kami untuk menggunakan sumber dengan berkesan dan cekap. Kami percaya bahawa dengan mengurangkan kos asas, menaiktaraf kualiti produk, mempertingkatkan kepantasan produk kami ke pasaran serta keberkesanan operasi keseluruhan kami, langkah-langkah ini akan menyediakan platform bagi entiti pengeluaran kami untuk menjadi pilihan No.1 Rangkaian Pembekal di Asia Pasifik.





**1**
Gan Geok Moi, Pemilik Tanggungjawab Kanan (kiri) dan Tan Chee Leong, Pengurus Projek daripada Pejabat Breakthrough mengatur blok-blok Breakthrough semasa pelancarannya.

**2**
Breakthrough 4 dilancarkan secara rasmi.

## Breakthrough 4

Breakthrough 4 (BT4) adalah fasa keempat usul Breakthrough yang dimulakan pada 2002. Ini merupakan kesinambungan program Breakthrough 1 (2002-2004) yang tertumpu kepada penambahbaikan prestasi dan Breakthrough 2+ (2005-2006) yang tertumpu kepada Pelanggan dan Rangkaian Pembekal hujung ke hujung dan Breakthrough 3 (2007-2008) pula menjadi Rangkaian Pembekal pilihan No. 1 di Asia Pasifik.

**Matlamat BT4 dipaparkan dalam gambar rajah di bawah:**




## mentakrifkan produktiviti untuk penggunaan sumber dengan berkesan dan cekap

### fokus pelanggan yang mengutamakan pengguna

Inisiatif di bawah tunggak ini dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan pengetahuan dan bimbingan kepada kakitangan Operasi kami untuk mewujudkan daya pemikiran dan kecekapan kualiti untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan "Buatan Malaysia yang Dibanggakan" untuk semua pelanggan kami.

### rangkaian bekalan cemerlang

Tumpuan di bawah tunggak ini pada 2009 adalah untuk memastikan bahawa kami terus menjadi pengeluar produk premium berkualiti tinggi dengan kos yang optimum.

### nilai rangkaian diperluaskan

Ini dibentuk khusus untuk memperluaskan perkhidmatan tambah nilai kepada pelanggan tempatan dan eksport dengan memahami keperluan mereka untuk memberikan penyelesaian perniagaan menyeluruh.

### pasukan cemerlang, bersatu dan dihormati

Tumpuan utama di bawah tunggak ini untuk membina satu pasukan cemerlang dengan daya pemikiran, kemahiran dan kebolehan yang tepat untuk menjadi penanda aras rangkaian bekalan.

Sejak kejayaan pelancaran Breakthrough 4 pada bulan Januari 2009, kami telah mencapai matlamat-matlamat berikut:-

- Melebihi sasaran penjimatan sebanyak 30%.
- Pengurangan aduan daripada pelanggan berkaitan dengan kualiti produk sebanyak 17%.
- Kejayaan pemasangan mesin pengeluaran tepat pada masa bagi menyokong pelancaran bungkusan DUNHILL yang baru.
- Melaksanakan program "penempatan di pasaran" bagi kakitangan Operasi keluar ke pasaran untuk mengalami dan memahami peranan Pakar Jualan.
- Memperkenalkan program "Pengalaman Membuat" kepada pelanggan dalaman kami untuk mereka mengalami persekitaran dan proses pengeluaran rokok yang diurus rapi.
- Melaksanakan program Inventori Diurus Vendor untuk pengedar khas kami di Kelantan dan Terengganu untuk mengoptimumkan bekalan stok.
- Membentuk rangka kerja bakat untuk memperkukuhkan prestasi dan kepimpinan individu untuk mewujudkan rangkaian bekalan yang profesional dan mahir.
- Kejayaan perlaksanaan pusat "pembungkusan tertier dalaman" untuk mengurangkan perbelanjaan pemasaran dalam kegiatan pembungkusan bersamanya.

1


2


**1**
Dato' Chan Choon Ngai, Pengarah Operasi di pelancaran Breakthrough 4.

**2**
Persembahan Pasukan Operasi di pelancaran Breakthrough 4.

## kesinambungan program penambahbaikan berterusan – kaizen (CI-kaizen)

Dengan kejayaan program CI-Kaizen yang dilaksanakan dalam fungsi Rangkaian Bekalan sejak Oktober 2006, program ini secara rasmi diperluaskan ke semua fungsi lain dalam Syarikat pada bulan Februari 2009. Semua kakitangan digalakkan untuk mengamalkan perubahan daya pemikiran yang positif dan menerapkan penambahbaikan berterusan dalam semua aspek pekerjaan termasuk peringkasan kerja, penjimatan kos, keselamatan, kualiti dan persekitaran. Portal CI-Kaizen dalam talian juga dilancarkan untuk mengawasi dan menilai secara lebih berkesan, inisiatif penambahbaikan berterusan yang disampaikan oleh kakitangan kami.

Pada 2009, sejumlah 2,020 inisiatif CI-Kaizen telah disempurnakan dengan purata 1 daripada 2 orang kakitangan telah menyampaikan inisiatif CI-Kaizen.







**1**
Pelancaran CI-Kaizen ke seluruh Syarikat yang dirasmikan oleh Pasukan Pengurusan Kanan sebagai Lembaga Projek.

**2**
Juara CI-Kaizen daripada semua fungsi selaku duta program.

### inisiatif CI-Kaizen seluruh Syarikat yang disempurnakan sejak 2006 hingga 2009




*Sebelum*



*Selepas*



**PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN – KAIZEN**

**Sebelum**
Stesen pembuangan kami dahulu tidak bertutup atau ditahan yang mana boleh mencederakan tangan kerana pembukaannya terdedah

**Selepas**
Penahan plastik dipasang di stesen pembuangan untuk menutup pembukaan dan dengan demikian meningkatkan keselamatan tempat kerja bagi kakitangan kami.

## memanfaatkan teknologi untuk menyokong pemasaran perdagangan dan pengedaran

Pada 2009, Syarikat memperkenalkan penggunaan komputer peribadi tablet untuk semua eksekutif pemasaran perdagangan di seluruh negara untuk menawarkan cara baru dalam pelaksanaan tugasan harian mereka di pasaran. Komputer bimbit berbentuk papan tulis, dilengkapi dengan layar sentuh dan pen digital, diperkenalkan dengan tumpuan utama untuk menawarkan akses kepada maklumat dan rujukan dengan pantas dan mudah. Ini telah meningkatkan kecekapan dalam perlaksanaan tugas harian dan mewujudkan kejelasan kepada peranan dan tanggungjawab eksekutif pemasaran perdagangan.

## sistem baru untuk membantu peramalan dan perancangan pengeluaran

Pada Jun 2009, sistem Advanced Planner and Optimiser Demand Capture (APODC) yang baru dilaksanakan untuk membolehkan Syarikat untuk memuat naik permintaan dan menyepadukan data peramalan penjualan dan perancangan pengeluaran dengan semua syarikat Kumpulan British American Tobacco di Asia Pasifik. Sistem ini telah membantu dalam peramalan dan perancangan pengeluaran yang lebih tepat, kurang memakan masa dan menjimatkan kos berbanding dengan proses yang lama di mana pengumpulan data dan penjajaran dilakukan secara manual.

Dengan sistem ini, Syarikat kini mampu mencapai kepantasan ke pasaran dan bertindak terhadap perubahan bermusim dan spontan, mengendali pengeluaran dan penjualan dengan mengambil kira turun-naik permintaan dan meraih penjimatan.

## kejayaan perlaksanaan sistem single sign-on

Bagi meningkatkan produktiviti dan meringkaskan proses untuk kakitangan kami dalam mengakses pelbagai aplikasi dalam sistem IT Syarikat, sistem Single Sign-On diperkenalkan pada 2009 untuk semua kakitangan. Sistem ini merupakan alat untuk proses log-in secara automatik bagi pengguna dan membenarkan pengawalan akses pelbagai aplikasi. Hasilnya, sistem ini dapat membantu mempertingkatkan produktiviti penggunanya.

1



**1**
Penggunaan komputer peribadi tablet diperkenalkan untuk mempertingkatkan kecekapan.

*Sebelum*



*Selepas*



### PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN – KAIZEN

**Sebelum**
Alat penghiris tembakau dahulunya melibatkan banyak menghasilkan pembuangan berlebihan dan sisa pembuangan tersangkut di bahagian tepi mesin. Sisanya kemudian dikutip dan dimasukkan semula ke proses menghiris.

**Selepas**
Sebuah pelongsor logam dipasang pada alat penghiris tembakau untuk membolehkan sisa buangan lebihan jatuh ke kawasan penghantar semasa proses penghirisan dilakukan dan ini akan mengelakkan daripada mengumpul sisa-sisa dan memasukkannya semula ke dalam proses penghirisan. Hasilnya, ini dapat membantu meningkatkan produktiviti.

# TANGGUNGJAWAB

Tanggungjawab membentuk tunggak teras strategi perniagaan British American Tobacco Malaysia. Pada 2009, kami kekal fokus dalam menampilkan kebertanggungjawapan kami dalam perilaku korporat dalam masyarakat di mana kami beroperasi sekaligus mengurangkan kesan operasi kami terhadap persekitaran, yang merupakan aspek penting dalam kesinambungan jangka panjang perniagaan kami.

British American Tobacco Malaysia memberi penekanan bahawa Tanggungjawab Korporat (TK) tidak dianggap sebagai suatu usaha "menanda kotak". Tanggungjawab sudah diterapkan dalam nadi perniagaan kami sejak kami memulakan perniagaan kami lebih daripada 90 tahun yang lalu dan bagi kami, menjalankan perniagaan yang bertanggungjawab adalah sama pentingnya dengan menjana Pertumbuhan dan Produktiviti di samping membangunkan Organisasi Cemerlang.

Sebagai tunggak teras strategi perniagaan British American Tobacco Malaysia, Tanggungjawab memberi makna lebih daripada sekadar menyatakan kuantiti bagaimana operasi perniagaan kami dilaksanakan – inilah dia prasyarat yang menetapkan strategi dan tujuan bagaimana Syarikat kami memperoleh pendapatannya, dan bukan bagaimana pendapatannya dibelanjakan. Melalui iltizam ini, Syarikat kami sebagai warganegara korporat yang bertanggungjawab dan peneraju pengeluar tembakau di Malaysia, memperakui keperluan untuk mengukuhkan tanggungjawabnya terhadap perilaku korporat, terhadap masyarakat dalam mana kami beroperasi, dan mengurangkan kesan terhadap persekitaran.

Lebih-lebih lagi pada masa ketidakmenentuan ekonomi pada masa kini, apabila kebimbangan memperolehi keuntungan sesebuah syarikat membawa makna pengurangan tumpuan kepada inisiatif tanggungjawab korporat, British American Tobacco Malaysia tetap percaya dan menyokong bukan sahaja inisiatif tanggungjawab korporat terus digiatkan, malah lebih dimantapkan lagi bagi memastikan kesinambungan perniagaan. Ini terbukti melalui pelbagai inisiatif yang dianjurkan Syarikat pada 2009.

Selain itu, British American Tobacco Malaysia mendahului dalam melaksanakan inisiatif Tanggungjawab Korporatnya selaras dengan Petunjuk Inisiatif Pelaporan Global (GRI) dalam Laporan Tahunan ini untuk memastikan laporan yang komprehensif dan padat. Ini membuktikan iltizam kami untuk menunaikan janji kami dalam percontohan kebertanggungjawapan kami.

British American Tobacco Malaysia dengan ini akan terus giat dengan tekunnya dalam usaha Tanggungjawab Korporatnya untuk mengukuhkan perilaku bertanggungjawab dalam semua usaha kami dalam korporat, sosial dan persekitaran.

## Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat British American Tobacco Malaysia

## menampilkan kepimpinan tertakrif dalam tanggungjawab korporat

## tadbir urus tanggungjawab korporat – komitmen pihak atasan

Pentadbiran urus tanggungjawab korporat kami merupakan suatu proses yang diambil berat oleh British American Tobacco Malaysia, kerana Tanggungjawab Korporat amat penting diterapkan dalam semua aspek operasi perniagaan kami.

Sementara satu pasukan khas Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) ditugaskan untuk menyelaras dan melaksanakan inisiatif TK, Syarikat ditadbir urus oleh Jawatankuasa TSK yang terdiri daripada semua ahli pengarah fungsian atau dikenali sebagai Kumpulan Pengurusan Kanan Tertinggi. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan ini melapor mengenai inisiatif TK Syarikat kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit dan bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Barisan pelaporan selanjutnya dipanjangkan kepada Jawatankuasa TSK Serantau British American Tobacco yang kemudiannya melaporkan kepada Jawatankuasa Global TSK British American Tobacco.

Objektif Jawatankuasa TSK adalah seperti berikut:

- Mengenalpasti dan mengurus isu-isu utama sosial dan persekitaran;
- Berhubungkait dengan pihak berkepentingan melaksana mengenai inisiatif TK;
- Memantau kecekapan dan keberkesanan sistem dan kawalan pengurusan TK;
- Memastikan keandalan pengurusan prestasi maklumat sosial dan alam sekitar; dan
- Memantau keselarasan dengan Penyata Prinsip Perniagaan Syarikat – Manfaat Bersama, Pengawasan Produk Bertanggungjawab serta Tatalaku Korporat yang Baik.

## rangka kerja TK British American Tobacco Malaysia

Rangka TK Syarikat adalah selaras dengan rangka TSK Bursa Malaysia yang dilaksanakan sebagai garis panduan untuk syarikat-syarikat tersenarai awam dalam perlaksanaan dan pelaporan tanggungjawab sosial korporat.

Sejajar dengan ini, inisiatif TK British American Tobacco Malaysia disepadukan selaras dengan empat tunggak dan bidang tumpuan yang merangkumi Masyarakat, Tempat Kerja, Persekitaran dan Tempat Pasaran.



# Tunggak Masyarakat

Penglibatan kami di dalam masyarakat didorongi oleh iltizam kami untuk menaiktaraf masyarakat dalam mana kami beroperasi dan pada 2009, kami mengadakan pelbagai aktiviti untuk mencapai tujuan ini melalui Yayasan British American Tobacco Malaysia.

## biasiswa untuk pelajar yang layak

Yayasan British American Tobacco Malaysia berhasrat untuk menggalakkan, membangun dan mempertingkatkan peluang pendidikan kepada pelajar yang layak dan sejajar dengan keyakinan ini, program biasiswa kami dilanjutkan kepada kakitangan dan anak-anak mereka serta komuniti peruncit dan penanam dan pengawet daun tembakau yang layak.

Kami memperbaharui iltizam kami pada 2009 dengan meningkatkan nilai biasiswa di semua kategori, sementara mengekalkan ciri jelas Yayasan Biasiswa British American Tobacco Malaysia yang membezakan daripada biasiswa yang lain – ia merupakan biasiswa yang tidak terikat dan penerima biasiswa boleh memilih mana-mana kursus atau pusat pengajian tinggi yang diminati di Malaysia.

Para penerima biasiswa juga diberi peluang untuk menyertai British American Tobacco Malaysia sebagai pelatih sekiranya kursus mereka membenarkan atau memerlukannya. Setelah tamat pengajian, mereka juga akan berpeluang untuk memohon menjalani Program Pelatih Pengurusan Global Syarikat.

Pada 2009, Yayasan British American Tobacco Malaysia telah menawarkan sejumlah RM307,000 kepada 17 penuntut untuk tempoh sehingga tamat kursus pengajian tinggi mereka.

## meringankan beban permulaan di universiti

Yayasan British American Tobacco Malaysia dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara bekerjasama buat tujuh tahun berturut-turut dalam program Pendahuluan Pendidikan Tinggi (PPT), satu inisiatif yang diwujudkan dengan tujuan memberi bantuan kewangan kepada anak-anak masyarakat penanam tembakau di Malaysia untuk membantu mereka membayar kos permulaan memasuki universiti atau kolej.

Pada 2009, sekitar 300 pelajar ditawarkan PPT yang berjumlah RM214,000, merupakan jumlah yang dibiayai sama rata oleh Yayasan British American Tobacco Malaysia dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara. Penerima PPT ditawarkan wang berjumlah RM500 untuk kursus diploma manakala kursus ijazah ditawarkan dengan RM700.

## menggalakkan semangat sukarelawan kakitangan

Sejak permulaannya pada 2007, program Khidmat Sukarela Pekerja (KSP) telah mendorong minat dan penyertaan tulus ikhlas ratusan kakitangan di British American Tobacco Malaysia, yang berdedikasi untuk menawarkan satu kelainan kepada masyarakat di mana Syarikat beroperasi.

Pada 2009, KSP mengambil pendekatan yang lebih meluas, iaitu dengan membuka penyertaan kepada ahli keluarga kakitangan buat pertama kalinya, sambil menambah tumpuannya terhadap pemuliharaan alam sekitar.

Pada bulan April 2009, 48 kakitangan meluangkan masa setengah hari di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk menanam sekitar 150 pokok Karas (juga dikenali sebagai pokok Gaharu). Pokok-pokok ini setelah cukup matang, akan digunakan oleh pasukan penyelidik di FRIM untuk pengajian alam sekitar.

Pada Julai 2009, 30 kakitangan telah membawa warga tua daripada Rumah Orang-Orang Tua Caring di Kajang untuk bersiar-siar ke Putrajaya. Seramai 39 warga tua tersebut telah dibawa untuk pelayaran persiaran selama sejam di Tasik





**1**
Ramli Haji Thamby Hashim, Ketua Bahagian Daun (tengah) menyampaikan PPT kepada anak-anak golongan penanam tembakau.

**2**
William Toh Ah Wah, Pengarah Urusan (kiri) di Majlis Anugerah Biasiswa, Yayasan British American Tobacco Malaysia 2009.

Putrajaya yang mana kemudiannya dibelanjakan makan tengah hari dan turut serta dalam sesi khas menari "cha-cha".

Satu kerjasama rintis dengan Pembekal Kongsi Khidmat Teknologi Maklumat Global British American Tobacco (GSD) diadakan pada Oktober 2009 yang mana kakitangan kami bersama 30 kakitangan GSD bergotong-rotong membersihkan Air Terjun Kanching di Rawang. Sampah-sampah yang dikumpul kemudiannya dihantar untuk dikitar semula.

## membina semula kehidupan akibat bencana alam

Sebagai sebahagian daripada inisiatif Pelaburan Sosial Korporat Syarikat, kami sokong penuh dalam membantu masyarakat yang ditimpa bencana alam baik tempatan mahupun di rantauan bagi meringankan beban mereka yang malang.

Pada Mac 2009, hujan lebat dan banjir kilat telah memusnahkan 2,000 tanaman penanam tembakau di Kelantan dan Terengganu yang mengakibatkan anggaran kerugian sebanyak RM23 juta. Syarikat telah menghulurkan bantuan kewangan sekitar RM10 juta untuk membantu penanaman semula tembakau. Melalui kerjasama dengan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara, pemantauan atau kemajuan penanaman semula kerap dijalankan untuk memastikan penumbuhan tanaman yang boleh bertahan untuk meningkatkan taraf kehidupan golongan masyarakat penanam tembakau.

Selain itu, pada akhir tahun, para kakitangan telah menghulurkan bantuan kepada masyarakat di Padang, Indonesia yang mengalami kerugian akibat gempa bumi melalui kutipan derma anjuran Kelab Sukan Syarikat. Derma yang dikutip dihantar ke rakan sejawat di Indonesia untuk perbelanjaan mereka yang memerlukannya.

1


2


3


**1**
Kakitangan berdiri bangga selepas menanam pokok di FRIM.

**2**
Kakitangan bersama warga tua daripada Rumah Orang-Orang Tua Caring di Putrajaya.

**3**
Christine Lee, Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan (kiri), Y.B. Senator A Kohilan Pillay, bekas Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (tengah) and Dato' Chan Choon Ngai, Pengarah Operasi, memeriksa tanaman yang rosak.



**Maxine Lim**
**Pelatih Pengurusan**
*Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Perundangan*

**Maxine merupakan peserta tetap program Khidmat Sukarela Pekerja (KSP) dan pada 2009 beliau menyertai program penanaman pokok dan juga menghabiskan masa dengan wargatua daripada Rumah Orang-Orang Tua Caring.**

"Saya mendapati bahawa KSP Syarikat memberikan kesempatan yang baik bagi kakitangan untuk keluar dan menyumbang membantu masyarakat. Saya percaya bahawa kegiatan masyarakat bukan setakat memberi bantuan kewangan kepada yang miskin dan melalui program KSP inilah saya sedari ia merupakan lebih daripada itu. Ia juga merupakan peluang meluangkan masa bersama mereka dan membawa senyuman di wajah mereka!

Untuk kegiatan KSP pertama tahun ini, 48 daripada kakitangan kami bekerja keras di bawah matahari terik untuk menanam pokok di FRIM. Melihatkan tanah yang penuh dengan anak-anak pokok hasil titik peluh kami benar-benar membanggakan kami.

Saya berasa bertuah menjadi sebahagian daripada organisasi dalam usaha menyampaikan kelainan dan tidak sabar untuk mengambil bahagian dalam KSP seterusnya tahun depan."

# Tunggak Tempat Kerja

Kakitangan kami merupakan aset paling diutamakan kami dan bagi 2009, kami terus mewujudkan budaya tempat kerja yang serasi yang membolehkan mereka menyerlahkan potensi mereka sepenuhnya.

## penglibatan kakitangan

British American Tobacco Malaysia yakin bahawa dengan melibatkan kakitangan di setiap peringkat perniagaan adalah penting untuk mencapai hasil perniagaan serta menyampaikan strategi Syarikat. Pelbagai saluran komunikasi seperti melalui Biz Update (sesi dewan kakitangan), taklimat *'team talk'*, majalah dalaman dan perkembangan terkini melalui portal dalaman kakitangan digunakan untuk menyampaikan matlamat dan objektif Syarikat dengan jelas kepada setiap kakitangan.

## penyediaan tempat kerja selesa

Pada 2009, pejabat dan kafeteria kakitangan kami di Petaling Jaya telah diubahsuai secara besar-besaran. Bangunan pejabat diubahsuaikan untuk menyediakan ruang kerja yang lebih selesa manakala kafeteria diubah menjadi tempat makan serba canggih dan terkini. Perubahan keseluruhan bangunan pejabat dan kafeteria merupakan sebahagian daripada daya usaha Syarikat berterusan untuk menyediakan tempat kerja yang terbaik untuk kakitangannya.

## tawaran menarik untuk kakitangan

Dalam usaha membina organisasi cemerlang yang mempunyai saluran bakat yang mapan, Syarikat telah berusaha mempertingkatkan tawaran-tawarannya supaya lebih menarik seperti:

- struktur ganjaran yang memberi ganjaran yang kompetitif mengikut prestasi
- peluang perkembangan kerjaya yang kukuh
- program perkembangan bakat yang teguh
- persekitaran tempat kerja yang hebat
- memberi penekanan kepada keseimbangan kerja-kehidupan serta kebajikan kakitangan

Dengan saranan-saranan tersebut diatas, kami percaya kami mempunyai reputasi yang kukuh dan jelas berlainan sebagai Majikan Terbaik di Malaysia.

*Keterangan lanjut bahagian ini boleh didapati dalam seksyen Organisasi Cemerlang dalam Laporan Tahunan ini*

## model majikan terbaik








**1**
Sesi Biz Update membekalkan kakitangan dengan maklumat terkini.

**2**
Kafeteria kami yang diubahsuai menyediakan persekitaran menjamu selera yang lebih baik.

# Tunggak Persekitaran

## Kami mengakui bahawa operasi kami membawa kesan kepada persekitaran dan kami percaya bahawa menjadi tanggungjawab kami untuk mengurangkan kesannya terhadap dunia yang mempunyai sumber alam yang terhad dan perubahan iklim yang membimbangkan. Iltizam kami pada 2009 dibuktikan melalui pematuhan kepada tahap piawaian perlindungan persekitaran yang tinggi serta prinsip-prinsip pembangunan mapan.

### mengurus operasi dengan bertanggungjawab

British American Tobacco Malaysia menyedari bahawa Kualiti, Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan merupakan elemen penting yang menentukan tahap kepimpinan dan kemapanan operasi perniagaan kami. Oleh demikian, satu sistem sepadu pengurusan direkabentuk dan dilaksanakan oleh anak syarikat perkilangan milik penuh kami, Tobacco Importers and Manufacturers Sdn. Bhd. untuk mencapai tahap kualiti dan produktiviti yang tinggi di kalangan kakitangan sementara meminimumkan risiko persekitaran, kesihatan dan keselamatan.

Bukti berterusan kami terhadap pematuhan piawaian antarabangsa melalui sistem ini adalah melalui pensijilan yang berturut-turut sejak 2003 bertaraf antarabangsa oleh Juruaudit luar, Lloyd's Register Quality Assurance pada Oktober 2009 berikut:

- ISO 9001:2008 bagi Sistem Pengurusan Kualiti
- ISO 14001:2004 bagi Sistem Pengurusan Persekitaran
- OHSAS 18001:2007 bagi Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan

Syarikat juga telah berjaya berhijrah persijilan ISO 9001:2008nya bagi sistem pengurusan kualiti daripada versi 2000 kepada versi 2008 terkini, contoh keutuhan dan keteguhan sistem sepadu pengurusannya.

### peningkatan tekal amalan persekitaran

Kami percaya dalam tekal meningkatkan dan menaik taraf amalan-amalan persekitaran kami bagi mencapai tahap prestasi persekitaran bertaraf dunia. Usaha kami yang berterusan termasuk menaik taraf Loji Rawatan Efluen (ETP) dengan pemasangan penapis ultra tambahan untuk mematuhi piawaian korporat yang ketat. Di samping itu, luahan akhir air daripada ETP diproseskan melalui penapis ultra dan dikitar semula untuk perkebunan dan cucian am.

Syarikat juga telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan penggunaan air dan elektrik melalui pemasangan sistem urinal tanpa air dan penderia gerakan dalam semua tandas di dalam premis Syarikat, pemasangan sistem penjimatan elektrik dalam Loji Dry Ice Expanded Tobacco (DIET) serta menggantikan kompresor udara di kilang dengan unit yang lebih cekap tenaga. Tambahan lagi, dua unit alat penjimat tenaga dipasang pada dandang untuk mengitar semula tenaga haba yang dilepaskan dan mengurangkan bahan bakar fosil. Semua dandang kami menggunakan gas asli menggantikan diesel sejak 2005.

Kami juga telah mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan kesedaran dan penglibatan kakitangan kami dalam kitar semula dengan menyediakan tong-tong kitar semula untuk pembuangan kertas, plastik dan aluminium di lokasi-lokasi utama dalam premis Syarikat. Selain iu, langkah tambahan yang diambil oleh Syarikat dalam mengitar semula adalah dengan meletakkan tangki tadahan air hujan di bangunan Syarikat yang kemudiannya digunakan untuk tujuan perkebunan.







**1**
Penapis ultra tambahan dipasang pada ETP.

**2**
Unit kompresor udara baru yang dipasang bagi mencapai kecekapan tenaga.

Syarikat juga telah mencatitkan penurunan dalam jumlah sisa dan akan terus berusaha ke arah pengurusan sisa yang bersesuaian. Berikut ringkasan pencapaian kami setakat ini:

Jumlah sisa bagi 2006, 2007, 2008 dan 2009

| Tahun | Jumlah Sisa |
|---|---|
| 2006 | 4,226 tan |
| 2007 | 2,298 tan |
| 2008 | 1,957 tan |
| 2009 | 1,949 tan |

## program pementoran persekitaran, kesihatan dan keselamatan

Program Pementoran Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan (EHS) merupakan program tiga tahun dibentuk bertujuan menanda aras tahap EHS rakan niaga utama berbanding EHS kami dan berkongsi amalan terbaik.

Berikutan kejayaan fasa pertama program ini, dua daripada rakan niaga utama kami - AMB Packaging dan MISC Logistics kini sedang menjalani program ini yang bermula sejak 2008 untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam amalan terbaik EHS. Audit garis asas telah dijalankan dan keputusannya akan digunakan sebagai tanda aras bagi usaha penambahbaikan berterusan dalam audit-audit tahunan akan datang.

## mengurangkan penggunaan kertas

Pada Ogos 2009, syarikat telah memulakan langkah-langkah pemuliharaan kertas bukan setakat mengurangan penggunaan kertas, tetapi juga untuk mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan dalam pemuliharaan persekitaran.



Kakitangan British American Tobacco Malaysia menyertai sukarelawan lain membersihkan pantai sebagai sebahagian daripada program pemuliharaan biodiversiti.

Seorang 'Juara Hijau' dilantik daripada setiap bahagian untuk mengetuai usaha ini dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Langkah-langkah yang diambil termasuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan di kalangan kakitangan termasuk penghantaran e-mel kepada semua kakitangan cara-cara mengurangkan penggunaan kertas dan yang mana boleh, mesin pencetak diprogramkan untuk mencetak pada kedua-dua belah kertas dan diubah kepada EconoMode (dakwat cetakan pudar) untuk mencetak bagi menjimatkan dakwat serta toner.

Sebagai insentif tambahan, kakitangan dialu-alukan untuk memberi idea mereka cara-cara menjimatkan kertas melalui laman portal Baikpulih Berterusan-Kaizen (Cl-Kaizen), dan sekiranya idea mereka digunapakai, kakitangan tersebut akan diberi mata Cl-Kaizen (sila rujuk kepada muka surat 52 mengenai Program Cl-Kaizen dalam bahagian Produktiviti, Laporan Tahunan ini).

Setakat ini, jumlah sebanyak 585,098 keping kertas bersamaan dengan 6.6 padang bola sepak telah berjaya dikurangkan seluruh Syarikat berdasarkan bertentangan dengan sasaran permulaan yang ditetapkan. Inisiatif pengurangan kertas ini akan diteruskan dalam 2010 dengan pemantauan berkala ke atas prestasinya.

## menerapkan kesedaran tentang biodiversiti

Pada bulan Ogos 2009, empat kakitangan kami terpilih untuk mengambil bahagian dalam program biodiversiti tahunan yang dikenali sebagai Program Borneo di Kawasan Pemuliharaan Lembah Danum dan Hutan Simpanan Malua, Sabah untuk mempelajari kepentingan biodiversiti dan bagaimana mereka boleh melakukan perubahan bagi melindunginya.

Sekembalinya mereka, salah seorang daripada peserta telah dianugerahkan geran bernilai £1,500 oleh British American Tobacco Diversity Partnership untuk memulakan program pemulihan biodiversitinya sendiri – suatu cabaran yang terus digalas oleh peserta tersebut. Program peserta tersebut tertumpu kepada mewujudkan kesedaran tentang biodiversiti marin dan persekitarannya sambil menyumbang secara langsung kepada pemuliharaannya melalui pembersihan pantai dan mengumpul kaji selidik data terumbu karang yang dilaksanakan untuk menaksir kesihatan terumbu karang. Seramai enam orang kakitangan British American Tobacco Malaysia mengambil bahagian dalam program pemuliharaan yang berlangsung di Pulau Tinggi, Johor pada Oktober 2009.

Di samping itu, Syarikat juga melancarkan Modul Dalam Talian Pembelajaran Biodiversiti pada Jun 2009. Seramai 66 kakitangan telah mengikuti modul ini yang memberikan pengetahuan berkenaan biodiversiti dan bagaimana seseorang itu boleh melakukan perubahan untuk memuliharanya. Modul ini akan diperkenalkan kepada semua kakitangan pada 2010.

## perniagaan positif karbon

Program penghutanan semula British American Tobacco Malaysia yang dimulakan pada 2002 membuktikan iltizam syarikat untuk menjalankan sebuah operasi perniagaan yang mapan dari segi persekitaran. Sehingga kini, lebih 6,000 hektar telah ditanam dengan pelbagai jenis pokok di Unit Pengurusan Hutan (FMU) No. 4, di Ulu Tungud, Sabah, iaitu bersamaan dengan 8,219 padang bola dan pensekuesteran sebanyak 229,020 tan karbon dioksida setiap tahun.

Satu pihak ketiga juruaudit luaran, SGS Forestry, turut menjalankan pemeriksaan tahunan bagi menentusahkan keluasan hektar bersih pokok yang masih hidup serta pertumbuhannya. Selain itu, rakan kongsi program penghutanan semula TSH Resources Berhad sentiasa menjalankan pemantauan berterusan dan penyelenggaraan pokok-pokok yang ditanam.

Pada 2009, jumlah pelepasan emisi karbon dioksida British American Tobacco Malaysia adalah sebanyak 29,940 tan dan berdasarkan unjuran perniagaan semasa, British American Tobacco Malaysia akan terus menjalankan operasinya yang positif karbon sehingga 2024. Seterusnya, kami akan terus mengekalkan program ini dan memantau perkembangannya.

## pendirian menentang pemanasan global

Pada 28 Mac 2009, British American Tobacco Malaysia dan kakitangannya turut serta dengan berjuta-juta manusia seluruh dunia dalam meningkatkan kesedaran ke atas perubahan iklim melalui 'Earth Hour'.

Semua lampu yang tidak perlu, ditutup di premis kami di Petaling Jaya selama satu jam dari 8.30 malam hingga 9.30 malam dalam menyokongpadu usaha tersebut. Tambahan lagi, seramai 603 kakitangan di seluruh Syarikat menjanjikan iltizam mereka untuk turut menutup lampu di rumah masing-masing semasa 'Earth Hour'.

Syarikat sekali lagi berhasrat untuk menyertai acara ini pada 2010 dan berusaha mendapatkan lebih ramai penyertaan daripada kakitangan kami.







**1**
Perniagaan karbon positif melalui program penghutanan semula.

**2**
Rakan kongsi program penghutanan semula kami, TSH Resources Bhd. menjalankan pemantauan dan penyelenggaraan pokok-pokok yang ditanam.



**Michael Tan**
**Eksekutif Jenama**
Pemasaran

**Michael merupakan seorang peserta Program Borneo 2009, yang mana beliau telah melalui cabaran selama 10 hari di dalam hutan di Sabah untuk mempelajari tentang biodiversiti. Sekembalinya, beliau telah dianugerahkan geran bernilai £1,500 oleh British American Tobacco Biodiversity Partnership untuk memulakan projek biodiversitinya sendiri.**

"Secara keseluruhannya saya percaya bahawa Program Borneo ini telah meluaskan lagi pengetahuan saya tentang biodiversiti terutama penghargaan saya terhadap usaha biodiversiti, hutan hujan dan peranannya, khidmat ekosistem serta usaha-usaha pemuliharaan sedia ada.

Saya juga amat menghargai kerana diberi peluang untuk memulakan program biodiversiti tempatan saya sendiri ke atas 'Pemuliharaan Batu Karang dan Biodiversitinya' dan saya percaya program ini berjaya menyebarkan kesedaran berkenaan biodiversiti marin dan persekitarannya kepada para peserta.

Setelah menyertai kedua-dua program ini, saya kini sedar kaitan biodiversiti dalam kehidupan dan kerjaya saya. Saya benar-benar terdorong terus menyebar kesedaran biodiversiti ini dengan rakan sekerja dan rakan-rakan saya".

# Tunggak Tempat Pasaran

## Rokok tidak sah terus merupakan kebimbangan utama bagi industri rokok dan pihak Kerajaan. Pada 2009, kami terus mempamerkan iltizam kami dalam menangani masalah ini melalui pelbagai inisiatif dan bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan kami dalam memerangi masalah rokok tidak sah di Malaysia.

Kajian Rokok tidak sah terkini yang dijalankan oleh Gabungan Pengilang Tembakau Malaysia (GPTM) menunjukkan bahawa perdagangan tidak sah telah meningkat kepada 38.7%. Kadar tertinggi ini terus memberi kesan kepada volum pasaran rokok sah dan juga Kerajaan kerana kerugian perolehan cukai yang besar. Jika dibiarkan begitu sahaja, perdagangan tidak sah akan terus memberi kesan yang mudarat.

Bagi menangani masalah ini, British American Tobacco Malaysia terus melibatkan pihak-pihak berkepentingan melalui dialog serta melaksanakan pelbagai inisiatif lain dalam menangani isu ini.

### memerangi rokok tidak sah di pasaran

Pada 2009, British American Tobacco Malaysia melalui GPTM bekerjasama dengan Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) serta persatuan-persatuan peruncit utama untuk menjalankan program bertujuan meningkatkan kesedaran ke atas kemelaratan isu ini di Malaysia melalui pengedaran risalah maklumat dalam Bahasa Malaysia dan Cina kepada kira-kira 90,000 peruncit di seluruh negara. Risalah tersebut memberi penjelasan tentang aktiviti penguatkuasaan yang diambil agensi penguatkuasa, undang-undang serta hukuman berkaitan perdagangan rokok tidak sah di samping petunjuk utama rokok sah.

Juga terdapat penerangan bergerak dan dialog yang dianjurkan bersama oleh GPTM bersama-sama dengan agensi penguatkuasa tempatan dan Lembah Sari Sdn. Bhd. (pembekal dakwat keselamatan dan setem cukai) untuk melibatkan peruncit-peruncit di kawasan utama perdagangan tidak sah bagi memberi maklumat mengenai pelbagai ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada rokok sah serta mengutarakan undang-undang dan hukuman menjual rokok tidak sah.

British American Tobacco Malaysia sentiasa melibatkan pelbagai agensi penguatkuasa termasuk KDRM, Polis Marin, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia melalui dialog bagi membangkitkan kesedaran keadaan perdagangan tidak sah serta cara untuk mengenalpasti jenama-jenama tidak sah di beberapa rantau.

Kami tetap komited untuk melakukan apa sahaja yang kami fikir wajar untuk bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan kami dalam menangani isu ini dan seterusnya pada tahun 2010, kami akan terus tumpu memerangi isu tersebut.

### perkembangan kawal selia pada 2008

British American Tobacco Malaysia bersetuju bahawa produk tembakau perlu dikawal selia sewajarnya kerana kami akui penggunaan bahan-bahan tembakau mendatangkan risiko kepada kesihatan. Namun, kami percaya bahawa kawal selia perlu diseimbangkan untuk memenuhi matlamat sosial dan perdagangan.

Tahun lalu terdapat beberapa perkembangan kawal selia yang mengakibatkan beberapa pindaan kepada Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 yang diumumkan pada 2008 dan dilaksanakan pada 2009, serta penambahan lagi kepada keperluan kawal selia yang diperkenalkan pada 2009.



2




**1**
Sesi penerangan bergerak dan dialog dijalankan untuk melibatkan peruncit dan memberi maklumat tentang perkara berkaitan rokok tidak sah.

**2**
Risalah maklumat diedarkan kepada kira-kira 90,000 peruncit seluruh Malaysia.

Pada 2008, pindaan kepada Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 yang berkuatkuasa pada 2009 adalah:

a. Pelabelan pada hasil tembakau pada 1 Jun 2009 seperti berikut:
   - amaran kesihatan bergambar pada 40% bahagian depan pek dan karton serta 60% pada bahagian belakang pek dan karton;
   - penambahan amaran teks dan/atau keperluan pelabelan pada pek rokok:
     1. Teks amaran kesihatan pada panel sisi pek rokok dan karton: 'Produk ini mengandungi lebih 4000 bahan kimia termasuk tar, nikotina dan karbon monoksida yang membahayakan kesihatan';
     2. Bilangan batang rokok dalam setiap pek dan bilangan pek dalam setiap karton;
     3. Nama dan alamat pengilang atau pengimport;
     4. Penyata teks: *'Dilarang Jual Kepada Orang Bawah Umur 18 Tahun'*; dan
     5. Tarikh dikilang (Hari/Bulan/Tahun).

b. Larangan terhadap penggunaan pemerian pada pek rokok yang mana perkataan atau istilah seperti "light", "ultra light", "mild", "cool", "extra" dan "low tar" tidak lagi dibenarkan. Larangan ini termasuk mana-mana istilah, perkataan atau perihalan apa-apa pemerian lain yang sama erti dengan di atas yang mewujudkan tanggapan yang salah atau palsu bahawa sesuatu hasil tembakau itu adalah kurang berbahaya daripada suatu hasil tembakau yang lain.

Pindaan kawal selia pada 2009 kepada Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 adalah:

- Berkuatkuasa 28 Mei 2009, mana-mana hasil tembakau dilarang dijual bersama hasil bukan tembakau atau hasil tembakau yang lain.
- Berkuatkuasa 1 Januari 2010 dan berdasarkan struktur cukai terkini, harga minimum sebatang rokok sebanyak 32 sen sebatang dan ini bermaksud bagi harga satu pek 20 batang, harga minimum adalah RM6.40 satu pek. Harga minimum ini akan diubah berdasarkan sebarang perubahan kepada struktur cukai pada masa hadapan. Semua peruncit dikehendaki mempamerkan dengan jelas notis harga minimum di kaunter atau di tempat mana rokok dijual.
- Semua pengilang dan pengimpot mesti megisytiharkan Harga Jualan Runcit (HJR) hasil tembakau mereka kepada Kementerian Kesihatan dalam masa 14 hari bermula 1 Januari 2010. Sebarang perubahan kepada HJR bagi hasil tembakau baru yang diperkenalkan selepas 1 Januari 2010 turut perlu diisytiharkan dalam masa 14 hari sebelum pengenalannya.
- Larangan diskaun harga pada hasil tembakau adalah seperti berikut:
  1. Diskaun harga tidak boleh melebihi 5% daripada HJR yang diisytiharkan kepada Kementerian Kesihatan;
  2. Sebarang diskaun harga tidak boleh melebihi tiga kali setahun bagi setiap syarikat dalam setahun;
  3. Tempoh diskaun harga tidak boleh melebihi 30 hari;
  4. Selain itu, apa-apa perubahan kepada HJR tidak boleh disertai dengan perkataan promosi sama ada pada pek atau tempat jualan atau paparan; dan
  5. Pengilang dan pengimport mesti megisytiharkan sebarang perubahan kepada HJR mereka akibat kenaikan eksais atau cukai.

Akhir sekali, Kerajaan mengumumkan bahawa berkuatkuasa 1 Jun 2010, semua pek yang mempunyai kurang daripada 20 batang rokok tidak dibenarkan lagi dijual di pasaran.

## mematuhi undang-undang tempatan serta Piawaian Pemasaran Antarabangsa (PPA) 2 kumpulan British American Tobacco

Selain pematuhan kepada undang-undang tempatan, British American Tobacco Malaysia dipandu oleh susunan piawaian pemasaran dalaman yang jelas, dikenali sebagai Piawaian Pemasaran Antarabangsa 2 (PPA 2) yang memperincikan garis panduan dalam semua aspek pemasaran tembakau. Keutamaan PPA 2 adalah ketetapan iltizam kami untuk memastikan aktiviti pemasaran tidak ditujukan kepada, atau menambat hati belia.

Untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang tempatan dan piawaian pemasaran dalaman, British American Tobacco Malaysia mewujudkan satu proses yang memerlukan perundingan dengan Bahagian Perundangan dan Hal Ehwal Kawal Selia untuk semua aktiviti pemasaran bagi memastikan pematuhan kepada keperluan undang-undang tempatan dan PPA 2.



**Victor Leow**
**Pengurus Jenama**
*Pemasaran*

**Victor telah menyertai bengkel ulang kaji Piawaian Pemasaran Antarabangsa 2 (PPA 2) pada September 2009 yang merupakan program latihan tahunan yang bertujuan untuk memberi ulang kaji kepada kakitangan berkaitan kepada PPA 2 British American Tobacco dan perkembangan terkini kawal selia tembakau tempatan.**

"Saya dapati latihan PPA 2 ini adalah amat berguna kerana mengemaskinikan saya setiap tahun perkembangan kawal selia berkenaan pengawalan tembakau.

Sepertimana industri lain yang dikawal selia dengan ketat, bekerja dalam industri tembakau bermakna memerlukan lebih kesedaran terhadap tanggungjawab kami, terutamanya sebagai peneraju pasaran dalam industri.

Sesi latihan ini menyebabkan kami bekerja dengan lebih berkesan dan cekap kerana setiap orang sehaluan terhadap perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Lebih-lebih lagi pematuhan kepada keperluan undang-undang dan PPA 2 memastikan produk kami dipasarkan dengan bertanggungjawab."

## penunjuk prestasi inisiatif pelaporan global (GRI)

British American Tobacco Malaysia percaya kepada ketelusan dan kebertanggungjawapan dalam pelaporan untuk menanda aras kecekapan organisasi dalam aspek prestasi ekonomi, alam sekitar dan sosial Syarikat.

Untuk mencapai matlamat ini, Syarikat telah mengambil inisiatif untuk menerapkan Penunjuk Prestasi Inisiatif Pelaporan Global (GRI) dalam laporan ini untuk memberi lebih banyak maklumat yang komprehensif dan padat. British American Tobacco Malaysia terpanggil untuk menjadi perintis dalam memperlihatkan penunjuk ini kerana ia membentuk bahagian penting dalam Garis Panduan Pelaporan GRI dan langkah ini juga adalah selari dengan visi GRI di mana Garis Panduan Pelaporan GRI digunakan sebagai asas oleh organisasi dalam laporan tahunan mereka.

Untuk maklumat lanjut tentang Inisiatif Pelaporan Global (GRI), sila layari www.globalreporting.org

| KOD GRI | KAWASAN KEPENTINGAN | MAKLUM BALAS BAGI TAHUN 2009 |
|---|---|---|
| **EC1** | Nilai ekonomi langsung yang dijana serta diagihkan, termasuk hasil, kos pengendalian, pampasan kakitangan, derma serta pelaburan komuniti yang lain, perolehan tertahan, dan pembayaran kepada penyedia modal serta kerajaan | Nilai ekonomi langsung yang dijana (Hasil) – RM3,928,891,000<br><br>Nilai ekonomi yang diagihkan:<br>Kos pengendalian – RM977,678,000<br>Upah dan faedah kakitangan – RM127,757,000<br>Bayaran kepada penyedia modal – RM673,851,000<br>Bayaran kepada kerajaan dalam bentuk cukai – RM2,075,872,000<br>Pelaburan masyarakat – RM800,000<br><br>Nilai ekonomi tertahan: RM72,933,000 |
| **EC2** | Implikasi kewangan serta risiko dan peluang lain bagi aktiviti organisasi akibat daripada perubahan iklim | British American Tobacco Malaysia berterusan melaksanakan langkah-langkah bagi mengurangkan kesan alam sekitar dalam perniagaannya dengan mengguna pakai pendekatan berbilang serampang usaha yang merangkumi mengubah tingkah laku kakitangan, melabur dalam teknologi baru, mempertingkatkan reka bentuk produk serta mengamalkan pengimbangan karbon terkawal menerusi Program Penghutanan yang terletak di FMU No. 4, Ulu Tungud, Sabah. |
| **EC3** | Liputan obligasi pelan faedah yang diwajibkan bagi organisasi | British American Tobacco Malaysia membuat caruman tambahan 4% ke dalam akaun kakitangan, iaitu lebih daripada 12% caruman mandatori majikan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Secara keseluruhannya, British American Tobacco Malaysia mencarum sebanyak 16% ke dalam akaun pekerja KWSP. Kakitangan pula mencarum sebanyak 8% atau 11% kepada KWSP. |
| **EC4** | Bantuan kewangan yang ketara diterima daripada kerajaan | Pelepasan Cukai: RM3,400,000 |

# menetapkan penanda aras dalam ketelusan dan kebertanggungjawapan dalam pelaporan

| KOD GRI | KAWASAN KEPENTINGAN | MAKLUM BALAS BAGI TAHUN 2009 |
|---|---|---|
| **EC6** | Dasar, amalan serta kadar perbelanjaan ke atas pembekal tempatan di lokasi pengendalian yang penting | British American Tobacco Malaysia membeli daripada pembekal paling kompetitif yang menawarkan kualiti produk tertinggi, tanpa mengira sama ada ia adalah pembekal tempatan atau luar negeri.<br><br>British American Tobacco Malaysia mengamalkan Alat Tinjauan Penggerak Perniagaan (ATPP) untuk memilih pembekalnya. 90% daripada vendor utama (mengikut jumlah) ini telah dikaji kesemuanya menggunakan ATPP, yang merangkumi Dasar pengurusan seperti: pendidikan dan latihan, peningkatan kecekapan dan teknologi, pematuhan keselamatan dan kawal selia, etika perniagaan serta tanggungjawab alam sekitar.<br><br>Kadar perbelanjaan ke atas pembekal tempatan pada 2009 adalah 66% berbanding 71% pada tahun 2008. |
| **EC7** | Tatacara pengambilan kakitangan tempatan dan kadar pengurusan kanan yang diambil bekerja dari kalangan masyarakat tempatan di lokasi-lokasi pengendalian yang penting | British American Tobacco Malaysia mengambil bekerja antara kakitangan yang paling berbakat, tanpa mengira sama ada mereka merupakan warga tempatan atau warga asing. 71% daripada pihak pengurusan kanan British American Tobacco Malaysia merupakan warga tempatan.<br><br>Formula (5 ÷ 7) x 100% = 71% |
| **EC8** | Pembangunan serta impak pelaburan infrastruktur dan perkhidmatan yang diberikan terutamanya untuk faedah awam menerusi iklan, barangan, atau urusan yang dilakukan secara percuma (pro bono) | Silakan rujuk halaman 56 tentang Yayasan British American Tobacco Malaysia yang meliputi Pendahuluan Pendidikan Tinggi (PPT), Program Biasiswa Yayasan dan program Khidmat Sukarela Pekerja (KSP). |
| **EC9** | Memahami serta menghuraikan kesan ekonomi tak langsung yang penting, termasuk sejauh mana kesannya | Pada 2009, 21 penerima biasiswa Yayasan British American Tobacco Malaysia telah menamatkan pendidikan tinggi mereka dan bersedia menyertai tenaga kerja berkemahiran tinggi. Sebagai perbandingan, sejumlah 23 penerima biasiswa Yayasan British American Tobacco Malaysia menamatkan pendidikan tinggi mereka pada 2008. Pengurangan kecil ini adalah kerana segelintir lulusan mengambil jangka masa yang lebih lama untuk menamatkan pengajian. |
| **EN1** | Bahan yang digunakan mengikut berat atau isipadu | Jumlah bahan: **20,707 tan**<br><br>Bahan tidak boleh diperbaharui: **4,382 tan**<br>*(Alat ganti, bahan api, bahan pencuci, kimia dan alat bantu pemprosesan)*<br><br>Bahan langsung: **16,326 tan**<br>*(Daun, pembungkus, pembungkusan, penapis dan perisa)*<br><br>Ternormal: 1.41 tan/juta batang rokok setara<br><br>British American Tobacco Malaysia mencatatkan penurunan sebanyak 32% dalam jumlah bahan berbanding pada tahun 2008. Ini terutamanya disebabkan oleh penurunan penggunaan bahan tidak boleh diperbaharui (4,473 tan pada tahun 2008) dan bahan-bahan langsung (25,847 tan pada 2008). |

| KOD GRI | KAWASAN KEPENTINGAN | MAKLUM BALAS BAGI TAHUN 2009 |
|---|---|---|
| **EN3** | Penggunaan tenaga langsung mengikut sumber tenaga utama | Jumlah: **232,888 Gigajoule**<br>Tidak boleh diperbaharui: **232,888 Gigajoule**<br>*(Pembelian tenaga elektrik, minyak diesel, gas asli dan gas petroleum cecair)*<br>Boleh diperbaharui: **0 Gigajoule**<br>Ternormal: 15.8 Gigajoule/juta batang rokok setara<br>Peningkatan sebanyak 0.7% dalam penggunaan langsung tercatat pada 2009 berbanding 231,183 Gigajoule pada tahun 2008. Ini disebabkan pembukaan pejabat tambahan di Johor Bahru pada 2009. |
| **EN4** | Penggunaan tenaga tak langsung mengikut sumber utama | Jumlah: **295,053 Gigajoule**<br>Tidak boleh diperbaharui: **Elektrik – 286,556 Gigajoule**<br>Boleh diperbaharui: **8,497 Gigajoule**<br>Ternormal: 20.1 Gigajoule/juta batang rokok setara<br>Terdapat kenaikan 3.3% dalam penggunaan tenaga tidak langsung pada tahun 2009 daripada 285,610 Gigajoule pada tahun 2008. Hal ini disebabkan peningkatan kenderaan pemasaran perdagangan dan perjalanan satu kali ke Macau untuk kakitangan pada bulan November. |
| **EN6** | Inisiatif untuk menyediakan produk dan perkhidmatan berasaskan kecekapan tenaga atau tenaga yang boleh diperbaharui, dan pengurangan dalam keperluan tenaga hasil daripada inisiatif tersebut | **British American Tobacco Malaysia mengambil langkah-langkah berikut:**<br>1. Penggantian kompresor udara baru (pada Oktober 09)<br>2. Pemasangan sistem yang lebih ekonomi untuk dandang (pada November 09)<br>3. Pemasangan penjimat tenaga pencahayaan di Loji DIET (pada November 09)<br>**Pengurangan:**<br>1. Kompresor Udara – penjimatan bulanan 10.8GJ/3.000 kWj sebulan<br>2. Sistem ekonomi dandang – penjimatan bulanan 325.6GJ/731.4 mmbtu sebulan<br>3. Penjimat tenaga cahaya – penjimatan bulanan 29GJ/8.054 kWj sebulan |
| **EN7** | Inisiatif untuk mengurangkan penggunaan tenaga tak langsung dan pengurangan yang telah tercapai | Sila rujuk kepada GRI Rujukan G3 EN6. |
| **EN8** | Jumlah penyadapan air mengikut sumber | Jumlah: **260,237 meter padu**<br>Ternormal: 17.7 meter padu/juta batang rokok setara<br>British American Tobacco Malaysia mencatatkan penurunan sebanyak 0.12% dalam penggunaan air berbanding pada 2008 (260,575 meter padu) sebagai hasil daripada kitar semula air dan inisiatif pemuliharaan. |
| **EN9** | Sumber air yang terjejas dengan ketara akibat penyadapan air | Kemudahan di British American Tobacco Malaysia menyadap air daripada pembekal air negeri yang diberi kuasa oleh Kerajaan. Penyadapan air tidak memberi kesan kepada mana-mana 6 tapak yang ditetapkan sebagai Senarai Tanah Lembap Ramsar bagi Kepentingan Antarabangsa di Malaysia. |
| **EN11** | Lokasi dan saiz tanah yang dimiliki, dipajak, dikendalikan, atau bersebelahan dengan kawasan larangan serta kawasan yang mempunyai nilai bio-kepelbagaian yang tinggi di luar kawasan larangan | Maklumat tidak dilaporkan kerana British American Tobacco Malaysia tidak beroperasi berhampiran kawasan larangan ataupun kawasan yang mempunyai nilai bio-kepelbagaian yang tinggi di luar kawasan larangan. |

| KOD GRI | KAWASAN KEPENTINGAN | MAKLUM BALAS BAGI TAHUN 2009 |
|---|---|---|
| **EN12** | Penghuraian tentang kesan ketara daripada aktiviti, produk dan perkhidmatan terhadap bio-kepelbagaian di kawasan larangan serta kawasan yang mempunyai nilai bio-kepelbagaian yang tinggi di luar kawasan larangan | Maklumat tidak dilaporkan kerana British American Tobacco Malaysia tidak beroperasi berhampiran kawasan larangan ataupun kawasan yang mempunyai nilai bio-kepelbagaian yang tinggi di luar kawasan larangan. |
| **EN13** | Perlindungan atau pemulihan habitat | British American Tobacco Malaysia menaja program penghutanan di Unit Pengurusan Hutan No. 4 yang terletak di Ulu Tungud, Sabah sejak 2002. Bagi tahun 2009, sejumlah 178 hektar pokok pelbagai spesies telah ditanam. Jumlah hektar yang telah ditanam pada 31 Disember 2009 ialah 6,000 hektar atau anggaran keluasan 8,219 padang bola yang dikira mengsekuesterkan sejumlah 229,020 tan karbon dioksida.<br>*Saiz 1 gelanggang bola sepak adalah sekitar 0.73 hektar.<br>Rakan projek kami untuk program penghutanan ini ialah TSH Resources Berhad. |
| **EN14** | Strategi, tindakan semasa serta rancangan masa depan bagi menguruskan kesan ke atas bio-kepelbagaian | Silar rujuk halaman 59 tentang Peningkatan Kualiti Persekitaran Berterusan. |
| **EN15** | Bilangan spesies Senarai Merah IUCN serta spesies senarai pemuliharaan kebangsaan yang mempunyai habitat di kawasan yang terjejas oleh operasi, mengikut tahap risiko kepupusan | Maklumat tidak dilaporkan kerana British American Tobacco Malaysia tidak beroperasi berhampiran kawasan larangan ataupun kawasan yang mempunyai nilai bio-kepelbagaian yang tinggi di luar kawasan larangan. |
| **EN16** | Jumlah emisi gas rumah hijau secara langsung dan tak langsung mengikut berat | Jumlah: **29,940 tan karbon dioksida**<br>Ternormal: 2.04 tan/juta batang rokok setara<br>Peningkatan sebanyak 1.6% secara langsung dan tidak langsung pembebasan gas rumah hijau tercatat pada tahun 2009 berbanding 29,459 tan karbon dioksida pada tahun 2008. Ini disebabkan perjalanan satu kali ke Macau untuk kakitangan pada bulan November. |
| **EN17** | Lain-lain emisi gas rumah hijau tak langsung yang relevan mengikut berat | Jumlah: **20,402 tan karbon dioksida**<br>Peningkatan sebanyak 3.1% dalam pembebasan gas rumah kaca tidak langsung tercatat pada tahun 2009 berbanding 19,789 ton karbon dioksida pada tahun 2008. Hal ini disebabkan sekali perjalanan ke Macau untuk kakitangan pada bulan November. |
| **EN18** | Inisiatif untuk mengurangkan emisi gas rumah hijau serta pengurangan yang telah tercapai | Sila rujuk kepada GRI Rujukan G3 EN6. |
| **EN19** | Emisi bahan susut ozon mengikut berat | Semua peralatan penyaman udara British American Tobacco Malaysia adalah bebas daripada kloroflorokarbon (CFC). |
| **EN21** | Jumlah buangan air mengikut kualiti serta destinasi | Kemudahan di British American Tobacco Malaysia membuang air menerusi laluan berikut:<br>1. Laluan air awam (18,969 meter padu) selepas air yang digunakan dalam operasi kilang telah dirawat di loji rawatan efluen kepada piawaian korporat yang tinggi.<br>2. Sistem kumbahan, air yang digunakan dalam tempat kemudahan seperti tandas dan bilik makanan (241,268 meter padu). |

| KOD GRI | KAWASAN KEPENTINGAN | MAKLUM BALAS BAGI TAHUN 2009 |
|---|---|---|
| EN22 | Jumlah berat sisa mengikut jenis serta kaedah pembuangan | 2008 : Sisa Berbahaya – 32 tan<br>: Sisa Tidak Berbahaya – 1925 tan<br>2009 : Sisa Berbahaya – 34 tan<br>: Sisa Tidak Berbahaya – 1915 tan<br>Semua sisa berbahaya dilupuskan di tapak pembuangan di Kemudahan Kualiti Alam di Bukit Nanas, Negeri Sembilan manakala majoriti sisa tidak berbahaya akan dihantar ke Recycle Energy Malaysia di Semenyih untuk pengolahan kepada until bahan api terbitan. Sisa tidak berbahaya selebihnya yang tidak dihantar ke Semenyih dikitar semula (misalnya kertas, plastik dan logam). |
| EN23 | Jumlah bilangan serta isipadu tumpahan yang ketara | British American Tobacco Malaysia tidak mempunyai sebarang tumpahan ketara pada 2009. |
| EN24 | Berat sisa yang diangkut, diimport, dieksport atau dirawat yang dianggap merbahaya di bawah syarat Konvensyen Basel Lampiran I, II, III dan VIII, serta peratus sisa terangkut yang dibawa ke peringkat antarabangsa | Jumlah: 34 tan<br>Semua sisa merbahaya telah dihantar ke tapak yang diluluskan Kerajaan (Kemudahan Kualiti Alam) untuk pelupusan. |
| EN25 | Identiti, saiz, status terlindung, dan nilai bio-kepelbagaian bagi perairan serta habitat yang berkaitan yang terjejas dengan ketara akibat buangan air dan air larian oleh organisasi pelapor | British American Tobacco Malaysia merawat air yang digunakan dalam operasi kilang demi memenuhi piawaian korporat yang ketat sebelum membuangnya ke laluan air awam yang terletak di luar zon tadahan air serta kawasan larangan yang lain. |
| EN26 | Inisiatif untuk mengurangkan kesan produk serta perkhidmatan terhadap alam sekitar, dan sejauh manakah pengurangan kesannya | Program kesihatan dan keselamatan alam sekitar British American Tobacco Malaysia yang komprehensif telah mencapai penambahbaikan yang ketara dalam meminimumkan kesan persekitaran perniagaan terutamanya, dari segi meminimumkan sisa dan memaksimumkan kitar semula di sepanjang tahun:<br>a. Penggunaan air dikurangkan sebanyak 0.13% dari 260,575 meter padu pada 2008 kepada 260,237 meter padu pada tahun 2009;<br>b. Sisa yang terhasil telah dikurangkan sebanyak 0.41% dari 1,957 tan pada 2008 kepada 1,949 tan pada tahun 2009;<br>c. Kadar kitar semula telah dipertingkatkan sebanyak 0.28% daripada 96.44% jumlah sisa yang dihasilkan pada 2008 kepada 96.72% daripada jumlah sisa yang terhasil pada tahun 2009. |
| EN27 | Peratus produk terjual dan bahan pembungkusannya yang dipulih guna mengikut kategori | British American Tobacco Malaysia tidak dapat melaporkan tentang penunjuk ini kerana kekurangan sistem data yang diperlukan bagi menghasilkan maklumat yang dikehendaki. Pembangunan sistem data yang dikehendaki akan dinilai. |

| KOD GRI | KAWASAN KEPENTINGAN | MAKLUM BALAS BAGI TAHUN 2009 |
|---|---|---|
| **EN28** | Nilai kewangan bagi denda yang ketara serta jumlah bilangan sekatan bukan kewangan bagi ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan alam sekitar | British American Tobacco Malaysia mematuhi sepenuhnya undang-undang serta peraturan alam sekitar. |
| **EN29** | Kesan alam sekitar yang ketara dalam mengangkut produk dan barangan serta bahan lain yang digunakan untuk operasi organisasi, serta dalam mengangkut tenaga kerja | 12,454 Gigajoule tenaga tidak langsung telah digunakan kerana perjalanan yang berkaitan dengan perniagaan. Ini adalah peningkatan sebanyak 62% (lawan 7,673 Gigajoule pada tahun 2008) kerana perjalanan satu kali ke Macau untuk kakitangan pada bulan November.<br><br>11,476 Gigajoule tenaga tidak langsung digunakan kerana pengangkutan muatan. Ini adalah penurunan sebanyak 25% (terhadap 15,449 Gigajoule pada tahun 2008). |
| **EN30** | Jumlah perbelanjaan dan pelaburan untuk perlindungan alam sekitar mengikut jenis | Jumlah: RM996,435<br><br>Sebanyak RM400,000 telah dibelanjakan bagi penggantian kompresor udara, sementara RM150,000 dihabiskan untuk pemasangan 2 unit penjimatan boiler kilang dan RM25,000 untuk penggantian bangunan Unit Pengendalian Udara (AHU) Berbilang Aras. |
| **LA1** | Jumlah tenaga kerja mengikut jenis guna tenaga, kontrak guna tenaga, dan kawasan | Bilangan Tenaga Kerja: 1,656<br><br>Jenis Pekerjaan<br>Tetap/penuh masa: 1,346<br>– Pengurusan: 647<br>– Bukan Pengurusan: 699<br><br>Sementara/Perunding/Kontrak: 310<br><br>Tenaga kerja British American Tobacco Malaysia mengikut kawasan:<br>a. Utara = 286<br>b. Selatan = 243<br>c. Timur = 133<br>d. Malaysia Timur = 111<br>e. KL Tengah = 883 |
| **LA2** | Jumlah bilangan dan kadar keluar masuk kakitangan mengikut kumpulan umur, jantina dan kawasan | Pada 31 Disember 2009:<br>Jumlah bilangan kakitangan yang meninggalkan pekerjaan pada 2009 mengikut kumpulan umur:<br>a. Di bawah 30 tahun = 84<br>b. 30-50 tahun = 136<br>c. Melebihi 50 tahun = 17<br><br>Jumlah bilangan kakitangan yang meninggalkan pekerjaan pada 2009 mengikut jantina:<br>a. Lelaki = 188<br>b. Perempuan = 49<br><br>Jumlah bilangan kakitangan yang meninggalkan pekerjaan pada 2009 mengikut kawasan:<br>a. Timur = 6<br>b. Utara =32<br>c. Selatan = 26<br>d. Malaysia Timur = 10<br>e. KL Tengah = 163 |

| KOD GRI | KAWASAN KEPENTINGAN | MAKLUM BALAS BAGI TAHUN 2009 |
|---|---|---|
| LA3 | Faedah yang diberikan kepada kakitangan sepenuh masa yang tidak diberikan kepada kakitangan sementara atau separuh masa, mengikut operasi utama | Faedah berikut diberikan kepada kakitangan pengurusan sepenuh masa dan bukan pengurusan sepenuh masa British American Tobacco Malaysia:<br>a. faedah perubatan<br>b. catuan rokok<br>c. makanan percuma<br>d. cuti tahunan, bencana, belas kasihan, peperiksaan, dimasukkan ke hospital, bersalin, paterniti, kahwin, sakit, belajar, sukan dan mengerjakan Haji<br>e. bonus<br>f. Insurans Kemalangan Peribadi Kumpulan<br>g. Skim Insurans Tempoh Hayat Kumpulan<br>h. kenderaan syarikat dan elaun tunai bulanan (bergantung pada gred)<br>i. keahlian kelab korporat (bergantung pada gred)<br>j. subsidi faedah pinjaman perumahan (bergantung pada gred)<br>k. subsidi faedah pinjaman kenderaan (bergantung pada gred) |
| LA4 | Peratus kakitangan yang dilindungi perjanjian perundingan kolektif | Peratus kakitangan dilindungi oleh perjanjian perundingan kolektif ialah 24%. Kesemua kakitangan yang layak berjumlah 681 kakitangan bukan pengurusan dilindungi oleh Perjanjian Kolektif berkuatkuasa dari 1 Julai 2004 hingga 30 Jun 2007.<br><br>Namun terdapat pengurangan dalam bilangan kakitangan bukan Pengurusan yang dilindungi oleh Perjanjian Kolektif disebabkan oleh persaraan 50 kakitangan di bawah Skim Pemisahan Sukarela.<br><br>Pada bulan Oktober 2007, Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja daripada Kementerian Sumber Manusia telah memutuskan bahawa Kesatuan Pekerja British American Tobacco (BATEU) hanya boleh mewakili kakitangannya daripada syarikat induk, British American Tobacco (Malaysia) Berhad. Bekas Setiausaha Agung BATEU sebelum ini (seorang kakitangan daripada Tobacco Importers and Manufacturers Sdn. Bhd. (TIM)) telah memfail kaji semula kehakiman atas nama BATEU di Mahkamah Tinggi mencabar keputusan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja.<br><br>Sehingga keputusan kaji semula kehakiman, keputusan diikuti. Oleh kerana itu, kakitangan daripada British American Tobacco dan anak-anak syarikat di Malaysia, TIM dan Commercial Marketers and Distributors Sdn. Bhd. (CMD) tidak boleh diwakili oleh BATEU dan dikehendaki untuk membentuk kesatuan pekerja masing-masing. CMD telah memohon untuk pembentukan kesatuan pekerja dan ketika ini sedang menunggu pendaftaran.<br><br>Segala syarat dan peraturan semasa Perjanjian Kolektif pada masa ini telah dihormati oleh British American Tobacco (Malaysia) Berhad dan dilanjutkan kepada kakitangan CMD dan TIM serta atas dasar Persendirian kepada Pemegang sementara menunggu Perjanjian Kolektif yang baru. |
| LA5 | Tempoh notis minimum berkenaan perubahan operasi yang penting, termasuk sama ada ia ditetapkan di dalam perjanjian kolektif | Tempoh notis minimum bagi pembuangan kerja adalah tidak kurang dari 3 bulan. Tempoh notis ini ditetapkan dalam Perkara 61 Perjanjian Kolektif di antara British American Tobacco Malaysia Berhad dan BATEU, berkuatkuasa dari 1hb Julai 2004 hingga 30hb Jun 2007.<br><br>Pada Oktober 2007, Kementerian Sumber Manusia telah memutuskan bahawa BATEU hanya boleh mewakili para kakitangan syarikat induk iaitu British American Tobacco (Malaysia) Berhad. Bekas Setiausaha Agung BATEU sebelum ini (seorang kakitangan daripada Tobacco Importers and Manufacturers Sdn. Bhd. (TIM)) telah memfail kaji semula kehakiman atas nama BATEU di Mahkamah Tinggi mencabar keputusan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja. |

<table>
<tr><th>KOD GRI</th><th>KAWASAN KEPENTINGAN</th><th>MAKLUM BALAS BAGI TAHUN 2009</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td> Sehingga keputusan kaji semula kehakiman, keputusan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja diikuti. Oleh kerana itu, kakitangan daripada British American Tobacco dan anak-anak syarikat di Malaysia, TIM dan Commercial Marketers and Distributors Sdn. Bhd. (CMD) tidak boleh diwakili oleh BATEU dan dikehendaki untuk membentuk kesatuan pekerja masing-masing. CMD telah memohon untuk pembentukan kesatuan pekerja dan ketika ini sedang menunggu pendaftaran. Segala syarat dan peraturan semasa Perjanjian Kolektif pada masa ini telah dihormati oleh British American Tobacco (Malaysia) Berhad dan dilanjutkan kepada kakitangan CMD dan TIM serta atas dasar Persendirian kepada Pemegang sementara menunggu Perjanjian Kolektif yang baru. </td></tr>
<tr><td>LA6</td><td>Peratus jumlah tenaga kerja yang diwakili dalam jawatankuasa rasmi kesihatan dan keselamatan pengurusan-kakitangan yang membantu memantau dan memberi nasihat tentang program kesihatan dan keselamatan</td><td> 100% jumlah tenaga kerja diwakili oleh Pengurus Kanan daripada setiap fungsi dalam Jawatankuasa Korporat Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan. 6 kakitangan masing-masing mewakili pihak pengurusan dan pihak bukan pengurusan adalah anggota Jawatankuasa EHS Petaling Jaya. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang pengerusi (Ketua Pengeluaran) dan juga termasuk wakil-wakil daripada Kesihatan Pekerjaan, Keselamatan dan Setiausaha yang dilantik (Pengurus EHS). </td></tr>
<tr><td>LA7</td><td>Kadar kecederaan, penyakit pekerjaan, kehilangan hari dan ketidakhadiran serta jumlah bilangan kematian yang berkaitan dengan kerja mengikut kawasan</td><td> Kadar kejadian kecederaan kes kehilangan hari kerja British American Tobacco Malaysia untuk 2009 ialah 3 kes kehilangan hari kerja bagi setiap 2,755,737 jam tenaga manusia yang dikerjakan oleh para kakitangan. Ketiga kes kehilangan hari kerja telah dilaporkan di sepanjang tahun yang mana dua merupakan kemalangan yang melibatkan kakitangan yang memandu kenderaan syarikat. Kemalangan kes kehilangan hari kerja yang ketiga pula terjadi di kilang Petaling Jaya yang melibatkan kemalangan industri. Sebagai perbandingan, pada tahun 2008 terdapat 2 kes kehilangan hari kerja dilaporkan yang salah satunya adalah kemalangan yang melibatkan seorang kakitangan syarikat yang memandu kenderaan syarikat dan yang satu lagi adalah adalah kemalangan yang berlaku di kilang di Petaling Jaya. </td></tr>
<tr><td>LA8</td><td>Program pendidikan, latihan, kaunseling, pencegahan dan kawalan risiko yang diwujudkan bagi membantu anggota tenaga kerja, keluarga mereka, atau anggota masyarakat berkaitan penyakit serius</td><td> Program Bantuan
<table>
<tr><th rowspan="2">Penerima Program</th><th colspan="2">Pendidikan/Latihan</th><th colspan="2">Kaunseling</th><th colspan="2">Pencegahan/ Kawalan Risiko</th><th colspan="2">Penjagaan</th></tr>
<tr><th>Ya</th><th>Tidak</th><th>Ya</th><th>Tidak</th><th>Ya</th><th>Tidak</th><th>Ya</th><th>Tidak</th></tr>
<tr><td>Pekerja</td><td>✓</td><td></td><td>✓</td><td></td><td>✓</td><td></td><td>✓</td><td></td></tr>
<tr><td>Keluarga pekerja</td><td></td><td>✓</td><td>✓</td><td></td><td>✓</td><td></td><td>✓</td><td></td></tr>
<tr><td>Anggota masyarakat</td><td></td><td>✓</td><td></td><td>✓</td><td></td><td>✓</td><td>–</td><td>–</td></tr>
</table>
Untuk Kakitangan:
Pendudukan/Pelatihan
a. Pertolongan Kecemasan<br>b. Ergonomi<br>c. Program Pemuliharaan Hingar<br>d. Etika Batuk dan Kepentingan Mencuci Tangan
Kaunseling
a. Penyakit kronik<br>b. Ketakhadiran disebabkan sakit<br>c. Perjalanan ke luar negara </td></tr>
</table>

| KOD GRI | KAWASAN KEPENTINGAN | MAKLUM BALAS BAGI TAHUN 2009 |
|---|---|---|
| | | **Pencegahan/Kawalan Risiko**<br>a. Imunisasi<br>b. Perkembangan terkini mengenai penyakit berjangkit melalui portal intranet tempatan, papan notis, mel elektronik<br>c. Program Kesihatan Wanita<br>d. Rutin – Pemeriksaan Kesihatan<br>e. Penjagaan jantung<br>f. Pemeriksaan Kesihatan wajib<br>g. Kesedaran tentang HIV/AIDS<br>h. Vaksinasi terhadap Hepatitis A, Hepatitis B, Influenza, Demam Kuning, Tetanus toksoid, selesema bermusim<br>i. Berita terkini mengenai Denggi berdarah dan jerebu<br>j. Penyediaan pensanitasi tangan dan topeng mulut serta notis berkenaan Wabak Influenza A(H1N1) dan tindakan pencegahan untuk perjalanan luar negara<br>k. Akta Pengawasan Peraturan Kimia Berbahaya<br>**Rawatan**<br>a. Ubatan untuk sakit biasa<br>b. Ubatan untuk penyakit kronik<br>c. Siasatan<br>d. Rujukan kepada Pakar Kesihatan<br>**Untuk Keluarga Kakitangan:**<br>**Pendidikan/Pelatihan**<br>a. Sekali sekala<br>**Kaunseling**<br>a. Sekali sekala<br>b. Secara peribadi<br>**Pencegahan/Pencegahan Risiko**<br>a. Vaksinasi terhadap pencegahan selsema<br>b. Vaksinasi terhadap selsema bermusim<br>**Penjagaan**<br>a. Klinik/rawatan rapi hospital<br>b. Ubatan |
| **LA9** | Topik kesihatan dan keselamatan yang diliputi dalam perjanjian rasmi dengan kesatuan sekerja | Topik persekitaran, kesihatan dan keselamatan diliputi dalam perjanjian rasmi yang ditetapkan dalam beberapa artikel yang terdapat dalam Perjanjian Kolektif antara British American Tobacco Malaysia Berhad dan Kesatuan Pekerja British American Tobacco Malaysia (BATEU), berkuatkuasa dari 1hb Julai 2004 hingga 30hb Jun 2007. Artikel 20-23 meliputi waktu kerja maksimum kakitangan, Artikel 27, 30-31 meliputi hak cuti kakitangan dan Artikel 40 meliputi hak kakitangan kepada peralatan perlindungan peribadi yang sesuai ketika bekerja. Artikel 54 menyatakan bahawa persekitaran kerja syarikat hendaklah mematuhi peraturan yang berkaitan termasuk menyediakan pemeriksaan perubatan untuk kakitangan.<br><br>Pada Oktober 2007, Kementerian Sumber Manusia telah memutuskan bahawa BATEU hanya boleh mewakili para kakitangan syarikat induk iaitu British American Tobacco (Malaysia) Berhad. Bekas Setiausaha Agung BATEU sebelum ini (seorang kakitangan daripada Tobacco Importers and Manufacturers Sdn. Bhd. (TIM)) telah memfail kaji semula kehakiman atas nama BATEU di Mahkamah Tinggi mencabar keputusan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja. |

| KOD GRI | KAWASAN KEPENTINGAN | MAKLUM BALAS BAGI TAHUN 2009 |
|---|---|---|
| | | Sehingga keputusan kaji semula kehakiman, keputusan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja diikuti. Oleh kerana itu, kakitangan daripada British American Tobacco dan anak-anak syarikat di Malaysia, TIM dan Commercial Marketers and Distributors Sdn. Bhd. (CMD) tidak boleh diwakili oleh BATEU dan dikehendaki untuk membentuk kesatuan pekerja masing-masing. CMD telah memohon untuk pembentukan kesatuan pekerja dan ketika ini sedang menunggu pendaftaran.<br><br>Segala syarat dan peraturan semasa Perjanjian Kolektif pada masa ini telah dihormati oleh British American Tobacco (Malaysia) Berhad dan dilanjutkan kepada kakitangan CMD dan TIM serta atas dasar Persendirian kepada Pemegang sementara menunggu Perjanjian Kolektif yang baru. |
| **LA10** | Purata jam latihan setahun bagi setiap kakitangan mengikut kategori pekerja | Pengurusan<br>5.87 jam<br><br>Kehadiran pengurusan<br>Program pusat: 9.25 jam<br>Program fungsian: Operasi – 2.69 jam<br>Pemasaran – 0 jam<br><br>Bukan pengurusan<br>7.12 jam<br><br>Kehadiran bukan pengurusan<br>Program pusat: 7.88 jam<br>Program fungsian: Operasi – 7.12 jam<br>Pemasaran – 7 jam<br><br>Program-program Pusat adalah di bawah naungan Bahagian Sumber Manusia British American Tobacco Malaysia dan merangkumi semua jabatan lain dalam Syarikat kecuali Operasi dan Pemasaran, kerana kedua-dua jabatan ini menjalankan program fungsiannya sendiri.<br><br>Namun, program bagi kakitangan Pengurusan Pemasaran dilakukan di peringkat pusat pada tahun 2009, bukan di peringkat fungsi, disebabkan itu tiada rekod untuk kakitangan pengurusan Pemasaran. |
| **LA11** | Program bagi pengurusan kemahiran dan pembelajaran sepanjang hayat yang menyokong kebolehgunaan tenaga kakitangan yang berterusan dan membantu mereka dalam menguruskan penamatan kerjaya | Perancangan untuk pensaizan wajar telah disampaikan kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perindustrian dan Buruh serta sesi taklimat telah dijalankan kepada kakitangan memberitahu tentang rasional perniagaan melakukan pensaizan wajar serta butiran program penempatan keluar. Program ini merupakan kerjasama antara British American Tobacco Malaysia dan CareerSolutions Asia Sdn. Bhd. yang menyediakan kaunseling kepada kakitangan yang terlibat dan melaksanakan program kemahiran peralihan. |
| **LA12** | Peratus kakitangan yang mendapat ulasan prestasi dan pembangunan kerjaya secara tetap | 100% kakitangan, iaitu kedua-dua kakitangan pengurusan dan bukan pengurusan, mendapat penilaian dan ulasan prestasi secara rasmi semasa tempoh pelaporan. |

| KOD GRI | KAWASAN KEPENTINGAN | MAKLUM BALAS BAGI TAHUN 2009 |
|---|---|---|
| LA13 | Komposisi badan tadbir urus dan pecahan kakitangan setiap kategori mengikut jantina, kumpulan umur, keahlian kumpulan minoriti serta penunjuk kepelbagaian yang lain | Peratus Lembaga Pengarah British American Tobacco Malaysia dibahagikan mengikut jantina:<br><br>Lelaki = 100% Wanita = 0%<br><br>Peratus Lembaga Pengarah British American Tobacco Malaysia mengikut kumpulan umur:<br><br>Di bawah 30 tahun = 0%<br>30-50 tahun = 14%<br>Melebihi 50 tahun = 86%<br><br>Peratus kakitangan di British American Tobacco Malaysia dibahagikan mengikut jantina:<br><br>Lelaki = 85% Wanita = 15%<br><br>Peratus kakitangan di British American Tobacco Malaysia mengikut kumpulan umur:<br><br>Di bawah 30 tahun = 23%<br>30-50 tahun = 68%<br>Melebihi 50 tahun = 9% |
| LA14 | Nisbah gaji asas lelaki kepada perempuan mengikut kategori pekerja | Kakitangan lelaki dan perempuan pada gred yang sama akan berkongsi skala gaji yang sama, tetapi gaji permulaan mereka mungkin berbeza berdasarkan set bakat, pengalaman dan kemahiran.<br><br>Walau bagaimanapun, British American Tobacco Malaysia membayar Pelatih Pengurusan lelaki dan perempuan gaji asas yang sama. |
| HR1 | Peratus dan jumlah bilangan perjanjian pelaburan penting yang memasukkan fasal hak asasi manusia atau yang telah melalui tapisan hak asasi manusia | Pelaburan penting British American Tobacco Malaysia adalah dengan para pembekal kami. Falsafah kami tentang perkongsian perniagaan dengan pembekal bukan sekadar mengenai perolehan, tetapi bagaimana kami boleh mempertingkatkan nilai dalam rantaian pembekalan. Kami menggunakan Alat Tinjauan Penggerak Perniagaan (ATPP) untuk memilih pembekal terbaik berdasarkan piawaian operasi yang tinggi termasuk pertimbangan tentang aspek hak asasi manusia seperti persekitaran kerja yang selamat, hubungan buruh yang baik, peruntukan bagi pendidikan dan latihan, pematuhan kawal selia, etika perniagaan serta tanggungjawab alam sekitar, kesihatan dan keselamatan. 90% daripada vendor utama (mengikut jumlah) telah ditinjau kesemuanya menggunakan ATPP.<br><br>Pelaburan penting yang lain adalah termasuk kontrak dengan penanam tembakau. Kontrak kami merangkumi amalan pertanian yang baik, penggunaan agrokimia yang bersesuaian, persekitaran, kesihatan dan keselamatan kakitangan serta penamatan kontrak sekiranya para penanam menggunakan buruh kanak-kanak. |
| HR2 | Peratus pembekal dan kontraktor penting yang telah menjalani tapisan hak asasi manusia dan tindakan yang diambil | Sila rujuk kepada GRI Rujukan G3 HR1. |
| HR4 | Jumlah bilangan kejadian diskriminasi dan tindakan yang diambil | British American Tobacco Malaysia mematuhi undang-undang anti-diskriminasi. Kami juga mempunyai tatacara timbang cara di bawah Perkara 5 Perjanjian Kolektif di antara British American Tobacco Malaysia Berhad dan Kesatuan Pekerja British American Tobacco Malaysia (BATEU), berkuatkuasa dari 1hb Julai 2004 hingga 30hb Jun 2007, bagi para kakitangan bukan pengurusan mendedahkan perkara berkaitan diskriminasi kepada pihak pengurusan kanan. Di samping itu, Piawaian Perlakuan Perniagaan kita memberikan prosedur 'Pemberitahuan Maklumat' yang komprehensif yang membolehkan mana-mana pekerja menaikkan sebarang kebimbangan, termasuk isu diskriminasi. Kod amalan kami tentang gangguan seksual melindungi para kakitangan daripada diskriminasi jantina. |

| KOD GRI | KAWASAN KEPENTINGAN | MAKLUM BALAS BAGI TAHUN 2009 |
|---|---|---|
| **HR5** | Operasi yang dikenalpasti mungkin berhadapan dengan risiko nyata dalam hak untuk melaksanakan kebebasan berpersatuan atau perundingan kolektif dan tindakan yang diambil untuk menyokong hak-hak ini | Pada 2009, tidak ada risiko nyata dalam melaksanakan kebebasan berpersatuan atau perundingan kolektif di British American Tobacco Malaysia. |
| **HR6** | Operasi yang dikenalpasti mempunyai risiko nyata bagi kejadian buruh kanak-kanak dan langkah-langkah yang diambil bagi menyumbang kepada penghapusan buruh kanak-kanak | British American Tobacco Malaysia telah mengenal pasti pembekal daun tembakau kami sebagai berisiko untuk kejadian buruh kanak-kanak, kerana mereka bukannya berada di bawah pengambilan kakitangan kami secara langsung.<br><br>Bagi mengurangkan risiko ini, Syarikat telah mengadakan perjanjian dengan pembekal daun tembakau tempatan sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial dalam Pengeluaran Tembakau bagi memastikan tiada buruh kanak-kanak digunakan dalam kegiatan yang berkaitan dengan penghasilan tembakau. Sebarang perlanggaran syarat dan peraturan perjanjian akan mengakibatkan penamatan pembekalan kepada Syarikat. |
| **HR7** | Operasi yang dikenalpasti mempunyai risiko nyata bagi kejadian buruh paksa dan wajib, dan langkah-langkah yang diambil bagi menyumbang kepada penghapusan buruh paksa atau buruh wajib | Sila rujuk kepada GRI Rujukan G3 HR6. |
| **HR8** | Peratus kakitangan keselamatan yang dilatih tentang dasar atau tatacara yang melibatkan aspek hak asasi manusia yang berkaitan dengan operasi | Tidak ada latihan rasmi yang khusus tentang isu-isu hak asasi manusia diberikan kepada kakitangan keselamatan, selain daripada menyediakan persekitaran kerja yang selamat untuk para kakitangan serta perlunya melayan setiap individu dengan rasa hormat.<br><br>Pada 2009, 2 kakitangan Keselamatan telah menghadiri kursus Teknik Penyelidikan Dalaman. |
| **HR9** | Jumlah bilangan kejadian pelanggaran yang melibatkan hak warga bumiputera dan tindakan yang diambil | British American Tobacco Malaysia telah mengenalpasti pembekal daun tembakau kami sebagai berisiko untuk kejadian buruh wajib/paksa, kerana mereka bukannya berada di bawah pengambilan kerja kami secara langsung.<br><br>Bagi mengurangkan risiko ini, Dasar Pengambilan Kakitangan British American Tobacco Malaysia dibina berdasarkan iltizam kami kepada amalan pengambilan kakitangan yang baik serta hak asasi manusia berkaitan dengan tempat kerja. Ia menetapkan pendekatan umum kepada pembangunan dasar dan tatacara, di samping menyedari bahawa kami perlu mengambil kira tentang undang-undang dan amalan buruh tempatan serta dari segi politik, ekonomi dan budaya tempatan. Topik yang diliputi oleh Dasar Pengambilan Kakitangan kami merangkumi:<br><br>a. peluang sama rata dan tidak mendiskriminasi;<br>b. komunikasi dalaman dan curahan idea secara bebas;<br>c. perwakilan pekerja dan kebebasan berpersatuan;<br>d. kesaksamaan di tempat kerja dan tidak dapat menerima perbuatan mengganggu dan membuli;<br>e. pengambilan buruh kanak-kanak dilarang & tidak disokong;<br>f. buruh paksa atau wajib tidak diterima sama sekali;<br>g. tanggungjawab prestasi;<br>h. tanggungjawab kesihatan, keselamatan dan persekitaran;<br>i. sumbangan masyarakat dan pembangunan kemahiran untuk kakitangan dan masyarakat di pasaran di mana syarikat beroperasi;<br>j. pembangunan dan pembelajaran persendirian;<br>k. waktu kerja yang munasabah serta dasar mesra keluarga;<br>l. ganjaran dan faedah yang adil, jelas dan berdaya saing. |

| KOD GRI | KAWASAN KEPENTINGAN | MAKLUM BALAS BAGI TAHUN 2009 |
|---|---|---|
| SO1 | Program-program dan amalan yang menilai dan menguruskan kesan operasi terhadap masyarakat | British American Tobacco Malaysia mensasarkan untuk menangani isu sosial dan alam sekitar yang dikaitkan dengan penanaman dan pemprosesan tembakau dengan membimbing penanam tembakau tentang amalan pertanian yang baik, pengggunaan agrokimia yang bersesuaian serta pertimbangan terhadap isu-isu alam sekitar, kesihatan dan keselamatan pekerjaan. Kami juga aktif dalam menghapuskan eksploitasi buruh kanak-kanak dan menggalakkan usaha-usaha penghutanan. |
| SO2 | Peratus dan jumlah bilangan unit perniagaan yang dianalisis untuk risiko berkaitan rasuah | Sila rujuk halaman 79 berkenaan Piawaian Perlakuan Perniagaan. |
| SO3 | Peratus kakitangan yang dilatih tentang dasar dan tatacara anti-rasuah organisasi | 41 kakitangan baru menjalani program induksi dan dimaklumkan tentang Piawaian Perlakuan Perniagaan British American Tobacco Malaysia yang merangkumi anti rasuah dan sogokan.<br><br>Bahagian Perundangan dan Keselamatan juga telah melalui bengkel latihan luar yang merangkumi topik seperti "Akta 2009 Anti Rasuah Malaysia dan Akta Kewangan 2001 Anti Pinjaman Wang Tanpa Lesen dan Anti Pengganas".<br><br>Sebuah kursus pembelajaran elektronik mengenai Piawaian Perlakuan Perniagaan (dinamakan sebagai "Standards of Excellence") juga dilakukan oleh semua kakitangan pengurusan pada bulan Disember 2009 untuk memperkuatkan dasar anti rasuah dan prosedur Syarikat. |
| SO4 | Tindakan yang diambil sebagai respons kepada kejadian rasuah | Tidak ada kejadian rasuah yang dilaporkan kepada British American Tobacco Malaysia. |
| SO5 | Kedudukan dasar awam dan penglibatan dalam pembangunan dasar awam serta melobi | British American Tobacco Malaysia percaya bahawa sebagai sebuah perniagaan yang bertanggungjawab, kami boleh menyumbang menerusi maklumat, idea serta langkah-langkah praktikal bagi membantu pihak kawal selia mengatasi isu-isu penting yang menyelubungi produk kami.<br><br>Pada 2009, kami melibatkan diri dalam:<br>• Mengedarkan risalah maklumat dalam Bahasa Malaysia dan Cina kepada kira-kira 90,000 peruncit di seluruh negara. Risalah ini menjelaskan tentang jenis-jenis rokok tidak sah, undang-undang dan hukuman yang berkaitan dengan perdagangan tembakau tidak sah serta penunjuk utama rokok tulen.<br>• Mengedarkan risalah maklumat dalam Bahasa Malaysia dan Cina kepada kira-kira 90,000 peruncit di seluruh negara mengenai keperluan untuk amaran kesihatan bergambar pada bungkus dan karton rokok.<br>• Pembentangan di Pasukan Petugas Antara Kementerian mengenai status rokok kontraban dan tidak disah di Malaysia serta isu-isu yang memberi kesan kepada industri.<br>• Perbincangan dengan Lembaga Tembakau Negara di mana Ketua Unit Daun Syarikat merupakan ahlinya.<br><br>Di peringkat global, isu ini dan isu-isu lain serta kedudukan teras kami berhubung dengan pembangunan dasar awam boleh didapati di www.bat.com |
| SO7 | Jumlah bilangan tindakan undang-undang untuk tingkah laku antipersaingan, anti-trust dan amalan monopoli serta natijahnya | Piawaian Perlakuan Perniagaan British American Tobacco Malaysia menerap prinsip persaingan adil dalam menjalankan perniagaan. Di samping itu, garis panduan undang-undang persaingan British American Tobacco Malaysia yang dilancarkan pada 18 Jun 2009 memastikan aktitviti perniagaan kami tidak anti persaingan. Latihan dalaman mengenai garis panduan persaingan dilaksanakan pada Julai 2009 untuk semua pengurus dalam Syarikat dan pada tahun 2010 akan dilanjutkan kepada Pasukan Jualan. |

| KOD GRI | KAWASAN KEPENTINGAN | MAKLUM BALAS BAGI TAHUN 2009 |
|---|---|---|
| **SO8** | Nilai kewangan bagi denda ketara dan jumlah bilangan sekatan bukan kewangan untuk ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan | Tiada denda dan sekatan bukan ekonomi yang dikenakan ke atas British American Tobacco Malaysia. |
| **PR1** | Peringkat kitar hayat di mana kesan kesihatan dan keselamatan produk serta perkhidmatan dinilai untuk penambahbaikan dan peratus kategori produk serta perkhidmatan penting yang tertakluk kepada prosedur tersebut | Sila rujuk kepada maklumat tentang merokok dan kesihatan yang boleh didapati di laman web kami www.bat.com. Maklumat tentang senarai ramuan tembakau boleh didapati di www.bat-ingredients.com.<br><br>Produk British American Tobacco Malaysia mematuhi sepenuhnya dengan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (CTPR) 2004; (Pindaan) Peraturan 2008; dan (Pindaan) Peraturan 2009.<br><br>Syarikat telah mengikat perjanjian dengan pembekal tembakau tempatan yang merupakan sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial dalam Pengeluaran Tembakau (SRTP), bagi memastikan pengunaan agrokimia yang berhemat dengan mengambil kira keselamatan persekitaran dan pengendali. Oleh demikian, pemilihan dan pengunaan agrokimia, di mana perlu, mesti mematuhi Tatacara Agrokimia British American Tobacco termasuk pemilihan kimia-kimia yang diluluskan. |
| **PR2** | Jumlah bilangan kejadian ketidakpatuhan terhadap peraturan dan kod sukarela berhubung kesan kesihatan dan keselamatan produk dan perkhidmatan sepanjang kitar hayatnya, mengikut jenis akibat | Produk British American Tobacco Malaysia mematuhi sepenuhnya dengan:<br>– Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (CTPR) 2004; (Pindaan) Peraturan 2008; dan (Pindaan) Peraturan 2009 (No. 1). |
| **PR3** | Jenis maklumat produk dan perkhidmatan yang diperlukan mengikut tatacara serta peratus produk dan perkhidmatan penting yang tertakluk kepada keperluan maklumat sedemikian | (see table below) Pada 2009, British American Tobacco Malaysia mematuhi sepenuhnya Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004; (Pindaan) Peraturan 2008 yang memerlukan amaran kesihatan dan penambahan amaran teks dan/atau keperluan pelabelan pada setiap pek rokok; dan (Pindaan) Peraturan 2009 (No. 1) yang melarang produk tembakau dijual bersama dengan produk bukan tembakau atau produk tembakau yang lain. |
| **PR4** | Jumlah bilangan kejadian ketidakpatuhan terhadap peraturan dan kod sukarela berhubung maklumat dan pelabelan produk serta perkhidmatan, mengikut jenis akibat | Pada 2009, British American Tobacco Malaysia mematuhi sepenuhnya Kawalan Produk Tembakau Peraturan 2004; (Pindaan) Peraturan 2008 yang memerlukan amaran kesihatan dan penambahan amaran teks dan/atau keperluan pelabelan pada setiap pek rokok; dan (Pindaan) Peraturan 2009 (No. 1) yang melarang produk tembakau dijual bersama dengan produk bukan tembakau atau produk tembakau yang lain. |

PR3:

| | 2009 | |
|---|---|---|
| | Ya | Tidak |
| Carian sumber bekalan komponen produk atas servis | | ✓ |
| Kandungan terutamanya mengenai bahan yang mungkin mengeluarkan impak kepada persekitaran atau sosial | ✓ | |
| Penggunaan produk atau servis yang selamat | ✓ | |
| Pelupusan produk dan impak kepada persekitaran/sosial | | ✓ |
| Lain-lain (jelaskan) | Tiada | Tiada |

| KOD GRI | KAWASAN KEPENTINGAN | MAKLUM BALAS BAGI TAHUN 2009 |
|---|---|---|
| **PR6** | Program kepatuhan kepada undang-undang, piawaian dan kod sukarela yang berkaitan dengan komunikasi pemasaran, termasuk pengiklanan, promosi dan penajaan | Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (CTPR) 2004 mengawal selia industri tembakau dari segi larangan pengiklanan produk tembakau, peraturan tentang penjualan produk tembakau, keperluan pelabelan dan pembungkusan.<br><br>British American Tobacco Malaysia menambahbaikkan pematuhannya terhadap peraturan dengan mengamalkan Piawaian Pemasaran Antarabangsa British American Tobacco yang menerapkan secara terperinci iltizam kami terhadap pemasaran yang bersesuaian dan hanya ditujukan kepada perokok dewasa. Piawaian ini bertujuan 'menaikkan kayu ukur' dengan menetapkan tanda aras bagi industri di seluruh dunia dan di sesetengah negara ia lebih ketat berbanding undang-undang tempatan.<br><br>Piawaian Pemasaran Antarabangasa British American Tobacco telah dikemaskini pada 1 Julai 2007 dan kursus ulang kaji tahunan dilakukan untuk memberi maklumat kepada Bahagian Pemasaran dan agensi-agensi berkaitan tentang Piawaian. |
| **PR7** | Jumlah bilangan kejadian ketidakpatuhan terhadap peraturan dan kod sukarela berhubung dengan komunikasi pemasaran dan penajaan, mengikut jenis akibatnya | Tiada kejadian ketidakpatuhan terhadap peraturan berhubung dengan komunikasi pemasaran. |
| **PR8** | Jumlah bilangan aduan yang disahkan berhubung dengan pelanggaran privasi pelanggan dan kehilangan data pelanggan | Tiada aduan diterima. British American Tobacco Malaysia hanya bekerja dengan rakan niaga kajian pasaran yang tersohor dan mematuhi kod tatalaku ESOMAR*, yang mana privasi maklumat responden dijaga dengan ketat. Ia termaktub dalam Perkara 7 Kod Antarabangsa Kajian Pasaran dan Sosial ICC/ESOMAR.<br><br>* ESOMAR ialah piawaian industri dalam mengendalikan kajian pasaran. |
| **PR9** | Nilai kewangan bagi denda ketara kerana ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan berhubung dengan peruntukan serta penggunaan produk dan perkhidmatan | Produk British American Tobacco Malaysia mematuhi sepenuhnya dengan:<br>– Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (CTPR) 2004; (Pindaan) Peraturan 2008; dan (Pindaan) Peraturan 2009 (No. 1). |

Kakitangan Kumpulan kami mematuhi Piawaian Perlakuan Perniagaan (Piawaian) yang merupakan sebahagian penting daripada tadbir urus korporat Kumpulan. Seiringan dengan Penyata Prinsip Perniagaan, ia terus menjulang iltizam kami terhadap pencapaian tahap tanggungjawab korporat yang tinggi.

Piawaian ini memerlukan keazaman semua kakitangan berfungsi selaras dengan tahap keutuhan perniagaan yang tinggi, mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Kakitangan mesti menerapkan semangat kejujuran, bermatlamat dan ketekunan dalam menjalankan tugas mereka dan memastikan Piawaian tidak tercemar demi prestasi yang kagum.

Piawaian adalah merupakan sebahagian penting daripada prinsip tadbir urus korporat Kumpulan dan disusun untuk:

a. memastikan keputusan dan pertimbangan yang dibuat oleh kakitangan sah dari segi undang-undang serta mematuhi piawaian etika yang tinggi;

b. menetapkan nada dan budaya organisasi bagi membolehkan ia dianggap sebagai sebuah warga korporat yang baik;

c. membantu kakitangan berdepan dengan masalah membuat pertimbangan yang sukar semasa menjalankan tugas mereka; dan

d. memberi keyakinan kepada pihak berkepentingan yang berurusniaga dengan Kumpulan.

Bidang meliputi Piawaian termasuk:

- Percanggahan Kepentingan
- Maklumat Dalaman dan Peluang Korporat
- Kepentingan dalam Perniagaan Bersaingan
- Urusniaga Dalaman dan Penyalahgunaan Pasaran
- Sogokan dan Rasuah
- Sumbangan Politik
- Sumbangan Kebajikan
- Undang-undang Persaingan
- Maklumat Sensitif Harga
- Urusniaga Produk-produk Kumpulan
- Pelaburan Wang Haram
- Sekatan
- Laporan Salah Laku
- Keselamatan dan Kerahsiaan Maklumat
- Keraian dan Hadiah
- Garis Panduan Eksport Am
- Pembayaran Komisen
- Aktiviti Luar
- Perlindungan Aset Korporat dan Penyalahgunaan Sumber
- Ketepatan Perakaunan dan Penyimpanan Rekod

Pematuhan terhadap Piawaian sentiasa dipantau oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit Syarikat. Bahagian Perundangan/Setiausaha Syarikat Kumpulan ditugaskan bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Lembaga Pengarah setiap tahun mengenai pematuhan terhadap Piawaian ini oleh Kumpulan serta kakitangannya.

# piawaian perlakuan perniagaan

**Syarikat dan Lembaga Pengarah menyedari kepentingan meningkatkan nilai pemegang saham melalui perniagaan yang mapan dengan mengekalkan tahap tadbir urus korporat syarikat yang tinggi di seluruh Kumpulan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab menguruskan perniagaan dan urusan Kumpulan.**

Selama bertahun-tahun, Syarikat dan Lembaga Pengarah bertekad untuk memastikan perniagaan dan urusan Kumpulan doktrin dan prinsip-prinsip korporat Syarikat seperti kejujuran, ketelusan, kebertanggungjawaban dan perilaku perniagaan yang bertanggungjawab.

Struktur tadbir urus korporat Syarikat dibentuk berpandukan atas prinsip-prinsip dan amalan yang dinyatakan dalam keperluan luaran seperti Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007) (Kod Malaysia) dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Keperluan Penyenaraian) dan juga keperluan dalaman seperti Kod Tadbir Urus Korporat Syarikat (Kod BATM) dan Piawaian Perlakuan Perniagaan (Piawaian).

Kod BATM dirumuskan berdasarkan prinsip-prinsip dan amalan terbaik yang ditetapkan dalam Kod Malaysia dan perkembangan amalan tadbir urus terbaik global serta prinsip-prinsip dan amalan terbaik yang diamalkan di seluruh Kumpulan.

Piawaian dapat mengawal perilaku semua kakitangan Syarikat termasuk Lembaga Pengarah. Antara peruntukan termaktub dalam Piawaian termasuk, hindari keadaan percanggahan kepentingan, kepentingan dalam perniagaan saingan, tegahan mengguna maklumat dalaman, peluang korporat, urusniaga orang dalam, pemberi maklumat dan tiada aktiviti rasuah. Piawaian ini digubah semula dan dikemaskini oleh Lembaga Pengarah pada 23 April 2009 yang mana tanggungjawab untuk melaporkan kepada Lembaga ke atas pematuhan Piawaian setiap tahun oleh Kumpulan dan kakitangannya diamanahkan kepada Bahagian Perundangan/Setiausaha Syarikat. Piawaian akan tetap dikaji semula dari masa ke semasa oleh Lembaga untuk memastikan Piawaian kekal diberi perhatian dalam amalan perniagaan terbaik. Kumpulan dan setiap kakitangan termasuk Pengarah dijangkakan akan mematuhi Piawaian dan diperlukan mereka mengesahkan iltizam dan kepatuhan mereka dengan melaksanakan pengisytiharan pematuhan setiap tahun.

Di samping Piawaian dan Kod BATM, Syarikat dan Lembaga juga dipandu oleh Penyata Prinsip Perniagaan (Prinsip Perniagaan) Kumpulan. Prinsip Perniagaan meliputi isu-isu penting yang mendokong Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK) bagi sesebuah perniagaan multinasional khususnya keunikan ciri perniagaan tembakau. Tiga (3) Prinsip Perniagaan tersebut adalah Manfaat Bersama, Pentadbiran Produk Bertanggungjawab dan Tatacara Korporat yang Baik yang mana setiap prinsip tersebut disokong oleh kepercayaan dasar yang mentakrif dan menyokong Prinsip Perniagaan.

Maklumat lanjut berkenaan Piawaian dan Prinsip Perniagaan boleh diperolehi oleh Pengarah dan kakitangan daripada laman web Syarikat di **www.batmalaysia.com** www.batmalaysia.com. Piawaian juga boleh diperolehi daripada Setiausaha Syarikat.

Penyata Delegasi Kuasa juga mendokong tadbir urus korporat yang baik dan kawalan risiko dan pengurusan pelaburan yang berhemat. Dalam Penyata Delegasi Kuasa Syarikat, Lembaga telah khususnya menghadkan hal-hal seperti pembentukan perniagaan atau kilang-kilang baru, rancangan strategik tahunan, kelulusan perbelanjaan modal yang besar, pengambilalihan dan pelupusan perniagaan atau ekuiti, pinjaman dan sebarang penstrukturan syarikat.

Selain daripada Piawaian dan Prinsip Perniagaan, Syarikat telah mempunyai dasar dan garis panduan dalaman untuk memastikan tadbir urus korporat yang baik. Dasar, piawaian dan garis panduan dalaman seumpama ini merangkumi Polisi Pemerolehan Tidak Langsung *(Polisi Pemerolehan)* yang menetapkan rangka kerja untuk pembelian tidak

# penyata tadbir urus korporat

langsung Syarikat. Polisi Pemerolehan menghuraikan proses dan prosedur yang terlibat dalam pemilihan pembekal untuk mendapatkan nilai dan kualiti keseluruhan bagi setiap harga yang dibelanjakan yang terbaik untuk memastikan penghantaran barang-barang tepat pada masanya serta khidmat yang memuaskan keperluan perniagaan Kumpulan. Jawatankuasa Tender Syarikat yang terdiri daripada Pengarah Eksekutif dan pengurusan kanan mengkaji cadangan pihak berkepentingan dan melulus tender yang dimajukan setelah pertimbangan sewajarnya. Polisi Pemerolehan juga boleh diperolehi oleh kakitangan kami dan Pengarah-Pengarah Syarikat melalui intranet Syarikat. Selain daripada Polisi Pemerolehan, dasar kawalan dalaman lain, piawaian dan garis panduan seperti Piawaian Pemasaran Antarabangsa British American Tobacco, Prinsip Pengambilan Pekerja dan Alam Sekitar, Kesihatan dan Dasar Keselamatan yang dipatuhi Syarikat dalam menjalankan perniagaannya boleh juga diperolehi daripada laman web korporat.

Anugerah-anugerah berikutnya mengiktirafkan komitmen Kumpulan menguruskan perniagaannya secara bertanggung-jawab di tengah-tengah persekitaran yang mencabar bagi industri tembakau:

*Laporan Tahunan*

- Kategori Produk Pengguna Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA)

  Syarikat menerima anugerah NACRA untuk 8 tahun berturut-turut, pengiktirafan Industri Cemerlang dalam kategori Produk Pengguna di Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA). Syarikat memenangi anugerah dari 2002 hingga 2008.

*Tanggungjawab Sosial Korporat*

- Kategori Tanggungjawab Sosial Korporat dalam NACRA

  Syarikat memenangi Anugerah Platinum bagi Tanggung-jawab Sosial Korporat (TSK) atas iltizam dan usaha Syarikat mengendalikan dengan cara yang mengambil kira ekonomi, sosial dan persekitaran dan pada masa yang sama mengimbang kepentingan pelbagai pihak berkepentingan.

- Anugerah Hibiscus Perdana Menteri 2008/2009

  Syarikat menerima sebuah Anugerah Pencapaian Penting, pengiktirafan daripada anugerah persekitaran terulung Malaysia bagi prestasi persekitaran dan amalan terbaik Syarikat.

- *Asian Sustainability Rating*

  Syarikat mendapat pengiktirafan sebagai salah satu daripada 20 syarikat teratas di Asia Pasifik atas dedahan kemapanannya dan satu-satunya syarikat Malaysia di tangga ke 20 teratas daripada 200 syarikat yang dikaji selidik oleh CSR Asia.

- Anugerah Laporan Kesinambungan ACCA Malaysia 2009

  Syarikat menerima anugerah Special Mention – Jaminan Pendekatan Anugerah Laporan Kesinambungan daripada Anugerah Laporan Kesinambungan ACCA Malaysia 2009 atas pengiktirafan sebagai 1 daripada hanya 3 syarikat yang memastikan laporannya mendapatkan kesahan luaran, menampilkan petunjuk seperti bebas dan saksama, jelas dan skop jaminan, kaedah dan penyiasatan yang mendalam, dedahan tentang kepincangan dan penyelesaiannya.

*Tadbir Urus Korporat*

- Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCG) 2009

  Syarikat menerima Anugerah Cemerlang dalam Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCG) 2009 atas pencapaiannya dalam mengamal tahap tadbir urus korporat yang terbaik. Penganugerahan dianjur olek Kumpulan Pemegang Saham Minoriti (MSWG) dan Indeks 2009 mengkaji 100 syarikat awam tersenarai teratas dari segi amalan tadbir usur korporat termasuk amalan kod antarabangsa terbaik. Syarikat menduduki tangga ke 10 syarikat teratas untuk 2 tahun berturut-turut dari 2007-2008.

- Anugerah Tadbir Urus Korporat Asset 2009

  Syarikat dianugerahkan Anugerah Korporat emas dalam Anugerah Tadbir Urus Korporat Asset 2009. Asset adalah majalah perniagaan kewangan bagi industri kewangan di Asia dengan kadar edaran yang tinggi di kalangan masyarakat korporat dan kewangan utama di Asia. Syarikat menduduki di antara kedudukan 5 syarikat teratas selama 2 tahun berturut-turut iaitu dari 2007-2008.

- Anugerah Pengundian FinanceAsia 2009

  Syarikat berada di tangga ke 6 untuk Tadbir Urus Korporat Terbaik dalam Anugerah Pengundian FinanceAsia Asia 2009. FinanceAsia telah menaksir syarikat-syarikat di Asia berdasarkan keseluruhan pengurusan mereka, tadbir urus syarikat, hubungan pelabur dan komitmen mereka untuk bayaran dividen yang kukuh.

*Nilai Pemegang Saham*

- Anugerah Nilai Pemegang Saham KPMG/The Edge 2008

  Syarikat dianugerahkan pemenang keseluruhan untuk 7 tahun berturut-turut atas nilai pemegang saham yang dicontohi mencapai keuntungan ekonomi tertinggi di par modal yang dilaburkan di antara semua syarikat awam tersenarai di Malaysia.

  Syarikat juga dianugerahkan pemenang bahagian di bawah kategori Pasaran pengguna dalam Anugerah Nilai Pemegang Saham KPMG/The Edge.

- Anugerah Pengundian FinanceAsia 2008

  Syarikat mendapat tempat pertama dalam Polisi Dividen Paling Komited dan di tempat ke 4 dalam Hubungan Pelabur Terbaik Anugerah Pengundian FinanceAsia 2008.

## LEMBAGA PENGARAH

### struktur lembaga

Struktur Lembaga mematuhi keperluan yang dimandat oleh Keperluan Penyenaraian dan yang digariskan oleh prinsip dan amalan terbaik Kod Malaysia. Setakat tarikh Penyata ini, saiz dan komposisi Lembaga adalah seimbang mengikut perlembagaannya pada masa kini untuk menghadapi sebarang cabaran perniagaan dan memacu perniagaan ke puncaknya.

Lembaga terdiri daripada gabungan Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif daripada latar belakang profesional pelbagai yang kaya dengan pengalaman, kemahiran dan kepakaran. Setakat 31 Disember 2008, Lembaga mempunyai 7 orang ahli yang terdiri daripada 4 Pengarah Bukan Eksekutif (termasuk Pengerusi) dan 3 Pengarah Eksekutif. 3 daripada 4 Pengarah Bukan Eksekutif adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

Setakat 31 Disember 2009, ahli Lembaga Pengarah adalah sebagai berikut:

**Tan Sri Abu Talib bin Othman**
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*
*(Pengerusi)*

**Datuk Oh Chong Peng**
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

**Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak**
*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas*

**James Richard Suttie**
*Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas*

**William Toh Ah Wah**
*Pengarah Eksekutif (Pengarah Urusan)*

**Stephen James Rush**
*Pengarah Eksekutif (Pengarah Kewangan)*

**Dato' Chan Choon Ngai**
*Pengarah Eksekutif (Pengarah Operasi)*

Jumlah Pengarah Bukan Eksekutif (dua pertiga) adalah seimbang dan memenuhi kriteria yang termaktub dalam Keperluan Penyenaraian.

Pengerusi Lembaga, Tan Sri Abu Talib telah berkhidmat dengan Kerajaan lebih daripada 30 tahun dan memegang pelbagai jawatan, termasuk sebagai Peguam Negara Malaysia. Kini, beliau juga merupakan Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) untuk membangkit kesedaran dan menawar pendidikan hak asasi manusia. Pengalaman dan pengetahuan beliau yang luas meningkatkan peranannya sebagai Pengerusi Syarikat untuk menyediakan pendekatan yang bermaklumat jelas terhadap isu-isu industri tembakau yang mencabar dan isu-isu utama untuk memastikan semua keputusan yang dibuat oleh Lembaga mengambil kira kepentingan Kumpulan dan pihak berkepentingannya.

Datuk Oh Chong Peng, Pengerusi Jawatankuasa Audit dan juga Pengarah Bukan Eksekutif Kanan Syarikat dan mempunyai pengalaman kerjaya perakaunan meliputi lebih daripada 40 tahun dan disanjung tinggi dalam sektor perakaunan dan audit. Datuk Oh Chong Peng akan, jika diperlukan, mempengerusi mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan pemegang saham semasa ketiadaan Pengerusi. Beliau sentiasa bersedia dan bila masa perlu, bila mana terdapat keperluan untuk menyampaikan apa jua perkara kepada Lembaga selain daripada melalui Pengerusi, Pengarah atau Setiausaha Syarikat.

Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak, merupakan rakan kongsi firma perundang tempatan dan mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam kerjaya undang-undang dalam bidang akademik, beliau kini merupakan Adjunct Professor di Universiti Teknologi MARA, Fakulti Undang-Undang.

Senarai para pengarah, profil dan butiran keahlian masing-masing boleh didapati pada muka surat 36 hingga 39 Laporan Tahunan ini.

Struktur Lembaga masa kini memastikan bahawa tidak ada seorang individu atau kelompok yang menguasai proses membuat keputusan Lembaga. Seterusnya, peranan dimainkan oleh Pengerusi dan Pengarah Urusan adalah berasingan, dan pembahagian tanggungjawab mereka jelas dinyatakan, dengan masing-masing mempunyai kuasa serta tanggungjawab yang berbeza serta jelas. Tugas dan tanggungjawab Pengerusi dan Pengarah Urusan jelas tertakrif dalam Kod BATM. Pembahagian peranan dan tanggungjawab memastikan wujudnya keseimbangan kuasa, yang demikian sehingga tidak terdapat kelebihan tumpuan kuasa pada Pengerusi atau Pengarah Urusan.

Pengerusi bertanggungjawab dalam kepimpinan Lembaga, memastikan keberkesanannya serta menentukan agenda untuk semua mesyuarat Lembaga. Setelah matlamat dan strategi dikaji dan diterimapakai oleh Lembaga sebagai keseluruhan, Pengarah Urusan bertanggungjawab untuk memastikan keselenggaraan matlamat dan strategi dalam batasan kuasa yang dicetuskan oleh Lembaga. Pengarah Urusan bertanggungjawab terhadap pengawasan aset Kumpulan dan pengurusan harian Syarikat.

Adalah menjadi tugas Pengarah Urusan, untuk bekerjasama dengan pengurusan kanan Kumpulan, untuk menguruskan perniagaan Kumpulan dalam cara yang ditetapkan oleh Piawaian, Prinsip Perniagaan dan menurut perancangan tertentu, peraturan dan arahan Lembaga.

Semua Ahli Lembaga merupakan profesional berkaliber tinggi dan berintegriti dan mempunyai pengetahuan dan pengalaman mengenai perusahaan tembakau untuk melaksanakan tugas-tugas mereka dengan berkesan.

## tanggungjawab utama lembaga

Lembaga menghala tuju penilaian risiko, perancangan strategik, perancangan penggantian dan pengurusan operasi dan kewangan Kumpulan semoga kewajipan terhadap pemegang saham dan pihak berkepentingan dapat difahami dan dipenuhi. Lembaga memberikan kepimpinan yang diperlukan untuk memastikan matlamat perniagaan Kumpulan tercapai mengikut rangka kawalan dalaman seperti yang termaktub dalam Penyata ini. Lembaga ini bertanggungjawab bagi menentukan semua dasar utama, peninjauan sistem kawalan dalaman, memastikan strategi dan pengurusan yang berkesan tersedia, untuk menilai prestasi Kumpulan dan pengurusan kanannya.

Dalam menjalankan tanggungjawabnya, Lembaga akan berpandu kepada kod-kod etika dan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Kod BATM, Piawaian dan Prinsip-prinsip Perniagaan. Piawaian Kumpulan dan Kod menggariskan perlakuan dan tanggungjawab Lembaga, Pengerusi dan Pengarah Urusan. Lembaga memastikan kepatuhan kepada Piawaian Kumpulan dipantau melalui proses di mana pengisytiharan diperolehi daripada semua Pengarah dan pengurusan mengesahkan pematuhan mereka dan termasuk akuan terhadap mana-mana keadaan percanggahan kepentingan.

Antara tugasan utama yang menjadi tanggungjawab Lembaga adalah termasuk mengenalpasti risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang bersesuaian untuk menguruskan risiko tersebut, mengkaji dan menerimapakai perancangan strategik bagi Kumpulan, mengkaji kemampuan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman Kumpulan, termasuk sistem pematuhan perundangan berkaitan, penguatkuasaan, peraturan, arahan dan garis panduan.

Lembaga Pengarah mempunyai kumpulan tanggungjawab untuk Pengurusan Kumpulan. Pengarah Bukan Eksekutif bertanggungjawab membuat pertimbangan dan penelitian bebas kepada keputusan diambil Lembaga, serta memberikan cabaran bermatlamat kepada pengurusan. Pengarah Eksekutif mempunyai tanggungjawab langsung bagi operasi perniagaan.

Pengarah Bukan Eksekutif tidak terlibat dalam pengurusan seharian Syarikat dan tidak mengambil bahagian dalam sebarang perundingan perniagaan atau hubungan lain dengan Syarikat untuk memastikan bahawa mereka berupaya melaksanakan penilaian dengan berhemat bertindak untuk kepentingan Syarikat, pemegang sahamnya dan pemegang saham minoritinya.

Lembaga bertanggungjawab mengisytiharkan dividen dan meluluskan penyata kewangan serta dasar perakaunan Kumpulan. Tugas-tugas lain Lembaga termasuk mempertimbangkan perancangan penggantian, termasuk pelantikan, latihan, penetapan ganjaran dan yang mana sesuai, penggantian pengurusan kanan.

Selanjutnya, menurut Penyata Delegasi Kuasa Syarikat, Lembaga juga ditugaskan untuk memutus transaksi perniagaan dan kegiatan berikut:

- Perolehan, pelupusan atau penutupan perniagaan;
- Penubuhan perniagaan baru;
- Perancangan tahunan strategik;
- Modal pelaburan dan pelupusan aset ketara daripada perniagaan sedia ada kepada pihak ke-3;
- Pembelian atau penjualan cap dagangan;
- Cadangan peminjaman;
- Jaminan dan Surat Kepastian;
- Cadangan peminjaman atau pemberian kemudahan kredit oleh subsidiari beroperasi daripada Kumpulan Syarikat lain;
- Peningkatan atau pengurangan modal dibenarkan atau terbayar oleh subsidiari beroperasi;
- Penebusan atau pembayaran balik modal awal pinjaman yang tidak dirancang;
- Mana-mana penstrukturan korporat yang tidak dinyatakan oleh mana-mana perenggan di atas; dan
- Perubahan nama mana-mana syarikat dalam Kumpulan dan mana-mana penubuhan syarikat baru.

- ***Kumpulan Pengurusan Kanan***

Bagi menjalankan tanggungjawab serta tugas tersebut di atas, Lembaga sewajarnya dibantu oleh pengurusan kanan Syarikat, dikenali sebagai Pengurusan Kanan yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan yang memegang jawatan berikut:

1. Pengarah Urusan;
2. Pengarah Kewangan;
3. Pengarah Pemasaran;
4. Pengarah Operasi;
5. Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perundangan;
6. Pengarah Sumber Manusia; dan
7. Pengarah Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan.

Butiran setiap ahli Kumpulan Pengurusan Kanan disediakan di muka surat 42 hingga 43 Laporan Tahunan ini.

Amat penting bagi Lembaga dan Kumpulan Pengurusan Kanan saling melengkapi satu sama lain, oleh demikian, tanggungjawab dan bidang kuasa Kumpulan Pengurusan Kanan yang ditakrif dengan jelas dalam Had Kuasa Korporat Syarikat terdapat dalam Penyata Delegasi Kuasa. Kumpulan Pengurusan Kanan diamanahkan dengan tanggungjawab melaksanakan dasar dan pemutusan Lembaga, mengawalselia operasi serta membangun, menyelaras dan melaksanakan strategi perniagaan dan korporat.

Dari masa ke semasa, jika Lembaga memerlukan maklumat yang berkaitan atau laporan kemaskini daripada mana-mana ahli Kumpulan Pengurusan Kanan, ahli yang berkenaan daripada Kumpulan Pengurusan Kanan akan dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga untuk menyampaikan maklumat dan laporan kemaskini yang diperlukan Lembaga.

- ***Setiausaha Syarikat***

Selain Kumpulan Pengurusan Kanan, Setiausaha Syarikat memberi sokongan kepada Pengerusi Syarikat bagi memastikan keberkesanan fungsi Lembaga. Setiausaha Syarikat mengatur dan menghadiri semua mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga serta memastikan rekod yang tepat dan sempurna bagi mempertimbangkan isu-isu yang dibincangkan, pemutusan serta kesimpulan dicatatkan.

Setiausaha Syarikat mencatat, menyedia dan mengedar minit mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga serta memastikan minit disimpan rapi di pejabat berdaftar Syarikat dan dikemukakan untuk pemeriksaan, sekiranya perlu.

Selain itu, Setiausaha Syarikat juga kerap mengemaskini Lembaga berkenaan pindaan kepada Keperluan Penyenaraian, amalan dan nota panduan, serta pekeliling daripada Bursa Malaysia Securities Berhad, perkembangan undang-undang dan peraturan serta kesannya jika ada, kepada Kumpulan dan perniagaannya. Semua Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat. Setiausaha Syarikat dilantik dan boleh dilucutkan oleh Lembaga secara keseluruhannya.

## mesyuarat lembaga

Lembaga menjadualkan sekurang-kurangnya empat (4) mesyuarat dalam setahun untuk mempertimbangkan semua perkara-perkara berkaitan kawalan keseluruhan, prestasi perniagaan dan strategi Syarikat. Mesyuarat tambahan akan dipanggil bila masa dan jika perlu.

Mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga Syarikat dijadualkan dalam suku ke-3 tahun sebelumnya bagi membolehkan para Pengarah membuat perancangan awal dan memastikan mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga yang dijadualkan dicatitkan ke dalam jadual masing-masing.

Selama 12 bulan yang berakhir 31 Disember 2009, enam (6) Mesyuarat Lembaga telah diadakan.

Jadual berikut menyenaraikan kehadiran Lembaga Pengarah pada mesyuarat yang dijalankan pada 2009:

| | Kehadiran di mesyuarat |
|---|---|
| **Tan Sri Abu Talib bin Othman** *(Pengerusi)*<br>*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas* | 6/6 |
| **Datuk Oh Chong Peng**<br>*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas* | 6/6 |
| **Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak**[1]<br>*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas* | 5/5 |
| **James Richard Suttie**<br>*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas* | 6/6 |
| **William Toh Ah Wah** [2]<br>*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*<br>*(Pengarah Urusan)* | 5/5 |
| **Stephen James Rush**<br>*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*<br>*(Pengarah Kewangan)* | 6/6 |
| **Dato' Chan Choon Ngai**<br>*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*<br>*(Pengarah Operasi)* | 6/6 |
| **Jack Marie Henry David Bowles**[3]<br>*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas* | 3/4 |

***Nota:***

1. *Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak dilantik Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada 5 Mac 2009 dan beliau menghadiri semua mesyuarat sejak perlantikan beliau.*
2. *William Toh Ah Wah sebelum ini dilantik ke Lembaga sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 5 Mac 2009 dan kemudiannya menjadi Pengarah Eksekutif Bukan Bebas apabila beliau dilantik menjadi Pengarah Urusan Syarikat mulai 1 Oktober 2009. Beliau menghadiri semua mesyuarat sejak perlantikan beliau pada 5 Mac 2009.*
3. *Jack Marie Henry David Bowles meletak jawatan sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas dan Pengarah Urusan Syarikat pada 30 September 2009 berikutan perlantikan beliau ke Lembaga Pengarah Pengurusan British American Tobacco p.l.c. sebagai Pengarah Serantau, Eropah Barat.*

*Jika seseorang pengarah dilantik pada pertengahan tahun kewangan, pengiraan bilangan minimum kehadirannya di mesyuarat lembaga untuk tujuan memenuhi keperluan kehadiran sebanyak 50% bagi tahun kewangan berkenaan ditentukan dengan mengambilkira hanya mesyuarat yang diadakan semasa atau selepas pelantikannya*

Sekiranya sebarang hala tuju atau pemutusan diperlukan secepat mungkin atau penting sekali daripada Lembaga dalam tempoh masa di luar jangkaan mesyuarat yang telah ditetapkan, mesyuarat khas Lembaga akan diatur oleh Setiausaha Syarikat.

Selepas berunding dengan Pengerusi. Agenda mesyuarat Lembaga disusun oleh Pengerusi yang dirundingkan dengan Pengarah Urusan dan Setiausaha Syarikat. Pemutusan Lembaga dicapai melalui sebulat suara atau persetujuan bersama Pengarah. Pada 2009, 10 resolusi diluluskan oleh para Pengarah melalui Resolusi Pekeliling.

Lembaga mempunyai senarai hal-hal biasa yang dimuatkan ke dalam agenda dan dikaji sepanjang tahun seperti Laporan Suku Tahun Pengarah Urusan, Keputusan Gabungan Suku Tahunan Tidak Beraudit dan cadangan-cadangan yang diputuskan dalam laporan Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan.

Antara perkara penting yang dibentangkan oleh Lembaga pada 2009 adalah:

1. Laporan Suku Tahunan Pengarah Urusan;
2. Gabungan Keputusan Suku Tahunan Tidak Beraudit;
3. Perancangan Syarikat untuk 2009-2010;
4. Pindaan kepada Piawaian Perlakuan Perniagaan;
5. Pindaan kepada Terma Rujukan Jawatankuasa Pampasan Eksekutif;
6. Ulasan Prestasi Pengarah 2008;
7. Pindaan kepada Peraturan Dalaman ke atas Urusan Saham;
8. Semua pengumuman yang dikeluarkan kepada Bursa Saham Malaysia Sekuriti Berhad;
9. Aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat Syarikat;
10. Program Pengurusan Risiko Syarikat;
11. Laporan Tahunan Syarikat (yang termasuk Penyata Tadbir Urus Korporat Syarikat, Penyata Kawalan Dalaman, Laporan Jawatankuasa Audit dan Penyata Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat);
12. Penyata Kewangan Syarikat yang diaudit; dan
13. Panduan Tadbir Urus Korporat yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia Berhad

Kakitangan pengurusan atau penasihat luar dijemput menghadiri mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga untuk memaklum ahli Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga dan menyampaikan maklumat dan penjelasan dan apabila perlu berhubung usul-usul dalam agenda yang dibentangkan kepada Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga untuk membuat pemutusan yang sewajarnya.

Semua isu yang dibincang rapi sebelum pemutusan dan kesimpulan dibuat pada mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga dan pemutusan serta kesimpulan ini dirakamkan dalam minit mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga masing-masing.

Dalam keadaan bila mana Lembaga atau Jawatankuasa Lembaga sedang mempertimbangkan perkara dalam mana seorang Pengarah mempunyai kepentingan, Pengarah berkenaan mengecualikan diri daripada perbincangan tersebut. Minit mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga diedarkan kepada semua Pengarah untuk semakan dan pengesahan mereka. Para Pengarah boleh meminta penjelasan atau mengemukakan ulasan berkaitan minit tersebut sebelum disahkan.

## Jawatankuasa Lembaga dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain

Lembaga mewujudkan 3 Jawatankuasa Lembaga utama yang mana diutuskan kewajipan-kewajipan tertentu. Mereka terdiri daripada Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Ganjaran. Jawatankuasa Audit dan Ganjaran mempunyai jawatankuasa kecil yang melapor kepada mereka. Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat dan Jawatankuasa Kumpulan Pengurusan Risiko melapor kepada Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Pampasan Eksekutif melapor kepada Jawatankuasa Pampasan. Ahli-ahli Jawatankuasa kecil ini terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Kanan dan pengurus-pengurus kanan Syarikat.

Untuk memastikan kelancaran pengendalian Jawatankuasa Lembaga, setiap Jawatankuasa Lembaga akan mematuhi terma rujukan yang jelas yang diluluskan Lembaga dan termaktub dalam Kod BATM. Semua Jawatankuasa Lembaga mempunyai peranan fungsi, terma rujukan bertulis dan tatacara operasi dan bidang kuasa yang ditakrif jelas. Lembaga mengkaji bidang kuasa dan terma rujukan Jawatankuasa Lembaga dari masa ke semasa.

Setiap Jawatankuasa Lembaga perlu mengemukakan laporan perbincangan dan cadangan masing-masing dan semua perbincangan dan pemutusan perlu diluluskan oleh Lembaga dan disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Lembaga di mesyuarat Lembaga berikutnya.

Komposisi Jawatankuasa Majlis setakat tarikh 31 Disember 2009 dan kehadiran Ahli di mesyuarat Jawatankuasa Lembaga yang dijalankan setakat 2009 adalah seperti berikut:

| Ahli | Kedatangan | | |
|---|---|---|---|
| | Mesyuarat Jawatankuasa Audit | Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan | Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran |
| **Jawatankuasa Audit** | | | |
| 1. **Datuk Oh Chong Peng** *(Pengerusi)* *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas* | 4/4 | – | – |
| 2. **Tan Sri Abu Talib bin Othman** *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas* | 4/4 | – | – |
| 3. **Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak** * *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas* | 4/4 | – | – |
| 4. **James Richard Suttie** *Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas* | 4/4 | – | – |
| **Jawatankuasa Pencalonan** | | | |
| 1. **Tan Sri Abu Talib bin Othman** *(Pengerusi)* *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas* | – | 2/2 | – |
| 2. **Datuk Oh Chong Peng** *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas* | – | 2/2 | – |
| 3. **Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak** * *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas* | – | 1/1 | – |
| 4. **James Richard Suttie** *Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas* | – | 2/2 | – |
| **Jawatankuasa Ganjaran** | | | |
| 1. **Tan Sri Abu Talib bin Othman** *(Pengerusi)* *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas* | – | – | 4/4 |
| 2. **Datuk Oh Chong Peng** *Pengarah Bukan Eksekutif Bebas* | – | – | 4/4 |
| 3. **James Richard Suttie** *Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas* | – | – | 4/4 |
| 4. **William Toh Ah Wah** ** *Pengarah Eksekutif Bukan Bebas* | – | – | 1/1 |
| 5. **Jack Marie Henry David Bowles** *** *Pengarah Eksekutif Bukan Bebas* | – | – | 2/3 |

* dilantik pada 5 Mac 2009

** dilantik pada 5 Mac 2009 sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas dan kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Urusan Syarikat berkuatkuasa 1 Oktober 2009.

*** meletak jawatan pada 30 September 2009 sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas dan Pengarah Urusan Syarikat berikutan perlantikan beliau ke British American Tobacco p.l.c. sebagai Pengarah Serantau, Eropah Barat.

Lembaga mengekal tanggungjawab penuh ke atas hala tuju dan kawalan Kumpulan. Tanggungjawab Jawatankuasa Lembaga dihuraikan secara terperinci di bawah ini.

## JAWATANKUASA LEMBAGA

### 1. jawatankuasa audit

Kewajipan Lembaga untuk mewujudkan penyediaan rasmi dan telus untuk mempertimbangkan bagaimana menggunapakai laporan kewangan dan prinsip kawalan dalaman, dan mengekalkan hubungan sewajarnya dengan juruaudit luar Syarikat, PricewaterhouseCoopers Malaysia, dilunaskan melalui Jawatankuasa Audit.

Setakat tarikh Penyata ini, Jawatankuasa Audit terdiri daripada 4 Pengarah. Semua Ahli Jawatankuasa Audit merupakan Pengarah Bukan Eksekutif, yang mana 3 daripada 4 ahlinya adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

Semua Ahli Jawatankuasa Audit arif dalam bidang kewangan yang tertakrif oleh Kod Malaysia dan Pengerusi, Datuk Oh Chong Peng merupakan "pakar kewangan jawatankuasa audit" menurut takrifan yang digariskan dalam Keperluan Penyenaraian. Datuk Oh Chong Peng adalah Akauntan Berkanun yang bertauliah dan Fellow Institut Akauntan Berkanun, England dan Wales.

***Kuasa***

Jawatankuasa Audit membantu dalam mengkaji keberkesanan kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses tadbir urus Syarikat termasuk mengkaji penyata kewangan dan laporan Syarikat.

Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat dengan pengurusan dan juruaudit luar dan dalam untuk mengkaji keberkesanan kawalan dalaman dan pengurusan risiko perniagaan, dan menerima laporan daripada Jawatankuasa Audit Serantau Kumpulan. Jawatankuasa mengkaji pematuhan dengan Piawaian dan tatacara yang disediakan dalam Kumpulan untuk pengurusan dasar perniagaannya. Jawatankuasa Audit membuat pertimbangan teliti terhadap risiko perniagaan yang timbul dalam konteks operasi perbendaharaan Kumpulan, sistem teknologi maklumatnya dan ancaman terhadap perniagaan Kumpulan akibat perdagangan haram, serta mengkaji kawalan khusus yang disediakan dalam Kumpulan untuk menangani risiko sedemikian. Melalui langkah-langkah ini, Jawatankuasa Audit telah berpuashati bahawa dengan langkah-langkah ini sistem kawalan dalaman yang wajar dan memuaskan kekal tersedia untuk mengenalpasti dan menangani risiko perniagaan, dan bahawa perniagaan Kumpulan dijalankan dengan wajar.

Jawatankuasa Audit juga bertanggungjawab meluluskan audit, perkhidmatan berkaitan audit dan tidak berkaitan audit berulangan yang dijalankan oleh juruaudit luar dan dalam menjalankan tugas-tugas mereka, Jawatankuasa Audit memastikan bahawa kebebasan dan objektif juruaudit luar tidak terjejas.

Jawatankuasa Audit telah mengkaji dan membincangkan Penyata Kewangan Beraudit yang disediakan oleh PricewaterhouseCoopers Malaysia pada 31 Disember 2009 dan mencadangkan kepada Lembaga pada 10 Februari 2010, bahawa Penyata Kewangan Beraudit tersebut disertakan bersama Laporan Kewangan Syarikat setakat 31 Disember 2009 dimuatkan dalam Laporan Tahunan Syarikat 2009.

Pada 11 Februari 2010, Lembaga Pengarah telah meluluskan Penyata Kewangan Beraudit tersebut untuk disertakan bersama Laporan Tahunan Syarikat 2009 dan difailkan dengan Bursa Malaysia Securities Berhad, Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

***Mesyuarat***

Pengarah Urusan, Pengarah Kewangan, Ketua Audit Dalaman dan wakil-wakil Juruaudit Luaran menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat sebanyak 4 kali sepanjang 2009 dan bermesyuarat 2 kali dengan Juruaudit Luar tanpa kehadiran Pengarah-Pengarah Eksekutif dan pengurusan.

Ahli Jawatankuasa Audit kecuali dan melainkan Pengerusi Jawatankuasa Audit, tidak menerima sebarang bayaran dalam 2009 daripada Kumpulan selain daripada imbuhan yang diterima sebagai Pengarah Syarikat dan elaun kehadiran mesyuarat. Pengerusi Jawatankuasa Audit menerima imbuhan tetap tahunan selaku Pengerusi Jawatankuasa Audit.

Fungsi, komposisi dan keahlian Jawatankuasa Audit dihuraikan di muka surat 104 hingga 107 dalam Laporan Tahunan ini

### 2. jawatankuasa pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan dianggotai khususnya oleh para Pengarah Bukan Eksekutif, yang mana 2 daripada 3 Ahli adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

Jawatankuasa Pencalonan diberi kuasa oleh Lembaga untuk, antara lain, mencadangkan kepada Lembaga calon-calon yang sesuai untuk pelantikan sebagai Pengarah, memastikan Lembaga mempunyai ahli-ahli yang memiliki keseimbangan kemahiran, kepakaran, ciri-ciri, mengkaji profil kemahiran, kepakaran, ciri-ciri dan yang diperlukan serta teras kecekapan yang diperlukan untuk keahlian Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga. Pengarah yang menawar diri untuk pemilihan semula dan pelantikan semula akan mengundur diri daripada semua perbincangan mengenai pemilihan semula atau pelantikan semula beliau ke Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga.

Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan apabila dan sekiranya perlu. Jawatankuasa Pencalonan telah bermesyuarat dua kali setakat 31 Disember 2009.

Bidang kuasa dan terma rujukan Jawatankuasa Pencalonan adalah seperti berikut:

***a. Kuasa***

Jawatankuasa Pencalonan diberi kuasa oleh Lembaga untuk bertindak sebagai berikut:

- Mencadangkan calon-calon yang sesuai kepada Lembaga untuk pelantikan sebagai Pengarah;
- Memastikan Lembaga memperolehi keseimbangan kemahiran, kepakaran, ciri-ciri dan teras kecekapan yang bersesuaian sebagai ahli;
- Mengkaji dari masa ke semasa profil kemahiran, kepakaran, ciri-ciri dan teras kecekapan yang diperlukan untuk keahlian Lembaga;
- Mengkaji rancangan penggantian ahli Lembaga;
- Mencadangkan kepada Lembaga, para Pengarah untuk mengisi keanggotaan Jawatankuasa Lembaga; dan
- Menilai setiap tahun, keberkesanan Lembaga, Jawatankuasa Lembaga dan sumbangan setiap seorang Pengarah.

***b. Mesyuarat***

- Jawatankuasa Pencalonan harus bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila diminta oleh mana-mana ahlinya.
- Majoriti ahli yang hadir harus terdiri daripada Pengarah Bebas untuk membentuk satu kuorum mesyuarat.
- Setiausaha Syarikat harus mencatat, menyedia dan mengedarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan memastikan minit tersebut disimpan dan dikemukakan untuk pemeriksaan, apabila perlu.
- Jawatankuasa Pencalonan hendaklah melapor kepada Lembaga dan minitnya akan dibentangkan dan diambil perhatian oleh Lembaga.

Menurut Tataurusan Persatuan Syarikat, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Pengarah harus mengundurkan diri daripada jawatannya pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan. Pengarah yang tamat tempoh perkhidmatan boleh menawarkan diri mereka untuk dipilih semula. Pada bulan Februari 2009, Jawatankuasa Pencalonan mencadangkan kepada Lembaga untuk perlantikan semula Datuk Oh Chong Peng dan Jack Marie Henry David Bowles, yang kemudian dilantik semula sebagai Pengarah di Mesyuarat Agung Tahunan pada 20 April 2009.

Seterusnya, pada Mac 2009, Jawatankuasa Pencalonan juga mencadangkan kepada Lembaga untuk perlantikan Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan William Toh Ah Wah sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas. Pengarah-Pengarah yang baru ini kemudian dilantik semula sebagai Pengarah semasa Mesyuarat Agung Tahunan pada 20 April 2009.

Kemudian, berikutan perlantikan Jack Marie Henry David Bowles ke Lembaga Pengurusan British American Tobacco p.l.c. sebagai Pengarah Serantau, Eropah Barat, Jawatankuasa Pencalonan mencadangkan kepada Lembaga untuk perlantikan William Toh Ah Wah sebagai Pengarah Urusan Syarikat bermula 1 Oktober 2009.

## 3. jawatankuasa ganjaran

Jawatankuasa Ganjaran terdiri daripada 4 Pengarah yang kebanyakannya Pengarah Bukan Eksekutif. 2 daripada 3 Pengarah Bukan Eksekutif dalam Jawatankuasa Ganjaran adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Pengarah Urusan adalah salah seorang daripada 4 Pengarah dalam Jawatankuasa Ganjaran. Kehadiran Pengarah Urusan dalam Jawankuasa Ganjaran perlu kerana sebagai Pengarah Urusan yang berunding dengan Pengerusi Syarikat akan mencadangkan kepada Lembaga berkaitan imbuhan yang perlu dibayar kepada Pengarah Bukan Eksekutif yang termaktub dalam Kod BATM.

Seorang Pengarah akan mengundur dirinya apabila pertimbangan sedang dijalankan berhubung pakej imbuhannya dan undian ke atas cadangan pakej imbuhan Pengarah tersebut. Pengarah Urusan yang merupakan ahli Jawatankuasa Ganjaran, membuat pembentangan kepada Jawatankuasa Ganjaran berhubung imbuhan, bayaran pampasan, bonus tahunan dan kenaikan gaji para Pengarah Eksekutif dan ahli Kumpulan Pengurusan Kanan.

Objektif Jawatankuasa Ganjaran dalam menentukan tahap dan kandungan pakej ganjaran adalah untuk menarik minat, mendorong dan mengekal para Pengarah Eksekutif dan ahli Kumpulan Pengurusan Kanan yang berbakat dan berdedikasi. Dalam penentuan mereka, Jawatankuasa Ganjaran mempertimbangkan taraf yang setanding dengan pengurusan kanan utama syarikat-syarikat lain yang diperbandingkan.

Bagi kakitangan Kumpulan yang lain, Lembaga menugaskan tanggungjawab dan memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pampasan Eksekutif untuk memastikan pakej ganjaran yang ditawarkan mampu menarik minat, mendorong dan mengekalkan kakitangan yang berbakat dan berdedikasi, sekurang-kurangnya setanding dengan kakitangan dalam syarikat-syarikat lain yang diperbandingkan.

Jawatankuasa Ganjaran bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun dan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, Jawatankuasa Ganjaran telah bermesyuarat 4 kali. Di antara perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa Ganjaran pada 2009 adalah pakej ganjaran Pengarah Urusan baru, pelarasan gaji Pengarah Kewangan, mengkaji imbuhan yang perlu dibayar kepada Pengarah Bukan Eksekutif dan pindaan kepada Terma Rujukan Jawatankuasa Eksekutif Pampasan.

Kuasa dan terma rujukan Jawatankuasa Ganjaran adalah seperti berikut:

***a. Kuasa***

Jawatankuasa Ganjaran diberi kuasa oleh Lembaga untuk bertindak seperti berikut:

- Mencadangkan kepada Lembaga rangka dasar Syarikat berhubung syarat-syarat pekerjaan para Pengarah Eksekutif dan ahli Kumpulan Pengurusan Kanan;
- Mencadangkan kepada Lembaga berhubung semua unsur pembayaran ganjaran dan pampasan para Pengarah Eksekutif dan ahli Kumpulan Pengurusan Kanan;
- Mengkaji dan meluluskan bonus tahunan dan kenaikan gaji para Pengarah Eksekutif dan ahli Kumpulan Pengurusan Kanan; dan
- Mengkaji dan mencadangkan kepada Lembaga imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif.

***b. Mesyuarat dan Minit***

- Jawatankuasa Ganjaran haruslah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap tahun atau seberapa kerap yang diputuskannya.
- Majoriti ahli yang hadir haruslah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif untuk membentuk kuorum mesyuarat.
- Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif harus mengundurkan diri daripada perbincangan dan pemutusan mengundi berkaitan ganjaran masing-masing, sama ada di peringkat Jawatankuasa Ganjaran atau Lembaga, yang mana sesuai.
- Jawatankuasa Ganjaran harus berhak untuk mendapatkan nasihat dalaman daripada Jabatan Sumber Manusia atau daripada sumber-sumber luar, apabila perlu.
- Setiausaha Syarikat harus mencatat, menyedia dan mengedarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran dan memastikan minit tersebut disimpan dengan rapi dan dikemukakan untuk pemeriksaan apabila perlu.
- Jawatankuasa Ganjaran harus melapor kepada Lembaga dan minit Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran akan dibentangkan dan diambil perhatian oleh Lembaga.

***Sub-Jawatankuasa-jawatankuasa kecil***

**1. Jawatankuasa Pampasan Eksekutif (JPE)**

JPE terdiri daripada ahli Kumpulan Pengurusan Kanan Syarikat. Pengurus Sumber Manusia Asia Pasifik British American Tobacco p.l.c. atau pencalonan beliau dijemput menghadiri mesyuarat JPE apabila dan sekiranya diperlukan oleh JPE. Pengarah Urusan Syarikat merupakan Pengerusi JPE dan Pengarah Sumber Manusia Syarikat bertindak selaku Setiausaha JPE.

JPE melapor kepada Jawatankuasa Ganjaran dan minit mesyuarat JPE dibentangkan kepada Jawatankuasa Ganjaran dan kemudian disampaikan kepada Lembaga.

Kuasa dan terma rujukan JPE adalah seperti berikut:

***a. Kuasa***

JPE diberi kuasa untuk melaksana, berhubung semua kakitangan Kumpulan (kecuali ahli Kumpulan Pengurusan Kanan) fungsi-fungsi berikut:

- mengkaji dan meluluskan imbuhan, pembayaran pampasan, bonus, ganjaran dan manfaat kecuali dan melainkan gaji kakitangan dalam Kumpulan yang dikaji dan diluluskan oleh Ketua Bahagian berkaitan bersamaan Pengarah Sumber Manusia;
- mengkaji dan meluluskan mandat bagi perjanjian kolektif;
- mengkaji, meluluskan dan meminda mengikut kesesuaian, rekabentuk dan syarat-syarat skim saham eksekutif;
- mengkaji dan meluluskan skim pemisahan sukarela; dan
- mengambil perhatian kenaikan pangkat bagi Gred 36 hingga 38.

***b. Mesyuarat dan Minit***

- JPE harus bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap tahun atau sekerap mana yang diputuskannya.
- Kuorum bagi JPE harus terdiri daripada kehadiran sekurang-kurangnya 5 orang ahli, termasuk Pengerusi.
- Setiausaha harus mencatat dan mengedarkan minit mesyuarat.
- JPE harus melapor kepada Jawatankuasa Ganjaran dan minitnya dibentangkan dan diambil perhatian oleh Lembaga.

Pada 2009, JPE bermesyuarat tiga kali untuk membincangkan perkara-perkara seperti belanjawan untuk kenaikan gaji, garis panduan kenaikan, pembayaran bonus 2008 dan sasaran bonus 2009.

**2. Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat (TSK)**

Jawatankuasa TSK terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Kanan Syarikat dengan Pengurus Hal Ehwal Korporat selaku Setiausaha Jawatankuasa TSK. Jawatankuasa TSK melapor kepada Lembaga melalui Jawatankuasa Audit.

Terma rujukan Jawatankuasa TSK ditetapkan seperti di bawah:

***a. Tujuan***

Jawatankuasa TSK mengkaji pengurusan rancangan tanggungjawab korporat Syarikat termasuk memantau keselarasannya dengan Penyata Prinsip Perniagaan.

Jawatankuasa TSK berusaha untuk menumpu kepada prestasi sosial dan alam sekitar Syarikat bila mana risiko dan isu sosial dan alam sekitar dikenal pasti dan tindakan yang sewajarnya dan tepat pada masanya diambil untuk menangani isu-isu tersebut. Jawatankuasa TSK turut berperanan sebagai satu forum yang menunjukkan bahawa prinsip tanggungjawab korporat diterapkan dengan berkesan ke seluruh Syarikat.

***b. Kuasa***

Jawatankuasa TSK diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mengkaji aktiviti dalam Syarikat yang termasuk dalam rangkuman pengurusan tanggungjawab sosial korporat Syarikat. Dalam melaksanakan fungsinya, Jawatankuasa TSK turut diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan nasihat profesional bebas luar dan kehadiran pihak ketiga yang berpengalaman dan berkepakaran yang berkaitan, serta pihak-pihak daripada Syarikat sendiri.

Jawatankuasa TSK bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun.

***c. Objektif***

Objektif khusus Jawatankuasa TSK adalah:

- Mengenalpasti dan menguruskan isu sosial dan alam sekitar utama;
- Mengenalpasti dan pembabitan dengan pihak berkepentingan utama;
- Memantau kecekapan dan keberkesanan sistem dan kawalan tanggungjawab sosial korporat;
- Memastikan kewibawaan maklumat pengurusan prestasi sosial dan alam sekitar; dan
- Memantau keselarasan dengan Penyata Prinsip Perniagaan Syarikat.

***d. Hubungan dengan Audit Dalaman***

Wakil-wakil audit dalaman dijemput menghadiri mesyuarat Jawatankuasa TSK dan dimaklumkan berhubung hal-hal tanggungjawab korporat yang mengakibatkan Syarikat. Audit dalaman mempunyai akses langsung kepada Pengerusi Jawatankuasa TSK berkaitan semua hal tanggungjawab korporat.

Jawatankuasa TSK bermesyuarat dua (2) kali pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 dan telah membincangkan perkara-perkara seperti cadangan untuk meningkatkan sumbangan terhadap membanteras kemiskinan menjelang 2010, membangunkan dan menerapkan kesedaran tanggungjawab korporat di kalangan kakitangan, program khidmat sukarela pekerja, bantuan biasiswa dan pelaporan kemapanan hala tuju masa hadapan. Syarikat diiktirafkan sebagai syarikat di Malaysia yang terunggul dalam Asian Sustainability Rating 2009 keluaran CSR Asia.

Butiran berkenaan aktiviti tanggungjawab korporat dipaparkan di muka surat 54 hingga 78 dalam Laporan Tahunan ini.

## 3. pasukan pengurusan risiko (PPR)

Syarikat telah membentuk satu Pasukan Pengurusan Risiko (PPR) yang melapor kepada Jawatankuasa Audit. Pasukan Pengurusan Risiko terdiri daripada Pengurus Kanan semua fungsi Syarikat dan diketuai oleh Pengarah Kewangan.

Terma rujukan Jawatankuasa PPR ditetapkan seperti di bawah:

***a. Objektif***

Objektif PPR adalah:

- Untuk melindungi aset korporat Kumpulan syarikat dan kemampuannya untuk memenuhi atau menjangkau objektif strategi perniagaan secara konsisten;
- Untuk meminimumkan jumlah kos risiko; dan
- Bagi mematuhi Kod Malaysia, garis panduan ke atas pengurusan risiko yang ditetapkan oleh Syarikat induk mutlak Syarikat, British American Tobacco p.l.c.

***b. Kuasa***

PPR diberi kuasa untuk:

- Mengkaji dan mengemaskini Kumpulan Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Audit tentang Program Perusahaan Pengurusan Risiko Kumpulan;
- Mengkaji dan mencadangkan Kumpulan Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Audit risiko utama bagi Kumpulan;
- Mengkaji dan mengemaskini Kumpulan Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Audit tentang status langkah-langkah tindakbalas risiko utama masa kini; dan
- Mengkaji dan mengemaskini Kumpulan Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Audit tentang status Pelan Kesinambungan Perniagaan.

Pasukan Pengurusan Risiko bertemu 3 kali dalam tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2009 untuk membincangkan hal-hal di atas.

***c. Hubungan dengan Audit Dalaman***

Perwakilan daripada Audit Dalaman menghadiri mesyuarat PPR sebagai penasihat mengenai keberkesanan proses pengurusan risiko. Wakilnya tersebut turut meninjau keberkesanan kawalan dalaman dan perancangan pengurangan risiko yang disediakan untuk risiko perniagaan yang dikenal pasti. Audit Dalaman menyediakan peranan pemudahan ke atas risiko-risiko pasaran, risiko-risiko serantau dan global yang dikenalpasti oleh pihak-pihak berkaitan.

Lembaga melalui Jawatankuasa Audit mengkaji keberkesanan Program Perusahaan Pengurusan Risiko Kumpulan dua kali setiap tahun. Butiran berkenaan aktiviti Program Perusahaan Pengurusan Risiko dan proses-prosesnya dipaparkan di muka surat 108 hingga 111 dalam Laporan Tahunan ini.

## proses pelantikan dan pemilihan semula pengarah

***Proses Pelantikan***

Lembaga melantik ahlinya melalui satu proses rasmi yang sejajar dengan Tataurusan Pertubuhan Syarikat (Tataurusan). Lembaga telah mewujudkan Jawatankuasa Pencalonan untuk mengemukakan cadangan berhubung kesesuaian calon untuk pelantikan ke Lembaga, bagi memastikan Lembaga mempunyai keseimbangan kecekapan dan kebolehan yang bersesuaian. Calon-calon yang dicadangkan Jawatankuasa

Pencalonan harus diluluskan dan dilantik oleh Lembaga. Jawatankuasa Pencalonan bertanggungjawab memastikan tatacara pelantikan Pengarah baru adalah telus dan rapi serta pelantikan berdasarkan merit dan kriteria objektif. Proses ini juga digunapakai bagi para Pengarah yang menawarkan diri untuk pemilihan semula atau pelantikan semula di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat.

Dalam menilai kesesuaian seseorang individu bagi keahlian Lembaga, Jawatankuasa Pencalonan mengambil kira pelbagai faktor, termasuk sama ada individu tersebut memenuhi keperluan bagi kebebasan yang ditakrif dalam Keperluan Penyenaraian, pemahaman am individu berhubung perniagaan dan pasaran Syarikat, kepakaran profesional dan latar belakang pendidikan individu serta faktor-faktor lain yang menggalakkan kepelbagaian pendapat dan pengalaman. Selain itu, individu boleh memegang sehingga 10 jawatan pengarah di syarikat-syarikat yang tersenarai dan sehingga 15 untuk syarikat yang tidak tersenarai (syarikat tak tersenarai dan swasta).

***Proses pemilihan semula atau pelantikan semula***

Syarikat tidak mempunyai had tempoh bagi Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bebas kerana Lembaga percaya bahawa sumbangan berterusan mereka memberi manfaat kepada Lembaga dan Kumpulan secara keseluruhan. Tambahan lagi, Syarikat yakin dan percaya bahawa individu yang terpilih dan terlantik ke Lembaga Pengarah merupakan individu yang mempunyai kemampuan dan berwibawa tinggi dan berkebolehan melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan bebas dan berkesan.

Walaupun demikian, para Pengarah Syarikat menawarkan diri mereka untuk pelantikan semula dari masa ke semasa, selaras dengan Tataurusan Syarikat.

Lembaga akan menganjurkan kepada para pemegang saham supaya Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif dicadangkan untuk pemilihan semula atau pelantikan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan, selaras dengan Tataurusan dan berdasarkan cadangan Jawatankuasa Pencalonan selepas menilai prestasi Pengarah secara individu.

Perubahan kepada pelantikan semula Lembaga Pengarah pada 2009 adalah seperti berikut:

| Nama | Jawatan | Keadaan Perubahan di Mesyuarat Agung Tahunan 2009 |
|---|---|---|
| Tan Sri Abu Talib bin Othman | Pengarah Bebas Bukan Eksekutif | Dilantik Semula |
| Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak | Dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas pada 5 Mac 2009 | Dilantik Semula |
| William Toh Ah Wah | Dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 5 Mac 2009 | Dilantik Semula |
| Datuk Oh Chong Peng | Pengarah Bukan Eksekutif Bebas | Dipilih semula |
| Jack Marie Henry David Bowles * | Pengarah Eksekutif Bukan Bebas | Dipilih semula |

* *meletakkan jawatan pada 30 September 2009 sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas dan Pengarah Urusan Syarikat berikutan perlantikan beliau di Lembaga Pengurusan British American Tobacco p.l.c. sebagai Pengarah Serantau, Eropah Barat.*

Artikel 97(1) dan (2) Tataurusan memperuntukkan bahawa sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada Lembaga tertakluk kepada persaraan secara giliran pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan. Para Pengarah yang perlu bersara pada setiap tahun merupakan Pengarah yang paling lama memegang jawatan sejak pelantikan atau pemilihan semula mereka.

Stephen James Rush, seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas dan Dato' Chan Choon Ngai, Pengarah Eksekutif Bukan Bebas, akan bersara menurut Artikel 97(1) dan (2) pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang ini dan akan dicadangkan untuk dilantik dan dipilih semula oleh Lembaga Pengarah menurut Tataurusan.

Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965 memperuntukkan bahawa seorang individu berusia tujuh puluh (70) tahun atau lebih boleh dilantik atau dilantik semula sebagai Pengarah oleh para pemegang saham Syarikat untuk memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya. Pengerusi Syarikat, Tan Sri Abu Talib bin Othman, yang telah mencapai usia 70, akan bersara mengikut seksyen yang tersebut dan telah menawar dirinya untuk dilantik semula dan dipilih semula oleh Lembaga menurut Tataurusan Syarikat.

Maklumat mengenai setiap Pengarah yang menawarkan diri untuk pemilihan semula dilengkapkan dalam penyata berasingan yang mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan.

Dalam menentukan pencadangan Pengarah sama ada untuk pemilihan semula atau pelantikan semula, Jawatankuasa Pencalonan mempertimbangkan rekod kehadiran Pengarah ke mesyuarat, penglibatan dan sumbangan beliau terhadap aktiviti Lembaga akan diberi pertimbangan oleh Jawatankuasa Pencalonan.

Jawatankuasa Pencalonan berpuashati bahawa Tan Sri Abu Talib bin Othman, Stephen James Rush dan Dato' Chan Choo Ngai telah memenuhi keperluan yang digariskan di atas dan mencadangkan mereka kepada Lembaga Pengarah bagi pemilihan semula dan pelantikan semula di Mesyuarat Agung Tahunan pada 20 April 2010.

Para Pengarah di atas yang tertakluk kepada pemilihan semula dan pelantikan semula telah menerima pencalonan tersebut dan bersetuju untuk berkhidmat sebagai Pengarah jika dipilih oleh para pemegang saham.

## ganjaran pengarah

Dasar ganjaran Pengarah adalah untuk penyediaan pakej ganjaran yang diperlukan bagi menarik minat, mengekal dan mendorong para Pengarah yang mempunyai kualiti diperlukan untuk mengurus perniagaan Kumpulan.

Bagi Pengarah Eksekutif Kumpulan, prestasi korporat dan individu diberi ganjaran melalui manfaat gaji dan bonus yang bersepadu yang mencerminkan ganjaran yang standing dengan operasi Kumpulan bagi menyumbang kepada strategi Organisasi Cemerlang Kumpulan. Para Pengarah Eksekutif yang merupakan kakitangan sepenuh masa Syarikat, tidak menerima sebarang pampasan tambahan bagi khidmat mereka sebagai Lembaga Pengarah. Pada setiap tahun, Jawatankuasa Ganjaran mempertimbangkan daya saing pasaran, prestasi perniagaan dan prestasi individu dalam menilai ganjaran Pengarah Eksekutif.

Dalam menilai ganjaran Pengurusan Kanan, Jawatankuasa Ganjaran juga mengambil kira prestasi korporat dan individu, serta prestasi faktor-faktor lain termasuk pencapaian matlamat strategi serta prestasi korporat serantau dan global.

Jawatankuasa Ganjaran mencadangkan kepada Lembaga pakej ganjaran Pengarah Eksekutif dan merupakan tanggungjawab Lembaga keseluruhannya untuk meluluskan pakej ganjaran seseorang Pengarah Eksekutif.

Pakej ganjaran para Pengarah Eksekutif terdiri daripada elemen-elemen berikut:

**** Gaji Pokok***
Jawatankuasa Ganjaran mencadangkan gaji pokok Pengarah Eksekutif kepada Lembaga untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

**** Manfaat Barangan***
Manfaat lazim seperti penyediaan kediaman untuk penyewaan, kenderaan, keahlian kelab dan perbelanjaan peribadi diperuntukkan kepada para Pengarah Eksekutif selaras dengan dasar Kumpulan.

**** Imbuhan***
Imbuhan seperti bonus, manfaat persaraan, peruntukan percutian, elaun tetap, caruman berkanun dan insentif dalam bentuk saham/opsyen saham British American Tobacco p.l.c. menurut skim saham British American Tobacco p.l.c.

Jumlah ganjaran para Pengarah Bukan Eksekutif berbeza mengikut tahap tanggungjawab yang digalas oleh Pengarah Bukan Eksekutif secara individu.

Bayaran yang dibayar kepada setiap Pengarah Bukan Eksekutif ditentukan oleh Lembaga sebagaimana yang dibenarkan oleh pemegang saham Syarikat.

Semua Pengarah Bukan Eksekutif dibayar dengan bayaran pengarah tahunan tetap sebagai ahli Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga. Selain daripada bayaran pengarah tahunan tetap, semua Pengarah Bukan Eksekutif, kecuali Pengerusi Lembaga, dibayar elaun kehadiran mesyuarat bagi setiap mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa yang dihadiri. Bagi mengiktiraf tambahan masa dan komitmen yang diperlukan, Pengerusi Jawatankuasa Audit juga menerima bayaran tahunan tetap bagi peranannya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit.

Maklumat yang disediakan oleh perunding bebas dan data kajian berkaitan amalan ganjaran syarikat-syarikat yang setanding telah diberi pertimbangan dalam menentukan pakej ganjaran untuk Pengarah-Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif.

Maklumat ganjaran para Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 adalah seperti berikut:

| Pengarah | Bayaran (RM) | Gaji (RM) | Lain-lain Imbuhan* (RM) | Manfaat barangan** (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tan Sri Abu Talib bin Othman** *(Pengerusi)*<br>*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas* | 337,000<br>*** | – | 4,840 | 28,430 | 370,270 |
| **Datuk Oh Chong Peng**<br>*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas* | 60,000 | – | 29,000 | – | 89,000 |
| **James Richard Suttie**<br>*Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas* | 60,000 | – | 9,000 | – | 69,000 |

| Pengarah | Bayaran (RM) | Gaji (RM) | Lain-lain Imbuhan* (RM) | Manfaat barangan** (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| **Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak** [1]<br>*Pengarah Bukan Eksekutif Bebas* | 49,500 | – | 4,000 | – | 53,500 |
| **Toh Ah Wah** [2]<br>*(Pengarah Urusan)*<br>*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas* | – | 427,875 | 750,661 | 6,284 | 1,184,820 |
| **Dato' Chan Choon Ngai**<br>*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*<br>*(Pengarah Operasi)* | – | 896,610 | 1,438,532 | 106,764 | 2,441,906 |
| **Stephen James Rush**<br>*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*<br>*(Pengarah Kewangan)* | – | 745,160 | 1,532,856 | 268,776 | 2,546,792 |
| **Jack Marie Henry David Bowles** [3]<br>*Pengarah Eksekutif Bukan Bebas* | – | 1,200,714 | 3,124,421 | 295,114 | 4,620,249 |

* *Imbuhan lain termasuk bonus, manfaat persaraan, peruntukan percutian, elaun tetap, caruman berkanun dan insentif dalam bentuk saham/opsyen saham British American Tobacco p.l.c. menurut skim saham British American Tobacco p.l.c.*

** *Manfaat barangan termasuk penyediaan kediaman untuk penyewaan, kenderaan, keahlian kelab dan perbelanjaan peribadi.*

*** *Bayaran sebagai Pengerusi Lembaga, Pengerusi Jawatankuasa Lembaga yang berkaitan dan bayaran mesyuarat.*

1 *dilantik pada 5 Mac 2009*

2 *dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 5 Mac 2009 dan kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Urusan bermula 1 Oktober 2009*

3 *meletakkan jawatan pada 30 September 2009 berikutan perlantikannya sebagai Pengarah Serantau, British American Tobacco p.l.c., Eropah Barat.*

## penilaian prestasi lembaga

Lembaga menjalankan penilaian ke atas aktiviti-aktivitinya setiap tahun. Lembaga juga menilai pestasi keseluruhan Lembaga berlandaskan kriteria yang dianggap penting oleh Lembaga untuk kejayaannya. Ini termasuk komposisi, komunikasi, keberkesanan dan tanggungjawab Lembaga. Setiausaha Syarikat mengedarkan soal selidik kepada para Pengarah untuk mengenal pasti pandangan mereka terhadap prestasi Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga yang kemudiannya dikumpul menjadi laporan untuk perhatian Pengerusi. Laporan tersebut dibentangkan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan kemudian kepada Lembaga untuk penilaian dan pertimbangan.

Proses penilaian prestasi Lembaga pada 2009 melaporkan bahawa Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga telah terus beroperasi secara berkesan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka. Keseluruhannya, para Pengarah berpendapat bahawa mereka telah melunaskan tanggungjawab mereka sebagai ahli Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga serta berpuas hati dengan hala tuju, strategi, perancangan dan proses belanjawan Kumpulan serta tahap sumbangan mereka kepada perkara-perkara tersebut.

Semua Pengarah mengesahkan bahawa mereka mempunyai akses yang mencukupi kepada Pengerusi. Para Pengarah bersetuju bahawa Pengarah Urusan dan pengurusan kanan telah bersikap responsif terhadap soalan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh Lembaga dan bahawa Pengarah Urusan dan pengurusan kanan telah berkomunikasi dengan Lembaga secara terbuka, jujur dan tepat pada masanya. Lembaga turut bersetuju bahawa Syarikat mempunyai tatacara pengurusan risiko yang mencukupi dan matlamat, objektif, jangkaan dan kemusykilan Lembaga telah disampaikan kepada Pengarah Urusan dan pengurusan kanan untuk tindakan susulan.

## latihan pengarah

Bagi memastikan para Pengarah cukup bersedia untuk melaksanakan tanggungjawab mereka, para Pengarah yang baru dilantik akan melalui program induksi apabila menyertai Lembaga yang meliputi taklimat berhubung semua bidang perniagaan Kumpulan. Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak dan William Toh Ah Wah, yang dilantik oleh Lembaga pada 5 Mac 2009, telah menamatkan program induksi mereka pada Jun 2009.

Semua Pengarah Syarikat sedia ada telah menghadiri Program Akreditasi Mandatori (PAM). Mana-mana Pengarah yang dilantik ke Lembaga perlu menghadiri PAM dalam tempoh empat (4) bulan daripada tarikh pelantikan. Berikutan kemansuhan keperluan Program Pembelajaran Berterusan (PPB) yang digariskan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad mulai 1 Januari 2005, Lembaga Pengarah meneruskan usaha mengkaji dan menentukan keperluan latihan Pengarah-pengarah bagi memastikan kesinambungan pembelajaran untuk membantu mereka dalam melaksanakan tugas sebagai Pengarah.

Semua Pengarah yang dilantikkan ke Lembaga, selain daripada menghadiri PAM dan PPB telah menghadiri program-program latihan yang berkaitan untuk mempertingkatkan lagi kemahiran perniagaan dan profesionalisme mereka dalam melaksanakan tugas mereka untuk Kumpulan. Menurut perenggan 15.08(2) dan Lampiran 9C (Bahagian A, Perenggan 28) Keperluan Penyenaraian, Para Pengarah telah menghadiri program latihan dalam bidang kepimpinan, tadbir urus korporat, kewangan, perkembangan penguatkuasaan peraturan, tanggungjawab sosial korporat, sekuriti maklumat dan kebijaksanaan perniagaan sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2009.

Untuk memperluaskan pengetahuan berhubung perniagaan Kumpulan, para Pengarah telah membuat lawatan ke kilang, kawasan penanaman tembakau dan pusat pemasaran perdagangan dan pengedaran Kumpulan. Dalam lawatan tersebut, para Pengarah mendapat pemahaman secara langsung operasi perniagaan dan cabaran yang dihadapi Kumpulan.

Pada 2009, para Pengarah telah menghadiri program latihan dalaman mendapat pengertian yang mendalam mengenai TSK dan Pelaburan Tanggungjawab Sosial dan impaknya, kemaskini dan perubahan utama cukai dan gambaran keseluruhan Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), kemaskini rangka kerja Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Sekuriti dan undang-undang modal pasaran dan meningkatkan kesedaran mengenai sekuriti maklumat. Program latihan dalaman ini dikendalikan oleh pakar runding dan profesional yang mempunyai pengalaman perundangan, kewangan dan lembaga yang berkaitan.

Syarikat turut menyediakan taklimat dalaman kepada para Pengarah mengenai perkembangan penting dalam tadbir urus korporat dan mengemaskini mereka berkenaan perubahan Keperluan Penyenaraian, undang-undang dan peraturan terkini. Para Pengarah dimaklumkan sepenuhnya mengenai kesan daripada perkembangan atau perubahan tersebut kepada Syarikat.

Para Pengarah digalakkan menghadiri program latihan-latihan luaran yang bersesuaian, dan yang sewajarnya kepada Syarikat, yang mana kos pembiayaan program ditanggung Syarikat.

Butiran program latihan luar yang dihadiri para Pengarah setakat 31 Disember 2009 adalah seperti berikut:

| No. | Nama Pengarah | Program Latihan | Maklumat Program |
|---|---|---|---|
| 1. | **Tan Sri Abu Talib bin Othman** | Program Latihan PPB Pengarah 2009 (Latihan Dalaman) | – Kemaskini Tanggungjawab Sosial Korporat & Kepimpinan Tahap Pengarah<br>– Kemaskini Perjanjian AFTA & Belanjawan Cukai<br>– Kemaskini Undang-undang Sekuriti Malaysia dan Modal Pasaran<br>– Kesedaran Sekuriti Maklumat |
| | | Tadbir Urus Korporat (PricewaterhouseCoopers Malaysia) | – Kemaskini Tadbir Urus Korporat selaras dengan Panduan Tadbir Urus Bursa |
| 2. | **William Toh Ah Wah** | Program Latihan PPB Pengarah 2009 (Latihan Dalaman) | – Kemaskini Tanggungjawab Sosial Korporat & Kepimpinan Tahap Pengarah<br>– Kemaskini Perjanjian AFTA & Belanjawan Cukai<br>– Kemaskini Undang-undang Sekuriti Malaysia dan Modal Pasaran<br>– Kesedaran Sekuriti Maklumat |
| | | Tadbir Urus Korporat (PricewaterhouseCoopers Malaysia) | – Kemaskini Undang-undang Korperat & Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia |
| | | Program Akreditasi Mandatori (Bursatra Sdn Bhd) | – Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia untuk Syarikat-syarikat awam yang tersenarai |

Butiran program latihan luar yang dihadiri para Pengarah setakat 31 Disember 2009 adalah seperti berikut (sambungan):

| No. | Nama Pengarah | Program Latihan | Maklumat Program |
|---|---|---|---|
| 3. | **Datuk Oh Chong Peng** | Program Latihan PPB Pengarah 2009<br>(Latihan Dalaman) | – Kemaskini Tanggungjawab Sosial Korporat & Kepimpinan Tahap Pengarah<br>– Kemaskini Perjanjian AFTA & Belanjawan Cukai<br>– Kemaskini Undang-undang Sekuriti Malaysia dan Modal Pasaran<br>– Kesedaran Sekuriti Maklumat |
| 4. | **James Richard Suttie** | Program Latihan PPB Pengarah 2009<br>(Latihan Dalaman) | – Kemaskini Tanggungjawab Sosial Korporat & Kepimpinan Tahap Pengarah<br>– Kemaskini Perjanjian AFTA & Belanjawan Cukai<br>– Kemaskini Undang-undang Sekuriti Malaysia dan Modal Pasaran<br>– Kesedaran Sekuriti Maklumat |
| 5. | **Dato' Chan Choon Ngai** | Program Latihan PPB Pengarah 2009<br>(Latihan Dalaman) | – Kemaskini Tanggungjawab Sosial Korporat & Kepimpinan Tahap Pengarah<br>– Kemaskini Perjanjian AFTA & Belanjawan Cukai<br>– Kemaskini Undang-undang Sekuriti Malaysia dan Modal Pasaran<br>– Kesedaran Sekuriti Maklumat |
| 6. | **Stephen James Rush** | Program Latihan PPB Pengarah 2009<br>(Latihan Dalaman) | – Kemaskini Tanggungjawab Sosial Korporat & Kepimpinan Tahap Pengarah<br>– Kemaskini Perjanjian AFTA & Belanjawan Cukai<br>– Kemaskini Undang-undang Sekuriti Malaysia dan Modal Pasaran<br>– Kesedaran Sekuriti Maklumat |
| | | Panduan Tadbir Urus Korporat Ke Arah Pengurusan Lembaga Cemerlang oleh Institut Perakaunan Malaysia | – Kemaskini Tadbir Urus Korporat selaras dengan Panduan Tadbir Urus Bursa |
| 7. | **Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak** | Program Latihan PPB Pengarah 2009<br>(Latihan Dalaman) | – Kemaskini Tanggungjawab Sosial Korporat & Kepimpinan Tahap Pengarah<br>– Kemaskini Perjanjian AFTA & Belanjawan Cukai<br>– Kemaskini Undang-undang Sekuriti Malaysia dan Modal Pasaran<br>– Kesedaran Sekuriti Maklumat |
| | | Program Pembelajaran Pengarah Institusi Kewangan (FIDE)<br>(Bank Negara Malaysia) | – Isu dan Cabaran Sektor Kewangan<br>– Kepakaran dalam Industri Servis dan Pengurusan Korperat Dalam Negara dan Antarabangsa |

## kualiti dan akses kepada maklumat dan nasihat bebas

Lembaga mempunyai akses langsung dan tidak terhad kepada semua maklumat dalam Syarikat dan boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atas pembiayaan Syarikat, sekiranya perlu. Dalam menjalankan tugas mereka, Lembaga mempunyai akses secara langsung dan tidak terbatas kepada pengurusan Syarikat dan akses individu kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat.

Setiausaha Syarikat menghadiri semua mesyuarat lembaga dan Jawatankuasanya kecuali Mesyuarat Jawatankuasa Pampasan Eksekutif dan Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat. Pengarah Urusan menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Ganjaran kecuali mesyuarat Jawatankuasa Audit bersama juruaudit luaran, Pengarah Sumber Manusia menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Pampasan Eksekutif, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran dan Pengarah Kewangan menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit kecuali mesyuarat Jawatankuasa Audit bersama juruaudit luar.

## penyampaian maklumat

Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga menerima maklumat terkini untuk semakan dalam masa yang secukupnya sebelum setiap mesyuarat, dan Setiausaha Syarikat, di bawah arahan Pengerusi, perlu memastikan kelancaran pemberian maklumat kepada Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga. Setiausaha Syarikat juga bertanggungjawab menasihati Lembaga, melalui Pengerusi, berhubung semua hal-ehwal tadbir urus. Sebelum mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga diadakan, satu agenda formal dan tersusun beserta satu set kertas mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga yang mengandungi maklumat berkaitan perkara yang bakal dibincangkan dalam mesyuarat, akan diedarkan kepada semua Pengarah sekurang-kurangnya 5 hari sebelum berlangsung mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga berkaitan. Ini adalah untuk membolehkan para Pengarah mengkaji, mempertimbang, dan jika perlu, mendapatkan maklumat lanjut atau membuat penyelidikan berhubung perkara-perkara yang akan dibincangkan supaya cukup tersedia di mesyuarat. Kertas Mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga disediakan dengan tepat, di antara lain mengandungi laporan pengurusan, minit-minit mesyuarat, kertas cadangan dan dokumen projek.

Pembentangan kepada Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga disediakan dan dikendalikan dengan memastikan pembentangan yang jelas dan lengkap berhubung perkara berkenaan. Selain itu, bahan bacaan berhubung perkara tersebut disedia dan diagihkan sebelum setiap mesyuarat bagi membantu semua Pengarah memahami perkara berkaitan.

Lembaga mengakui bahawa proses pemutusan amat bergantung kepada kualiti maklumat yang disediakan. Justeru, setiap Pengarah mempunyai akses tidak terbatas kepada semua maklumat dalam Syarikat. Lembaga menggalakkan kehadiran pengurusan kanan serta para pegawai Syarikat di mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga bagi meningkatkan lagi pemahaman Lembaga terhadap operasi Syarikat dan untuk memberi para Pengarah akses kepada pengurusan kanan.

Para Pengarah dikemaskini dari masa ke semasa mengenai keperluan berkanun dan penguatkuasaan peraturan baru yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab mereka dan kesan serta implikasi kepada Syarikat dan pengarah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab fidusiari mereka. Prosedur rasmi yang diluluskan oleh Lembaga untuk semua Pengarah turut disediakan, sama ada selaku Lembaga penuh atau dalam kapasiti individu, untuk mendapatkan nasihat profesional bebas apabila perlu, pembiayaan ditanggung oleh Kumpulan. Sebelum mengambil penasihat bebas tersebut, kelulusan perlu diperolehi daripada Pengerusi Lembaga dan, yang mana perlu, Pengerusi boleh mengedarkan nasihat luar tersebut kepada Lembaga.

## HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Lembaga percaya bahawa mereka bukan setakat menggalas kebertanggungjawaban terhadap para pemegang saham, tetapi turut bertanggungjawab mengurus hubungan yang erat dan produktif dengan pihak berkepentingan Syarikat.

## PEMEGANG SAHAM

Kumpulan menyedari kepentingan mengekalkan ketelusan dan kebertanggungjawaban terhadap para pemegang sahamnya. Lembaga memastikan supaya semua pemegang saham Syarikat dilayani sama rata dan hak semua pelabur, termasuk pemegang saham minoriti dilindungi.

Hubungan utama Kumpulan dengan para pemegang sahamnya adalah menerusi Pengerusi, Pengarah Urusan, Pengarah Kewangan dan Setiausaha Syarikat. Semua pertanyaan pemegang saham akan diterima oleh Setiausaha Syarikat. Setiausaha Syarikat menyediakan maklum balas kepada pertanyaan pemegang saham dan mana-mana maklumat yang dianggap sensitif mengenai Kumpulan. Maklumat tersebut tidak akan disampaikan kepada pemegang saham melainkan sudah dalam pengetahuan umum melalui pendedahan.

## mesyuarat agung tahunan (MAT)

MAT adalah peluang penting bagi Lembaga untuk bertemu dengan para pemegang saham Syarikat dan bagi Pengerusi memaklumkan perkembangan Syarikat serta melayani pertanyaan daripada pemegang saham. Semasa MAT, para pemegang saham turut serta membincang resolusi yang dicadangkan atau mengenai operasi Kumpulan secara umum. Di setiap MAT, kami wujudkan meja bantuan sebagai saluran hubungan bagi pemegang saham.

MAT 2009 telah diadakan pada 20 April 2009 di Hotel Hilton Petaling Jaya, Petaling Jaya, Selangor. Kehadiran pemegang saham di MAT 2009 telah bertambah dan ini menandakan tahap penglibatan dengan pemegang saham amat tinggi. Semua resolusi mendapat kelulusan dan semua ahli Lembaga Pengarah termasuk Setiausaha Syarikat menghadiri mesyuarat. Lembaga Pengarah, pengurusan kanan dan penasihat undang-undang dan juruaudit luar Syarikat iaitu PricewaterhouseCoopers Malaysia turut hadir untuk menjawab soalan yang dibangkitkan dan memberi penjelasan yang diperlukan pemegang saham. Satu sidang akhbar diadakan sebaik sahaja MAT tamat yang mana Pengerusi, Pengarah Urusan dan Pengarah Kewangan memberikan maklumat terkini kepada wakil-wakil media berhubung resolusi yang telah diluluskan dan menjawab pertanyaan berhubung perkara-perkara berkaitan Kumpulan.

MAT 2010 akan diadakan pada 20 April 2010 di Hotel Hilton Petaling Jaya, Petaling Jaya, Selangor. Notis MAT dan borang proksi disertakan dalam laporan tahunan ringkas. Keputusan semua resolusi yang dicadangkan tersebut boleh didapati di laman web Syarikat dan Bursa Malaysia Securities Berhad pada 20 April 2010.

## laporan tahunan

Satu lagi saluran penting yang diguna pakai oleh Lembaga untuk menyampaikan maklumat kepada para pemegang saham dan pelabur berhubung perniagaan, kewangan dan lain-lain aktiviti penting adalah melalui Laporan Tahunan Syarikat yang kandungannya sentiasa dipertingkatkan untuk mengambilkira perkembangan, antara lain, dalam tadbir urus korporat.

Lembaga ingin menyediakan dan menyampaikan penilaian dan pendedahan yang jelas dan komprehensif dalam Laporan Tahunan kepada para pemegang saham. Dalam penyampaian maklumat dalam Laporan Tahunan, Lembaga berpandukan prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam Keperluan Penyenaraian dan Kod BATM.

Syarikat mempunyai rangka kerja dalaman untuk memastikan ketepatan maklumat yang berkaitan dengan kecemerlangan operasi dan penguasaan pasaran dan pertumbuhan (termasuk kemusykilan rokok tidak sah di Malaysia) dan inisiatif tanggungjawab sosial korporat. Aspek ini ditadbir oleh lembaga projek yang ditubuhkan menurut PRINCE 2 (PRojects IN Controlled Environments) yang merupakan kaedah pentadbiran berlandaskan projek untuk pengurusan projek yang berkesan dan terdiri daripada pasukan fungsian iaitu ahli Kumpulan Pengurusan Kanan dan pengurus-pengurus kanan Syarikat.

Penyata Tadbir Urus Korporat, Penyata Piawaian Pelakuan Perniagaan dan Laporan Jawatankuasa Audit merangkumi sebahagian daripada Laporan Tahunan 2009. Penyata-penyata ini dan laporan yang dibentangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk pengulasan dan cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk ditinjau dan dibincangkan sebelum dimuatkan ke dalam Laporan Tahunan.

Aspek penting dasar komunikasi yang aktif dan membina adalah ketepatan masa dalam penyebaran maklumat kepada para pemegang saham dan pelabur. Syarikat menghantar Notis Mesyuarat Agung Tahunan dan pekeliling yang berkaitan kepada pemegang saham sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum mesyuarat mengikut keperluan Akta Syarikat, 1965 bagi memudahkan kefahaman dan penilaian sepenuhnya terhadap isu-isu yang terlibat. Jika Notis Mesyuarat Agung Tahunan mengandungi perkara-perkara urusan khas, satu penerangan lengkap akan disediakan untuk pemegang saham berhubung kesan cadangan resolusi yang timbul daripada perkara urusan khas tersebut.

Pengumuman yang segera dan tepat pada masanya keputusan kewangan pada setiap suku tahun membolehkan para pemegang saham mendapat gambaran menyeluruh prestasi dan operasi Kumpulan, untuk membuat pemutusan pelaburan yang termaklum.

## pengeluaran laporan tahunan

| | Tarikh Penerbitan/ Pengeluaran | Tarikh Akhir Bursa Sekuriti | Bilangan Hari Selepas Akhir Tahun |
|---|---|---|---|
| Laporan Tahunan 2009 | 25 Mac 2010 | 30 Jun 2010 | 84 |
| Laporan Tahunan 2008 | 23 Mac 2009 | 30 Jun 2009 | 82 |

## pengeluaran keputusan kewangan suku tahun

| Keputusan Suku Tahun 2009 | Tarikh Penerbitan/ Pengeluaran | Tarikh Akhir Bursa Sekuriti | Bilangan Hari Selepas Akhir Tahun |
|---|---|---|---|
| Suku Tahun Pertama | 22 April 2009 | 31 Mei 2009 | 23 |
| Suku Tahun Kedua | 23 Julai 2009 | 31 Ogos 2009 | 23 |
| Suku Tahun Ketiga | 19 November 2009 | 30 November 2009 | 50 |
| Suku Tahun Keempat | 11 Februari 2010 | 28 Februari 2010 | 42 |

## HUBUNGAN PELABUR

### taklimat suku tahunan dan bentuk komunikasi lain

Syarikat mengadakan taklimat suku tahun secara berasingan bagi pengurus dana, pelabur institusi dan penganalisis pelaburan serta pihak media selepas setiap pengumuman keputusan suku tahun kepada Bursa Malaysia Securities Berhad.

Taklimat suku tahun bertujuan bukan setakat untuk meluaskan penyebaran keputusan kewangan Kumpulan kepada seramai mungkin para pelabur dan pemegang saham, malahan juga untuk mengemaskini pelabur umum dan pemegang saham yang lain berhubung perkembangan dan pembangunan perniagaan Kumpulan.

Taklimat dihadiri oleh Pengarah Urusan, Pengarah Kewangan dan Pengarah Korporat dan Perundangan Syarikat.

Pada 2009, Syarikat telah mengadakan 4 taklimat suku tahun, 17 mesyuarat langsung satu sama satu dan persidangan menerusi talian dengan para pengurus dana, pelabur institusi dan penganalisis pelabur.

### laman web syarikat

Bagi mengekal tahap ketelusan yang berhemah tinggi, Kumpulan mewujudkan laman web di www.batmalaysia.com yang boleh diakses oleh para pemegang saham untuk mendapatkan maklumat di bawah pautan 'Investor' yang merangkumi maklumat korporat, laporan tahunan terkini, pengumuman akhbar terkini, maklumat kewangan terkini, harga saham, hubungan dan taklimat pelabur, dasar-dasar dan piawaian tanggungjawab sosial Kumpulan, isu-isu berkaitan tembakau, bahkan peluang-peluang kerjaya.

### pegawai kanan

Pemegang saham dan lain-lain pihak berkepentingan boleh menghubungi Pengarah Bebas Kanan yang dilantik Syarikat, Datuk Oh Chong Peng, untuk menjawab sebarang kemusykilan secara tulisan atau menerusi telefon, faks atau e-mel ke nombor dan alamat berikut:

Tel: +60 (3)7956 6899
Faks: +60 (3)7491 3772
E-mel: ocpeng@bat.com
Alamat Pos:
Virginia Park, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Pegawai hubungan utama bagi hal-hal hubungan pelabur:

**Stephen James Rush**
*Pengarah Kewangan*

*Maklumat Perhubungan*

Nombor telefon: +60 (3)7491 7328
E-mel: fdoffice_malaysia@bat.com
Alamat Pos:
Virginia Park, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Sudah menjadi amalan Syarikat untuk membalas pertanyaan melalui surat atau telefon dan e-mel. Setiap surat atau e-mel yang diterima, sekiranya memerlukan perhatian Lembaga Pengarah, akan dikaji oleh Jabatan Undang-undang dan Kesetiausahaan sebelum ianya dimajukan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan.

Walaupun Syarikat berusaha untuk menyediakan sebanyak mungkin maklumat kepada para pemegang saham dan pihak berkepentingannya, namun Syarikat berwaspada akan rangka undang-undang dan penguatkuasaan peraturan yang mentadbir pengeluaran bahan dan maklumat sensitif harga. Sebarang maklumat yang mungkin dianggap sebagai bahan maklumat yang tidak boleh disiarkan mengenai Kumpulan tidak akan didedahkan kepada umum.

## TENAGA KERJA

Syarikat percaya dalam mengamal tahap perilaku yang berhemah tinggi dan untuk memastikan semua kakitangan terus mengekalkan tahap perlakuan demikian dalam melaksanakan tugas mereka yang mana berpandukan kepada empat (4) sistem nilai, iaitu Prinsip Panduan, Prinsip Pekerjaan, Prinsip Perniagaan dan Piawaian Perlakuan Perniagaan (Sistem Nilai).

Prinsip Panduan berdasarkan kepada empat (4) nilai iaitu, Kekuatan Daripada Kepelbagaian, Minda Terbuka, Kebebasan Menerusi Tanggungjawab dan Semangat Perusahaan Yang Menerapi Budaya Syarikat. Prinsip Panduan ini menghuraikan keperibadian organisasi dan memberi panduan terhadap tingkah laku kakitangan Syarikat. Prinsip Pekerjaan tertumpu kepada amalan tempat kerja dan tatasusila, hubungan kakitangan dan hak kemanusiaan pekerja. Prinsip Perniagaan menggariskan bagaimana Syarikat sepatutnya dikendalikan dari segi tanggungjawab, manakala Piawaian Perlakuan Perniagaan pula menyatakan tahap kewibawaan perniagaan berhemah yang membimbing perlakuan kakitangan.

Bagi memastikan pematuhan, semua kakitangan termasuk para Pengarah dan pegawai dikehendaki mengisytiharkan pematuhan mereka kepada Piawaian Perlakuan Perniagaan dan mendedahkan sebarang keadaan percanggahan pada setiap tahun. Satu daftar pengisytiharan kepentingan disimpan oleh Setiausaha Syarikat. Semua pengisytiharkan kepentingan dibentangkan kepada Lembaga untuk dipertimbangkan. Pada 2009, terdapat sembilan belas (19) pengisytiharan kepentingan daripada kakitangan Syarikat.

Syarikat turut menjalankan Bengkel Kesedaran Risiko yang bertujuan untuk memberi pemahaman berhubung kepentingan pengurusan risiko dan kawalan dalaman serta kesannya terhadap aktiviti harian.

Butiran mengenai Sistem Nilai Syarikat boleh didapati di laman web Syarikat di www.batmalaysia.com.

## PENGGUNA

Berpandukan Prinsip Kepimpinan Produk Bertanggungjawab, produk dan jenama Syarikat dirumus, dikilang dan dipasarkan dengan bertanggungjawab. Bagi Syarikat mencapai wawasannya untuk kualiti yang tiada tandingan, Syarikat telah melancar talian khidmat pelanggan untuk salah satu jenama rokoknya yang unggul bertujuan untuk menerima aduan dan maklum balas pengguna serta mengambil tindakan terhadap aduan dengan kadar segera sejak 2008.

## PEMBEKAL DAN PENYEDIA PERKHIDMATAN

Piawaian yang diamalkan oleh kakitangan Syarikat sama juga diikatkan pada pembekal dan penyedia perkhidmatan Syarikat untuk memastikan tahap etika perniagaan yang berhemah di kalangan semua pembekal dan penyedia perkhidmatan Syarikat termasuk syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya. Piawaian turut diserapkan dalam kontrak dengan pembekal dan penyedia perkhidmatan berkaitan. Telah dijelaskan dalam semua perjanjian dengan para pembekal dan penyedia perkhidmatan bahawa pelanggaran mana-mana peruntukan dalam Piawaian yang berkaitan yang mana pembekal atau penyedia perkhidmatan sudah termaklum, boleh mengakibatkan penamatan serta-merta kontrak dengan pembekal atau penyedia perkhidmatan terbabit.

## KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

### pelaporan kewangan

Lembaga berhasrat untuk menyedia dan membentangkan penilaian yang jelas, seimbang dan lengkap berhubung prestasi dan prospek kewangan Kumpulan pada akhir tahun kewangan, terutamanya melalui penyata kewangan tahunan, pengumuman keputusan suku tahun dan setengah tahun kepada pemegang saham serta penyata Pengerusi dan tinjauan operasi dalam laporan tahunan. Lembaga dibantu oleh Jawatankuasa Audit untuk mengawasi proses laporan kewangan Kumpulan dan kualiti laporan kewangannya.

### penyata tanggungjawab pengarah berhubung penyediaan penyata kewangan beraudit

Lembaga bertanggungjawab memastikan penyata kewangan memberi gambaran yang sebenar dan saksama keadaan hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tempoh perakaunan dan keuntungan atau kerugian dan aliran tunai bagi tempoh berakhir tarikh tersebut. Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah memastikan bahawa piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 telah dipatuhi dan petimbangan serta anggaran yang munasabah dan berhemat telah dibuat. Para Pengarah juga bertanggungjawab secara keseluruhan untuk mengambil langkah-langkah yang terbuka dengan sewajarnya kepada mereka untuk melindungi aset Kumpulan dan untuk melaksana dan terus mengendalikan sistem perakaunan dan kawalan dalaman yang mantap bagi mencegah penipuan serta perkara luar biasa lain.

Lembaga berpuashati bahawa ia telah memenuhi tanggungjawabnya untuk membentangkan penilaian yang seimbang dan boleh difahami berhubung kedudukan dan prospek Syarikat dalam Laporan Pengarah di muka surat 119 hingga 123 dan Penyata Kewangan daripada muka surat 119 hingga 178 dalam Laporan Tahunan ini.

### kawalan dalaman

Perlu ditekankan bahawa tanggungjawab muktamad bagi memastikan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan mengkaji keberkesanannya terletak di tangan Lembaga. Lembaga menetapkan dasar dan tatacara bagi kawalan dalaman dan memastikan pelaksanaan sistem kawalan dalaman dijalankan dengan sewajarnya oleh pengurusan eksekutif. Syarikat juga mewujudkan proses untuk mengawasi dan menguruskan risiko.

Maklumat berkenaan proses tersebut dipaparkan di muka surat 102 hingga 103 dalam Laporan Tahunan ini.

Syarikat menyediakan Dasar Teknologi Maklumat yang menggariskan proses yang perlu diterapkan untuk membentuk dasar, amalan terbaik, piawaian dan penggunaan teknologi maklumat sokongan. Syarikat berwaspada terhadap tindakan undang-undang jika sistem atau maklumat teknologi disalahgunakan yang melanggar undang-undang. Oleh itu, Syarikat memastikan supaya semua perisian yang digunakan oleh Kumpulan adalah salinan berlesen.

Selaras dengan Panduan bagi Pengarah Syarikat Tersenarai Awam, kajian dijalankan oleh Lembaga sekurang-kurangnya sekali setahun yang meliputi semua kawalan penting termasuk kawalan kewangan, operasi dan pematuhan dan sistem pengurusan risiko. Lembaga mendapat jaminan yang sewajarnya daripada laporan yang dikemukakan oleh jawatankuasa berkaitan mengenai pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

Maklumat fungsi audit dalaman dipaparkan di muka surat 107 Laporan Tahunan ini.

## polisi pemberitahuan maklumat

Salah satu daripada peruntukan penting dalam Piawaian adalah pemberitahuan maklumat. Kumpulan mengakui bahawa salah laku dalam mana-mana syarikat seperti pelanggaran undang-undang, peraturan penguatkuasaan, kesilapan pengeluaran, penipuan, pelanggaran kesihatan dan keselamatan atau rasuah yang biasanya diketahui terlebih dahulu oleh individu yang bekerja di dalam atau dengan Kumpulan berkenaan.

Satu sistem amaran awal seperti prosedur pemberitahuan maklumat boleh membantu Kumpulan mengesan pesalah dan mengawaskan Kumpulan untuk mengambil tindakan sewajarnya sebelum masalah menjadi krisis. Sistem pemberitahuan maklumat mengukuhkan dan menyokong pengurusan yang baik dan pada masa yang sama, menampilkan kebertanggungjawaban, menyediakan pengurusan risiko yang berkesan dan amalan tadbir urus korporat yang kukuh. Lembaga percaya bahawa, dengan wujudnya sistem pemberitahuan maklumat, keyakinan pelabur terhadap Kumpulan akan dapat dipertingkatkan dan selaras dengan amalan tadbir urus korporat Kumpulan yang teguh, maka satu sistem pemberitahuan maklumat dalaman telah diwujudkan sejak 2004.

Kakitangan Kumpulan amat digalakkan untuk bersuara dan membangkitkan sebarang syak wasangka terhadap salahlaku, penyelewengan atau ketidakwajaran dalam pengurusan perniagaan Kumpulan melalui tatacara pemberitahuan maklumat dalaman.

Tatacara pemberitahuan maklumat dalaman merupakan rangka kerja tersusun yang menggariskan bila, bagaimana dan kepada sesiapa sesuatu kemusykilan boleh diajukan dengan sewajarnya, membezakan kemusykilan dengan rasa tidak puas hati yang peribadi dan memberi peluang kepada pemberitahu maklumat untuk membangkitkan kemusykilan luar daripada garisan pengurusan mereka.

Seseorang kakitangan yang mematuhi dengan niat yang baik kerana menjadi kewajipannya untuk melapor salah laku yang mencurigakan dan yang menyampaikan maklumat akan diberi perlindungan oleh Syarikat daripada ancaman, tindak balas atau hukuman berkaitan kerjasamanya. Perlindungan akan diberikan sepanjang proses disiplin dan rayuan, termasuk melindungi identiti pemberitahu maklumat.

Tatacara ini membolehkan kakitangan mengutarakan kemusykilan mereka tanpa rasa takut terhadap tindakan balas dan dengan mengetahui bahawa tatacara diwujudkan yang mana aduan mereka akan diambil tindakan dan identiti mereka akan dirahsiakan. Sebarang kemusykilan yang dibangkitkan akan disiasat oleh pasukan laporan serta kemaskini disediakan untuk Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit. Laporan dan kemaskini akan dimajukan kepada Jawatankuasa Audit Serantau untuk makluman Lembaga Utama Jawatankuasa Audit British American Tobacco p.l.c.

Tatacara pemberitahuan maklumat ada disediakan untuk semua kakitangan melalui intranet Kumpulan.

Pada 2009, dua belas (12) pemberitahuan maklumat/ insiden pelanggaran Piawaian telah dilaporkan yang meliputi penyalahgunaan aset Syarikat, penipuan dan percanggahan kepentingan. Semua insiden yang dilaporkan telah disiasat oleh pasukan penyiasat yang terdiri daripada pengurusan kanan dengan tindakan yang sewajarnya diambil yang mana perlu dan melapor kepada Jawatankuasa Audit.

## penyata kawalan dalaman

Penyata Kawalan Dalaman yang dipaparkan di muka surat 102 hingga 103 Laporan Tahunan ini memberi pandangan menyeluruh berkenaan keadaan kawalan dalaman Kumpulan.

## urusniaga pihak berkaitan

Satu rangka kerja pematuhan dalaman diwujudkan bagi memastikan supaya Kumpulan melunaskan tanggungjawabnya di bawah Keperluan Penyenaraian termasuk tanggungjawab berhubung urusniaga dengan pihak berkaitan. Lembaga, melalui Jawatankuasa Audit, mengkaji semua urusniaga pihak berkaitan yang terlibat. Pengarah yang mempunyai kepentingan dalam mana-mana urusniaga harus mengundur diri daripada perbincangan dan pengundian ke atas resolusi yang berkaitan, bersabit urusniaga tersebut pada mesyuarat Lembaga atau sebarang mesyuarat umum yang diadakan untuk mempertimbangkan perkara tersebut.

Terdapat tatacara yang dibentuk oleh Syarikat untuk memastikan semua urusniaga pihak berkaitan dilaksanakan berasaskan tiada pembabitan dan pada syarat perniagaan biasa, selaras dengan amalan dan polisi perniagaan kebiasaan Syarikat, yang amnya tidak diberi keistimewaan daripada yang amnya disediakan untuk umum dan pembekal-pembekal lain dan yang tidak menjejaskan pemegang saham minoriti.

Rangka kerja dalaman berkaitan tadbir urusniaga pihak berkaitan diringkaskan seperti berikut:

- Senarai pihak berkaitan diedarkan kepada Pengarah dan pihak pengurusan Syarikat dan subsidiarinya untuk memberitahu bahawa semua urusniaga pihak berkaitan harus dilaksanakan berasaskan tiada pembabitan dan pada syarat perniagaan biasa dan tidak diberi keistimewaan daripada yang amnya disediakan untuk umum dan pembekal-pembekal lain dan yang tidak menjejaskan pemegang saham minoriti;
- Semua urusniaga pihak berkaitan akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit Syarikat. Mana-mana ahli Jawatankuasa Audit berhak, jika difikir wajar meminta maklumat lanjut;

- Semua urusiaga pihak berkaitan berulang yang dilaksanakan menurut mandat pemegang saham bagi urusniaga pihak berkaitan berulang akan dirakamkan Syarikat dalam daftar atau rekod yang disimpan Syarikat;
- Semua urusniaga pihak berkaitan berulang yang dilaksanakan menurut mandat pemegang saham akan dikaji oleh Audit Dalaman dan diserapkan dalam Audit Dalaman tahunan untuk memastikan kelulusan berkaitan telah diperolehi dan tatacara kajian berkaitan urusniaga tersebut dipatuhi; dan
- Lembaga dan Jawatankuasa Audit akan mengkaji laporan Audit Dalaman tahunan untuk memastikan tatacara kajian yang diwujudkan untuk memantau urusniaga pihak berkaitan berulang dipatuhi.

Urusniaga Pihak Berkaitan Berulang yang diguna pakai Kumpulan dengan pihak-pihak yang berkaitan pada 2009 adalah untuk pembelian dan penjualan rokok dan barangan tembakau, khidmat pemerolehan teknologi maklumat, pembayaran royalti, pembayaran untuk khidmat sokongan teknikal dan nasihat, penyediaan khidmat sokongan teknikal dan nasihat dan pembelian dan penjualan peralatan.

Maklumat berkenaan urusniaga tersebut dipaparkan di muka surat 167 hingga 170 Laporan Tahunan ini.

## hubungan dengan juruaudit luar

Jawatankuasa Audit berbincang dengan juruaudit luar mengenai bentuk dan skop audit dan obligasi laporan sebelum audit dimulakan. Jawatankuasa Audit memastikan bahawa pengurusan menyediakan maklum balas tepat pada masanya bagi sebarang pertanyaan penting yang dibangkitkan juruaudit luar kepada pengurusan selepas audit, rekod perakaunan, akaun kewangan atau sistem kawalan.

Jawatankuasa Audit bekerjasama rapat dengan rakan kongsi audit kanan yang ditugaskan oleh PricewaterhouseCoopers Malaysia untuk Syarikat yang bertindak sebagai wakil utama bagi mengawasi hubungan Syarikat dengan juruaudit luar. Selaras dengan pematuhan kepada Institut Akauntan Malaysia, Syarikat menggilirkan rakan auditnya setiap lima (5) tahun bagi memastikan objektiviti, kebebasan dan kewibawaan pendapat audit.

Jawatankuasa Audit turut bermesyuarat dengan juruaudit luar bagi mengkaji kemunasabahan pertimbangan utama, prinsip perakaunan juruaudit luar dan keberkesanan operasi kawalan dalaman dan pengurusan risiko perniagaan.

Jawatankuasa Audit bermesyuarat dengan juruaudit luar sebanyak dua kali pada 2009 tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif atau pengurusan.

Jawatankuasa Audit diamanahkan dengan kuasa oleh Lembaga untuk mengkaji sebarang perkara berkaitan pelantikan dan pelantikan semula, yuran audit, peletakan jawatan atau pemecatan juruaudit luar dan kajian serta penilaian faktor-faktor berkaitan dengan kebebasan juruaudit luar dan membantu dalam memastikan kebebasan mereka.

## pematuhan pada kod

Lembaga telah membincang, mengkaji dan meluluskan Penyata Tadbir Urus Korporat. Lembaga berpendapat bahawa Penyata Tadbir Urus Korporat menyediakan maklumat yang perlu bagi membolehkan para pemegang saham menilai bagaimana Kod Malaysia telah digunapakai. Lembaga berpendapat dan berpuashati bahawa Syarikat telah melunaskan kewajipannya di bawah Kod BATM, Kod Malaysia, Keperluan Penyenaraian dan semua undang-undang serta peraturan yang diterimapakai sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

**Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi pekeliling Lembaga Pengarah bertarikh 25 Februari 2010.**

**Tan Sri Abu Talib bin Othman**
*Pengerusi*

# Tanggungjawab

Lembaga Pengarah menyedari kepentingan amalan kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang mantap bagi melindungi pelaburan saham dan aset Kumpulan. Lembaga menegaskan tanggungjawabnya secara keseluruhan ke atas sistem kawalan dalaman Kumpulan dengan mewujudkan persekitaran dan rangka kerja kawalan yang sesuai serta mengkaji kemampuan dan kewibawaannya. Disebabkan keterbatasan yang sememangnya wujud dalam mana-mana sistem kawalan dalaman, sistem ini dirangka untuk mengurus dan bukan menyisih risiko yang boleh menjejaskan pencapaian objektif perniagaan Kumpulan. Justeru, ia hanya dapat menyediakan jaminan yang munasabah, bukan mutlak, terhadap salah nyata atau kerugian ketara. Sistem kawalan dalaman meliputi, antara lain, kawalan kewangan, operasi dan pematuhan serta tatacara pengurusan risiko.

Kumpulan mempunyai satu proses yang sedang berlangsung untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurus risiko utama yang dihadapi oleh Kumpulan. Proses tersebut termasuk mengkaji dan mengemaskini sistem kawalan dalaman dengan mengambilkira perubahan suasana penguatkuasaan peraturan dan perniagaan. Proses ini sentiasa dikaji oleh Lembaga melalui Jawatankuasa Audit dan sejajar dengan Penyata Kawalan Dalaman: Panduan untuk Para Pengarah Syarikat Tersenarai Awam.

Lembaga memastikan supaya pengurusan mengambil tindakan yang seharusnya dalam melaksanakan dasar dan tatacara berhubung risiko serta kawalan yang telah diluluskan oleh Lembaga. Pengurusan diberi tugas untuk mengenal pasti dan menilai risiko yang dihadapi, dan sejurusnya merangka, melaksana dan memantau kawalan dalaman yang bersesuaian untuk mengurangkan dan mengawal risiko tersebut.

## pengurusan risiko

Pengurusan risiko diterapkan dengan teguh di dalam sistem pengurusan Kumpulan dan menjadi tanggungjawab setiap kakitangan kerana Kumpulan sesungguhnya percaya bahawa pengurusan risiko adalah penting bagi kesinambungan dan peningkatan nilai pemegang saham Kumpulan.

Pasukan Pengurusan Risiko yang diketuai oleh Pengarah Kewangan dan diwakili oleh para Pengurus Kanan daripada semua fungsi Kumpulan, akan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk mengkaji dan mengemaskini daftar risiko dan rancangan tindakan pengurangan risiko.

Rancangan kesinambungan perniagaan terpilih (atau rancangan luar jangka) dikaji, dikemaskini dan/atau diuji pada tahun yang ditinjau. Pengurusan sentiasa merangka rancangan kesinambungan perniagaan baru untuk menampung perubahan dalam suasana perniagaan. Para Pengurus Kanan yang bertanggungjawab ke atas rancangan kesinambungan perniagaan masing-masing membuat pembentangan rasmi kepada Kumpulan Pengurusan Kanan tahap kesediaan krisis mereka.

Jawatankuasa Audit diberikan taklimat oleh Pengurus Risiko Perniagaan berhubung Program Pengurusan Risiko Kumpulan pada bulan April dan November 2009.

## proses kawalan dalaman utama

Perkara yang diutamakan dalam kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko Kumpulan adalah proses Kawalan Penilaian Sendiri (KPS) yang telah dilaksanakan dan kini lebih bertambah baik. Satu senarai semak kawalan utama dirangkakan yang menggariskan beberapa kawalan serta keperluan proses utama meliputi semua fungsi dalam Kumpulan. Senarai semak tersebut dikemaskini setiap tahun dengan mengambil kira perubahan profil risiko menurut perubahan suasana perniagaan dan penguatkuasaan peraturan, strategi dan aktiviti fungsian dari masa ke semasa. Semua unit perniagaan dikehendaki mendokumenkan kawalan dan proses untuk mengurus risiko dan menilai keberkesanannya pada setiap tahun. Senarai semak kawalan utama dan analisis arah aliran dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit.

# penyata kawalan dalaman

## unsur-unsur penting lain dalam sistem kawalan dalaman

Selain daripada yang dinyatakan di atas, unsur-unsur penting lain dalam sistem kawalan dalaman Kumpulan yang telah dikaji dan diluluskan oleh Lembaga dihuraikan seperti berikut:

**(a) Dasar, tatacara dan had kuasa**

- Penyampaian tanggungjawab yang ditakrif dengan jelas kepada jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga dan pengurusan termasuk struktur organisasi dan bidang kuasa sewajarnya, dan;
- Dasar dalaman, piawaian dan prosedur yang didokumenkan dengan jelas disediakan dan sentiasa dikemaskini untuk menunjukkan perubahan risiko atau mengatasi kelemahan operasi. Semua dasar dan piawaian Kumpulan diluluskan oleh Lembaga dan kes-kes ketidakpatuhan yang ada kaitan dilaporkan kepada Lembaga. Ini juga bergantung kepada Audit Dalaman Kumpulan serta kaedah KPS.

**(b) Perancangan perniagaan strategik, belanjawan dan laporan**

- Kekerapan penyaluran maklumat dan lengkap disediakan oleh pengurusan bagi pemantauan prestasi berlandaskan rancangan strategik yang meliputi semua petunjuk kewangan dan operasi utama. Setiap suku tahun Pengarah Urusan mengkaji bersama Lembaga berhubung semua isu yang meliputi, tidak hanya terhad kepada, strategi, prestasi, sumber dan piawaian perlakuan perniagaan;
- Proses belanjawan terperinci diwujudkan yang memerlukan semua unit perniagaan menyediakan belanjawan tahunan yang dibincang dan diluluskan oleh Lembaga; dan
- Sistem laporan yang berkesan berupaya memaparkan perbezaan ketara berbanding belanjawan dan rancangan untuk memantau prestasi akan disediakan. Perbezaan ketara disiasat oleh pengurusan dan dilaporkan kepada Lembaga.

**(c) Insurans dan perlindungan fizikal**

- Insurans dan perlindungan fizikal yang setara bagi aset-aset utama disediakan untuk memastikan aset Kumpulan dilindungi sewajarnya daripada sebarang masalah yang boleh mengakibatkan kerugian ketara kepada Kumpulan.

**(d) Mesyuarat Kumpulan Pengurusan Kanan**

- Mesyuarat Kumpulan Pengurusan Kanan iaitu mesyuarat tertinggi pengurusan akan dijadualkan jika perlu, untuk mengkaji, mengenalpasti, membincang dan menangani isu-isu utama strategik, operasi, kewangan dan pengurusan.

**(e) Bengkel risiko dan kawalan**

- Bagi mencapai sistem kawalan dalaman yang kukuh, sikap kakitangan terhadap risiko dan pemahaman berkenaan proses pengurusan risiko Kumpulan adalah sama pentingnya dengan terwujudnya sistem dan dasar yang mantap. Untuk mencapainya, bengkel-bengkel kesedaran risiko dan latihan dijalankan bagi kakitangan untuk memahami kepentingan pengurusan risiko dan kawalan dalaman, dan kesannya terhadap aktiviti harian. Bengkel berkenaan meliputi tinjauan menyeluruh terhadap rangka kerja dan proses pengurusan risiko organisasi, kepentingan kawalan dalaman, jenis-jenis kawalan, rekabentuk dan penilaian keberkesanan kawalan dalaman.

**(f) Lain-lain hal**

- Mesyuarat kerap diadakan di antara Pengarah Kewangan dan penganalisis yang mana pembentangan rasmi dilakukan sebaik sahaja keputusan kewangan disiarkan setelah mendapat kelulusan Lembaga supaya wujud hubungan telus dan wujud dialog terbuka dengan para pelabur dan pemegang saham;
- Perisytiharan bertulis daripada semua kakitangan pengurusan bagi mengesahkan pematuhan mereka kepada Piawaian Perlakuan Perniagaan Kumpulan dan sebarang percanggahan kepentingan dilaporkan.
- Perisytiharan bertulis daripada Pengarah Kewangan dan Pengarah Urusan bagi mengesahkan pematuhan mereka kepada Piawaian Kumpulan dan Kawalan Dalaman.

Sistem kawalan dalaman adalah memuaskan dan tidak mengakibatkan sebarang kerugian, luar jangkaan atau ketidakpastian ketara yang perlu dilaporkan dalam Laporan Tahunan 2009 Kumpulan.

**Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 11 Februari 2010.**

## ulasan penyata juruaudit luar

Menurut perenggan 15.23 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, juruaudit luar telah mengkaji Penyata Kawalan Dalaman ini. Kajian dilaksanakan adalah menurut Panduan Amalan yang Dicadangkan (RPG) 5 keluaran Institut Perakaunan Malaysia. Berdasarkan kepada kajian mereka, juruaudit luar melaporkan kepada Lembaga bahawa tidak terdapat apa-apa perkara yang boleh menimbulkan keraguan bahawa Penyata ini adalah tidak konsisten dengan pemahaman mereka tentang proses yang telah diguna pakai oleh Lembaga dalam kajian mereka tentang kesesuaian dan keutuhan kawalan dalaman Kumpulan. RPG 5 tidak memerlukan juruaudit luar untuk, dan mereka juga tidak, menimbang sama ada Penyata ini merangkumi semua risiko dan kawalan, atau membentuk pendapat atas keberkesanan tatacara risiko dan kawalan Kumpulan.



**Datuk Oh Chong Peng**
Pengerusi



**Tan Sri Abu Talib bin Othman**
Ahli



**James Richard Suttie**
Ahli



**Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak**
Ahli

## keahlian dan kehadiran

Senarai ahli Jawatankuasa Audit dan maklumat kehadiran setiap ahli di mesyuarat Jawatankuasa Audit pada 2009 adalah seperti berikut:

| Komposisi Jawatankuasa Audit | Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Audit | | % |
|---|---|---|---|
| | Diadakan | Kehadiran | |
| **Datuk Oh Chong Peng**<br>Pengerusi<br>*(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)* | 4 | 4 | 100 |
| **Tan Sri Abu Talib bin Othman**<br>*(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)* | 4 | 4 | 100 |
| **James Richard Suttie**<br>*(Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)* | 4 | 4 | 100 |
| **Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak** *<br>*(Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)* | 3 | 3 | 100 |

* Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak dilantik pada 5 Mac 2009 selepas Mesyuarat Jawatankuasa Audit pada Februari 2009

Jawatankuasa Audit mengadakan 4 mesyuarat pada tahun ini, yang dihadiri oleh semua ahli kecuali Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak yang menghadiri 3 daripada 4 mesyuarat pada 2009 kerana beliau hanya dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit pada 5 Mac 2009.

Tambahan lagi, atas jemputan Jawatankuasa Audit, Pengarah Urusan, Pengarah Kewangan, Ketua Audit Dalaman dan wakil-wakil juruaudit luar telah menghadiri semua mesyuarat yang diadakan. Dari masa ke semasa kakitangan pengurusan kanan turut dijemput untuk menghadiri mesyuarat oleh Jawatankuasa Audit.

Semua ahli Jawatankuasa Audit arif dalam hal ehwal kewangan dan berkebolehan mengkaji serta mentafsir penyata kewangan untuk melunaskan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai ahli Jawatankuasa Audit dengan berkesan.

# laporan jawatankuasa audit

## komposisi dan terma rujukan

**a. Ahli**

Jawatankuasa Audit perlu dilantik oleh Lembaga Pengarah yang terdiri tidak kurang daripada 3 orang ahli. Semua ahli termasuk Pengerusi merupakan Pengarah Bukan Eksekutif dan majoriti daripada mereka pengarah bebas.

Sekurang-kurangnya salah seorang daripada ahli Jawatankuasa Audit merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia atau setidaknya, mesti mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja dan

a. telah lulus peperiksaan yang ditentukan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967; atau
b. menganggotai salah satu daripada pertubuhan-pertubuhan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II jadual tersebut; atau
c. mempunyai ijazah/ijazah sarjana/ijazah kedoktoran dalam perakaunan atau kewangan dan sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman pasca kelayakan dalam perakaunan atau kewangan; atau
d. menganggotai organisasi perakaunan profesional yang diterima sebagai ahli penuh International Federation of Accountants dan sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja pasca kelayakan dalam perakaunan atau kewangan; atau
e. sekurang-kurangnya 7 tahun pengalaman berkhidmat sebagai ketua pegawai kewangan syarikat atau memegang jawatan yang bertanggungjawab terutamanya dalam pengurusan hal ehwal kewangan syarikat.

Tiada Pengarah silih ganti dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit. Lembaga akan mengkaji tempoh perjawatan dan prestasi ahli Jawatankuasa Audit sekurang-kurangnya sekali setiap 3 tahun bagi perlaksanaan tugas mereka selaras dengan terma rujukan mereka.

Jika terdapat kekosongan dalam Jawatankuasa Audit yang akan mengakibatkan ketidakpatuhan pada perenggan 15.9 (1) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, Lembaga harus mengisi kekosongan tersebut dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh kekosongan.

**b. Pengerusi**

Pengerusi Jawatankuasa perlu dipersetujui oleh Lembaga Pengarah dan merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas.

**c. Kuorum**

Sesuatu kuorum terbentuk dengan adanya 2 ahli dan terdiri daripada Pengarah Bebas.

**d. Mesyuarat dan minit mesyuarat**

Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat dengan juruaudit luar sekurang-kurangnya sekali setahun, tanpa kehadiran para Pengarah Eksekutif dan pengurusan. Pada tahun ini, Jawatankuasa Audit bermesyuarat dengan juruaudit luar sebanyak 2 kali tanpa kehadiran para Pengarah Eksekutif dan pengurusan.

Melainkan dalam keadaan yang mana Pengerusi anggap tidak wajar, Pengarah Kewangan dan Ketua Audit Dalaman serta wakil juruaudit luar menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk mengemukakan pandangan mereka berhubung sebarang perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Audit, atau pada pandangan mereka, perlu diberi perhatian oleh Jawatankuasa Audit, yang mana Jawatankuasa Audit boleh, sekiranya dan apabila perlu, menjemput ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain dan mana-mana pengurusan kanan untuk menghadiri mesyuarat mereka.

Setiausaha Syarikat akan bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Audit dan bertanggungjawab untuk mencatat, menyedia dan mengedarkan minit mesyuarat Jawatankuasa Audit serta memastikan minit mesyuarat disimpan rapi dan mengemukakannya untuk pemeriksaan apabila perlu. Jawatankuasa Audit perlu melapor kepada Lembaga dan minit mesyuarat dibentangkan untuk perhatian Lembaga.

**e. Kuasa**

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga untuk mengkaji sebarang aktiviti yang merangkumi terma rujukan mereka. Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan daripada mana-mana Pengarah atau pihak pengurusan dan mempunyai akses penuh dan tidak terhad kepada sebarang maklumat berhubung Kumpulan dan pengurusan, dan semua kakitangan Kumpulan dikehendaki mematuhi permohonan yang dibuat.

Jawatankuasa Audit boleh mendapatkan nasihat profesional bebas dan pihak luar yang berpengalaman berkaitan dan kepakaran yang dianggap perlu, perbelanjaannya biayaan Syarikat.

Dalam keadaan sekiranya mana-mana ahli Jawatankuasa Audit perlu mendapatkan nasihat profesional luar dalam melaksanakan tugasnya, harus baginya berbincang dan mendapatkan kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Audit terlebih dahulu.

Jawatankuasa Audit harus mempunyai saluran komunikasi secara langsung dan boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran ahli-ahli bukan bebas Jawatankuasa Audit, apabila difikirkan perlu.

## tanggungjawab dan kewajipan

Tanggungjawab dan tugas Jawatankuasa Audit adalah:

**a. Laporan Kewangan**

- Mengkaji penyata kewangan bagi suku tahunan dan tahunan Syarikat, dengan tumpuan khusus kepada:
  - sebarang perubahan penting dalam dasar dan amalan perakaunan;
  - pelarasan penting yang timbul daripada audit;
  - pematuhan dengan piawaian perakaunan dan lain-lain keperluan perundangan;
  - andaian hal berterusan.

**b. Urusniaga Pihak Berkaitan**

- Untuk mengkaji sebarang urusniaga pihak berkaitan dan keadaan percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam Kumpulan termasuk sebarang urusniaga, prosedur atau tatacara yang membangkitkan persoalan kewibawaan pengurusan.

**c. Laporan Audit**

- Menyediakan laporan Jawatankuasa Audit tahunan kepada Lembaga yang meliputi komposisi Jawatankuasa Audit, terma rujukannya, bilangan mesyuarat yang diadakan, ringkasan aktiviti dan kewujudan unit Audit Dalaman dan ringkasan aktiviti unit untuk dimuatkan dalam Laporan Tahunan; dan
- Mengkaji penyata Lembaga berhubung pematuhan kepada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Semakan 2007) untuk dimuatkan dalam Laporan Tahunan.

**d. Kawalan Dalaman**

- Untuk mempertimbangkan setiap tahun Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perniagaan yang diterimapakai dalam Kumpulan dan berpuas hati bahawa kaedah yang digunapakai membolehkan pengenalpastian, analisis, penilaian, pemantauan dan penyampaian maklumat berhubung risiko secara kerap dan tepat yang membolehkan Kumpulan meminimumkan kerugian dan memaksimumkan peluang;
- Untuk memastikan sistem kawalan dalaman dirangka rapi dan tersedia, dikendalikan dengan berkesan dan sentiasa dipantau;
- Untuk menganjurkan kajian dibuat berhubung tahap pematuhan dengan dasar-dasar, piawaian, rancangan dan prosedur dalaman termasuk sebagai contoh, Piawaian Perlakuan Perniagaan Kumpulan;
- Untuk mendapat kepastian bahawa rancangan kawalan yang sewajarnya dirangkakan sebelum bermula perubahan-perubahan utama dalam Kumpulan; dan
- Untuk mencadangkan kepada Lembaga langkah-langkah untuk mempertingkatkan sistem kawalan dalaman berasaskan penemuan juruaudit dalaman dan luar serta susulan perbincangan ahli Jawatankuasa Audit itu sendiri.

**e. Audit Dalaman**

- Berpuashati bahawa strategi, rancangan, pengendalian dan penyediaan bagi menjalankan audit dalaman dimaklumkan hingga ke peringkat bawahan segenap Kumpulan. Khususnya:
  - Untuk mengkaji rancangan audit dalaman dan berpuas hati dengan keselarasan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perniagaan yang digunapakai mereka dan liputannya yang mencukupi;
  - berpuashati bahawa unit Audit Dalaman dalam Kumpulan mempunyai sumber dan kedudukan yang sewajarnya yang membolehkan mereka menyempurnakan mandat dan meluluskan rancangan audit mereka;
  - Untuk mengkaji laporan status daripada Audit Dalaman dan memastikan tindakan sewajarnya diambil untuk melaksanakan cadangan-cadangan audit;
  - Untuk mencadangkan sebarang kajian yang lebih meluas yang dianggap perlu bersabit isu atau perkara yang dikenal pasti;
  - Untuk memastikan Audit Dalaman mempunyai akses penuh, bebas dan tidak terhad kepada semua aktiviti, rekod, hartanah dan kakitangan yang dikira perlu untuk melaksanakan tugasnya; dan
  - Untuk meminta dan mengkaji mengadakan audit khas yang difikirkan perlu.

**f. Audit Luaran**

- Untuk mengkaji rancangan audit, bentuk dan skop rancangan audit, laporan audit dan penilaian kawalan dalaman serta pengendalian juruaudit luar. Jawatankuasa Audit akan mempertimbangkan gabungan pendapat berhubung kualiti pengauditan luar pada salah satu daripada mesyuaratnya;
- Untuk mengkaji Penyata Kawalan Dalaman Kumpulan bersama juruaudit luar untuk dimuatkan dalam Laporan Tahunan;
- Untuk mengkaji hal-hal berkaitan dengan pelantikan dan pelantikan semula, yuran audit serta sebarang persoalan berkaitan peletakan jawatan atau pemecatan juruaudit luar;
- Untuk mengkaji dan menilai faktor-faktor berkaitan kebebasan juruaudit luar dan membantu mengekalkan kebebasan mereka;
- Untuk dimaklumkan berhubung penggunaan perkhidmatan ketara juruaudit luar dalam melaksanakan khidmat bukan audit dalam Kumpulan, mengambil kira kedua jenis khidmat yang dilaksanakan dan yuran, agar kedudukan mereka sebagai juruaudit tidak dianggap bertolak ansur; dan
- Untuk mengkaji penemuan juruaudit luar yang tertimbul daripada audit, khususnya sebarang ulasan dan maklum balas terdapat dalam surat pengurusan serta kerjasama yang diberikan oleh kakitangan Kumpulan sehingga berpuashati bahawa tindakan sewajarnya telah diambil.

**g. Lain-lain hal**

- Mengambil tindakan ke atas hal-hal yang diarahkan oleh Lembaga.

## ringkasan aktiviti 2009

Pada 2009, Jawatankuasa Audit melaksanakan tugas-tugasnya selaras dengan terma rujukan Jawatankuasa Audit:

Aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Audit pada 2009, adalah seperti berikut:

**a. Laporan Kewangan**

- Mengkaji penyata kewangan bagi suku tahunan dan tahunan Syarikat dan Kumpulan bersama Pengarah Kewangan dan Pengarah Urusan, dengan menumpu khususnya kepada perubahan ketara dasar dan amalan perakaunan, pelarasan yang timbul daripada audit, pematuhan dengan piawaian perakaunan dan lain-lain keperluan perundangan sebelum melapor kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

- Membincang dan mencatat Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) yang baru yang akan digunapakai di dalam laporan kewangan bagi suku tahunan dan tahunan Kumpulan mulai 2010.

**b. Kawalan Dalaman (Pengurusan Risiko)**

- Mengkaji Program Pengurusan Risiko Kumpulan, termasuk 20 risiko utama bagi Kumpulan, perancangan Program Pengurusan Risiko, program insurans, hal-hal sekuriti dan keselamatan.
- Mengkaji dan mencadang kepada Lembaga langkah-langkah untuk membaikpulih sistem kawalan dalaman Syarikat hasil daripada penemuan juruaudit dalam dan luar.
- Menerima laporan perkembangan kejadian ketidakpatuhan kepada Piawaian Perlakuan Perniagaan dan kes-kes pemberi maklumat.

**c. Audit Dalaman**

- Mengkaji rancangan audit dalaman dan berpuas hati dengan keselarasan dengan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perniagaan yang digunapakai mereka dan liputannya mencukupi.
- Mengkaji laporan status daripada audit dalaman bagi memastikan tindakan sewajarnya diambil untuk melaksanakan cadangan-cadangan audit.

**d. Urusniaga Pihak Berkaitan**

- Mengkaji urusniaga pihak berkaitan yang dimeterai oleh Syarikat, subsidiari-subsidiarinya dan Kumpulan British American Tobacco.

**e. Audit Luaran**

- Mengkaji bersama juruaudit luar berkenaan Penyata Syarikat berkenaan Kawalan Dalaman sebelum mencadangkannya untuk dimuatkan dalam Laporan Tahunan Syarikat 2009.
- Mengkaji bersama juruaudit luar penyata kewangan bagi suku tahunan dan tahunan Syarikat dan Kumpulan bersama Pengarah Kewangan dan Pengarah Urusan, dengan menumpu khususnya kepada perubahan ketara dasar dan amalan perakaunan, pelarasan yang timbul daripada audit, pematuhan dengan piawaian perakaunan dan lain-lain keperluan perundangan sebelum melapor kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
- Mengkaji rancangan audit juruaudit luaran, bentuk dan skop rancangan audit, laporan audit penilaian kawalan dalaman serta pengendalian juruaudit luar; dan
- Mengkaji penemuan juruaudit luar yang tertimbul daripada audit, khususnya ulasan dan maklum balas terdapat dalam surat pengurusan serta kerjasama kakitangan Kumpulan sehingga berpuashati bahawa tindakan sewajarnya telah diambil.

## fungsi audit dalaman

Kumpulan mempunyai unit audit dalaman yang kukuh yang melapor kepada Jawatankuasa Audit dan membantu Jawatankuasa Audit mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman Syarikat di samping memastikan wujud keseimbangan kawalan dan risiko yang sewajarnya di segenap Kumpulan dalam mencapai objektif perniagaannya.

Audit dalaman menyediakan penilaian bebas berhubung keberkesanan dan kecekapan kawalan dalaman dengan menggunakan kaedah dan kemudahan audit global untuk menyokong rangka kerja tadbir urus korporat Syarikat dan rangka kerja pengurusan risiko global yang cekap dan berkesan bagi memberi jaminan terhadap inisiatif Kumpulan dalam penyampaian strategi dan pengurusan pengubahan.

Ketua Audit Dalaman melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan mempunyai akses terus kepada Pengerusi Jawatankuasa Audit berhubung semua perkara kawalan dan audit. Semua cadangan pengurusan berhubung pelantikan, pemindahan dan pemecatan Ketua Audit Dalaman Kumpulan perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Audit terlebih dahulu. Sebarang sekatan yang tidak wajar berhubung skop audit harus dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit meluluskan rancangan audit dalaman dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit pertama setiap tahun. Sebarang perubahan seterusnya terhadap rancangan audit dalaman mendapat kelulusan Jawatankuasa Audit. Skop audit dalaman meliputi audit semua unit dan operasi, termasuk subsidiari.

Fungsi audit dalaman menerimapakai pendekatan berasaskan risiko dalam merancang dan melaksanakan audit yang selaras dengan rangka kerja Kumpulan sedia ada dalam membentuk, melaksana dan memantau sistem kawalannya.

Aktiviti utama lain yang dilaksanakan oleh audit dalaman adalah seperti berikut:

- mengkaji prosedur kelulusan berhubung urusniaga pihak berkaitan; dan
- melaksana kajian khas atas permintaan Jawatankuasa Audit dan/atau pengurusan.

Dalam 2009, sistem kawalan dalaman adalah memuaskan dan tidak mengalami sebarang kerugian ketara dan luar jangkaan atau ketidakpastian yang memerlukan pendedahan dalam Laporan Tahunan 2009 Kumpulan.

Pada bulan November 2009, kajian keberkesanan Jawatankuasa Audit dijalankan yang mana keputusannya menunjukkan peningkatan dalam semua peringkat keberkesanan terutamanya dalam bahagian berkaitan proses tadbir urus Jawatankuasa dan kajian risiko perniagaan.

**Laporan Jawatankuasa Audit ini disediakan selaras dengan resolusi pekeliling Pengarah bertarikh 11 Februari 2010.**

# laporan pengurusan risiko korporat

**Rangka kerja pengurusan risiko yang efektif sangat penting dalam mengurus pelbagai risiko yang dihadapi Kumpulan. Lembaga Pengarah British American Tobacco Malaysia, melalui Jawatankuasa Audit, telah membentuk Pasukan Pengurusan Risiko untuk menguruskan risiko Syarikat secara proaktif.**

Risiko perniagaan Kumpulan disebabkan oleh beberapa faktor, yang mana tidak semua dalam kawalan syarikat. Cabaran dorongan luaran, beserta pendedahan kepada risiko perniagaan umum seperti reputasi korporat, keselamatan, persekitaran, isu-isu kesihatan keselamatan, kualiti produk dan teknologi maklumat sentiasa dikaji semula sebagai sebahagian daripada Program Pengurusan Risiko Syarikat.

Kumpulan menerima pakai Program Pengurusan Risiko Perniagaan dengan objektif-objektif berikut:

- memastikan kesinambungan bekalannya kepada pengguna sepanjang masa
- melindungi aset dan nama baiknya
- mengekalkan keselamatan dan kesihatan kakitangannya
- memastikan operasi Kumpulan tidak memberi kesan negatif kepada jiran tetangga dan persekitarannya
- melindungi kepentingan semua pihak berkepentingan
- memastikan pematuhan kepada polisi dan garis panduan Kumpulan dan semua undang-undang negara yang berkaitan
- menggalakkan budaya kesedaran risiko berkesan yang mana pengurusan risiko merupakan aspek penting dalam sistem pengurusan Kumpulan

Pasukan Pengurusan Risiko yang diketuai oleh Pengarah Kewangan dan terdiri daripada Pengurus Kanan semua fungsi dalam Kumpulan diberi kepercayaan untuk melaksanakan program Pengurusan Risiko Perniagaan. Tanggungjawab pasukan tersebut adalah untuk:

- mengemudi program Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan
- menggalakkan budaya kesedaran risiko yang proaktif dalam Kumpulan
- menjalankan kajian tahunan ke atas risiko perniagaan
- menyelaras perangkaan rancangan tindakan pengurangan risiko
- membangun dan mengemaskini rancangan kesinambungan perniagaan bagi risiko-risiko utama perniagaan
- merancang dan menyelaras ujian ke atas rancangan kesinambungan perniagaan
- menyusun program latihan dan pembelajaran untuk kakitangan berhubung pengurusan risiko
- memantau keputusan petunjuk prestasi penting
- memastikan tadbir urus korporat yang berhemah

Pengurusan Risiko telah diterapkan di dalam sistem pengurusan Kumpulan dan merupakan tanggungjawab setiap kakitangan.

Proses Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan meliputi lima fasa, iaitu:




Dalam proses mengenalpasti risiko, semua kemungkinan risiko perniagaan dikenalpasti.

Risiko perniagaan yang dikenalpasti kemudian dinilai berdasarkan matriks di bawah:

- **KEMUNGKINAN** risiko berlaku
- **KETERUKAN** akibatnya
- Tahap kesediaan kawalan dalaman dan langkah-langkah pengurusan risiko

**KEMUNGKINAN**

| KETERUKAN | Rendah | Sederhana Rendah | Sederhana Tinggi | Tinggi |
|---|---|---|---|---|
| Tinggi | TINGGI | TINGGI | TINGGI | TINGGI |
| Sederhana Tinggi | SEDERHANA | SEDERHANA | TINGGI | TINGGI |
| Sederhana Rendah | RENDAH | RENDAH | SEDERHANA | SEDERHANA |
| Rendah | RENDAH | RENDAH | RENDAH | SEDERHANA |

Daftar risiko merakamkan hasil daripada proses mengenalpasti dan penilaian risiko yang mendokumen semua risiko perniagaan yang dikenalpasti, tahap risikonya serta rancangan tindakan mengurus risiko perniagaan tersebut.

Mengkategorikan risiko perniagaan membolehkan Kumpulan memperuntukkan sumbernya dengan lebih berkesan bagi menangani tahap risiko perniagaan yang berbeza-beza. Gabungan langkah pengurusan risiko kemudian dipilih untuk mengurus risiko perniagaan berkenaan:

| LANGKAH-LANGKAH PENGURUSAN RISIKO | SUB-KATEGORI | CONTOH |
|---|---|---|
| TERIMA | Penerimaan | Terima risiko mengikut penarafannya, tanpa tindakan lanjut, mengekalkan prosedur kawalan yang sedia ada. |
| MENGEKAL | Mencegah kerugian | Laksanakan pengurangan risiko proaktif (langkah kawalan) untuk mengurangkan kemungkinan risiko berlaku. Risiko harus kekal tidak berubah sehingga kawalan baru disediakan.<br>*Tindakan boleh diambil:*<br>• Jaminan kualiti<br>• Persekitaran, kesihatan dan keselamatan<br>• Penyelenggaraan pencegahan<br>• Keselamatan<br>• Kawalan kewangan<br>• Pengurusan projek<br>• Latihan dan pendidikan<br>• Penyeliaan<br>• Penyelidikan dan pembangunan |
| | Mengurangkan Kerugian | Laksanakan pengurangan risiko aktif (langkah kawalan) untuk mengurangkan akibat lebih teruk, jika ada.<br>*Tindakan boleh diambil:*<br>• Perancangan kesinambungan perniagaan<br>• Perancangan tindak balas kecemasan<br>• Pengasingan pendedahan<br>• Persamaan pendedahan<br>• Pempelbagaian<br>• Perancangan portfolio |
| PINDAH | Insurans | Pembelian insurans untuk risiko yang boleh diinsurans, contohnya: kebakaran, nyawa, kecurian dan sebagainya |
| | Kontrak | Fasal-fasal perlindungan dalam kontrak, contoh: fasal ganti rugi dan sebagainya |
| | Perkongsian Risiko | Usaha sama atau perkongsian |
| | Sumber luar | Pihak ketiga menanggung risiko |

Pemantauan risiko sedang langsung dijalankan untuk mengkaji keberkesanan langkah-langkah pengurangan risiko yang disediakan bagi semua risiko perniagaan yang dikenalpasti dan tindakan pembetulan diambil, jika perlu.

Program Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan tertakluk kepada kajian berkala bagi memastikan dasar dan objektif program masih terlaksana dan berkesan dalam perubahan keadaan pasaran dan penguatkuasaan peraturan. Program ini saling disokongi oleh amalan kawalan dalaman seperti penyata pematuhan kepada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan senarai semak kawalan utama syarikat induk British American Tobacco p.l.c.

## menggalakkan kesedaran risiko

Penyampaian maklumat risiko juga begitu penting dan melengkapkan aktiviti pengurusan risiko kerana ia tertumpu kepada penyebaran maklumat risiko kepada peringkat kakitangan dan pihak berkepentingan yang sewajarnya. Saluran yang sesuai disediakan untuk kakitangan memberi maklum balas berhubung isu-isu pengurusan risiko dan cadangan untuk peningkatan.

Pada 2009, program induksi kesedaran risiko dijalankan oleh Pasukan Pengurusan Risiko bagi kakitangan baru. Program induksi bertujuan mendidik kakitangan pengurusan berhubung pendekatan Kumpulan dalam pengurusan risiko dan kawalan dalaman, dan mengadakan forum untuk meningkatkan pengetahuan peserta mengenai pengurusan risiko dan peranan mereka dalam menguruskan risiko Kumpulan.

## mengkaji program pengurusan risiko perniagaan kumpulan

Pasukan Pengurusan Risiko telah bermesyuarat tiga kali tahun ini, bulan Februari, April dan Ogos 2009 untuk mengkaji profil risiko dan perkembangan kesinambungan rancangan perniagaan Kumpulan. Daftar Risiko juga diteliti oleh fungsi masing-masing setiap suku tahun.

Pada tahun ini, rancangan kesinambungan perniagaan yang diuji adalah rancangan tindak balas kecemasan kilang, rancangan pemulihan gencatan IT dan rancangan pemulihan gencatan untuk pusat-pusat Kedai Jualan Langsung. Rancangan kesinambungan perniagaan lain seperti rancangan pemulihan lokasi ibu pejabat dan rancangan bekalan bahan pembungkusan turut dikaji dan dikemaskini.

Pada Ogos 2009, Pasukan Pengurusan Risiko bersama-sama dengan pengurusan kanan mengemaskini daftar risiko dan rancangan tindakan pengurangan risiko. Kumpulan Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Audit diberi taklimat oleh Pengurus Risiko Perniagaan berhubung status program Pengurusan Risiko Perniagaan Kumpulan pada bulan April dan Oktober 2008. Taklimat tersebut termasuk mengemas kini risiko utama Kumpulan dan rancangan pengurangan risiko dan status ujian rancangan kesinambungan perniagaan.

## risiko utama kumpulan

Bahagian ini menjelaskan beberapa risiko utama yang boleh menjejas Kumpulan dan menyampaikan keterangan ringkas tentang langkah-langkah pengurangan risiko yang disediakan untuk menguruskan risiko ini. Ini bukan bermaksud untuk memberikan analisis yang luas berkenaan semua risiko yang menjejaskan Kumpulan dan tidak semua risiko yang dikenalpasti berada dalam kawalan Kumpulan. Ada juga terdapat risiko lain selain yang disebutkan yang mungkin boleh menjejas prestasi perniagaan. Terdapat risiko yang mungkin tidak diketahui buat masa ini, dan yang lain, pada masa kini yang dianggap sebagai tidak penting mungkin menjadi penting pada masa akan datang.

Risiko yang dihuraikan dalam bahagian ini serta pengurangan risiko harus dipertimbangkan dalam konteks keseluruhan pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan yang diulaskan dalam Laporan Pengurusan Risiko Korporat dan Penyata Kawalan Dalaman.

Risiko utama termasuk:

– Penarikan balik pek rokok yang kurang daripada 20 batang rokok pada 1 Jun 2010 akan memberi kesan pada keuntungan kendalian Kumpulan. Namun, Kumpulan mempunyai langkah-langkah untuk meminimumkan kesan akibat penarikanbalik pek kurang daripada 20 batang rokok, seperti pengenalan pek DUNHILL Reloc baru.

– Perdagangan tidak sah yang mengelak daripada cukai dikenakan merupakan satu ancaman yang signifikan dan berleluasa terhadap industri tembakau yang sah. Satu pasukan khas dibentuk dalam Kumpulan secara proaktif untuk menguruskan risiko ini melalui penglibatan dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mewujudkan kesedaran tentang kesan daripada ancaman yang berleluasa ini.

– Kelonggaran cukai import di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN dan pertumbuhan segmen rokok-rokok berharga teramat rendah boleh mengakibatkan pengaliran rokok-rokok harga rendah baru dalam industri. Kumpulan mempunyai langkah-langkah seperti sentiasa mengkaji semula portfolio jenamanya selaras dengan perubahan keadaan untuk mengurangkan potensi kesan negatif dengan kemasukan harga rokok yang teramat rendah.

– Kenaikan tahap dan peningkatan berterusan eksais dan cukai boleh menjejaskan jumlah industri yang sah sementara memarakkan lagi perdagangan tidak sah. Kumpulan mempunyai strategi cukai dan penetapan harga termasuk rancangan luar jangka untuk menangani kesan perubahan cukai yang ketara.

– Kumpulan beroperasi di bawah rejim peraturan yang ketat selaras dengan Konvensyen Rangka Kerja Kawalan Tembakau. Kumpulan mempunyai strategi peraturan untuk membuat rancangan menangani isu-isu ini dengan cara yang selaras dengan undang-undang.

– Risiko kecurian/perampasan barang semasa dalam perjalanan yang mengakibatkan kerugian harta Kumpulan, diuruskan melalui peningkatan langkah-langkah keselamatan.

Risiko utama seperti yang dikenalpasti di atas merupakan pernyataan penyediaan masa hadapan dan boleh dipengaruhi oleh pelbagai pembolehubah.

## pasukan pengurusan krisis

Selain Pasukan Pengurusan Risiko, Kumpulan juga menubuhkan Pasukan Pengurusan Krisis untuk menyediakan kepimpinan dan ketepatan masa apabila berlakunya krisis. Pasukan Pengurusan Krisis dibantu oleh Pasukan Tindakan Krisis, yang diamanahkan untuk mengambil tindakan segera ke atas beserta dengan Pasukan Komunikasi, yang menyelaraskan strategi komunikasi dengan pihak berkepentingan utama.

Pasukan Pengurusan Krisis diwakili oleh Pengurusan Kanan Atasan sementara Pasukan Tindakan Krisis terdiri daripada ahli kakitangan berkaitan yang mahir dalam pengurusan krisis yang khusus dan pelbagaian bergantung pada krisis yang sedang diuruskan.

Pada 2009, Pengurusan Krisis dan Pasukan Tindakan Krisis digiatkan untuk menguruskan krisis yang meliputi:

- Potensi kekurangan bekalan daun tembakau yang berlaku akibat hujan lebat membawa banjir ke kawasan penanaman daun utama di negeri Kelantan. Pasukan Tindakan Krisis digiatkan untuk mengenalpasti kesan kerosakan pada tanaman dan mencari sumber bekalan daun gantian. "Global Leaf Pool' British American Tobacco p.l.c. telah dihubungi untuk sumber bekalan daun gantian, sementara Kumpulan membuat perjanjian untuk membantu para penanam tembakau untuk mengatasi krisis dengan kos sehingga RM10 juta.
- Kumpulan telah mengambil langkah-langkah proaktif semasa wabak Influenza A(H1N1) serata negeri dengan kerap memaklumkan perkembangan terkini dan menganjurkan program-program kesedaran langkah pencegahan yang wajar diambil oleh kakitangan. Produk pencegahan seperti topeng muka dan pensanitasi tangan juga dibekalkan kepada kakitangan.

Krisis di atas diuruskan melalui Pasukan Tindakan Krisis yang bertindak dengan penuh berdedikasi, melaporkan kepada Pasukan Pengurusan Krisis, selaras dengan rancangan kesinambungan perniagaan yang mantap.



# ORGANISASI

Pada 2009, kami terus melabur dalam pengambilan kakitangan, latihan dan pengekalan bakat yang sewajarnya untuk merealisasikan visi di samping memberikan peluang kepada kakitangan kami untuk mengembangkan kerjaya mereka bersama Syarikat ini. Kami yakin strategi ini akan memastikan kesinambungan bakat yang teguh demi mengekalkan perniagaan British American Tobacco Malaysia jangka panjang sejajar dengan objektif kami diiktirafkan sebagai Majikan Terbaik di Malaysia.

### mentakrifkan nilai saranan majikan

Pada tahun 2009, syarikat kami mentakrif dan seterusnya menyampaikan nilai saranan majikan yang baru – *Bring Your Difference* kepada kakitangan kami.

Konsep teras *Bring Your Difference*, menghuraikan kepelbagaian dalam tenaga kerja kami dan kekuatan yang dijana oleh mereka kepada organisasi melalui perkongsian idea dan pengalaman baru. Syarikat ini juga telah mengenal pasti mesej-mesej teras yang akan disampaikan ke dalam dan luar Syarikat bagi menyokong ungkapan majikan cemerlang kami, iaitu:

1. Kelainan itu satu kelebihan – membantu kami untuk mengubah cabaran kepada peluang, untuk memimpin daripada barisan hadapan, dan menjadikan kami salah satu syarikat dalam negara yang berprestasi cemerlang dengan catitan pencapaian mengkagumkan serta masa depan yang cerah

2. Memiliki rakan sekerja daripada pelbagai budaya dan latar belakang yang menyokong kejayaan masing-masing membuatkan kita begitu unik

3. Memberi kepercayaan kepada pasukan untuk membuahkan idea-idea baru dan kepelbagaian pengalaman, membuatkan kami sentiasa fokus, inovatif dan sentiasa mendahului

4. Memberi ganjaran yang kompetitif kerana kelainan yang disampaikan setiap kakitangan, supaya kami dapat melihat hasil sumbangan dalam segala bentuk

Maklumat dan keperluan tambahan pengambilan kakitangan yang terdapat di laman web korporat Syarikat juga telah direka bentuk semula dan disusun untuk meraih sokongan daripada pihak luar. Di dalam Syarikat, mesej-mesej teras ini diterapkan dan dikemaskinikan melalui mesyuarat bulanan jabatan untuk memastikan kakitangan kita sedar akan nilai unik saranan Syarikat.

## mentakrifkan nilai demi mengukuh organisasi cemerlang

# CEMERLANG

## PENCARIAN BAKAT

Langkah-langkah pencarian bakat melalui pameran kerjaya dan pengambilan tenaga kerja













## mencari bakat yang sesuai

Strategi pencarian bakat 2009 telah tertumpu kepada memikat bakat yang paling sesuai bertujuan untuk memperkukuhkan Organisasi Cemerlang kita.

Kami telah mengambil bahagian dalam pameran kerjaya dan pengambilan tenaga kerja tempatan, mengiklan pengambilan tenaga kerja yang sesuai dan berusahasama dengan agensi-agensi pekerjaan yang bertauliah untuk mencari tenaga kerja yang sesuai untuk syarikat kami. Hubungan baru juga dibina dengan Lembaga Pelajar Malaysia United Kingdom dan Eire (Ireland) (UKEC) untuk menjana lebih kesedaran mengenai apa yang British American Tobacco Malaysia dapat menawar kepada graduan yang berminat untuk bekerja dengan Syarikat kami. Satu pertandingan mencari bakat juga telah diadakan terdiri daripada para pelajar daripada 10 universiti dan kolej terkemuka di Malaysia untuk mengenal pasti graduan yang berpotensi dan berwibawa yang mempunyai kemahiran yang bersesuaian untuk menyertai syarikat kami sebagai Pelatih Pengurusan.

Langkah pencarian bakat kami adalah satu proses yang berterusan dan kami akan kekal fokus untuk mencari bakat yang paling sesuai untuk menjadi sebahagian daripada Organisasi Cemerlang kami.

## mengiktiraf kakitangan lama Syarikat

British American Tobacco Malaysia sentiasa mengiktiraf dan menghargai para kakitangannya. Majlis Anugerah Khidmat Lama tahunan telah diadakan untuk memberi pengiktirafan kepada kakitangan serta penghormatan kepada kakitangan yang akan bersara yang telah menunjukkan dedikasi serta komitmen jangka panjang kepada syarikat selama bertahun-tahun lamanya.

Pada 2009, sejumlah 71 kakitangan dianugerahkan bagi tempoh perkhidmatan antara 10 hingga 30 tahun di Syarikat dan 10 di antara mereka adalah pesara. Upacara penganugerahan ini juga dihadiri oleh Pengerusi Syarikat dan pasukan pengurusan kanan.

## pembangunan bakat berterusan

British American Tobacco Malaysia kekal komited untuk membangun kakitangannya supaya menjadi tenaga kerja bertaraf dunia. Inisiatif pembangunan bakat kami tahun ini tertumpu kepada pembangunan kemahiran kepimpinan bagi memacu keputusan cemerlang bagi Syarikat. Program-program pembelajaran dan pembangunan dalaman dilaksanakan bagi melatih kakitangan kami dan mengembangkan kemahiran kepimpinan mereka di setiap peringkat.

Bengkel Kepimpinan dan Pembangunan Pasukan merupakan program penting dilaksanakan pada 2009 untuk para pengurus dan tertumpu untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran untuk menguruskan pasukan mereka dengan amalan terbaik. Pelbagai usaha dijalankan untuk menghasilkan jurulatih dalaman yang terdiri daripada para pengurus kanan daripada berbagai fungsi di Syarikat ini untuk dicontohi yang seterusnya boleh melatih kakitangan pelbagai modul.

Iltizam kami juga merangkumi pembangunan kakitangan bukan pengurusan. Kami telah melaksanakan dua modul di bawah Akademi Capai Kecemerlangan Berterusan yang tertumpu kepada kepimpinan di setiap peringkat serta program kesedaran perubahan peribadi.



**1**
Pengiktirafan kakitangan khidmat lama Syarikat

Bukti seterusnya akan iltizam kami dalam membangunkan bakat merupakan peluang yang ditawarkan kepada kakitangan kami untuk menghadiri program latihan antarabangsa sebagai salah satu pilihan pembelajaran. Peluang khidmat silang pasaran juga ditawarkan kepada pelatih-pelatih pengurusan untuk menimba pengalaman kepada amalan terbaik di pasaran lain.

Kami percaya bahawa inisiatif kami akan memberikan pendekatan yang lebih menyeluruh terhadap pembangunan bakat di British American Tobacco Malaysia.

## memberi ganjaran kepada kakitangan

Di British American Tobacco Malaysia, kami sedar kepentingan untuk menarik, memotivasi dan mengekal bakat kami serta memberi ganjaran atas kejayaan mereka. Beberapa program dilaksanakan sepanjang 2009 bagi memacu agenda ganjaran strategik kami:

- **daya saing pasaran**
  Kami telah menyempurnakan kajian tanda aras pasaran luaran ke atas jumlah ganjaran portfolio kami yang meliputi pampasan, manfaat, pengiktirafan prestasi dan keseimbangan unsur-unsur kerja-kehidupan untuk memastikan bahawa portfolio jumlah ganjaran kami kekal berdaya saing.

- **ganjaran prestasi**
  Kami meningkatkan metriks kenaikan gaji dan bonus prestasi untuk mendorongkan lagi para kakitangan bekerja lebih tekun dengan memastikan mereka diberi penghargaan yang berdaya saing.

- **pengiktirafan kakitangan**
  Sejajar dengan amalan terbaik rantau, kami memberikan pengiktirafan dan ganjaran kepada 134 kakitangan yang telah mengambil inisiatif tambahan dalam melaksanakan matlamat dan strategi perniagaan.

- **pendidikan dan penjenamaan**
  Bagi menyampaikan struktur ganjaran serta mercu pencapaian utama untuk memastikan kakitangan lebih memahami nilai dan struktur keseluruhan komponen ganjaran, beberapa siri sesi komunikasi dilaksanakan untuk semua kakitangan termasuk kakitangan kami yang dihantar bertugas di pasaran British American Tobacco yang lain.

## bertindak berdasarkan suara anda

Hasil daripada Suara Anda, iaitu kaji selidik penglibatan kakitangan British American Tobacco Malaysia yang dilaksanakan pada 2008, Syarikat secara aktif telah bertindak mengambil beberapa langkah penting pada 2009 untuk menangani isu-isu utama yang dikenalpasti melalui keputusan kaji selidik tersebut. Rancangan tindakan kini dibangunkan dan dilaksanakan bagi menangani isu-isu yang dikenalpasti.

Kami telah melancarkan sebuah projek perniagaan yang dikenali sebagai "Projek BOOST" (*Breaking Out of Safe Territories*) yang terutamanya tertumpu kepada menaiktaraf kepimpinan di semua peringkat setiap fungsi. Pelbagai aktiviti seperti program latihan, maklumbalas 360 darjah dan tugas mencontohi bagi pengurus kanan turut diperkenalkan dan dilaksanakan.

Inisiatif berterusan dan keberkesanan rancangan-rancangan tindakan ini akan dapat dikenal pasti melalui kaji selidik penglibatan kakitangan akan datang yang akan dijalankan pada tahun 2010.

## kesejahteraan kakitangan

British American Tobacco Malaysia percaya kepada keseimbangan kerja-kehidupan bagi para kakitangannya dan dengan demikian, Syarikat telah mewujudkan beberapa platform bagi sentiasa merangsang kakitangan kami. Kelab Sukan kami yang diuruskan oleh dua kakitangan sepenuh masa, telah menganjurkan pelbagai acara sepanjang 2009, termasuk pertandingan sukan, ekspedisi dan pencarian harta karun. Kami juga menyediakan sebuah portal 'Kongsi dan Cerita' dalam intranet kami di mana kakitangan digalakkan untuk berkongsi tentang kehidupan mereka selepas waktu bekerja dengan tujuan membina rangkaian sosial di seluruh jabatan serta lokasi lain dalam Syarikat.

Syarikat kekal komited terhadap kesihatan kakitangannya dan ini terbukti melalui langkah-langkah penjagaan kesihatan dan pendidikan berterusan yang telah disediakan seperti perkhidmatan pengawasan perubatan, bengkel-bengkel Kardiopulmonari Resusitasi dan Pertolongan Kecemasan dan beberapa sesi pendidikan kesihatan.

Selain itu, dengan penularan pandemik Influenza A(H1N1) yang melanda Malaysia tahun ini, British American Tobacco Malaysia telah mengambil langkah-langkah proaktif dengan sentiasa memaklumkan perkembangan terkini dan menyediakan suntikan imunisasi selsema bermusim serta mengedarkan topeng mulut kepada semua kakitangan dan keluarga mereka di samping menyediakan pensanitasi tangan di beberapa pintu masuk dalam Syarikat.



**PERTANDINGAN *BRING YOUR DIFFERENCE***

Pada bulan Julai 2009, kami telah melancarkan pertandingan unik mencari bakat yang dinamakan *'Bring Your Difference'*, untuk mengenal pasti pelajar-pelajar institusi pendidikan tinggi yang berpotensi serta berwibawa yang mempunyai kemahiran yang bersesuaian untuk menyertai syarikat kami sebagai Pelatih Pengurusan.

Pertandingan 2 hari yang turut menguji tahap kemahiran analitik, kreatif dan kerja berpasukan ini telah menerima lebih dari 400 permohonan daripada pelajar-pelajar daripada 10 universiti serta kolej terkemuka seluruh negara.

Para pemenang telah menerima ganjaran dan 15 individu terpilih dianugerahkan 'pas cepat', laluan lebih pantas untuk menyertai Program Pelatih Pengurusan Global Syarikat sejurus tamat pengajian mereka di institusi pendidikan tinggi.




# tenaga kerja kami merata dunia




Kami mengutamakan pembangunan bakat kami dan menyediakan peluang-peluang bagi kakitangan kami untuk menimba pengalaman antarabangsa melalui program tugasan luar. Program ini bertujuan untuk mendedahkan kakitangan kami kepada amalan terbaik yang diamalkan oleh pasaran British American Tobacco yang lain, disamping turut menyumbang kepada pasaran tersebut.

Berikut senarai kakitangan kami yang ditugaskan ke operasi British American Tobacco yang lain di merata dunia sebagai sebahagian daripada pembangunan peranan berkepimpinan bagi mereka.

# kandungan


119 Laporan Pengarah

124 Pernyataan oleh Para Pengarah

124 Akuan Berkanun

125 Laporan Juruaudit Bebas

127 Penyata Pendapatan

128 Kunci Kira-Kira

129 Penyata Perubahan dalam Ekuiti Disatukan

130 Penyata Perubahan dalam Ekuiti Syarikat

131 Penyata Aliran Tunai

132 Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan Penting

142 Nota-Nota kepada Penyata Kewangan




# laporan dan penyata kewangan

# laporan pengarah

Para Pengarah dengan sukacitanya menyerahkan laporan tahunan mereka kepada ahli-ahli berserta dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

## aktiviti utama

Syarikat menyediakan perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran harian kepada subsidiarinya yang terlibat terutamanya dalam aktiviti perkilangan, pengimportan dan penjualan rokok, tembakau paip dan cerut.

Tiada perubahan ketara yang berlaku dalam bentuk aktiviti Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan.

## keputusan kewangan

| | Kumpulan RM'000 | Syarikat RM'000 |
|---|---|---|
| Keuntungan bagi tahun kewangan | 746,784 | 649,701 |

## dividen

| | RM'000 |
|---|---|
| Dividen yang telah dibayar atau diisytiharkan oleh Syarikat sejak 31 Disember 2008 adalah seperti berikut: | |
| Berhubung tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008, seperti yang ditunjukkan dalam laporan Pengarah tahun tersebut: | |
| Dividen akhir 76.00 sen sesaham kasar, dikecualikan cukai menurut sistem *'single-tier'*, dibayar pada 8 Mei 2009 | 217,003 |
| Berhubung tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009: | |
| Dividen interim pertama 113.00 sen sesaham, dikecualikan cukai menurut sistem *'single-tier'*, dibayar pada 20 Ogos 2009 | 322,649 |
| Dividen interim 61.00 sen sesaham, dikecualikan cukai menurut sistem *'single-tier'*, dibayar pada 17 Disember 2009 | 174,173 |
| | 496,822 |

Kini, para Pengarah mengesyorkan pengisytiharan dividen akhir sebanyak 62.00 sen sesaham, dikecualikan cukai menurut sistem satu peringkat, berjumlah RM177,028,600 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 yang tertakluk kepada kelulusan ahli di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang datang. Dividen tersebut akan dibayar pada 7 Mei 2010 kepada para pemegang saham yang berdaftar dalam Daftar Ahli Syarikat semasa penutupan perniagaan pada 21 April 2010.

## rizab dan peruntukan

Semua pindahan penting kepada dan daripada rizab dan peruntukan pada tahun kewangan ini ditunjukkan dalam penyata kewangan.

# laporan pengarah

## pengarah

Para Pengarah yang memegang jawatan pada tempoh sejak tarikh laporan terakhir terdiri daripada:

Tan Sri Abu Talib bin Othman (Pengerusi)
Toh Ah Wah *(dilantik Pengarah Eksekutif Bukan Bebas pada 5 Mac 2009 dan dilantik Pengarah Urusan pada 1 Oktober 2009)*
Jack Marie Henry David Bowles *(meletak jawatan pada 30 September 2009)*
Dato' Ahmad Johari bin Tun Abdul Razak *(dilantik pada 5 Mac 2009)*
Stephen James Rush
Dato' Chan Choon Ngai
James Richard Suttie
Datuk Oh Chong Peng

Menurut Artikel 97(1) dan (2) Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Dato' Chan Choon Ngai dan Stephen James Rush akan bersara mengikut giliran daripada Lembaga Pengarah di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, dan oleh kerana layak, mereka menawarkan diri untuk pemilihan semula.

Tan Sri Abu Talib bin Othman, yang telah mencapai usia tujuh puluh tahun, akan bersara menurut Seksyen 129(2) Akta Syarikat, 1965 di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang. Lembaga Pengarah mengesyorkan supaya Tan Sri Abu Talib bin Othman dipilih semula menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965 untuk memegang jawatan sehingga tamat Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya.

## manfaat pengarah

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, tidak wujud sebarang pengaturan yang mana Syarikat merupakan satu pihak, iaitu pengaturan dengan tujuan atau tujuan-tujuan bagi membolehkan para Pengarah Syarikat mendapat ganjaran melalui pengambilan saham, atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat lain menurut peruntukan di bawah Akta Syarikat, 1965 selain daripada yang mungkin wujud daripada pelan pampasan berdasarkan saham penyelesaian ekuiti yang ditawar oleh British American Tobacco p.l.c. (British American Tobacco p.l.c. dianggap sebagai syarikat induk muktamad) seperti yang dibentangkan dalam Nota 30 kepada penyata kewangan.

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada Pengarah yang menerima atau layak untuk menerima sebarang ganjaran (selain daripada ganjaran yang dinyatakan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat yang berkaitan dengan Pengarah tersebut atau dengan firma yang mana Pengarah berkenaan merupakan ahlinya, atau dengan syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang besar, selain daripada urus niaga yang dijalankan berdasarkan urusan perniagaan biasa seperti yang didedahkan dalam Nota 27 kepada penyata kewangan.

## keahlian jawatankuasa imbuhan

Majoriti ahli Jawatankuasa Imbuhan adalah para Pengarah Bukan Eksekutif dan ahli Jawatankuasa Imbuhan pada 31 Disember 2009 terdiri daripada:

Tan Sri Abu Talib bin Othman (Pengerusi, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
Datuk Oh Chong Peng (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
James Richard Suttie (Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)
Toh Ah Wah (Pengarah Eksekutif Bukan Bebas) *(dilantik pada 1 Oktober 2009)*
Jack Marie Henry David Bowles (Pengarah Eksekutif Bukan Bebas) *(meletak jawatan pada 30 September 2009)*

## kepentingan pengarah dalam saham

Menurut Daftar Pegangan Saham Pengarah, butir kepentingan para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham dan opsyen saham dalam Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan dengannya adalah seperti berikut:

| | Bilangan saham biasa bernilai 50 sen sesaham dalam Syarikat | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Syarikat** | **Pada 1.1.09/ Tarikh pelantikan** | **Dibeli** | **Dijual** | **Pada 31.12.09** |
| **Pegangan saham atas nama Pengarah:** | | | | |
| Tan Sri Abu Talib bin Othman | 81,000 | – | 40,000 | 41,000 |
| Datuk Oh Chong Peng | 1,000 | – | – | 1,000 |
| James Richard Suttie | 1,500 | – | – | 1,500 |
| Dato' Chan Choon Ngai | 1,000 | – | – | 1,000 |
| **Pegangan saham di mana Pengarah dianggap mempunyai kepentingan:** | | | | |
| James Richard Suttie | 3,000 | – | – | 3,000 |
| Dato' Chan Choon Ngai | 6,000 | – | – | 6,000 |

| | Bilangan saham biasa bernilai 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c. | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Syarikat induk muktamad – British American Tobacco p.l.c.** | **Pada 1.1.09/ Tarikh pelantikan** | **Dibeli/ Diberi** | **Dijual** | **Pada 31.12.09** |
| **Pegangan saham atas nama Pengarah:** | | | | |
| James Richard Suttie | 7,154 | – | – | 7,154 |
| Dato' Chan Choon Ngai | 23,483 | 14,225 | 12,275 | 25,433 |
| Stephen James Rush | 2,286 | 14,278 | 13,115 | 3,449 |
| Toh Ah Wah | 30,313 | 59,077 | 55,966 | 33,424 |
| **Pegangan saham di mana Pengarah dianggap mempunyai kepentingan:** | | | | |
| James Richard Suttie | 7,073 | – | – | 7,073 |

| | Bilangan saham biasa bernilai 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c. | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Syarikat induk muktamad – British American Tobacco p.l.c.** | **Pada 1.1.09/ Tarikh pelantikan** | **Diberi** | **Diletakhak** | **Pada 31.12.09** |
| **Skim Bonus Saham Tertunda & Skim Ganjaran Saham Antarabangsa:** | | | | |
| **Pegangan saham atas nama Pengarah:** | | | | |
| Dato' Chan Choon Ngai | 4,830 | 3,552 | 1,950 | 6,432 |
| Stephen James Rush | 6,308 | 3,214 | 2,299 | 7,223 |
| Toh Ah Wah | 11,728 | 6,629 | 3,111 | 15,246 |

# laporan pengarah

## kepentingan para pengarah dalam saham (sambungan)

| Syarikat induk muktamad – British American Tobacco p.l.c. | Bilangan opsyen dalam saham biasa bernilai 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c. | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 1.1.09/ Tarikh pelantikan | Diberi | Dilaksana | Luput | Pada 31.12.09 |
| **Pegangan saham atas nama Pengarah, Harga Pelaksanaan & Tarikh Tamat:** | | | | | |
| Dato' Chan Choon Ngai | | | | | |
| £5.98 (19 Mac 2013) | 7,392 | – | – | – | 7,392 |
| £8.09 (17 Mac 2014) | 5,163 | – | – | – | 5,163 |
| Tiada (17 Mei 2015) | 6,857 | – | 6,857 | – | – |
| Tiada (15 Mac 2016) | 5,418 | – | 5,418 | – | – |
| Tiada (13 Mac 2017) | 5,178 | – | – | – | 5,178 |
| Tiada (13 Mac 2018) | 4,811 | – | – | – | 4,811 |
| Tiada (27 Mac 2019) | – | 7,784 | – | – | 7,784 |
| Stephen James Rush | | | | | |
| £5.98 (19 Mac 2013) | 6,020 | – | 6,020 | – | – |
| Tiada (15 Mac 2016) | 1,664 | – | 1,664 | – | – |
| Tiada (13 Mac 2017) | 1,673 | – | – | – | 1,673 |
| Tiada (13 Mac 2018) | 5,478 | – | – | – | 5,478 |
| Tiada (27 Mac 2019) | – | 6,602 | – | – | 6,602 |
| Toh Ah Wah | | | | | |
| £5.00 (23 September 2009) | 10,728 | – | 10,728 | – | – |
| Tiada (10 Mac 2010) | 18,110 | – | 18,110 | – | – |
| Tiada (12 Mac 2012) | 8,564 | – | 8,564 | – | – |
| £6.39 (20 Mac 2012) | 6,574 | – | 6,574 | – | – |
| £5.98 (19 Mac 2013) | 11,990 | – | 11,990 | – | – |
| £8.09 (17 Mac 2014) | 10,856 | – | – | – | 10,856 |
| Tiada (17 Mei 2015) | 9,244 | – | – | – | 9,244 |
| Tiada (15 Mac 2016) | 8,642 | – | – | – | 8,642 |
| Tiada (13 Mac 2017) | 8,517 | – | – | – | 8,517 |
| Tiada (13 Mac 2018) | 8,635 | – | – | – | 8,635 |
| Tiada (27 Mac 2019) | – | 14,098 | – | – | 14,098 |

Sebahagian saham dan opsyen dalam syarikat induk muktamad yang dipegang oleh para Pengarah wujud berikutan penyertaan para Pengarah dalam skim saham pekerja yang ditawarkan oleh British American Tobacco p.l.c. (British American Tobacco p.l.c. secara tidak langsung melalui British American Tobacco Holdings (Malaysia) B.V., memiliki lima puluh peratus (50%) kepentingan ekuiti dalam Syarikat dan dianggap sebagai syarikat induk muktamad Syarikat). Butir lanjut tentang skim saham pekerja yang ditawarkan oleh British American Tobacco p.l.c. terkandung dalam Nota 30 kepada penyata kewangan.

## maklumat berkanun mengenai penyata kewangan

Sebelum penyata kewangan dan kunci kira-kira disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah sewajarnya:

(a) untuk memastikan bahawa tindakan yang sesuai telah diambil berhubung dengan menghapus kira hutang lapuk dan menyediakan peruntukan bagi hutang ragu dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira serta peruntukan yang secukupnya telah dibuat untuk hutang ragu; dan

(b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang yang mungkin tidak dapat direalisasi dalam urusan biasa perniagaan yang nilainya ditunjukkan dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah diturunkan kepada amaun yang dijangka boleh direalisasi.

## maklumat berkanun mengenai penyata kewangan (sambungan)

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan:

(a) yang boleh menyebabkan jumlah yang dihapus kira bagi hutang lapuk dan jumlah peruntukan bagi hutang ragu di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi dengan ketara; atau

(b) yang boleh menyebabkan nilai aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau

(c) yang timbul dan boleh menyebabkan pematuhan terhadap kaedah semasa penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.

Tiada liabiliti luarjangka atau liabiliti lain yang berkuat kuasa atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh tahun kewangan berakhir yang mana pada pendapat para Pengarah, akan atau boleh menjejaskan kemampuan Kumpulan atau Syarikat untuk memenuhi tanggungjawab mereka apabila tiba masanya.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(a) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak berakhirnya tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain; atau

(b) sebarang liabiliti luarjangka Kumpulan yang timbul sejak akhir tahun kewangan ini.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diliputi di dalam laporan atau penyata kewangan ini boleh menyebabkan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.

Pada pendapat para Pengarah:

(a) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa; dan

(b) sepanjang tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang berkemungkinan boleh menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan laporan ini dibuat.

## syarikat induk muktamad

Para Pengarah menganggap British American Tobacco p.l.c., yang diperbadankan di England dan Wales, sebagai syarikat induk muktamad bagi Syarikat.

## juruaudit

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesediaan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi bertarikh 11 Februari 2010.

**Toh Ah Wah**
*Pengarah Urusan*

**Stephen James Rush**
*Pengarah Kewangan*

Petaling Jaya

# pernyataan oleh pengarah

## menurut seksyen 169(15) akta syarikat, 1965

Kami, TOH AH WAH dan STEPHEN JAMES RUSH, dua orang daripada Pengarah British American Tobacco (Malaysia) Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 127 hingga 178 disediakan untuk memberi pandangan yang benar dan saksama berhubung kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2009 dan keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut adalah menurut Piawaian Laporan Kewangan, Piawaian Perakaunan Yang Diluluskan MASB di Malaysia bagi Entiti Selain daripada Entiti Swasta dan peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi bertarikh 11 Februari 2010.

**Toh Ah Wah**
*Pengarah Urusan*

**Stephen James Rush**
*Pengarah Kewangan*

# akuan berkanun

## menurut seksyen 169(16) akta syarikat, 1965

Saya, STEPHEN JAMES RUSH, Pengarah yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan British American Tobacco (Malaysia) Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 127 hingga 178 adalah, pada pendapat saya, betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar, dan disediakan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

**Stephen James Rush**
*Pengarah Kewangan*

Ditandatangani dan diakui oleh penama di atas Stephen James Rush di Petaling Jaya dalam negeri Selangor pada 11 Februari 2010.

Di hadapan saya:

PESURUHJAYA SUMPAH
No. B 158
SOONG FOONG CHEE
MALAYSIA

**Soong Foong Chee**
*Pesuruhjaya Sumpah*
Petaling Jaya

# laporan juruaudit bebas kepada ahli-ahli

British American Tobacco (Malaysia) Berhad (Diperbadankan di Malaysia) (No. Syarikat 4372-M)

## laporan mengenai penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan British American Tobacco (Malaysia) Berhad yang mengandungi kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2009, penyata pendapatan, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota-nota lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 127 to 178.

## tanggungjawab para pengarah kepada penyata kewangan

Para pengarah syarikat adalah bertanggungjawab di dalam penyediaan dan pembentangan yang saksama penyata kewangan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia, Piawaian Perakaunan diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti-entiti Selain Daripada Entiti-entiti Persendirian dan Akta Syarikat 1965. Tanggungjawab ini termasuk: merangka, melaksana dan memastikan kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama yang bebas daripada kenyataan-kenyataan salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan; memilih dan menggunapakai dasar perakaunan yang bersesuaian; dan dalam keadaan tertentu membuat anggaran perakaunan yang munasabah.

## tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan berdasarkan audit kami. Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi tuntutan etika dan merancang dan melaksanakan audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada kenyataan-kenyataan salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko kenyataan-kenyataan salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami mengambilkira kawalan dalaman yang bersesuaian untuk Syarikat dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman pihak Syarikat. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian prinsip-prinsip perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan penting yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah untuk pendapat kami.

## pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia, Piawaian Perakaunan diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti-entiti Selain Daripada Entiti-entiti Persendirian dan Akta Syarikat 1965 untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2009 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

# laporan juruaudit bebas

kepada ahli-ahli British American Tobacco (Malaysia) Berhad (Diperbadankan di Malaysia) (No. Syarikat 4372-M)

## laporan mengenai lain-lain keperluan perundangan dan badan pengawasan

Menurut keperluan dalam Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

(a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain, serta daftar-daftar yang wajib disimpan di bawah Akta oleh Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya, yang mana kami bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

(b) Kami telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit subsidiari-subsidiari yang tidak diaudit oleh kami seperti yang dinyatakan dalam Nota 14 dalam penyata kewangan.

(c) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan subsidiari-subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang bersesuaian dan teratur untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan, dan kami telah menerima maklumat yang memuaskan dan keterangan-keterangan yang diperlukan untuk tujuan tersebut.

(d) Laporan-laporan juruaudit ke atas penyata kewangan subsidiari-subsidiari tidak mengandungi sebarang pengecualian atau teguran di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

## lain-lain hal

Laporan ini disediakan khas untuk pemegang-pemegang saham Syarikat, sebagai satu badan, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada lain-lain pihak untuk kandungan laporan ini.

**PricewaterhouseCoopers**
[AF: 1146]
*Akauntan Bertauliah*

**Jayarajan A/L U. Rathinasamy**
[2095/06/10(J)]
*Akauntan Berkanun Bertauliah*

Kuala Lumpur
11 Februari 2010

Ini adalah terjemahan Bahasa Malaysia untuk penyata kewangan British American Tobacco (Malaysia) Berhad yang telah diaudit, yang pada asalnya telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk para pembaca yang fasih dalam Bahasa Malaysia untuk memahami sepenuhnya penyata kewangan berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk penyata kewangan dan pendapat juruaudit yang telah disahkan.

# penyata pendapatan

## bagi tahun kewangan berakhir 31 disember 2009

| | | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | Tahun berakhir 31.12.09 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.09 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 |
| Hasil | 2 | **3,923,421** | 4,135,220 | **697,371** | 832,650 |
| Kos jualan | | **(2,379,034)** | (2,465,472) | **–** | – |
| Keuntungan kasar | | **1,544,387** | 1,669,748 | **697,371** | 832,650 |
| Pendapatan operasi lain | | **5,739** | 12,915 | **1,907** | 937 |
| Kos pengedaran dan pemasaran | | **(362,381)** | (400,212) | **–** | – |
| Perbelanjaan pentadbiran | | **(141,819)** | (144,015) | **(19,714)** | (10,971) |
| Perbelanjaan operasi lain | | **(12,791)** | (29,139) | **(805)** | (1,611) |
| Keuntungan daripada operasi | 3 | **1,033,135** | 1,109,297 | **678,759** | 821,005 |
| Kos kewangan – perbelanjaan faedah | | **(27,823)** | (28,131) | **(27,823)** | (28,048) |
| Keuntungan sebelum cukai | | **1,005,312** | 1,081,166 | **650,936** | 792,957 |
| Perbelanjaan cukai | 6 | **(258,528)** | (269,483) | **(10,087)** | (44,076) |
| Keuntungan bagi tahun kewangan | | **746,784** | 811,683 | **640,849** | 748,881 |
| Pendapatan sesaham (sen) | 7 | **261.5** | 284.3 | **–** | – |
| Dividen bersih sesaham (sen) | 8 | **236.0** | 265.0 | **236.0** | 265.0 |

Dasar perakaunan di muka surat 132 hingga 141 serta nota di muka surat 142 hingga 178 adalah sebahagian penting penyata kewangan ini.

# kunci kira-kira

## pada 31 disember 2009

| | Nota | Kumpulan 2009 RM'000 | Kumpulan 2008* (Seperti yang dinyatakan) RM'000 | Syarikat 2009 RM'000 | Syarikat 2008* (Seperti yang dinyatakan) RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| **Aset bukan semasa** | | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 9 | **431,117** | 438,624 | **18,934** | 24,297 |
| Pelaburan hartanah | 10 | **1,654** | – | **–** | – |
| Tanah pegangan pajakan | 11 | **19,952** | 20,455 | **1,013** | 1,109 |
| Perisian komputer | 12 | **6,550** | 15,232 | **6,550** | 15,086 |
| Muhibah | 13 | **411,618** | 411,618 | **–** | – |
| Subsidiari | 14 | **–** | – | **1,022,889** | 1,022,889 |
| Aset cukai tertunda | 15 | **19,295** | 4,978 | **8,520** | 4,978 |
| Pinjaman kepada subsidiari | 16 | **–** | – | **80,000** | – |
| | | **890,186** | 890,907 | **1,137,906** | 1,068,359 |
| **Aset semasa** | | | | | |
| Aset dipegang untuk jualan | 17 | **4,288** | 20,638 | **1,950** | – |
| Inventori | 18 | **214,258** | 224,958 | **–** | – |
| Akaun belum terima | 19 | **164,712** | 257,818 | **237,809** | 283,944 |
| Cukai boleh dikutip semula | | **–** | 33,604 | **–** | 33,604 |
| Deposit, tunai dan baki bank | 20 | **168,686** | 59,387 | **461** | 1,129 |
| | | **551,944** | 596,405 | **240,220** | 318,677 |
| **Liabiliti semasa** | | | | | |
| Akaun akan dibayar | 21 | **219,088** | 285,737 | **466,339** | 406,003 |
| Pinjaman | 22 | **–** | 250,000 | **–** | 250,000 |
| Liabiliti cukai semasa | | **80,962** | 96,512 | **1** | – |
| | | **300,050** | 632,249 | **466,340** | 656,003 |
| **Aset semasa bersih/(liabiliti)** | | **251,894** | (35,844) | **(226,120)** | (337,326) |
| | | **1,142,080** | 855,063 | **911,786** | 731,033 |
| **Modal dan rizab** | | | | | |
| Modal saham | 23 | **142,765** | 142,765 | **142,765** | 142,765 |
| Perolehan tertahan | | **296,520** | 263,714 | **114,958** | 188,168 |
| **Dana pemegang saham** | | **439,285** | 406,479 | **257,723** | 330,933 |
| **Liabiliti bukan semasa** | | | | | |
| Pinjaman | 22 | **650,000** | 400,000 | **650,000** | 400,000 |
| Obligasi manfaat selepas perkhidmatan | 24 | **6,043** | 5,297 | **4,063** | 100 |
| Liabiliti cukai tertunda | 15 | **46,752** | 43,287 | **–** | – |
| | | **1,142,080** | 855,063 | **911,786** | 731,033 |

* Menunjukkan perubahan dalam dasar perakaunan Kumpulan demi pengiktirafan keuntungan dan kerugian aktuari dalam pelan manfaat tertakrif dimana kesan perubahan ini disenaraikan dalam Ringkasan Dasar-Dasar Kepentingan Perakaunan.

Dasar perakaunan di muka surat 132 hingga 141 serta nota di muka surat 142 hingga 178 adalah sebahagian penting penyata kewangan ini.

# penyata perubahan dalam ekuiti disatukan

## bagi tahun kewangan berakhir 31 disember 2009

| | | Saham biasa diterbit dan dibayar penuh bernilai 50 sen sesaham | | Boleh diagih | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | Bilangan saham '000 | Nilai nominal RM'000 | Pendapatan tertahan* RM'000 | Jumlah RM'000 |
| Pada 1 Januari 2009 seperti dilaporkan sebelum ini | | **285,530** | **142,765** | **264,009** | **406,774** |
| Kesan perubahan dasar perakaunan | | **–** | **–** | **(295)** | **(295)** |
| Pada 1 Januari 2009 seperti permulaan | | **285,530** | **142,765** | **263,714** | **406,479** |
| Kerugian aktuari dalam pelan manfaat tertakrif | 24 | **–** | **–** | **(213)** | **(213)** |
| Cukai tertunda atas tanah dan bangunan dinilai semula | 15 | **–** | **–** | **60** | **60** |
| Perbelanjaan pada ekuiti | | **–** | **–** | **(153)** | **(153)** |
| Keuntungan bagi tahun kewangan | | **–** | **–** | **746,784** | **746,784** |
| Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 | | | | | |
| – akhir | 8 | **–** | **–** | **(217,003)** | **(217,003)** |
| Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 | | | | | |
| – interim pertama | 8 | **–** | **–** | **(322,649)** | **(322,649)** |
| – interim kedua | 8 | **–** | **–** | **(174,173)** | **(174,173)** |
| Pada 31 Disember 2009 | | **285,530** | **142,765** | **296,520** | **439,285** |
| Pada 1 Januari 2008 seperti dilaporkan sebelum ini | | 285,530 | 142,765 | 203,147 | 345,912 |
| Kesan perubahan polisi perakaunan | | – | – | 675 | 675 |
| Pada 1 Januari 2008 seperti permulaan | | 285,530 | 142,765 | 203,822 | 346,587 |
| Kerugian aktuari dalam pelan manfaat tertakrif | 24 | – | – | (970) | (970) |
| Cukai tertunda atas tanah dan bangunan dinilai semula | 15 | – | – | 123 | 123 |
| Perbelanjaan pada ekuiti | | – | – | (847) | (847) |
| Keuntungan bagi tahun kewangan | | – | – | 811,683 | 811,683 |
| Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 | | | | | |
| – akhir | | – | – | (31,694) | (31,694) |
| – akhir, dikecualikan cukai | | – | – | (179,598) | (179,598) |
| Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 | | | | | |
| – interim pertama | 8 | – | – | (322,649) | (322,649) |
| – interim kedua | 8 | – | – | (217,003) | (217,003) |
| Pada 31 Disember 2008 | | 285,530 | 142,765 | 263,714 | 406,479 |

* Menunjukkan perubahan dalam dasar perakaunan Kumpulan demi pengiktirafan keuntungan dan kerugian aktuari dalam pelan manfaat tertakrif di mana kesan perubahan ini disenaraikan dalam Ringkasan Dasar-Dasar Kepentingan Perakaunan.

Dasar perakaunan di muka surat 132 hingga 141 serta nota di muka surat 142 hingga 178 adalah sebahagian penting penyata kewangan ini.

# penyata perubahan dalam ekuiti syarikat

## bagi tahun kewangan berakhir 31 disember 2009

| | | Saham biasa diterbit dan dibayar penuh bernilai 50 sen sesaham | | Boleh diagih | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | Bilangan saham '000 | Nilai nominal RM'000 | Pendapatan tertahan* RM'000 | Jumlah RM'000 |
| **Pada 1 Januari 2009 seperti dilaporkan sebelum ini** | | **285,530** | **142,765** | **188,205** | **330,970** |
| **Kesan perubahan dasar perakaunan** | | **–** | **–** | **(37)** | **(37)** |
| **Pada 1 Januari 2009 seperti permulaan** | | **285,530** | **142,765** | **188,168** | **330,933** |
| **Kerugian aktuari dalam pelan manfaat tertakrif** | 24 | **–** | **–** | **(234)** | **(234)** |
| **Perbelanjaan pada ekuiti** | | **–** | **–** | **(234)** | **(234)** |
| **Keuntungan bagi tahun kewangan** | | **–** | **–** | **640,849** | **640,849** |
| **Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008** | | | | | |
| **– akhir** | 8 | **–** | **–** | **(217,003)** | **(217,003)** |
| **Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009** | | | | | |
| **– interim pertama** | 8 | **–** | **–** | **(322,649)** | **(322,649)** |
| **– interim kedua** | 8 | **–** | **–** | **(174,173)** | **(174,173)** |
| **Pada 31 Disember 2009** | | **285,530** | **142,765** | **114,958** | **257,723** |
| Pada 1 Januari 2008 seperti dilaporkan sebelum ini | | 285,530 | 142,765 | 190,268 | 333,033 |
| Kesan perubahan polisi perakaunan | | – | – | 46 | 46 |
| Pada 1 Januari 2008 seperti permulaan | | 285,530 | 142,765 | 190,314 | 333,079 |
| Kerugian aktuari dalam pelan manfaat tertakrif | 24 | – | – | (83) | (83) |
| Perbelanjaan pada ekuiti | | – | – | (83) | (83) |
| Keuntungan bagi tahun kewangan | | – | – | 748,881 | 748,881 |
| Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 | | | | | |
| – akhir | | – | – | (31,694) | (31,694) |
| – akhir, dikecualikan cukai | | – | – | (179,598) | (179,598) |
| Dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 | | | | | |
| – interim pertama | 8 | – | – | (322,649) | (322,649) |
| – interim kedua | 8 | – | – | (217,003) | (217,003) |
| Pada 31 Disember 2008 | | 285,530 | 142,765 | 188,168 | 330,933 |

* Menunjukkan perubahan dalam dasar perakaunan Kumpulan demi pengiktirafan keuntungan dan kerugian aktuari dalam pelan manfaat tertakrif di mana kesan perubahan ini disenaraikan dalam Ringkasan Dasar-Dasar Kepentingan Perakaunan.

Dasar perakaunan di muka surat 132 hingga 141 serta nota di muka surat 142 hingga 178 adalah sebahagian penting penyata kewangan ini.

# penyata aliran tunai

## bagi tahun kewangan berakhir 31 disember 2009

| | | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | Tahun berakhir 31.12.09 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.09 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 |
| **Aktiviti operasi** | | | | | |
| Tunai diterima daripada pelanggan | | **3,927,189** | 4,071,077 | **19,107** | 19,172 |
| Tunai dibayar kepada pembekal dan kakitangan | | **(2,751,683)** | (2,864,838) | **–** | – |
| Pembayaran dividen daripada subsidi | | **–** | – | **725,897** | 752,083 |
| Tunai daripada operasi | 25 | **1,175,506** | 1,206,239 | **745,004** | 771,255 |
| Cukai pendapatan (dibayar)/dikembalikan | | **(251,266)** | (251,489) | **19,842** | – |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi | | **924,240** | 954,750 | **764,846** | 771,255 |
| **Aktiviti pelaburan** | | | | | |
| Hartanah, loji dan pelaburan | | | | | |
| – tambahan | | **(107,162)** | (101,536) | **(3,662)** | (7,295) |
| – penjualan | | **8,862** | 9,132 | **1,025** | 1,795 |
| Perisian komputer | | | | | |
| – tambahan | | **(1,805)** | (2,172) | **(1,757)** | (2,026) |
| – penjualan | | **–** | 3 | **–** | 3 |
| Penjualan aset dipegang untuk jualan | | **21,000** | – | **–** | – |
| Pendapatan faedah diterima | | **5,470** | 7,619 | **1,907** | 79 |
| Bayaran balik daripada subsidiari | | **–** | – | **58,279** | 114,691 |
| Aliran tunai bersih (digunakan dalam)/daripada aktiviti pelaburan | | **(73,635)** | (86,954) | **55,792** | 107,247 |
| **Aktiviti kewangan** | | | | | |
| Dividen dibayar kepada pemegang saham | | **(713,825)** | (750,944) | **(713,825)** | (750,944) |
| Pinjaman kepada subsidi | | **–** | – | **(80,000)** | – |
| Kutipan daripada terbitan nota jangka sederhana | | **250,000** | – | **250,000** | – |
| Bayaran balik daripada terbitan nota jangka sederhana | | **(250,000)** | – | **(250,000)** | – |
| Bayaran balik daripada terbitan kertas komersial | | **–** | (100,000) | **–** | (100,000) |
| Perbelanjaan faedah dibayar | | **(27,481)** | (28,131) | **(27,481)** | (28,048) |
| Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan | | **(741,306)** | (879,075) | **(821,306)** | (878,992) |
| **Tambahan/(kurangan) dalam tunai dan bersamaan tunai** | | **109,299** | (11,279) | **(668)** | (490) |
| **Tunai dan bersamaan tunai pada 1 Januari** | | **59,387** | 70,666 | **1,129** | 1,619 |
| **Tunai dan bersamaan tunai pada 31 Disember** | 20 | **168,686** | 59,387 | **461** | 1,129 |

Dasar perakaunan di muka surat 132 hingga 141 serta nota di muka surat 142 hingga 178 adalah sebahagian penting penyata kewangan ini.

# ringkasan dasar perakaunan penting

## bagi tahun kewangan berakhir 31 disember 2009


| indeks | | muka surat |
|---|---|---|
| a. | asas penyediaan | 133 |
| b. | perubahan dasar perakaunan | 133 – 135 |
| c. | pengiktirafan hasil | 135 |
| d. | hartanah, loji dan peralatan | 135 – 136 |
| e. | pelaburan hartanah | 136 |
| f. | pajakan | 137 |
| g. | aset dipegang untuk jualan | 137 |
| h. | aset tidak ketara | 137 |
| i. | pelaburan | 138 |
| j. | inventori | 138 |
| k. | perdagangan akan diterima | 138 |
| l. | tunai dan bersamaan tunai | 138 |
| m. | manfaat kakitangan | 138 – 139 |
| n. | hutang | 139 |
| o. | peruntukan | 139 |
| p. | perbelanjaan cukai | 139 |
| q. | matawang asing | 140 |
| r. | instrumen kewangan | 140 |
| s. | pinjaman | 141 |
| t. | modal saham | 141 |
| u. | dividen | 141 |
| v. | laporan segmen | 141 |

## a. asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan mengikut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan, Piawaian Perakaunan Diluluskan MASB di Malaysia bagi Entiti Selain daripada Entiti Swasta.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan dasar perakaunan penting.

Penyediaan penyata kewangan adalah bersesuaian dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Laporan Kewangan, Piawaian Perakaunan Diluluskan MASB di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Swasta yang memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan tertentu yang kritikal dan memberi kesan terhadap amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan serta pendedahan aset dan liabiliti bersyarat pada tarikh penyata kewangan serta amaun hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan sepanjang tahun kewangan. Sungguhpun anggaran dan pertimbangan ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah berhubung peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza.

**asas penyatuan**

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan Syarikat dan semua subsidiarinya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Subsidiari merangkumi syarikat-syarikat yang mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar kewangan serta operasi bertujuan mendapatkan faedah daripada aktiviti mereka.

Subsidiari disatukan bermula dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan dari tarikh kawalan tersebut tamat. Subsidiari disatu menggunakan kaedah perakaunan pembelian.

Kos pengambilalihan sesebuah pengambilalihan diukur mengikut nilai saksama aset yang diberikan, instrumen ekuiti yang diterbitkan serta liabiliti yang terlibat atau tertanggung pada tarikh pertukaran. Lebihan kos pengambilalihan berbanding nilai saksama bahagian aset bersih yang boleh dikenal pasti dimiliki oleh Kumpulan pada tarikh pengambilalihan, ditunjukkan sebagai muhibah. Jika kos pengambil alihan adalah kurang daripada nilai saksama aset bersih subsidiari yang dimiliki, perbezaannya diiktiraf terus dalam penyata pendapatan.

Urus niaga dalam kumpulan, baki dan keuntungan tidak direalisasi daripada urus niaga antara syarikat Kumpulan dihapuskan. Kerugian tidak direalisasi juga dihapuskan tetapi dianggap sebagai petunjuk kemerosotan nilai aset yang dipindahkan. Jika sesuai, dasar perakaunan subsidiari diubah bagi memastikan keseragaman dengan dasar yang digunapakai oleh Kumpulan.

## b. perubahan dasar perakaunan

Pada 2009, Kumpulan telah mengubah pendekatannya terhadap pengiktirafan keuntungan dan kerugian aktuari skim manfaat persaraan di bawah FRS119 Ganjaran Pekerja. Sebelum ini, keuntungan dan kerugian aktuari yang timbul diiktirafkan hanya sehingga secara kumulatif ianya melebihi 10 peratus daripada nilai faedah wajib tertakrif yang terkini dan nilai saksama assetaset skim, dan bahagian itu diiktirafkan dalam penyata pendapatan yang merangkumi purata jangkaan masa kerja pekerja-pekerja yang mengambil bahagian dalam pelan tersebut. Kumpulan berpendapat bahawa pengiktirafan penuh keuntungan dan kerugian aktuari akan memberikan penyampaian kenyataan-kenyataan kewangan yang lebih baik, malah lebih sejajar dengan amalan pasaran semasa dan jangkaan pembangunan pelaporan kewangan yang demikian akan menyediakan maklumat pasaran yang lebih ketara. Berikutan perubahan dalam polisi perakaunan, Kumpulan kini mengiktirafkan keuntungan dan kerugian aktuari pada tempoh di mana ia berlaku di dalam perolehan tertahan.

# ringkasan dasar perakaunan penting

bagi tahun kewangan berakhir 31 disember 2009

## b. perubahan dasar perakaunan (sambungan)

Hasil daripada perubahan dalam pendekatan keuntungan dan kerugian aktuari, komparitif telah dinyatakan semula seperti berikut:

| | Seperti laporan sebelumnya RM'000 | Kesan perubahan polisi perakaunan RM'000 | Seperti yang dinyatakan RM'000 |
|---|---|---|---|
| **Kumpulan** | | | |
| Kewajipan ganjaran selepas kerja | | | |
| – pada 31 Disember 2008 | 5,002 | 295 | 5,297 |
| Perolehan Tertahan | | | |
| – pada 1 Januari 2009/31 Disember 2008 | 264,009 | (295) | 263,714 |
| – pada 1 Januari 2008 | 203,147 | 675 | 203,822 |
| **Syarikat** | | | |
| Kewajipan ganjaran selepas kerja | | | |
| – pada 31 Disember 2008 | 63 | 37 | 100 |
| Perolehan Tertahan | | | |
| – pada 1 Januari 2009/31 Disember 2008 | 188,205 | (37) | 188,168 |
| – pada 1 Januari 2008 | 190,268 | 46 | 190,314 |

Piawaian baru/disemak, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan interpretasi kepada piawaian yang diterbitkan dan telah dikeluarkan oleh MASB tetapi masih belum berkuat kuasa, dan akan memberikan kesan kepada Kumpulan adalah seperti berikut:

(a) FRS 8 Segmen Operasi (berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2009). FRS 8 menggantikan FRS $114_{2004}$ Laporan Segmen. Piawaian baru ini memerlukan satu 'pendekatan pengurusan', di mana maklumat segmen dibentangkan pada asas yang sama seperti yang digunakan bagi tujuan laporan dalaman. Kumpulan tidak menjangkakan sebarang perubahan kesan daripada piawaian baru ini disebabkan ketua pembuat keputusan operasi bergantung kepada laporan-laporan dalaman yang serupa kepada laporan-laporan yang kini didedahkan secara luaran. Kumpulan akan menggunakan piawaian ini dari tempoh kewangan bermula pada 1 Januari 2010.

(b) FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran (berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). Piawaian baru ini menggariskan prinsip bagi pengiktirafan dan pengukuran aset kewangan, liabiliti kewangan dan sesetengah kontrak untuk membeli dan menjual butiran bukan kewangan. Perakaunan lindung nilai dibenarkan hanya di bawah keadaan yang ketat. Kumpulan akan menggunakan piawaian ini dari tempoh kewangan bermula dari 1 Januari 2010. Seperti yang dibenarkan di bawah peruntukan peralihan FRS 139, Kumpulan dikecualikan daripada perlu mendedahkan kesan kemungkinan daripada penggunaan piawaian ini terhadap penyata kewangan Kumpulan pada peringkat awal penggunaannya.

(c) FRS 7 Instrumen Kewangan: Pendedahan (berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). Piawaian ini hanya memberi kesan terhadap tahap pendedahan dalam penyata kewangan. Justeru, tiada kesan ketara ke atas penyata kewangan dijangka apabila Kumpulan menggunakan piawaian ini. Kumpulan akan menggunakan piawaian ini dari tempoh kewangan bermula pada 1 Januari 2010.

(d) Pindaan pada FRS 101 Laporan Kewangan (berkuatkuasa mulai tempoh tahunan yang bermula pada atau selepas tarikh 1 Januari 2010). Pindaan pada FRS 101 memerlukan laporan pendapatan menyeluruh yang menunjukkan bahagian-bahagian dari pendapatan menyeluruh lain yang tidak berkenaan bagi pemegang saham dan menentukan perubahan terminologi. Piawaian ini hanya memberi kesan terhadap pendedahan dalam laporan kewangan. Kumpulan akan melaksanakan perubahan tersebut dari tempoh kewangan yang bermula pada 1 Januari 2010.

## b. perubahan dasar perakaunan (sambungan)

(e) Pindaan pada pajakan FRS 117 (mulai tempoh tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2010). Pindaan pada FRS 117 memerlukan entiti dengan pajakan tanah dan bangunan sedia ada (gabungan) untuk menilai semula klasifikasi tanah sebagai pembiayaan atau pajakan operasi. Kumpulan akan mengklasifikasikan semula tanah pegangan pajak sedia ada pada hartanah, loji dan peralatan berikutan penilaian semula ini. Kumpulan akan melaksana pindaan ini dari tempoh kewangan bermula 1 Januari 2010.

Piawaian baru/disemak semula, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian yang tersiar, terbitan MASB, tetapi belum berkuatkuasa, dan tidak akan memberi kesan pada Kumpulan adalah seperti berikut:

(a) FRS 1 menerima pakai Piawaian Laporan Kewangan pertama kali
(b) Pindaan pada FRS 1 menerima pakai Piawaian Laporan Kewangan pertama kali
(c) Pindaan pada FRS 2 Bayaran kaitan Syer: Letak hak bersyarat dan Pembatalan
(d) FRS 123 Kos Pinjaman
(e) FRS 127 Penyata Kewangan Gabungan dan Berasingan: Kos Pelaburan dalam anak syarikat, entiti atau Bersekutu bawah kawalan bersama
(f) Interpretasi IC 9 Penilaian Semula Penerapan Terbitan
(g) Interpretasi IC 10 Laporan Kewangan Interim dan Kejejasan
(h) Interpretasi IC 11 FRS 2 Urusniaga Kumpulan dan Saham Perbendaharaan
(i) Interpretasi IC 13 Program Kesetiaan Pengguna
(j) Interpretasi IC 14 FRS 119 – Batasan pada Aset Manfaat Tertakrif, Keperluan Pembiayaan Minima dan Interaksinya

Piawaian baru/disemak di atas, pindaan terhadap piawaian yang diterbitkan dan tafsiran piawaian yang disiarkan berkuatkuasa bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010.

## c. pengiktirafan hasil

Hasil yang diperoleh daripada jualan produk Kumpulan diiktiraf apabila haknya diserahkan kepada pelanggan, yang secara umumnya serentak dengan penghantaran dan penerimaannya dan selepas penghapusan jualan dalam Kumpulan.

Hasil daripada penjualan rokok, tembakau paip dan cerut ditunjukkan dalam sebanyak nilai invois barang yang dijual, meliputi nilai barangan yang dijual dan perkhidmatan yang ditender, termasuk semua duti kerajaan dan tidak termasuk cukai jualan dan diskaun perdagangan.

Hasil lain yang diperolehi oleh Kumpulan dan Syarikat diiktiraf pada asas berikut:

- Pendapatan faedah diiktiraf mengikut asas nisbah masa, dengan mengambilkira kadar prinsipal tertunggak dan kadar berkesan sepanjang tempoh sehingga matang, apabila ditentukan bahawa pendapatan tersebut akan terakru kepada Kumpulan.
- Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak Kumpulan untuk menerima bayaran dividen ditentukan.
- Hasil daripada perkhidmatan yang diberi diiktiraf apabila perkhidmatan dijalankan.

## d. hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan pada peringkat permulaan dinyatakan pada kos. Tanah milik bebas dinyatakan pada penilaian tahun 1983 dan bangunan dinyatakan pada penilaian tahun 1983 ditolak susut nilai kerana para Pengarah menggunakan peruntukan peralihan Piawaian Perakaunan Diluluskan MASB No. 16 (Disemak) Hartanah, Loji dan Peralatan. Sehubungan itu, penilaian ini tidak dikemaskini. Semua hartanah, loji dan peralatan lain dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Kos meliputi perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan butiran tersebut.

# ringkasan dasar perakaunan penting

bagi tahun kewangan berakhir 31 disember 2009

## d. hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

Tanah milik bebas tidak disusut nilai kerana ia mempunyai hayat tidak terhad. Susut nilai ke atas modal kerja dalam pelaksanaan bermula apabila aset sedia untuk digunakan. Susut nilai diperuntukkan kepada nilai sisanya atas semua hartanah, loji dan peralatan lain mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh hayat bergunanya, seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Bangunan | – 35 hingga 40 tahun |
| Jentera dan peralatan | – 10 hingga 14 tahun |
| Perabot dan kelengkapan (termasuk peralatan pembarangan, peralatan perkakasan dan alatan sokongan komputer) | – pelbagai tempoh tidak lebih 10 tahun |
| Kenderaan bermotor | – 5 tahun |

Butiran bernilai kecil disusut nilai sepenuhnya pada tahun pembelian.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, nilai sisa dan hayat berguna aset disemak dan dilaras mengikut kesesuaian. Jika nilai sisa sesebuah aset meningkat kepada amaun yang sama atau lebih tinggi daripada amaun bawa aset tersebut, caj susut nilai aset berkenaan adalah sifar melainkan dan sehingga nilai sisanya berkurangan kepada amaun yang lebih rendah daripada amaun bawa aset berkenaan selepas itu.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang tanda kemerosotan nilai. Jika terdapat tanda sedemikian, satu analisis dijalankan bagi menilai sama ada amaun bawa aset berkenaan boleh dikutip semula sepenuhnya. Penurunan nilai akan dibuat jika amaun bawa melebihi amaun boleh dikutip semula. Sebaliknya, apabila keadaan kemerosotan nilai tiada selepas mempertimbangkan tanda daripada sumber dalaman dan luaran, satu penilaian semula amaun boleh dikutip semula akan dijalankan, dan kemasukan semula diiktiraf, jika perlu.

Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan kutipan dengan amaun bawa dan dimasukkan dalam penyata pendapatan.

## e. pelaburan hartanah

Pelaburan hartanah meliputi tempat tinggal yang tidak diduduki pemilik, pejabat dan pergudangan ruangan yang terbiar. Pelaburan hartanah dinyatakan sebagai kos akumulasi dikurangkan penyusutan dan penurunan nilai.

Pelaburan seperti bangunan disusutkan hingga mencapai nilai garis lurus semasa taksiran umur dari 21 hingga 45 tahun.

Pemindahan dilakukan pada pelaburan hartanah semasa, dan hanya semasa, terdapat perubahan penggunaan, dibuktikan oleh pemilik akhir. Pemindahan dilakukan pada pelaburan hartanah semasa, dan hanya semasa, terdapat perubahan penggunaan, ditandakan dengan dimulainya pemilik atau ketika pelaburan hartanah memenuhi kriteria untuk diklasifikasikan sebagai "Aset untuk Dijual" sesuai dengan FRS 5.

Pada setiap kunci kira-kira, Kumpulan menilai jika terdapat penunjuk penurunan. Jika penunjuk sedemikian wujud, suatu analisis diusahakan untuk menilai sama ada jumlah simpanan asset boleh dipulihkan sepenuhnya. Catatan akan dibuat jika amaun bawa melebihi jumlah yang dapat dipulihkan. Demikian juga, ketika keadaan-keadaan untuk penurunan tidak lagi wujud setelah mempertimbangkan penunjuk daripada kedua-dua sumber luaran dan dalaman, sebuah masuk kira semula pada nilai-nilai asset akan dilakukan.

## f. pajakan

Pajakan di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikekalkan dengan pemilik pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi. Bayaran dibuat di bawah pajakan operasi (ditolak sebarang insentif yang diterima daripada pemilik pajakan) dicaj kepada penyata pendapatan berasaskan garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Pajakan di mana Kumpulan memikul sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Pajakan kewangan dipermodalkan pada permulaan pajakan pada yang lebih rendah antara nilai saksama hartanah pajakan dan nilai semasa bayaran pajakan minimum.

Tanah pegangan pajakan yang dipegang untuk kegunaan sendiri dikelaskan sebagai pajakan operasi dan bayaran pendahuluan mewakili bayaran pajakan terdahulu dikelaskan sebagai tanah Pegangan Pajakan (bukan aset semasa). Bayaran pendahuluan ini dilunaskan kepada penyata pendapatan berasaskan garis lurus sepanjang 15 kepada 46 tahun tempoh pajakannya.

Bangunan pegangan pajakan yang dipegang untuk kegunaan sendiri terus dikelaskan dalam hartanah, loji dan peralatan kerana ia adalah pajakan kewangan, di mana sebahagian besar risiko dan ganjaran berkaitan dengan pemilikannya dipindahkan kepada Kumpulan. Bangunan pegangan pajakan susut nilai berasaskan garis lurus sepanjang syarat-syarat pajakan mereka.

## g. aset dipegang untuk jualan

Hartanah, loji dan peralatan yang dikelaskan sebagai aset yang dipegang untuk jualan dan dinyatakan pada nilai saksama tolak kos dijual jika amaun bawanya dijangka akan dikutip semula terutamanya melalui urus niaga jualan dan bukannya penggunaan berterusan. Aset tersebut dipegang untuk jualan tidak lagi disusut nilai kerana manfaat ekonominya tidak lagi digunakan.

Semasa penjualan sesebuah aset yang dipegang untuk jualan, perbezaan antara kutipan penjualan bersih dan amaun bawa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian pada tempoh penjualan.

Jika terdapat perubahan dalam rancangan penjualan, aset yang dipegang untuk jualan akan dikelaskan semula sebagai hartanah, loji dan peralatan dengan jumlaah bawanya dinyatakan pada kadar lebih rendah daripada amaun bawanya sebelum aset tersebut dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan, dilaraskan bagi sebarang susut nilai yang mungkin diiktiraf jika aset tersebut tidak dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan dan amaun bawanya pada tarikh perubahan rancangan jualan tersebut.

## h. aset tidak ketara

### (i) Muhibah

Muhibah mewakili lebihan daripada kos pengambil alihan subsidiari berbanding nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih boleh dikenalpasti pada tarikh pengambilalihan.

Amaun bawa muhibah disemak semula bagi kemerosotan nilai, setiap tahun serta lebih kerap jika peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa nilai bawanya mungkin merosot. Kemerosotan nilai ditentukan bagi muhibah dengan menilai amaun boleh dikutip semula unit penjanaan tunai, yang mana berkaitan dengan muhibah tersebut. Jika amaun boleh dikutip semula unit penjanaan tunai adalah kurang daripada amaun bawa unit penjanaan tunai yang diperuntukkan kepada muhibah, kerugian kemerosotan nilai diiktiraf. Kerugian kemerosotan nilai berkaitan dengan muhibah tidak boleh dibalikkan pada tempoh masa hadapan.

### (ii) Perisian Komputer

Kos yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian komputer yang boleh dikenal pasti dan unik dikawal oleh Kumpulan, dan berkemungkinan akan menjana manfaat ekonomi melebihi kos lebih dari satu tahun dan bukan merupakan bahagian penting hartanah, loji dan peralatan, diiktiraf sebagai aset tidak ketara. Kos ini meliputi kos kakitangan pembangunan perisian sebagai aset dilunaskan selepas produk perisian komputer siap mengikut asas garis lurus sepanjang anggaran hayat selama 3 tahun.

Kos yang berkaitan dengan penyenggaraan program perisian komputer diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung.

# ringkasan dasar perakaunan penting

bagi tahun kewangan berakhir 31 disember 2009

## i. pelaburan

Pelaburan dalam subsidiari ditunjukkan pada kos. Jika terdapat tanda kemerosotan nilai, amaun bawa pelaburan ditaksir dan diturunkan dengan segera kepada amaun boleh dikutip semula.

Semasa penjualan pelaburan, perbezaan antara kutipan bersih dan amaun bawa dicaj atau dikredit kepada penyata pendapatan.

## j. inventori

Inventori dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Kos ditentukan terutamanya mengikut asas masuk-dahulu-keluar-dahulu dan dalam hal rokok yang telah dikilang, meliputi kos bahan, buruh dan overhed perkilangan. Nilai boleh realisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan biasa perniagaan, tolak kos penyiapan dan perbelanjaan jualan.

## k. perdagangan akan diterima

Perdagangan akan diterima dibawa pada amaun diinvois tolak anggaran yang dibuat bagi hutang ragu berasaskan kepada semakan amaun tertunggak pada akhir tahun. Peruntukan ditentukan apabila terdapat bukti nyata bahawa Kumpulan tidak mampu memungut semua amaun terhutang menurut terma asal penerimaan. Hutang lapuk dihapuskira apabila dikenalpasti.

Pra bayaran meliputi perbelanjaan ditanggung untuk perkhidmatan masa hadapan yang akan diberi selepas tarikh kunci kira-kira. Bayaran tersebut meliputi projek pembangunan penanaman hutan, di mana amaun dibawa pada kos dan dibelanjakan kepada penyata pendapatan bagi dipadankan dengan perkhidmatan yang diterima.

## l. tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai meliputi tunai dalam tangan, baki dengan institusi kewangan berlesen, overdraf bank dan pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi dengan tempoh matang asal tiga bulan atau kurang.

## m. manfaat kakitangan

**(i) Manfaat jangka pendek**

Upah, gaji, bonus dan perbelanjaan berkaitan kakitangan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberi oleh kakitangan Kumpulan.

**(ii) Pelan caruman tertakrif**

Caruman Kumpulan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila ditanggung. Apabila caruman dibayar, Kumpulan tidak mempunyai obligasi bayaran selanjutnya.

**(iii) Pelan manfaat tertakrif**

Kumpulan mengendalikan pelan manfaat tertakrif untuk kakitangan yang menyertai Kumpulan sebelum 1 Januari 2006, yang mana asetnya disimpan di dalam sebuah tabung yang ditadbir oleh pemegang amanah secara berasingan. Tabung ini dibiayai melalui bayaran daripada syarikat-syarikat dalam Kumpulan. Obligasi persaraan Kumpulan ditentu berasaskan kepada penilaian aktuari tiga tahun sekali (dikemas kini setiap tahun) di mana amaun manfaat yang diperoleh oleh kakitangan layak berdasarkan kepada anggaran imbalan perkhidmatan mereka pada tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya.

Liabiliti berhubung pelan manfaat tertakrif ini adalah nilai saksama obligasi manfaat tertakrif pada tarikh kunci kira-kira, dilaraskan untuk keuntungan dan kerugian aktuari tidak diiktiraf, dan dikurangkan oleh nilai saksama aset pelan.

Obligasi manfaat tertakrif, dikira menggunakan Kaedah Unjuran Kredit Unit, ditentukan oleh sebuah badan aktuari bebas, dengan mempertimbangkan anggaran aliran keluar tunai masa hadapan.

## m. manfaat kakitangan (sambungan)

**(iii) Pelan manfaat bertakrif (sambungan)**

Keuntungan dan kerugian aktuari yang timbul daripada pelarasan pengalaman dan perubahan dalam andaian aktuari. Keuntungan dan kerugian aktuari diiktiraf dengan sepenuhnya dalam tempoh ianya timbul melalui perolehan tertahan.

**(iv) Manfaat pemberhentian**

Manfaat pemberhentian akan dibayar apabila pekerjaan seorang kakitangan ditamatkan sebelum tarikh persaraan biasa atau apabila seseorang kakitangan menerima pemberhentian sukarela untuk mendapatkan manfaat tersebut. Kumpulan mengiktiraf manfaat pemberhentian sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila ia komited untuk menyediakan manfaat pemberhentian berikutan tawaran yang dibuat bagi menggalakkan pemberhentian sukarela dan tidak berkemungkinan akan ditarik balik.

**(v) Bayaran berasaskan saham**

Sebilangan kakitangan Kumpulan menyertai pampasan berdasarkan saham yang dijelaskan secara ekuiti yang ditawarkan oleh British American Tobacco p.l.c. (British American Tobacco p.l.c. secara tidak langsung melalui British American Tobacco Holdings (Malaysia) B.V., memiliki lima puluh peratus (50%) kepentingan ekuiti dalam Syarikat dan dianggap sebagai syarikat induk muktamad Syarikat.)

Pembayaran berdasarkan saham penyelesaian ekuiti diukur pada nilai saksama pada tarikh pemberian dan dibelanjakan sepanjang tempoh pemberian, berasaskan kepada anggaran pemberian British American Tobacco p.l.c. yang akan diletakhak kemudiannya. Nilai saksama diukur dengan menggunakan model peletakan harga Black-Scholes dan Monte-Carlo. Jangkaan hayat yang digunakan dalam model yang dilaraskan, berasaskan anggaran terbaik pengurusan, bagi kesan yang tidak boleh dipindahkan, halangan yang dilaksanakan dan pertimbangan berkaitan tabiat, dilepaskan dan pengalaman masa lampau.

## n. hutang

Hutang dinyatakan sebanyak nilai wajar pertimbangan yang perlu dibayar di masa depan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

## o. peruntukan

Peruntukan akan diiktiraf apabila wujudnya satu kewajipan undang-undang mahupun konstruktif sebagai kesan daripada peristiwa masa lalu pada tarikh kunci kira-kira, dan besar kemungkinan bahawa suatu pengeluaran sumber ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan jumlahnya boleh dianggarkan.

## p. perbelanjaan cukai

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan menurut undang-undang cukai wilayah di mana Kumpulan beroperasi dan merangkumi semua cukai berasaskan kepada keuntungan yang boleh dicukai. Perbelanjaan cukai adalah amaun agregat yang termasuk dalam penentuan keuntungan bagi tempoh berhubung dengan cukai semasa dan cukai tertunda.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, berhubung perbezaan sementara yang timbul antara aset cukai aset dan liabiliti dan amaun bawanya dalam penyata kewangan. Perbezaan sementara utama timbul daripada susut nilai atas harta, loji dan peralatan, semakkan semula aset-aset bukan semasa tertentu, peruntukan-peruntukan untuk pencen-pencen dan selepas persaraan lain yang memanfaatkan, elaun untuk hutang-hutang yang ragu dan kerugian cukai dan elaun modal yang tidak digunakan. Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana keuntungan masa hadapan yang boleh dicukai mungkin tersedia untuk yang mana perbezaan sementara boleh dikurangkan boleh digunakan.

Cukai tertunda ditentu menggunakan kadar cukai yang berkuat kuasa atau sebahagian besarnya dikuat kuasa pada tarikh kunci kira-kira yang dijangka akan diterima pakai apabila aset cukai tertunda berkaitan direalisasi atau liabiliti cukai tertunda dijelaskan.

# ringkasan dasar perakaunan penting

bagi tahun kewangan berakhir 31 disember 2009

## q. matawang asing

**(i) Matawang fungsi dan pembentangan**
Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia yang merupakan matawang fungsi dan pembentangan Kumpulan dan Syarikat.

**(ii) Urus niaga dan baki matawang asing**
Urus niaga matawang asing dalam Kumpulan diambilkira pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga. Aset dan liabiliti kewangan matawang asing ditukar pada kadar yang berkuat kuasa pada tarikh kunci kira-kira. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penjelasan urus niaga matawang asing dan daripada pertukaran aset dan liabiliti kewangan matawang asing dimasukkan dalam penyata pendapatan.

**(iii) Entiti asing**
Aset dan liabiliti subsidiari asing ditukar pada kadar penutup untuk tujuan penyatuan. Butiran penyata pendapatan ditukar pada kadar purata pada tahun kewangan dan perbezaan pertukaran yang terhasil diuruskan dalam ekuiti bagi tahun kewangan.

**(iv) Peringkat penutupan**
Nilai penutupan utama yang digunakan dalam terjemahan dalam jumlah mata wang asing adalah sebagai berikut:

| Matawang Asing | 31.12.2009 | 31.12.2008 |
|---|---|---|
| 1 Dolar AS | 3.4240 | 3.4659 |
| 1 Pound Sterling | 5.5293 | 4.9746 |
| 1 Euro | 4.9127 | 4.8094 |

## r. instrumen kewangan

Instrumen kewangan dibawa dalam kunci kira-kira meliputi tunai dan baki bank, bayaran akan diterima, pembayaran dan pinjaman. Kaedah pengiktirafan yang khusus diterima pakai didedahkan dalam penyata kewangan berasingan yang berkaitan dengan setiap butiran.

**Instrumen kewangan tidak diiktiraf dalam kunci kira-kira**

**(i) Kontrak hadapan matawang asing**
Kontrak hadapan matawang asing melindungi Kumpulan daripada perubahan dalam kadar pertukaran dengan mewujudkan kadar aset atau liabiliti matawang asing akan dijelaskan.

Keuntungan dan kerugian pertukaran yang timbul daripada kontrak yang dimeterai sebagai perlindungan nilai urus niaga masa hadapan yang dijangka ditunda sehingga ke tarikh urus niaga berkenaan, yang mana pada masa itu ia akan dimasukkan ke dalam pengukuran urus niaga tersebut.

Semua keuntungan dan kerugian pertukaran lain yang berkaitan dengan instrumen lindung nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tempoh yang sama dengan perbezaan pertukaran atas butiran asas yang dilindung nilai. Keuntungan dan kerugian daripada kontrak yang tidak lagi ditetapkan sebagai lindung nilai, dimasukkan dalam penyata pendapatan.

**(ii) Anggaran nilai saksama bagi tujuan pendedahan**
Nilai saksama hutang jangka panjang adalah berasaskan kepada harga pasaran tercatat pada tarikh kunci kira-kira atau sebut harga wakil penjual bagi instrumen tertentu atau yang sama.

Nilai saksama kontrak pertukaran hadapan ditentu menggunakan kadar pasaran pertukaran hadapan pada tarikh kunci kira-kira.

Nilai muka, tolak sebarang anggaran pelarasan kredit, bagi aset dan liabiliti kewangan dengan kematangan kurang daripada satu tahun diandaikan hampir dengan nilai saksamanya.

## s. pinjaman

Pinjaman dicatatkan pada amaun kutipan diterima, selepas ditolak kos urus niaga.

Perbelanjaan faedah berkaitan dengan pinjaman dilaporkan dalam kewangan dalam penyata pendapatan.

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan jika Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti sekurang-kurangnya selama 12 bulan selepas tarikh kunci kira-kira.

## t. modal saham

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti.

## u. dividen

Dividen interim diakui sebagai kewajipan dalam tempoh di mana mereka telah diumumkan. Dividen akhir diakui dalam tempoh kelulusan ahli diperolehi.

## v. laporan segmen

Segmen adalah bahagian yang boleh dibezakan dalam Kumpulan dalam menghasilkan produk atau perkhidmatan di dalam persekitaran ekonomi tertentu. Kumpulan adalah perniagaan produk tunggal dalam bidang perkilangan, import dan penjualan rokok dan produk tembakau yang lain di Malaysia, dan ini membentuk fokus sistem pelaporan dalaman Kumpulan. Sementara Kumpulan mempunyai jenama-jenama yang jelasnya dibezakan, segmentasi dalam portfolio jenama adalah bukan sebahagian daripada laporan maklumat kewangan dalaman biasa dan tidak berkemungkinan untuk mensegmenkan keputusan Kumpulan dengan menggunakan jenama tanpa satu darjat anggaran yang tinggi.

# nota-nota kepada penyata kewangan

## 1. maklumat am

Syarikat menyediakan perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran harian kepada subsidiarinya yang terlibat terutamanya dalam perkilangan, pengimportan dan penjualan rokok, tembakau paip dan cerut.

Syarikat merupakan sebuah syarikat liabiliti terhad awam, yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia, serta tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Syarikat menganggap British American Tobacco p.l.c., yang diperbadankan di England dan Wales sebagai syarikat induk muktamad.

Alamat pejabat berdaftar dan tempat utama perniagaan Syarikat adalah seperti berikut:

Virginia Park, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

## 2. hasil

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | **Tahun berakhir 31.12.09 RM'000** | **Tahun berakhir 31.12.08 RM'000** | **Tahun berakhir 31.12.09 RM'000** | **Tahun berakhir 31.12.08 RM'000** |
| Jualan rokok, tembakau paip dan cerut | **3,923,421** | 4,135,220 | **–** | – |
| Pendapatan dividen daripada subsidiari tidak tercatat | **–** | – | **671,760** | 819,513 |
| Yuran pengurusan diterima daripada subsidiari | **–** | – | **10,825** | 6,579 |
| Yuran untuk kegunaan hartanah, loji dan peralatan diterima daripada subsidiari | **–** | – | **14,786** | 6,558 |
| | **3,923,421** | 4,135,220 | **697,371** | 832,650 |

## 3. keuntungan daripada operasi

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | Tahun berakhir 31.12.09 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.09 RM'000 | Tahun berakhir 31.12.08 RM'000 |
| Keuntungan daripada operasi diperolehi: | | | | |
| Selepas mengecaj: | | | | |
| Bahan mentah dan barang gunaan | **305,140** | 354,217 | **–** | – |
| Imbuhan juruaudit: | | | | |
| – audit berkanun | **183** | 205 | **60** | 60 |
| – yuran audit | **92** | 106 | **70** | 78 |
| – yuran bukan audit | **121** | 6 | **6** | 6 |
| Hartanah, loji dan peralatan: | | | | |
| – susut nilai (Nota 9) | **71,416** | 72,152 | **5,595** | 7,093 |
| – kerugian daripada penjualan | **1,274** | 988 | **170** | – |
| – kemerosotan nilai (Nota 9) | **27,273** | 20,599 | **–** | – |
| Pelunasan tanah pegangan pajakan (Nota 11) | **405** | 371 | **23** | 23 |
| Perisian komputer (Nota 12) | | | | |
| – pelunasan | **9,376** | 8,028 | **9,315** | 8,028 |
| – kemerosotan nilai | **1,111** | – | **1,111** | – |
| Sewa tanah dan bangunan | **6,611** | 6,752 | **–** | – |
| Inventori dihapuskira | **2,489** | 2,269 | **–** | – |
| Hutang dihapusbukukan | **2,925** | – | **–** | – |
| Peruntukan bagi hutang ragu | **3,200** | 1,609 | **–** | – |
| Peruntukan untuk litigasi | **5,800** | – | **–** | – |
| Kerugian tukaran asing bersih | **–** | 362 | **–** | – |
| Kos kakitangan (Nota 5) | **127,757** | 134,924 | **23,436** | 33,098 |
| Dan mengkredit: | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan: | | | | |
| – keuntungan daripada penjualan | **–** | – | **–** | 487 |
| Keuntungan atas jualan aset untuk dijual | **362** | – | **–** | – |
| Pemulihan penurunan kos | **13,115** | – | **–** | – |
| Pendapatan daripada faedah atas pinjaman untuk anak syarikat | **–** | – | **1,892** | – |
| Pendapatan daripada faedah deposit | **5,470** | 7,619 | **15** | 79 |
| Keuntungan bersih matawang asing | **4,706** | – | **653** | 2,899 |

# nota-nota kepada penyata kewangan

## 4. imbuhan pengarah

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | **Tahun berakhir 31.12.09 RM'000** | **Tahun berakhir 31.12.08 RM'000** | **Tahun berakhir 31.12.09 RM'000** | **Tahun berakhir 31.12.08 RM'000** |
| Yuran | **507** | 511 | **507** | 511 |
| Emolumen lain | **10,164** | 7,712 | **7,829** | 6,067 |
| | **10,671** | 8,223 | **8,336** | 6,578 |

Anggaran nilai kewangan manfaat yang diperuntukkan kepada para Pengarah Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan masing-masing berjumlah RM705,368 (2008: RM1,138,082) dan RM598,604 (2008: RM904,638).

Bayaran berasaskan saham yang dibuat kepada para Pengarah Kumpulan tertentu dan Syarikat (sepanjang perkhidmatan mereka dengan Kumpulan) pada tahun kewangan melalui penyertaan mereka dalam skim saham pekerja (Nota 30) yang ditawarkan oleh British American Tobacco p.l.c.

Butiran mengenai perubahan pengaturan bayaran berdasarkan saham penyelesaian ekuiti pada tahun berakhir 31 Disember 2009, meliputi Skim Bonus Saham Tertunda dan Skim Ganjaran Saham Antarabangsa adalah seperti berikut, merupakan kos yang dikeluarkan oleh Kumpulan dan Syarikat selama tempoh perkhidmatan Pengarah dengan Kumpulan dan Syarikat:

| | Bilangan saham biasa bernilai 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c. | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Pada 1.1.09** | **Diberi pada 2009** | **Letakhak pada 2009** | **Pergerakan lain*** | **Pada 31.12.09** |
| **Pengarah Eksekutif** | | | | | |
| Skim Bonus Saham Tertunda | 7,762 | 13,530 | (1,950) | (9,897) | 9,445 |
| Skim Ganjaran Saham Antarabangsa | — | 168 | — | — | 168 |
| | 7,762 | 13,698 | (1,950) | (9,897) | 9,613 |

## 4. imbuhan pengarah (sambungan)

Butiran mengenai pergerakan penyertaan para Pengarah dalam Insentif Jangka Panjang penyelesaian ekuiti dan Skim Opsyen Saham adalah seperti berikut, mewakili kos yang ditanggung oleh Kumpulan dan Syarikat selama tempoh perkhidmatan para Pengarah dengan Kumpulan dan Syarikat:

| | Bilangan opsyen saham biasa bernilai 25p sesaham dalam British American Tobacco p.l.c. | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Harga pemberian** | **Pada 1.1.09** | **Diberi pada 2009** | **Dilaksana pada 2009** | **Pergerakan lain*** | **Pada 31.12.09** |
| £5.98 | 7,392 | – | – | – | 7,392 |
| £8.09 | 5,163 | – | – | – | 5,163 |
| £10.37 | 6,857 | – | – | – | 6,857 |
| £14.34 | 5,418 | – | – | – | 5,418 |
| £15.41 | 5,178 | – | – | – | 5,178 |
| £19.03 | 14,978 | – | – | (10,167) | 4,811 |
| £15.79 | – | 14,386 | – | – | 14,386 |
| | 44,986 | 14,386 | – | (10,167) | 49,205 |

* Pergerakan lain berkaitan dengan perubahan berikutan pertukaran para Pengarah pada tahun kewangan.

## 5. kos kakitangan

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | **Tahun berakhir 31.12.09 RM'000** | **Tahun berakhir 31.12.08 RM'000** | **Tahun berakhir 31.12.09 RM'000** | **Tahun berakhir 31.12.08 RM'000** |
| Upah, gaji dan bonus | **92,817** | 104,301 | **15,108** | 23,519 |
| Pelan caruman bertakrif | **17,793** | 19,442 | **3,101** | 3,576 |
| Ganjaran pemberhentian | **8,300** | 5,913 | **1,200** | 2,598 |
| Perbelanjaan berkaitan kakitangan lain | **8,847** | 5,268 | **4,027** | 3,405 |
| | **127,757** | 134,924 | **23,436** | 33,098 |

Kumpulan dengan sukarela menyediakan caruman tambahan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melebihi keperluan berkanun untuk sebilangan besar kakitangan sekarang yang menyertai skim caruman bertakrif yang ditawarkan oleh Kumpulan.

Kos kakitangan meliputi amaun untuk emolumen lain sebagai sebahagian daripada imbuhan para Pengarah seperti dinyatakan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan.

Kos kakitangan yang dicaj semula oleh Syarikat kepada subsidiari berjumlah RM12,479,945 (2008: RM18,247,017).

# nota-nota kepada penyata kewangan

## 6. perbelanjaan cukai

Caj cukai atas keuntungan bagi tahun kewangan meliputi berikut:

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | **Tahun berakhir 31.12.09 RM'000** | **Tahun berakhir 31.12.08 RM'000** | **Tahun berakhir 31.12.09 RM'000** | **Tahun berakhir 31.12.08 RM'000** |
| **Berhubung tahun kewangan semasa** | | | | |
| Cukai semasa | | | | |
| – Cukai pendapatan Malaysia | **276,193** | 284,614 | **12,437** | 44,076 |
| – Cukai asing | **33** | 44 | **–** | – |
| Cukai tertunda (Nota 15 (i)) | **(10,792)** | (15,175) | **(3,542)** | – |
| **Berhubung tahun kewangan sebelumnya** | | | | |
| (Terlebih)/Mengikut peruntukan berhubung dengan tahun sebelumnya | | | | |
| – Cukai pendapatan Malaysia | **(6,906)** | – | **1,192** | – |
| | **258,528** | 269,483 | **10,087** | 44,076 |

Kadar cukai berkesan purata Kumpulan dan Syarikat yang disesuaikan semula kepada kadar cukai berkanun adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | | Syarikat | |
|---|---|---|---|---|
| | **Tahun berakhir 31.12.09** | **Tahun berakhir 31.12.08** | **Tahun berakhir 31.12.09** | **Tahun berakhir 31.12.08** |
| Kadar cukai berkanun | **25%** | 26% | **25%** | 26% |
| Perbelanjaan tidak boleh dikurangkan untuk tujuan cukai | **1%** | 1% | **–** | – |
| Penggunaan peruntukan pelaburan semula | **–** | (1%) | **–** | – |
| Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai | **–** | – | **(25%)** | (21%) |
| Perubahan dalam kadar cukai | **–** | (1%) | **–** | – |
| Mengikut peruntukan berhubung dengan tahun sebelumnya | **(1%)** | – | **–** | – |
| Fasal 108 kredit cukai kekurangan | **1%** | – | **2%** | – |
| Kadar cukai berkesan purata | **26%** | 25% | **2%** | 5% |

## 7. pendapatan sesaham

Pendapatan sesaham dikira dengan membahagikan keuntungan bagi tahun kewangan dengan jumlah saham biasa dalam terbitan.

| | Kumpulan | |
|---|---|---|
| | **Tahun berakhir 31.12.09** | **Tahun berakhir 31.12.08** |
| Keuntungan bagi tahun kewangan (RM'000) | **746,784** | 811,683 |
| Bilangan saham biasa bernilai 50 sen sesaham dalam terbitan ('000) | **285,530** | 285,530 |
| Pendapatan sesaham (sen) | **261.5** | 284.3 |

## 8. dividen

Dividen dibayar, diisytihar atau disyorkan berhubung tahun kewangan adalah seperti berikut:

| | Kumpulan dan Syarikat | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Tahun berakhir 31.12.09 | | | Tahun berakhir 31.12.08 | | |
| | **Kasar sesaham Sen** | **Bersih sesaham Sen** | **Jumlah dividen RM'000** | **Kasar sesaham Sen** | **Bersih sesaham Sen** | **Jumlah dividen RM'000** |
| Dividen interim pertama dibayar | **113.0** | **113.0** | **322,649** | 113.0 | 113.0 | 322,649 |
| Dividen interim kedua dibayar | **61.0** | **61.0** | **174,173** | 76.0 | 76.0 | 217,003 |
| Dividen akhir disyorkan, dikecualikan cukai | **62.0** | **62.0** | **177,029** | 76.0 | 76.0 | 217,003 |
| | **236.0** | **236.0** | **673,851** | 265.0 | 265.0 | 756,655 |

Dividen interim dibayar dan diambilkira dalam ekuiti pemegang saham sebagai pembahagian perolehan tertahan pada tahun kewangan.

Di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang yang akan diadakan pada 20 April 2010, dividen akhir bersih berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 sebanyak 62.00 sen sesaham, dikecualikan cukai di bawah sistem *'single-tier'*, berjumlah RM177,028,600 akan disyorkan untuk kelulusan pemegang saham (2008: dividen akhir bersih 76.00 sen sesaham, dikecualikan cukai di bawah sistem *'single-tier'*, berjumlah RM217,002,800). Penyata kewangan ini tidak menggambarkan dividen akhir yang disyorkan, tetapi akan diambilkira dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

# nota-nota kepada penyata kewangan

## 9. hartanah, loji dan peralatan

| | Tanah dan Bangunan RM'000 | Jentera dan Peralatan RM'000 | Perabot dan Kelengkapan RM'000 | Kenderaan Bermotor RM'000 | Modal Kerja dalam Pelaksanaan RM'000 | Jumlah RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **KUMPULAN** | | | | | | |
| **Nilai buku bersih pada 1 Januari 2008** | 92,435 | 262,116 | 36,159 | 33,270 | 15,979 | 439,959 |
| Tambahan | 2,534 | 9,094 | 9,179 | 19,727 | 61,002 | 101,536 |
| Pelupusan | (805) | (2,876) | (710) | (5,729) | – | (10,120) |
| Kemerosotan nilai | – | (20,599) | – | – | – | (20,599) |
| Pengkelasan semula | – | 8,482 | 7,942 | – | (16,424) | – |
| Caj susut nilai | (2,561) | (33,906) | (28,594) | (7,091) | – | (72,152) |
| **Nilai buku bersih pada 31 Disember 2008** | **91,603** | **222,311** | **23,976** | **40,177** | **60,557** | **438,624** |
| **Tambahan** | **217** | **1,389** | **9,521** | **4,020** | **92,015** | **107,162** |
| **Pelupusan** | **–** | **(2,322)** | **(773)** | **(7,041)** | **–** | **(10,136)** |
| **Kemerosotan nilai** | **(500)** | **(26,773)** | **–** | **–** | **–** | **(27,273)** |
| **Pengkelasan semula** | **–** | **103,298** | **2,863** | **–** | **(106,161)** | **–** |
| **Caj susut nilai** | **(3,783)** | **(30,156)** | **(28,921)** | **(8,556)** | **–** | **(71,416)** |
| **Pindahan kepada pelaburan hartanah (Nota 10)** | **(1,654)** | **–** | **–** | **–** | **–** | **(1,654)** |
| **Pindahan kepada aset dipegang untuk jualan (Nota 17)** | **(2,739)** | **(1,451)** | **–** | **–** | **–** | **(4,190)** |
